
حكايت راج فاسي

HIKAYAT RAJA PASAI



Ditransliterasi dan disunting oleh

AHMAT ADAM

Contents

ORTOGRAFI

Ejaan Jawi di dalam HRP

Senarai Singkatan

Peta Sumatera menunjukkan kedudukan kerajaan Pasai

Nota Pentransliterasi

Pengantar

Pengenalan

Hikayat Raja Pasai

Bab 1
Kisah Raja Muhammad menemui Puteri Betung

Bab 2
Kisah Raja Ahmad menemui Mĕurah Gajah

Bab 3
Kisah Puteri Betung dengan
Mĕurah Gajah

Bab 4
Kisah Mĕurah Silo dan Mĕurah Hasum

Bab 5
Kisah Tun Beraim Bapa

Bab 6
Kisah Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing

Bab 7
Kisah Raden Galuh sampai ke Pasai

Bab 8
Kisah Penaklukan Pulau-Pulau Luar Jawa oleh Majapahit

Bab 9
Kisah Tentera Majapahit Alah di Pulau Perca

Glosari

Bibliografi

Latar Diri Pengkaji Teks

Indeks

-

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmuan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

-

حكايت راج فاسي

HIKAYAT RAJA PASAI

Ditransliterasi dan disunting oleh

Ahmat Adam



SIRD

Strategic Information and Research Development Centre,

Petaling Jaya, Malaysia.

Diterbitkan pertama kali pada 2019 oleh
Strategic Information and Research Development Centre (SIRD)
No. 2, Jalan Bukit 11/2
46200 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia / Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

HIKAYAT RAJA PASAI / Ditransliterasi dan disunting oleh: Ahmat Adam.
ISBN 978-967-2165-62-0 (pb)
ISBN 978-967-2165-66-8 (hb)
e-ISBN 978-967-2464-00-6
1. Malay literature.
2. Folklore.
I. Ahmat Adam, Prof. Emeritus, Datuk, Dr., 1941-.
899.23

Atur huruf dan pereka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Pencetak:
Vinlin Press Sdn. Bhd.
No. 2, Jalan Meranti Permai 1
Meranti Permai Industrial Park
Batu 15, Jalan Puchong
47100 Puchong, Selangor, Malaysia

-

ORTOGRAFI

Transliterasi Huruf Jawi ke Rumi

ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dz
ر	r
	z
س	s
	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف / ڤ	f/p
ق	q/k
ک	k
ل	l
م	m

ن	n
و	w
ي	y
ة / ه	h/t
ڠ	ng / ŋ
	g
ء	‘/k
پ / ث	ny / ɲ

Angka Dua[1]

٢	2

1 Angka dua digunakan oleh pengarang atau penyalin untuk menunjukkan satu-satu perkataan itu diulang seperti dalam kata “diperolok-olokkannya”. Selain daripada itu angka dua digunakan apabila penyalin menulis perkataan yang sejenis atau sama secara berturut-turut. Dia akan meletakkan angka dua pada perkataan yang pertama kali ditulisnya.

Ejaan Jawi di dalam *HRP*

Beberapa perkataan di dalam manuskrip *Or. 14350* yang didapati telah ditambah dengan fonem /h/ pada hujung kata-kata yang berakhir dengan vokal /a/ atau /u/ telah ditransliterasikan tanpa memasukkan fonem yang ditambah itu. Hal ini akan dibincangkan di bawah. Manakala penggunaan fonem /ʃ/ pada kata seperti /manusya/ di dalam *Raffles Malay no. 67* dan /syaudara/, /syehari-hari/ atau /kebesyaran/ di dalam manuskrip *Or. 14350* telah dikekalkan tetapi diberikan tanda [*sic*]. Turut dikekalkan ialah ejaan kata /pulak/ [فولق] dan /mintak/ [منتق] dengan huruf /k/ [ق] yang mewakili bunyi glottis [ʔ] di hujungnya; ia juga diberikan tanda [*op.cit*] kerana ia merupakan sebutan lisan untuk kata /pula/. Di dalam seluruh teks yang disunting ini, ejaan yang mengandungi bunyi fonem Jawi /'ayn/ [ع] seperti dalam kata fe'el, 'adat, dan seumpamanya, telah digantikan dengan tanda *apostrophe* atau koma atas sama ada yang biasa atau terbalik bagi mewakili bunyi huruf tersebut.

Seperkara lagi, ejaan Rumi bagi transliterasi setengah-setengah kata Aceh yang besar kemungkinannya telah terpakai juga di Pasai, seperti kata *beunua* yang dalam tulisan Jawinya ditulis [بنوا], *Mĕurah* ditulis [مره], *beuneung* ditulis [بنوڠ], dan kata-kata Aceh yang lain seperti *talak* [تلق],
banteun [بنتون], *bajèe, jamée* [جام], *jruen* [جران], *paseungan*
[فساڠن], *sempeuna* [سمفن], dan *meudan* [ميدان] (khasnya yang menyentuh nama gelar seseorang), telah diberi keterangan pada nota kaki. Tetapi ada juga yang dikekalkan lantaran ia memang memperlihatkan asalnya dari bahasa Aceh atau khas Pasai. Namun, pemindahan aksaranya ke huruf Rumi telah disesuaikan dengan huruf Jawi yang terdapat di dalam teks, dan kata-kata asal Aceh atau Pasai itu diberikan dalam bentuk huruf condong. Kata-kata yang ditransliterasikan ke huruf Rumi menurut sebutan Aceh itu sebenarnya tidak menyalahi ejaan Jawi yang terdapat di dalam *HRP* justeru kerana ketiadaan pemakainan vokal atau diftong di dalam kata-kata yang dieja dengan huruf Jawi itu.

Sedikit ingatan mengenai huruf Jawi

Justeru kerana huruf Jawi bagi bahasa Melayu pra-klasik hanya mulai tersebar pada awal abad ke-14 seperti yang terbukti pada penggunaannya di batu bersurat Terengganu (Ahmat Adam 2017), pembacaan kata-katanya sering menjadi masalah. Di dalam *HRP* pun terdapat segelintir perkataan Melayu lama, Aceh, Sanskrit, Parsi atau Arab yang tiada diberi titik atau titik-titik pada hurufnya; selain itu juga terdapat ketiadaan penggunaan vokal dan diftong lantaran tiada diletakkan tanda atas, bawah, atau depan seperti yang lazim digunakan apabila menulis kata-kata Arab. Bentuk ejaan Jawi seperti ini sering menyebabkan kesalahan atau kekeliruan pada pengarang atau penyalin teks yang menulis tanpa membubuh titik-titik pada huruf yang sewajarnya dibubuh titik seperti untuk kata /mengiri/ yang dieja /m/'i/r/i/ [معيري], /zahir/ [ظهر] yang dieja /tahir/ [طهر] dan *jamèe* (kata Aceh yang bererti tetamu) yang dieja /j/m/ [جم] atau /jamu/ [جامو]. Ketiadaan vokal pun boleh mengelirukan penyalin apabila membaca kata /prastawa/ [فرستاوا] sebagai /peristiwa/ atau kata tempatan Pasai /j/r/e/u/n/ yang secara fonetik harus dibaca /jrən/ walaupun ejaannya dalam huruf Jawi [جران]. Kata ini, walau bagaimanpun, telah dibaca /jeran/ atau /jerana/ oleh setengah-setengah pengkaji, sekalipun

huruf /alif/ pada kata itu mewakili bunyi vokal [ĕ], iaitu sama keadaannya dengan kata /berpĕrang/ yang dieja /b/r/p/a/r/ŋ/
[برفارڠ] di dalam manuskrip.

Begitu juga nama /Zulaikha/ /t/ŋ/k/p/ [تڠكف] (tangkap) telah ditransliterasikan sebagai /Zulaikha Tingkap/ oleh ramai orang. Ejaan /b/r/ /*Bar* Mamat/ [بر مامت] pun telah dibaca /Bermamat/ (Mead 1914: 28, Hill 1960: 81 dan Jones 1987: 42), sedangkan /bar/ adalah kata Parsi yang bererti adil, lurus. Begitu juga kata Aceh /meudan/ yang dieja /m/y/d/n/ [ميدن] ditransliterasikan /Medana/, dan kata Parsi /Mudam/ [مدم]
yang dieja /m/d/m/ ditrasliterasikan sebagai /Medam/ dan demikianlah beberapa lagi kata-kata asing yang silap dibaca ejaan Jawinya. Semuanya gara-gara kegagalan pengkaji-pengkaji terdahulu, terutamanya dari kalangan orang Barat, membaca ejaan Jawi itu dengan betul.

-

Senarai Singkatan


Kependekan:

A.	Arab
BL	British Library
Cf.	bandingkan dengan
Cod.	codex (merujuk kepada manuskrip)
dll.	dan lain-lain
dsb.	dan sebagai
f.	folio
H.	Hijrah
HRP	*Hikayat Raja Pasai*
Ibid.	dalam sumber yang sama
ISEAS	Institute of Southeast Asian Studies
Jw. K.	Jawa Kuno
K.	Kawi
M.	Masihi
Mel.	Melayu
MS./MSS.	Manuskrip
nk.	nota kaki
Or.	Oriental
Par.	Parsi
Pent.	Penterjemah
Pentr.	Pentransliterasi
Peny.	Penyunting
Penyu.	Penyusun
Port.	Portugis
r.	menjadi raja
rekto	(*recto*) Kata Latin yang merujuk kepada halaman sebelah lembaran kertas; halaman sebelah kanan pada halaman buku yang terbuka atau bahagian hadapan dokumen yang lepas atau tercerai lantaran tidak dijilid. Lawan *recto* ialah verso.
sic.	Kata Latin yang digunakan untuk menyatakan salinan atau petikan seperti asalnya. Tanda [*sic.*] juga digunakan

	untuk menandakan sesuatu yang tidak betul ditulis tetapi sengaja dikekalkan.
Sansk.	Sanskrit
SAW	SalalLahu 'alayhi wasallam (bentuk asal bagi "semoga Allah memberikan salawat dan salam kepadanya").
SM	*Sejarah Melayu*
SOAS	School of Oriental & African Studies
St.	Sutan
Sun.	Sunda
T.	Tamil
t.t.	tanpa tarikh
verso	halaman sebelah kiri pada buku yang terbuka, atau dokumen yang lepas iaitu tidak dijilid
JMBRAS	*Journal of the Malayan (Malaysian) Branch of the Royal Asiatic Society*
JSBRAS	*Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*
JSEAS	*Journal of Southeast Asian History*
KITLV	Koninklijk Instituut voor de Taal-, Land, en Volkenkunde
MBRAS	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
UM	Universiti Malaya


-

Peta Sumatera menunjukkan kedudukan kerajaan Pasai



Peta Menunjukkan Kedudukan Samudera - Pasai

-



Peta Menunjukkan Pulau Perca dan Semenanjung Tanah Melayu

Nota Pentransliterasi

Pada kesempatan ini ingin saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak (baik institusi mahupun individu) yang telah membantu saya dalam menyelenggarakan kerja-kerja penyiapan buku ini. Pertamanya, terima kasih kerana dapat mengakses *digitlised manuscripts online* selenggaraan British Library dengan kerjasama National Library Board of Singapore melalui *BookSg website* kelolaannya; saya juga terhutang budi kepada para pustakawan dan anggota staf Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Malaya, Perpustakaan Institute of Southeast Asian Studies, Singapura, dan National Library, Singapura, yang dengan baik hati mereka telah memudahkan saya memperoleh bahan-bahan yang saya perlukan untuk kerja-kerja menyelenggarakan manuskrip *Hikayat Raja Pasai* ini.

Kerja-kerja mentransliterasi naskhah ini telah dimulakan pada sekitar bulan Ogos 2017 iaitu ketika penulis tinggal sementara di rumah arwah anakanda Rahayu Sri Kirana di no. 12 di Taman SS2/53 Petaling Jaya, yang pada waktu itu sedang menderita penyakit kanser rahimnya. Kemudian kerja memindah aksara dari Jawi ke Rumi dan penyuntingan manuskrip itu diteruskan pada waku senggang ketika arwah tinggal di Taman Sekamat, Kajang hinggalah sampai waktu arwah Ayu meninggal dunia pada 14 Disember 2017. Tetapi dalam suasana kesedihan yang menyelubungi keluarga, kerja-kerja menyunting telah tertangguh dan hanya diteruskan kembali setelah lahirnya cucunda Aisyah Kamila pada 17 Mac 2018, dan cucunda kembar kami, Aqila Kirana dan Adifah Kirana yang lahir pada 29 April 2018. Penerbitan edisi terbaru *Hikayat Raja Pasai* ini adalah untuk merakamkan peristiwa duka dan gembira dalam keluarga saya yang berlaku pada akhir 2017 dan suku pertama tahun 2018.

Kajang
Rabu, 6 Rajab 1440 (Tahun *Dal Akhir*)

13 Mac 2019

-

Pengantar

بسم الله الرحمن الرحيم

Manuskrip Hikayat Raja Pasai

Hikayat Raja Pasai merupakan satu-satunya karya terawal dalam historiografi Melayu Islam yang melakarkan zaman permulaan kedatangan Islam di Sumatera. Ia dikatakan terawal kerana ia selesai ditulis sekitar antara akhir abad ke-15 dan awal abad ke-16, iaitu lebih awal daripada masa *Sulalat u's-Salatin* ditulis sampai selesai.[2] Bahasa sastera bertulisan Jawi boleh dikategorikan sebagai bahasa Melayu pra-klasik yang sedikit berbeza daripada bahasa klasik karya-karya yang ditulis pada abad ke-18. Tulisan Jawi bahasa pra-klasik ini memperlihatkan berlakunya adaptasi antara tulisan Arab dengan tulisan kesusasteraan Parsi. Tiada banyak vokal digunakan dalam penulisan bahasa Melayu lama itu. Ramai sarjana berpandangan ada unsur pengaruh sastera Parsi dalam penulisan Jawi Melayu klasik. Fonem yang tidak ditemui dalam abjad bahasa Arab telah diganti degan mencipta ejaan Jawi Melayu seperti meletakkan titik atau lebih daripada satu titik bagi konsonan seperti /ng/ [ڠ], /ga/ [ ], dan [چ], /ny/ [ث], /pa/ [□]
dan /va/ [ ]. Justeru kerana itu, terdapat 36 aksara Jawi yang terdiri daripada 30 huruf Arab dan 6 aksara yang dicipta bagi menghasilkan konsonan yang khas untuk disesuaikan dengan fonetik bahasa Melayu.

HRP sebagai naskhah lama Melayu

Di sebalik sifatnya sebagai naskhah klasik Melayu terawal *HRP* tidak pula memiliki naskhahnya yang asal pada zaman ini. Yang ada sekarang hanyalah berupa salinan sahaja. Hingga ke masa ini hanya wujud dua buah salinan naskhah tulisan tangan *Hikayat Raja Pasai* yang asli; satu daripadanya telah pun disalin semula oleh sarjana Perancis pada tahun 1847, menjadikannya salinan yang ketiga. Yang dijadikan acuan dasar salinan itu ialah salinan yang asalnya tersimpan di Royal Asiatic Society di London. Pada asalnya naskhah ini merupakan milik koleksi Thomas Stamford Raffles (1781-1826) yang pada masa dia memegang jawatan Lieutenan Gabernor pulau Jawa (1811-1815), telah mendapatkan khidmat seorang penyalin yang mahir dalam tulisan Jawi untuk menyalin naskhah *Hikayat Raja Pasai*. Tarikh penyalinan naskhah *HRP* yang mula-mula diketahui wujud itu telah disebutkan pada bahagian penghujung naskhah, iaitu di halaman 140: "Tamat hari Isnin, kepada hari / dua puluh sa, kepada bulan/ Muharam, sanah *Zay*. Tetapi tahunnya yang disebut "Hijratul Nabi" tidak boleh dipastikan. Justeru kerana angka [٠] (kosong) Jawinya mirip dengan angka [٥] (lima) Jawi, maka ada yang membaca angka itu sebagai 1230 [١٢٣٠] dan ada pula yang membacanya sebagai 1235 [١٢٣٥]. Walau bagaimanapun, sebutan "sanah *Zay*" (yakni tahun *Zay*) jelas memberikan petunjuk yang terselindung untuk menentukan tahunnya. Mengikut tradisi pemberian nama huruf Arab kepada tahun-tahun tertentu Hijrah menurut sistem "daur" 8 tahun, atau dikenali dalam bahasa Jawanya "windu" (siklus 8 tahun) dalam kalangan bangsa-bangsa rumpun Melayu yang beragama Islam di Asia Tenggara, jika tahun Hijrah itu dibahagi dengan angka delapan, dan jika lebihannya satu, maka tahun itu adalah tahun Alif.[3] Sistem ini dinamakan pusingan *daur* (juga

disebut daur kecil dan daur besar)[4] iaitu berasaskan kepercayaan orang Islam di Asia Tenggara bahawa setiap daur merupakan pusingan lapan tahun. Tetapi selain huruf "Alif" [آ] dijadikan pusingan pertama daur kecil itu, huruf "Ha" [ه] juga boleh dianggap sebagai pusingan daur pertama. Kepada orang Jawa sistem daur juga disebut "Windu". Oleh kerana setiap satu windu mengandungi 8 tahun, selepas 8 putaran satu-satu windu itu windu kedua akan menggantikannya. Setiap pusingan 8 tahun itu pula terkandung dalam 4 putaran yang masing-masing dinamakan: Windu *Adi*, Windu *Kunthara*, Windu *Sengara*, dan Windu *Sancaya*. Menurut kepercayaan orang-orang Sufi, baik dalam kalangan pemeluk Syi'ah mahupun Sunnah, angka 8 dianggap angka yang suci oleh orang Islam lantaran angka 8 melambangkan delapan pintu syurga.

Dalam hal menentukan nama huruf bagi satu-satu tahun Hijrah, jika angka Hijrah 1230 itu dibahagi 8 dan lebihannya ialah 6 maka huruf untuk tahun tersebut ialah /*Waw*/ [و]. Tetapi kolofon pada bahagian akhir naskhah *Hikayat Raja Pasai* itu menyebutkan "Hijratul Nabi Sanah *Zay*". Ini bermakna angka 1230 jika dibahagi 8 maka lebihannya haruslah boleh dianggap cocok dengan tahun *Zay* [ ]. Tetapi ini tidak mungkin berlaku kerana seandainya putaran pertama windu atau daur kecil ini bermula dengan [*Alif*], lebihan 6 akan menunjukkan ia jatuh pada tahun *Ba* [ب] menurut sistem windu; dan jika *Ha* [ه] pula digunakan sebagai pusingan pertama windu maka huruf keenamnya ialah "*Waw*" [و], bukan "*Zay*" [ ]. Dengan itu tidak mungkin tahun 1230 Hijrah itu tahun yang sebetulnya seperti yang diyakini oleh pengkaji seperti Winstedt (1938: 24), Hill (1961: 25) dan Jones (1987: vi). Sebaliknya, jika angka tahun Hijrah 1235 dibahagi 8 jelas ia mempunyai lebihan 3. Mengikut urutan huruf di dalam Windu Jawa atau daur Melayu dan Aceh, yang menggunakan huruf "Ha" sebagai pusingan windu atau daur pertamanya, huruf yang cocok dengan angka 3 ialah "Zay" [[5];[ز ini bererti tahun bagi penyalinan *HRP* naskhah *Raffles Malay no. 67* itu ialah 1235 Hjrah, yakni tahun *Zay* [ز]. Jadi, penyalinan angka Arab "5" [٥] oleh Dulaurier untuk tahun 1235 H. dan dibaca oleh pengkaji seperti Roolvink (1954: 3) dan Ibrahim Alfian (1973: 6) adalah lebih tepat. Oleh yang demikan bacaan tahun penyalinan naskhah oleh kebanyakan para penelaah *HRP* sebelum ini sebagai "dua puluh sa bulan Muharam 1230" yang dikatakan bertepatan dengan tarikh 2 Januari 1814 (walaupun Jones berpendapat tarikhnya yang betul ialah 3 Januari 1815) jelaslah salah.[6]

Tetapi di dalam kolofon itu disebutkan bahawa haribulannya jatuh pada hari Isnin. Pada hal tarikh 21 Muharam 1235 H. yang bersamaan dengan 9 November 1819 jatuh pada hari Selasa.[7] Namun demikian, tarikh 21 Muharam 1235 yang dikatakan hari Isnin oleh sang penyalin telah menimbulkan kekeliruan kerana tarikh ini menurut laman web *hijri-gregorian-converter* jatuh pada hari Selasa. Walaupun demikian, perbezaan hari ini memang boleh dijangkakan kerana penukaran yang melibatkan nama hari itu diakui hanya suatu anggaran sahaja dan boleh berselisih sehari, sama ada sebelum atau selepas. Sementelahnya pula dalam kalangan orang Melayu dan penduduk peribumi Islam lainnya di Asia Tenggara, yang dikatakan satu hari itu adalah dikira daripada waktu bermulanya matahari terbenam sampai kepada waktu berakhirnya siang iaitu saat matahari tenggelam lagi. Misalnya, bagi penduduk peribumi Islam, jika orang bukan Islam menamakan waktu terbenamnya matahari itu hari Khamis, tetapi bagi orang peribumi Islam saat itu dianggap petang atau malam Jumaat. Justeru kerana itu penduduk bumiputera Islam menghitung hari dengan berdasarkan kiraan malamnya dan bukan hitungan siangnya (Ahmat Adam (2009: 122, nota 8).

Dengan kata lain, seandainya penyalin telah menyelesaikan kerja menyalinnya pada hari Isnin sebelah malam iaitu selepas waktu matahari terbenam, maka menurut kebiasaan orang Islam, waktu dia tamat menulis itu tentulah sudah masuk ke malam Selasa tanggal 21

Muharram 1235. Tetapi kepada penyalin yang tidak peka dalam membezakan Isnin malam dengan malam Selasa dia nampaknya masih berpegang kepada cara mengira hari orang Barat iaitu Isnin sebelah malamnya itu adalah sama dengan hari Isnin. Oleh kerana itu tarikh penyelesaiannya dikatakan jatuh pada hari Isnin walaupun sebenarnya dia menyelesaikan kerja menyalinnya itu selepas terbenamnya matahari pada hari Isnin, sekalipun mungkin menjelang tegah malamnya, yang menyebabkan dia membubuh tarikh 21 Muharam 1235 itu sebagai hari Isnin, walaupun dia sebenarnya telah memasuki hari Selasa. Memang pun dalam satu pengiraan yang menggunakan laman *www.math.harvard.edu/computing/javascript/Calendar/* dan *https://www.islamicity.org/hijri-gregorian-converter/#*didapati tarikh 21 Muharam 1235 adalah bersamaan dengan 9 November 1819 dan ia jatuh pada hari Selasa, kendatipun selisih harinya ialah satu, iaitu bukan hari Isnin tetapi Selasa. Tetapi tarikh ini pun bukan sejajar dengan tahun Saka 1742 tetapi lebih padan dengan Saka 1741. Jadi, tarikh Jawa yang diberikan pun tidak sejajar dengan tarikh 21 Muharam tahun 1235. Oleh yang demikian lebih munasabah jika disarankan tarikh penyelesaian manuskrip Raffles no. 67 itu dianggarkan sama ada pada tahun 1819 atau 1820, bukan 1814 atau 1815.

Justeru yang demikian, pendapat Jones bahawa naskhah lengkap *HRP* telah selesai disalin pada waktu Raffles hampir akan berangkat ke England ternyata silap. Sebenarnya kita pun tidak pasti dari mana naskhah yang menjadi acuannya diambil. Kenyataan Jones (1987: vi) bahawa manuskrip *Raflles Malay no. 67* itu adalah salinan yang dibuat berdasarkan naskhah yang diambil daripada Bupati Demak pada tahun Jawa 1742 (yang menurut Hill (1960: 25) cocok dengan tahun 1814 M. dan bagi Jones bersesuaian dengan tarikh 1814–15 M.), juga sangat mengelirukan kerana tahun Jawa atau tahun Saka 1742 sebetulnya sejajar dengan tahun 1819-1820.[8] Yang diketahui sehingga kini hanyalah bahawa naskhah induknya itu menurut Hill telah dterima oleh penyalin daripada bupati Demak bernama Kiyai Suradimanggala pada tahun Jawa 1742. Menurut Jones juga, Bupati inilah yang telah menyelia penyalinannya justeru kerana dia sendiri telah dilantik sebagai penterjemah Melayu dan Jawa di Pejabat Penterjemah Jawa di Buitenzorg (ibid: vii); tetapi bukti jelas tidak ada.

Pada 29 Januari tahun 1819 Raffles telah mendarat di pulau Singapura dan kemudiannya kembali ke Benkulu. Pada bulan Oktober 1822 dia kembali ke Singapura untuk menguruskan pentadbiran pulau itu selepas Syarikat Hindia Timur (*East India Company*) mengambil alih pemilikan pulau itu daripada Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman Johor. Raflles telah berlayar balik ke England dan tiba di negerinya pada 22 Ogos1824. Dia meninggal dunia pada 5 Julai 1826.

Tidak lama selepas kematian Raffles, naskhah *Hikayat Raja Pasai* yang menjadi sebahagian daripada koleksi peribadinya, telah dihadiahkan oleh jandanya, Lady Sophia, bersama-sama dengan koleksinya yang lain kepada Royal Asiatic Society. Salinan naskhah *HRP* dalam koleksi inilah yang disebut naskhah *Raffles Malay no. 67* yang telah pernah dikaji oleh beberapa orang sebelum ini. Penyerahan oleh Lady Sophia Raffles itu menunjukkan bahawa naskhah ini, yang bertarikh 1819-1820, iaitu berdasarkan tarikh di dalam kolofonnya yang menyatakan bahawa tahun 1235 adalah tahun Zay, jelas telah disiapkan ketika Raflles telah tidak lagi berada di Jawa.

Naskhah *HRP* yang dikenali sebagai *Raffles Malay no. 67* ini merupakan satu-satunya manuskrip yang lengkap. Manuskrip ini mempunyai 140 halaman; setiap halaman mempunyai 15 baris. Ia disalin di Semarang dalam dakwat hitam dengan menggunakan tinta merah untuk kata-kata pelengkap. Kertasnya jenis keras dan tebal, berwarna krim keperangan.[9]

Naskhah *HRP* yang kedua

Tetapi selain naskhah *Raffles Malay no. 67* itu, terdapat pula sebuah lagi naskhah yang berupa salinan *Hikayat Raja Pasai*. Naskhah ini muncul pada tahun 1986 apabila British Library berjaya membelinya daripada seseorang. Naskhah ini belum diusahakan kajiannya oleh mana-mana individu atau pihak. Naskhah *HRP* yang kini tersimpan di British Library telah diberikan nombor perolehan *Or. 14350.* Tetapi naskhah ini sedikit cacat lantaran beberapa halaman di dalam teksnya telah lesap. Yang tinggal pada teks itu hanyalah 83 halaman folio. Apabila disemak dan dibuat perbandingan dengan kandungan manuskrip yang disalin oleh penyalin manuskrip *Raffles Malay no. 67* dan *Malais no. 18 bis*, ternyata ia kekurangan 17½ halaman. Namun demikian, naskhah Or. 14350 ini didapati telah disatukan di dalam satu penjilidan bersama-sama dengan *Hikayat Raja Handik* [هنديق].[10]

Naskhah *Hikayat Raja Handik* dan *Hikayat Raja Pasai* bermula dengan pengenalan oleh penyalin di folio 2. Ceritera *Hikayat Raja Handik* hanya bermula di folio 3. Selepas berakhirnya hikayat ini baharulah dimulakan oleh penyalinnya ceritera mengenai Pasai. Ceritera itu bermula pada halaman 46r iaitu selepas tamatnya ceritera Raja Handik pada folio 44v yang ditutup dengan sebuah kolofon pada folio 45r yang berbunyi: "*Bi'l qalam al faqir al khakir bi'l-mu'tarif wa'l-zanab wa'l-taqsir 'afw a'lraji* Incik Uthman/ menyurat ini/ ..." di dalam daerah negeri Semarang ..." Pada bahagian verso kolofon *Hikayat Raja Handik* itulah penyalin memulakan ceritera *HRP.*

Dengan berasaskan petikan ayat pembuka kisah yang diperkenalkan sebagai bab permulaan naskhah bertulisan Jawi yang tidak lengkap ini, saya telah menamakan naskhah yang diresensi ini *Hikayat Raja Pasai* dan bukannya *Hikayat Raja-Raja Pasai.* Walau bagaimanapun, perlu disebutkan bahawa tulisan Jawi *Hikayat Raja Pasai* manuskrip *Or. 14350* itu dan *Hikayat Raja Handik* yang dijilid bersama, sebetulnya relatif cantik. Oleh kerana bahagian terakhir manuskrip *HRP* ini telah hilang maka tiadalah ia mempunyai kolofon tetapi apabila dilihat dan dibandingkan dengan tulisan Jawi di dalam *Hikayat Raja Handik*, ternyata kedua-dua manuskrip memiliki tulisan yang serupa. Setiap folio *Hikayat Raja Pasai* mengandungi 17 baris dan setiap baris pula mempunyai antara 13 ke 16 perkataan.

Oleh kerana dua buah manuskrip itu pun telah disatukan dalam satu jilid, mungkin oleh penyalin itu sendiri, maka tidaklah mustahil jika kedua-duanya ditulis oleh orang yang sama. Selepas menamatkan salinan *Hikayat Raja Handik* pada folio 45 verso, sang penyalin telah menyambung tulisannya dengan meletakkan folio 46 rekto yang merupakan halaman pertama naskhah *HRP.* Kolofon manuskrip pertama iaitu *Hikayat Raja Handik* [*sic*], memberikan tarikh yang jelas; justeru kerana itu, maka bolehlah tanpa ragu-ragu disimpulkan bahawa naskhah *HRP* itu sama tarikh penyalinannya ataupun hampir berdekatan tarikhnya. Dapat diduga juga jarak masa penyalinan kedua-dua teks tentulah tidak begitu jauh kerana *HRP* tentulah telah disalin sebaik sahaja ataupun tidak lama selepas penyelesaian *Hikayat Raja Handik.* Menurut kolofon naskhah ini penyalinnya ialah Incik Uthman, dan dia menyalinnya di daerah Semarang. Yang empunya manuskrip *Hikayat Raja Handik* (dan besar kemungkinannya juga *Hikayat Raja Pasai*) ialah Incik Usup yang menjadi Qari di Talolo[11] [كاري تلولو], yang tinggal di Kampung Belikang [بليكغ], Makassar. Di dalam kolofon itu dinyatakan bahawa penyalinnya, Incik Uthman, ialah "anak Incik Jurutulis Melayu di Mengkasyar [*sic*, مغكاشر]" Turut dinyatakan ialah bahawa naskhah yang disalin itu adalah milik Kapitan Melayu di Semarang bernama Abdullah dan penyalinannya dibuat pada 8 Sya'aban tahun *Alif* Hijrah 1211 (bersamaan Ahad, 6 Februari 1797)[12] di rumah Incik Jawhar. Berdasarkan kiraan pusingan 8 tahun menurut hitungan Windu Jawa dan juga Daur Aceh (Ahmat Adam 2009: 25) adalah jelas bahawa tahun 1211 H. sememangnya jatuh pada tahun *Alif.*[13]

Penambahan fonem /h/

Manuskrip yang disalinnya adalah daripada manuskrip Kapitan Melayu Semarang bernama Abdullah. Tetapi ada kemungkinan juga naskhah asalnya dari Makassar. Bahkan penyalin yang menulis naskhah ini tampaknya telah dipengaruhi oleh gaya bahasa Makassar. Terdapat kejanggalan dalam cara penyalin mengeja setengah-setengah perkataan, khasnya kata-kata yang berakhir dengan vokal [a] (walaupun bukan semua)[14] seperti dalam kata /baginda/, /anakenda/, /adinda/, /segera/,
/berjaga-jaga/, /bunga/. /luka/, /kubu/, /bubu/ telah ditambah dengan fonem /h/ menjadikan bunyi suku kata akhir pada perkataan itu /ah/ seperti dalam kata /bagindah/, /anakendah/, /adindah/, /cucundah/,
/nenekendah/, /segerah/, /berjagah-jagah/, /bungah/, lukah/, dan bunyi
/uh/ pada kata /kubuh/, /juruh/ dan /bubuh/, dan lain-lain seumpamanya, tetapi tidak pula pada kata /samudera/ dan /ceritera/ walaupun fonem /h/ terdapat pada kata /diceriterahkan/.

Kajian terhadap *Hikayat Raja Pasai*

Telah banyak kajian dilakukan oleh kaum sarjana mengenai *HRP.* Namun demikian, kami merasa terpanggil untuk mengemukakan sebuah lagi kajian mengenainya lantaran merasakan ada beberapa hal yang perlu diketengahkan selepas penulis-penulis seperti Russel Jones, A. H. Hill, J. P. Mead dan juga Teuku Ibrahim Alfian, menghasilkan pendapat mereka mengenainya. Seyogia diingati edisi pertama telah diusahakan oleh Edouard Dulaurier sebagai penyunting pada tahun 1849 dan diterbitkan di Paris dengan judul *Collection des Principales Chroniques Malayes. Premier fascicule La chronique du Royaume de Pasey.*

Naskhah salinan tulisan Jawi Dulaurier yang dibuat pada tahun 1847 pernah tersimpan di Bibliotheque nationale de France. Naskhah ini bertanda katalog "Coté Malayo-Polynes. 50 bis." Tetapi pada halaman pertama manuskrip tertulis tajuknya dalam tulisan Jawi, iaitu "*Hikayat Raja-Raja Pasai*" [حكايت راج٢ فاسي]. Salinan Dulaurier itu mengandungi 14 baris dan ada 78 halaman untuk kandungan hikayat Daripada folo 79 hingga 82 terdapat daftar negeri-negeri yang tertakluk di bawah kerajaan Majapahit. Pada sebelah kanan tulisan Jawi itu ialah nombor panggilan manuskrip yang ditulis tangan dalam tulisan Rumi, *Malais No. 18 bis.* Berdasarkan naskhah *Raffles Malay no. 67* Aristide Marre juga telah menerbitkan terjemahan bahasa Perancisnya di bawah tajuk, *L'Histoire des rois de Pasey*, di Paris pada tahun 1874. J. P. Mead merupakan orang pertama yang telah mentransliterasikan naskhah Jawi *Raffles Malay no. 67* ke huruf Rumi dan diterbitkan pada tahun 1914 di dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, no. 66.

Terjemahan ke dalam bahasa Inggeris yang juga berasaskan manuskrip *Raffles Malay no. 67* telah dibuat oleh A. H. Hill dan diterbitkan di dalam edisi tahun 1960 *JMBRAS*. Kendatipun demikian, penyalinan dan kajian yang paling awal terhadap hikayat ini yang dinamakan *Hikayat Raja-Raja Pasai* telah dibuat oleh Edouard Dulaurier (1807-1881), seorang sarjana Perancis yang telah berkunjung ke London dalam tahun 1838 dan membuat salinan hikayat berkenaan pada tahun 1847 berdasarkan manuskrip *Raffles Malay no. 67* yang pada halaman terakhir kolofonnya diberi judul "*Hikayat Raja Pasai*"[15] Tarikh penyalinan itu menunjukkan angka Arab Hijratu'l Nabi yang boleh dibaca sama ada 1235 atau 1230 Hijrah. Dengan berasaskan bacaannya, Dulaurier mentafsirkan angka Arab itu sebagai 1235. Juga tercatat pada kolofon manuskrip *Raffles Malay no. 67* itu ialah hari Isnin 21 Muharam. Penyalinan dengan tangan oleh Dulaurier itu walau bagaimanapun mendorongnya merubah judul itu kepada "*Hikayat Raja-Raja Pasai*".

Dia juga didapati telah membuat sedikit pindaan terhadap ejaan di dalam teks seperti misalnya, di satu tempat dia telah merubah ejaan nama Malik al-Tahir kepada Malik al-Zahir (lihat *Malais no. 18 bis*: 25).

Kendati demikian, Dulaurier kemudiannya telah menerbitkan teks dalam tulisan Jawi itu pada tahun 1849 di Paris di dalam *Collection des principales Chroniques Malayes* (Roolvink 1954: 4 dan 8, nk.2). Berdasarkan edisi Duaurier ini A. Marre telah menterjemahkannya ke dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di dalam *Sumatera: Histoire des Rois de Pasey, traduite du Malay et annotée*, di Paris pada tahun 1874 (Jones 1987: xi).

Bilakah *Hikayat Raja Pasai* dikarang?

Walaupun di dalam *HRP* tidak tercatat sebarang tarikh bila naskhah asalnya mula ditulis, dan siapakah pengarangnya, namun ada pengkaji yang menganggarkan bahawa penulisan asli hikayat ini mencakupi jangka waktu kira-kira antara 680 hingga 800 Hijrah atau antara tahun 1280 hingga 1400 Masihi. Mereka membuat andaian ini berdasarkan penemuan makam Malik us-Salih yang mencatakan angka 696 H. (bersamaan 1297 Masihi) sebagai tarikh kematiannya. Jadi pendapat ramai sarjana ialah versi terawal *Hikayat Raja Pasai* telah ditulis kira-kira abad ke-14 (menurut T. Iskandar sekitar tahun 1330an, iaitu tidak lama selepas matinya Sultan Malik uz-Zahir dalam tahun 1336 (Iskandar 2011: 39).

Kendati demikian, berdasarkan dalil dalaman seperti penggunaan nama "Zulaikha" oleh pengarang *HRP* yang kelihatannya telah dipengaruhi oleh karya penyair agung Parsi, Maulana Nuruddin Abdurrahman Jami (1414 – 1492), yang menulis kisah *Yusuf dan Zulaikha* di dalam karya besarnya, *Haft Awrang* (Tujuh Singgahsana), saya lebih cenderung untuk mengatakan bahawa *HRP* berkemungkinan besar telah ditulis pada dasawarsa terakhir abad ke-15 kerana karya Jami yang terkenal itu selesai ditulis dalam bahasa Parsi sekitar tahun 1483. Seperkara lagi, penggunaan kata Portugis "*rial*" di dalam bab kedelapan *HRP* menunjukkan pula bahawa bab-bab penghujung *Hikayat Raja Pasai* ini berkemungkinan besar telah ditulis selepas Portugis menduduki Samudera-Pasai pada tahun 1521. Oleh yang demikian, sukar hendak dipertikaikan kemungkinannya *HRP* selesai ditulis sekitar dasawarsa kedua abad ke-16.

Pendapat saya ini, walau bagaimanapun, tidak menolak kemungkinan *HRP* yang pada mulanya ditulis oleh pengarangnya secara berperingkat-peringkat dengan berdasarkan sejarah lisan pada masa yang lebih awal. Penulisan manuskrip Melayu secara bersambung-sambung memang sesuatu yang lazim dibuat iaitu seperti yang berlaku pada karya-karya lama seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuha*. Justeru kerana itu tidaklah menghairankan jika penulisan manuskrip asal *HRP* telah dimulakan sejak awal abad ke-15 iaitu ketika kuasa Majapahit sudah malap dan menjadi tidak berwibawa selepas berlakunya kejadian-kejadian yang membawa kepada perpecahan dalaman kerajaan itu. Suatu tanda bahawa *HRP* mungkin mempunyai versi yang lebih awal ialah terdapatnya di dalam *Sejarah Melayu* kisah insiden di Pasai yang melibatkan Sultan Zainul 'Abidin dengan Suganla atau Suganda (atau Sekandar) dan Laksamana Xeng He, walaupun kejadian itu berlaku pada sekitar tahun 1412 - 1415. Seyogia diingati di dalam versi yang masih ada dewasa ini tidak terdapat kisah pemberontakan Sekandar terhadap Sultan Zainul 'Abidin. Sebahagian daripada teks *HRP* mungkin telah ditulis ketika berlakunya kemerosotan wibawa Majapahit di luar pulau Jawa sejak awal abad ke-15. Kemerosotan itu jelas telah memudarkan kegemilangan yang dicapainya pada zaman pemerintahan Hayam Wuruk dan maha patihnya, Gajah Mada (Noorduyn 1978: 255).

Bahagian permulaan karya ini yang besar kemungkinannya ditulis antara masa selepas kematian Sultan Ahmad bergelar Pramada'l Perumal pada tahun 1403 dan sekitar tahun 1430an, iaitu pada masa pemerintahan raja Samudera yang bernama Sultan Zainul 'Abidin,

ataupun setelah dia digantikan oleh puteranya Abu Said (atau Abu Zaid) pada tahun 1435. Tetapi lantaran *HRP* ini mungkin telah ditulis secara bersambung-sambung iaitu bahagian-bahagiannya tidak secara menyeluruh ditulis pada satu masa, maka tidaklah mustahil jika ia selesai ditulis pada waktu dasawarsa-dasawarsa awal abad ke-16.

Jika diteliti bahagian terakhir *HRP* yang membicarakan pengalaman Majapahit di Sumatera, sukar untuk ditolak kemungkinan ia ditulis pada zaman penutup abad ke-15 dan disambung sampai ke abad ke-16. Penulis asal bahagian yang menceritakan perihal Majapahit pun besar kemungkinannya orang Jawa. Ini dapat dilihat daripada penggunaan istilah-istilah Kawi dan Jawa Baru pada bahagian yang menceriterakan tentang Majapahit. Sangat mengesankan ketika membaca bahagian terakhir (Bab 8 dan 9) *HRP* ialah ketiadaan istilah arkaik "ketah" yang dieja dalam huruf Jawi /k/t/a/h/ [کتاه].

Kata /k/t/a/h [کته] yang dieja dalam huruf Jawi

Mengenai kata /ketah/ yang terpakai di dalam *HRP*, ramai sarjana Barat dan para pengkaji atau peminat kesusasteraan Melayu dalam kalangan Orientalis mempunyai anggapan bahawa kata arkaik yang dieja /k/t/a/h/ [کتاه] harus disebut atau dibaca /kutaha/. Pandangan ini menjadi popular apabila C. O. Blagden menyebutkan bahawa kata dalam huruf Jawi itu juga terdapat di dalam versi *Sejarah Melayu* yang sebelum dia menerbitkannya tidak pernah diterbitkan. Manuskrip yang kemudiannya dipanggil manuskrip Blagden itu mengandungi delapan bab yang tidak terdapat dalam mana-mana versi *Sejarah Melayu*. Menurut Blagden kisah keempat di dalam manuskrip itu yang menceritakan tentang Sultan Husin, raja Haru, mengandungi dua kali penggunaan kata yang dieja /k/t/a/h/ dan /m/ɲ/k/a/t/a/h/ [مڠکته] (Blagden (*JMBRAS*:3 (1) 1925: 33). Kehadiran kata tersebut lalu dikaitkan dengan penggunaannya di dalam *HRP* oleh ramai orang Barat yang meresensi karya ini. Kehadiran kata itu di dalam naskhah Blagden yang dibaca oleh Winstedt sebagai /kutaha/ juga meyakinkannya bahawa tarikh penulisan *Sejarah Melayu* versi Raffles MS.18 itu adalah lebih awal berbanding naskhah yang dikaji oleh Shellabear (Winstedt (*JMBRAS* 16 (3) 1938: 32).

Pada pandangan saya, penyebutan kata yang dieja /k/t/a/h/ [کتاه] sebagai /kutaha/ oleh para pengkaji *HRP*, adalah tidak tepat. Kata ini tidak boleh dibaca /ketaha/ atau /kutaha/, seolah-olah disamakan dengan cara menyebut kata /tuha/ yang dieja /t/w/h/ [توه] dalam huruf Jawi. Lantaran adanya huruf */alif/* di dalam kata yang dieja /k/t/a/h/ (/kaf/ta/alif/ha/) maka lebih munasabah jika ia dibaca /ke- tah/ atau /ka-tah/ untuk mengungkapkan kata yang bersifat interogatif atau bertanya. Di dalam teks *HRP* ternyata /ketah/ boleh ditafsirkan sebagai kaedah bertanya. Orang Melayu biasanya menggunakan bahasa percakapan /ke/ (atau /ka/) untuk /kah/. Dalam bahasa Aceh (mungkin juga Pasai) /ke/ disebut /*keu*/ (atau /*keuh*/) (Aboe Bakar *et al.* 2001: 391, 397). Manakala /tah/ pula disebut dalam bahasa Aceh /tahe/ dengan memberi makna hairan, tercengang atau termangu-mangu (Aboe Bakar *et al.* 2001: 917). Dalam bahasa Melayu pun /tah/ sebagai partikel pada akhir kata berfungsi untuk menyatakan pertanyaan pada diri sendiri; juga untuk memberikan makna yang sama dengan kata seperti /gerangan/ (*Kamus Dewan* 2005: 1567). Oleh itu kata yang dieja /k/t/a/h/ [کتاه] lebih wajar disebut /ke-tah/ atau /keu-tah/ atau boleh juga /keutahe/ tetapi bukan /kutaha/. Justeru yang demikian, di dalam *HRP* kata /*ketah*/ jelas membawa maksud /apatah?; bukankah?; manatah?; atau mengapatah? Seyogia diingati, kata /tah/ juga adalah bahasa percakapan untuk /entah/ (Aceh: *euntah*) yakni bagi menyatakan /tidak tahu/, barangkali ya, atau barangkali tidak (Aboe Bakar *et al.* 2001: 201). Ini menunjukkan apabila kata /tah/ digunakan sebagai akhiran sesuatu kata, ia membawa makna pernyataan bertanya atau sebagai pernyataan keraguan. Tetapi apabila ejaan Jawi /k/t/a/h/ [کتاه] disebut /kutaha/ oleh

pengkaji-pengkaji Barat kerana menyangka ia sama bentukya dengan kata Sunda /kumaha/ yang bermaksud bagaimana? (tatkala bertanyakan cara, atau keadaan), apa jenis ...?, bagaimana anda?, kenapa? (Hardjadibrata 2003: 454) maka ia boleh menyesatkan pembaca. Walaupun maksud /kumaha/ mungkin sama tetapi sebutan untuk /ketah/ jelas berbeza. Sementelahnya pula dalam bahasa Sunda pun terdapat kata /ketah/ iaitu partikel penegas efektif yang digunakan jika penutur mahu menafikan dengan keras kebenaran sesuatu kenyataan atau pendapat (Hardjadibrata 2003: 422).

Sekalipun demikian, penyebutan /kutaha/ oleh Blagden telah menjadi ikutan Winstedt (*JMBRAS* 1938 (xvi, 3): 83); manakala Wilkinson (1959 (1): 585 dan 630) memasukkan kedua-dua /ketah/ dan /kutaha/ di dalam kamus Melayu-Inggerisnya. Anehnya, penggunaan kata /kutaha/ telah menjadi ikut-ikutan pula oleh penyunting *Kamus Dewan* (lihat edisi 2005: 859) tetapi dengan makna yang berlainan yakni agaknya, rasanya, konon, -kah, dan –lah. Namun demikian, pembacaan /ketah/ oleh Teuku Iskandar di dalam *Hikayat Aceh*nya ternyata lebih boleh dipercayai (Iskandar 2001: 141) .

Di antara mereka yang telah menyelenggarakan pemindahan aksara dari Jawi ke Rumi untuk teks *HRP* hanyalah Mead (*JMBRAS* 1914 (no. 66) yang dengan betul mentransliterasikan kata yang dieja /k/t/a/h/ [كتاه] itu /ketah/. Baik Hill (*JMBRAS* 33 (2) 1960) mahupun Ibrahim Alfian (1973), ataupun Jones 1987) membacanya sebagai /kutaha/.

Sekalipun *HRP* yang ada sekarang ini muncul di Jawa pada tahun 1797 boleh diterima sebagai salinan yang sahih, namun tidaklah pula mustahil jika ada salinan-salinan yang barangkali juga muncul lebih awal daripada abad ke-18 tetapi di tempat-tempat lain, dan pada waktu yang berlainan pula; tetapi salinan-salinan itu telah hilang atau musnah. Walaupun kajian ini lebih menggunakan manuskrip *Or. 14350*, iaitu salinan yang dibuat pada tahun 1797, dan kini tersimpan di British Library, sayangnya ia tidak lengkap (salinannya hanya sampai ke folio 84r sahaja); justeru kerana itu, sambungan seterusnya, yakni selepas ayat terakhirnya, telah dibuat dengan memetik daripada *Raffles Malay no. 67* sambil menjadikan salinan teks oleh Edouard Dulaurier tahun 1847 sebagai perbandingan. Ini dilakukan kerana salinan orang Perancis itu pun berasaskan manuskrip yang bertarikh 1819 yang pada waktu dia menyalinnya menjadi milik Royal Asiatic Society, London dan dikenali ramai sebagai *Ms. Raffles no. 67.* Pada tahun 1849 naskhah salinan Dulaurier ini telah diterbitkan di Paris.

Saya telah berpeluang membaca naskhah *Raffles Malay no. 67* dalam bentuk mikrofilemnya yang kini dimiliki oleh perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, dan saya juga berkesempatan membaca di Perpustakaan Negara Malaysia salinan mikroflem *Malais no. 18 bis* iaitu manuskrip salinan Dulaurier yang ada tersimpan di Bibliotheque nationale de France. Seperti yang saya nyatakan, kedua-dua manuskrip ini jelas telah memberikan banyak manfaat kepada saya.

Sampai pada waktu resensi ini ditulis, terdapat enam buah edisi (dan, atau terjemahan) teks *Hikayat Raja Pasai* yang telah dihasilkan, iaitu seperti yang berikut:

1. Edouard Dulaurier. *Collection des Principales Chroniques Malayes. Premier Fascicule La Chronique du Royaume de Pasey*. Paris, 1849.

2. Aristide Marre, *L'Histoire des rois de Pasey*, Paris, 1874.

3. J.P. Mead. "A Romanised Version of *The Hikayat Raja-raja Pasai* dlm. JSBRAS, 66 Singapore. 1914 hlm. 1-55

4. Dr. A.H. Hill "*Hikayat Raja-Raja Pasai*, a Revised Romanised Version with an English Translation, an Introduction and Notes" dlm. *JMBRAS* 33, Bhg. 2, 1960.

5. Teuku Ibrahim Alfiah. *Kronika Pasai. Sebuah Tinjauan Sejarah.* Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1973.

6. Russel Jones. *Hikayat Raja Pasai.* Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1987.

2 Mengenai tahap-tahap penulisan *Sulalat us-Salatin*, sila lihat Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

3 Pemberian nama huruf pada pusingan daur atau windu juga boleh bermula daripada huruf "Ha" [ه] seperti yang tercatat di dalam naskhah *Leiden Cod. Or. 2805* (Proudfoot, *Old Muslim Calendars of Southeast Asia*, 2006: 101). Maklumat lanjut mengenai pentarikhan dalam sistem kalendar peribumi Islam di Asia Tenggara dapat diperoleh daripada Ahmat Adam (2009: 17 -31).

4 Untuk keterangan lanjut lihat ibid: *passim*.

5 Untuk mengetahui cara menentukan nama pusingan daur itu lihat Ahmat Adam (2009: 22 - 31).

6 Winstedt menyangka tarikhnya bersamaan dengan tahun 1814. Baik Teuku Ibrahim Alfian mahupun Roolvink membaca angka Arab itu sebagai 1235. Lihat Alfian (1973: 11). Cf. Roolvink (1954: 3).

7 Lihat https://www.islamicity.org/hijri-gregorian-converter/# dan juga https://www.searctruth.com/hijri

8 Lihat www.math.harvard.edu/computing/javascript/Calendar/.

9 Semua maklumat tentang ciri fizikal manuskrip ini telah diperoleh daripada edisi Jones (1987).

10 Penyalin telah mengejanya /h/n/d/k/ [هندق] walaupun nama itu seharusnya disebut "*Khandak*" [خندق] iaitu kata dan Parsi dan Arab yang bererti parit (Steingass 2012: 475 dan Munawwir 1997: 371). Dalam bahasa Parsinya bentuk majmuk kata *khandak* ialah /kh/a/n/a/d/i/q/ [خنادق].

11 Iaitu pembaca Quran di Talolo sebuah daerah orang Mandar di Sulawesi Barat.

12 Sebetulnya 6 Februari 1797 jatuh pada hari Isnin. Kekeliruan tarikh mungkin dsebabkan oleh waktu sebenar kerja menyalin itu diselesaikan. Kaedah menghitung nama hari dalam kebudayaan Melayu telah dibincangkan di atas. Tentang pentarikhan Melayu dan kaedah pengiraan masa lihat Ahmat Adam (2009: 120–123).

13 Apabila angka tahun 1211 dibahagi 8 ternyata lebihannya ialah 3. Angka 3 menandakan tahun Hijrah 1211 adalah tahun *Alif.*

14 Seyogia dimaklumkan bahawa naskhah *Sulalat us-Salatin* yang dimiliki oleh Sultan Riau-Lingga, Abdul Rahman Syah, yang berkerajaan di Lingga dari tahun 1812 hingga 1832, menunjukkan ada terdapatnya penggunaan penambahan fonem /h/ pada perkataan-perkataan yang berhujungkan vokal /a/ seperti /kakanda(h)/ dan /adinda(h)/. Lihat *Sulalat us-Salatin* (naskhah Sultan Abdul Rahman Syah), hlm. 204 dan 300. Besar kemungkinannya naskhah ini telah disalin oleh orang Bugis pada suku pertama abad ke-19 kerana terdapat interpolasi yang menyebut Hang Tuha adalah anak raja Bajung dari Makasar. Sebuah lagi manuskrip yang disalin di Melaka pada 19 Zulhijjah Hijrah 1289 (17 Februari 1873) oleh Tajudin Tambi Hitam, seorang Penghulu Dagang di Melaka yang tinggal di Kampung Telengkera [*sic*], juga berkemungkinan berasal daripada naskhah induk yang sama yang disalin oleh seorang Bugis. Ia pun menyebut Hang Tuha sebagai anak raja Bajung yang dihadiahkan oleh Karaeng Makasar kepada Sultan Mansur Syah. Naskhah ini walau bagaimanapun lebih lengkap lagi kerana tidak seperti naskhah milik Sultan Lingga itu di dalamnya terdapat kisah penaklukan Melaka oleh Portugis. Naskhah ini pun memperlihatkan pada banyak halaman penggunaan fonem /h/ pada hujung perkataan /baginda(h)/.

15 Ayat di halaman itu berbunyi: "Tamat hikayat Raja Pasai, selamat sempurna yang membaca dia dan segala yang menengarkan dia, istimewa yang menyuratkan dia, dipeliharakan Allah Subhanahu wa Ta'ala apalah kiranya dari dunia datang ke akhirat berkat syafa'at Nabi Muhammad Mustafa Sala'Lahu alayhi wassalam."

-

Pengenalan

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah Tuhan sarwa sekalian alam yang telah menciptakan langit dan bumi, dan menjadikan gelap dan terang. Dialah Tuhan Maha hidup yang terus menerus mengurus (makhluk-Nya), tidak mengantuk dan tidak tidur. Milik-Nya apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Tidak ada yang dapat memberi syafa'at di sisi-Nya tanpa izin-Nya. Dia mengetahui apa yang di hadapan mereka dan apa yang di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui sesuatu pun tentang ilmu-Nya melainkan apa yang Dia kehendaki. Dan Dialah Maha Bijaksana, Maha Teliti. Kerajaan-Nya meliputi seluruh kewujudan. Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Tiada Tuhan selain Dia. Segala puji dan syukur bagi Allah, Maha Pengampun dan Maha Penyayang. Dialah yang mengurus rasul-Nya sebagai karunia dan rahmat kepada manusia, dengan membawa petunjuk dan agama yang benar, agar dimenangkan-Nya terhadap semua agama. Nabi Allah, salam dan selawat ke atasnya, semoga rahmat Tuhan yang abadi mencucuri ke atasnya, para sahabat dan pengikutnya di dunia ini dan di akhirat.

***Hikayat Raja Pasai* Sebagai Karya Sastera Sejarah**

Hikayat Raja Pasai ialah sebuah hikayat mengenai sejarah sebuah kerajaan di pesisir utara Sumatera yang bernama Pasai. Pasai mula-mulanya terletak di pinggir laut Lhokseumawe. Kerajaan itu berada di antara dua sungai besar: krueng Jambo Aye (Sungai Jambu Air) dan krueng Pasai. Di selatan, ia memanjang hingga ke sungai Jambu Aye di perbatasan Perlak, dan di Utara hingga ke Samarlanga. Samudera berada di sebelah kiri sungai Pasai, tetapi lama kelamaan dua wilayah itu menjadi satu dan ia dikenali sebagai Samudera-Pasai (Alfian 1973: 21). Menurut Gerini (1909: 642) Samudera didirikan pada sekitar tahun 1270 dan Islam bertapak antara sekitar tahun 1270 dan 1275 M.

Negeri yang bernama Samudera yang lebih terkenal dengan nama Pasai kepada penduduk di Sumatera dan wilayah di rantau kepulauan Melayu, telah mula-mula disebut di dalam sumber sejarah dinasti Yuan, sempena peristiwa utusan Maharaja China di Quilon bertemu dengan seorang utusan dari Samudera (Tan Ta Sen 2009: 144). Berikutnya, ketika dalam perjalanan pulang dari Ma'bari (wilayah Koromandel) pada tahun 1282, utusan China telah singgah di "Su-mu-du-la". Peristiwa ini disusuli dengan pengiriman utusan oleh raja Samudera, yang dikenali sebagai "Takur" [*sic*, Tahir], ke negeri China (Gerini 1909: 644). Dua orang utusan Samudera yang dikirim itu masing-masing benama Hasan dan Sulaiman. Raja yang memerintah Pasai pada waktu itu mungkin bergelar Malik al-Tahir [Malik ut-Tahir]. Sama ada ini nama gelar Malik us-Salih atau ia nama gelar orang lain yang menjadi raja Samudera sebelum Malik us-Salih, tidak dapat dipastikan kerana tulisan pada makam Malik us-Salih yang membuktikan dia mangkat pada bulan Ramadan 696 H. iaitu bersamaan dengan bulan Julai 1297 M., tidak menyebut nama gelar "Tahir". Gerini (1909), yang mengutip dari "Sejarah Dinasti Yuan" tulisan Parker (1900), juga menyebut pada sekitar tahun 1285 atau 1286 seorang lagi utusan dari Samudera telah dikirim ke istana Maharaja China. Pada tahun 1286 sumber China juga mencatatkan negeri "Su-

men-na" (yang ditafsirkan oleh Gerini sebagai kependekan bagi "Sumentana", iaitu Samudera), pun mengirim utusan ke China. Pada tahun 1293 Maharaja China menghantar utusan ke Samudera-Pasai untuk mengukuhkan hubungan antara China dan Pasai; dan tahun berikutnya menyaksikan utusan Samudera berada di istana Maharaja China. Selepas abad ke-13, menurut Gerini (1909: 648) penghantaran utusan ke China berlaku pada tahun 1383. Gerini beranggapan berdasarkan sebutan Chinanya ketika itu *Ma-le Wu Ta-fen* raja Samudera pada waktu itu ialah Malik uz-Zahir.[16]

Pengarang *HRP* yang mungkin seorang penganut tarekat atau suatu aliran tasawuf yang secara harfiah tidak dinyatakan. Namun demikian, mengingat bahawa pada abad ke-16 dan 17 wilayah Sumatera Utara dan Aceh khususnya merupakan daerah yang menyaksikan kehadiran orang-orang Sufi seperti Hamzah Fansuri, Syamsudin Pasai dan Nurudin ar-Raniri serta Abdur-Rauf Singkel, maka tidak mustahil ketika *HRP* dikarang pada abad ke-15 dan 16 itu ramai orang Pasai (termasuk pengarang *HRP* sendiri) yang menganuti doktrin Sufi, seperti "Wahdattu'l-Wujud atau "Martabat Tujuh" yang dikembangkan melalui ajaran Ibnu'l Arabi. Aliran tasawuf ini dapat diduga telah dibawa bersama-sama dengan pengaruh idea-idea kesusasteraan dan keagamaan dari Parsi melalui India. Terdapat banyak dalil di dalam *HRP* yang menunjukkan pengarang seorang ahli tasawuf. Nasihat-nasihat yang diberikan oleh raja seperti Malik us-Salih kepada cucunya Malik ul-Mansur dan Malik ul-Mahmud serta orang besar-besarnya apabila dia sedang menghadapi maut menunjukkan betapa ajaran tasawuf yang dihayati oleh pengarang telah disalurkan melalui kata-kata nasihat raja Pasai itu. Penggunaan simbolisme dalam angka seperti yang digunakan oleh pengarang untuk membuat pembahagian bab *HRP* pun adalah satu lagi dalil pengaruh Sufisme itu.

Dari segi pengungkapan sejarah Samudera-Pasai, pengarang pun menyebutkan bahawa Samudera-Pasailah yang mula-mula masuk Islam di gugusan kepulauan Melayu. Raja Pasai pertamanya yang masuk Islam ialah yang bergelar Malik us-Salih. Menurut pengarang, tidak lama selepas dia menaiki takhta dia pun berkahwin dengan puteri raja Perlak yang bernama Puteri Ganggang. Dari perkahwinan itu lahirlah dua orang anak laki-laki, masing-masing kemudiannya apabila menjadi raja bergelar Sultan Muhammad Malik uz-Zahir dan Sultan Malik-ul Mahmud. Pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Malik uz-Zahir (1297-1326) kerajaan Perlak telah menjadi sebahagian daripada kerajaan Samudera-Pasai.[17]

Di dalam *HRP* pengarang asal yang tidak diketahui namanya, telah melakarkan sejarah awal Pasai berdasarkan apa yang diketahuinya dan mungkin dengan kerjasama rakan-rakan penulis lain yang juga tidak diketahui namanya, telah meriwayatkan sejarah Samudera-Pasai hingga ke waktu ia diserang oleh Majapahit. Tarikh penaklukan oleh Majapahit itu tidak pernah diketahui dengan berasaskan bukti. Hanya di dalam Nagarakretagama yang selesai ditulis pada kira-kira pertengahan abad ke-14, nama Samudera disebut sebagai sebuah daripada "negara bawahan" Majapahit (*Nagarakretagama*, pupuh XIII). Dalil dari cerita dongeng rakyat tempatan menunjukkan peristiwa penaklukan Pasai oleh Majapahit itu benar-benar berlaku. Dalam kalangan rakyat tempatan ada kepercayaan bahawa dengan terdapatnya beberapa nama tempat di Pasai maka peristiwa Majapahit menyerang Samudera-Pasai itu memang betul berlaku.

Menurut apa yang ditulis oleh Slametmulyana (1979: 144), terdapat sebuah bukit berhampiran kota Langsa yang bernama Manyak Pahit (bentuk tercemar sebutan Majapahit). Mengikut cerita rakyat tempatan tentera Majapahit membuat benteng di atas bukit itu ketika membuat persiapan untuk menyerang Temiang. Satu lagi cerita, selepas tentera Majapahit mendarat, Gajah Mada bersama-sama tenteranya telah terus menuju ke bukit Paya Gajah. Paya Gajah mengingatkan orang kepada nama Gajah Mada. Ia adalah sebuah kawasan rawa antara

Perlak dan Peudawa. Kononnya, tentera yang di bawah pimpinan Gajah Mada telah melalui rawa itu ketika dalam perjalanan ke Lhokseumawe dan Jambu Air. Berdekatan dengan Paya Gajah ialah bukit bernama "Meunta" yakni sebutan tercemar orang tempatan untuk "Mada". Kononnya dari situlah Gajah Mada mengatur serangan ke atas Pasai.

Almarhum Teuku Ibrahim Alfian pun memberikan dalil yang menarik mengenai kedatangan Majapahit ke Pasai. Menurutnya di wilayah Sumatera Utara terdapat sebuah anak sungai yang mengalir ke sungai Pasai. Tradisi lisan dalam kalangan penduduk tempatan menyebut bahawa nama anak sungai itu ialah Krueng Jawa atau sungai Jawa. Sumber lisan itu menyatakan di kawasan tersebut boleh ditemui perkuburan orang Jawa yang mati ketika berlaku pertempuran tentera Majapahit dengan tentera Pasai. Selain itu, satu lagi tradisi lisan menyebutkan bahawa di bahagian pantai Aceh Timur terdapat sebuah tempat yang sampai kini dinamakan Majapahit. Di kawasan itu ada sungai yang mengalir dan kualanya disebut orang Kuala Majapahit.[18]

Karya *Nagarakretagama* siap ditulis oleh Prapanca kira-kira tahun Saka 1287 atau tahun Masihi 1365. Oleh yang demikian periode Majapahit menyerang Samudera-Pasai mestilah telah berlaku sama ada pada tahun 1350 atau 1361 (Miksic dan Goh 2016: 100). Pada waktu Majapahit menakluki Pasai diduga Sultan Ahmad yang di dalam *HRP* digelar Ahmad Pramada'l Perumal telah melarikan dirinya untuk mencari suaka ke suatu tempat yang dinamakan Menduka [مندوك].

Oleh kerana *HRP* hanyalah sebuah karya kesusasteraan sejarah, sukarlah hendak dibuktikan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Sultan Ahmad ketika memerintah, seperti mencemburui putera-puteranya dan menzalimi mereka serta mempunyai niat buruk hendak melakukan inses terhadap dua orang puterinya. Penyusunan semula sejarah Pasai yang berasaskan kebenaran dipersulitkan oleh masalah kekurangan bukti sejarah yang sahih. Mata wang biasanya boleh dijadikan sumber sejarah yang berguna, tetapi malangnya duit-duit dirham Samudera-Pasai yang dijumpai oleh para ahli arkeologi, pakar numismatik, dan pengumpul wang purbakala, tidak banyak membantu penyelidik sejarah lantaran ketiadaan tarikh pada duit syiling itu. Ketiadaan pentarikhan pada wang dinar yang dicetak dipersulitkan lagi oleh hakikat bahawa nama-nama raja serta gelaran mereka kebanyakannya sama, atau hampir sama, walaupun ada tertera pada bahagian hadapan dan belakang kepingan duit syiling itu. Sekalipun demikian, mujurlah ada sumber bertulis yang boleh membantu kaum sejarawan sebanyak sedikit bagi meletakkan peristiwa-peristiwa yang melibatkan raja-raja Pasai dalam konteks masa pemerintahannya. Sumber bertulis China, walaupun tidak begitu lengkap, didapati sangat bermanfaat. Sekalipun nama raja Pasai tidak diberikan secara terperinci, tetapi tarikh yang diberikan oleh sumber seperti *Ming Shi-lu* apabila utusan dari Samudera yang dikirim oleh raja tertentu datang mengadap Maharaja China, sangatlah berguna. Dalam pada itu, tarikh matinya seseorang raja, atau pun nama, serta gelarnya, akan menjadi lebih jelas jika terdapat bukti sokongan daripada makam raja-raja Pasai yang sudah dijumpai dan dikaji.

Sebagai contoh, dengan memanfaatkan maklumat tulisan pada makam-makam itu ternyata di samping kubur Malik us-Salih ialah kubur puteranya, Muhammad Malik uz-Zahir, yang dihiasi dengan inskripsi yang antara lain berbunyi: "Kubur ini kepunyaan tuan yang mulia Sultan Malik uz-Zahir cahaya dunia dan sinar agama Muhammad bin Malik us-Salih yang wafat pada malam Ahad dua belas bulan Zulhijah tahun 726 Hjrah", iaitu bersamaan dengan 17 November 1326. Raja ini kini diketahui juga mempunyai dinarnya yang pada bahagian depannya tertulis nama gelarnya dan di belakangnya ungkapan "as-Sultan al-Adil". Selain maklumat ini, H. K. J. Cowan, yang menyelidiki koleksi mata wang dirham H, Sheffer, pun menemui sebutir wang syiling yang terukir nama Mansur Malik uz-Zahir (Alfian 1973: 18).

Mengenai gelar "Zahir" Hill (1960: 18) berpendapat bahawa gelar "Tahir" lebih munasabah untuk nama Mansur kerana Muhammad dan Mahmud adalah orang yang sama dan gelar adik-beradik itu iaitu Mahmud (atau Muhammad) dan Mansur ialah al-Tahir. Pandangan Hill bahawa gelar pada kubur Sultan Muhammad itu harus dibaca "al-Tahir" tentunya sukar diterima kerana pada makam yang terletak di kota Lhokseumawe itu sedia tertulis dengan jelas gelar "al-Zahir". Hill juga merumuskan silsilah raja-raja Pasai seperti yang disarankan oleh Krom itu seharusnyalah: Malik us-Salih (m. 1297), Muhammad (m. 1326), Ahmad, dan Zainal 'Abidin (Hill 1960: 18). Pendapat Hill bahawa Ahmadlah raja yang bertemu dengan Ibn Battutah juga sangat mengelirukan. Bagi Hill perlukisan watak Ahmad oleh pengarang *HRP* sangatlah sukar untuk dipercayai (ibid: 19).

Kendati demikian, terdapat penemuan makam Sultan Ahmad anak Malik uz-Zahir di Meunasah Mecut (al-Attas 2011: 31). Menurut al-Attas, gelar Ahmad ialah Abi Zayn al-'Abidin [*sic*]. Tarikh kematiannya seperti yang kononnya terpahat pada makamnya itu ialah 4 Jamadilakhir 806 H. Namun, yang sebetulnya, dia mangkat pada tarikh Hijrah bersamaan dengan 28 Disember 1403,[19] bukan tahun 1406 seperti yang didakwa oleh Prof. Naquib al-Attas (2011: 31). Tarikh 4 Jamadilakhir juga jatuh pada hari Rabu, bukannya Jumaat. Hari Jumaat jatuh pada 6 Jamadilakhir 806 H. Ia juga bersamaan dengan 30 Disember 1403. Ini bermakna Ahmad mestilah telah naik takhta sekitar akhir 1340-an atau menjelang 1349/1350, kerana Sultan Malik uz-Zahir Jamaluddin bertemu dengan Ibn Battutah pada tahun 1345 dan 1346.

Waktu Ibn Battutah berada di Samudera dia sempat menyaksikan perkahwinan anak Malik uz-Zahir; tidak mustahil jika puteranya itulah yang bernama Ahmad. Sekiranya diandaikan Ahmad berkahwin itu ketika usianya sudah dua puluh tahun, maka boleh pula dianggarkan tarikh lahirnya ialah sekitar 1325. Dengan demikian apabila Sultan Muhammad Malik uz-Zahir Jamaluddin mangkat – katakanlah sekitar tahun 1349/1350 – maka usia Ahmad pada waktu itu semestinyalah kira-kira dua puluh lima tahun. Ahmad mungkin telah menjadi raja sekitar akhir tahun 1340-an (Iankovskaia 2017: 43) ataupun menjelang 1349/1350. Oleh yang demikian pada masa kematiannya dalam tahun 1403 usianya pastilah telah mencapai kira-kira 78 tahun. Mengenai tarikh kematian Sultan Ahmad dan penggantiannya sebagai raja oleh puteranya, Zainul 'Abidin pada tahun 1404, ia adalah sesuatu yang menarik. Ia membawa erti bahawa Raja Pasai, Malik Zainul 'Abidin, telah menjadi raja sezaman dengan Parameswara yang mendapat pengiktirafan sebagai raja Melaka oleh Maharaja China setahun terdahulu iaitu pada tahun 1403, melalui pengiriman barang-barang anugerah seperti kain kasa sutera yang ditenun dengan benang emas, payung, berserta kain sutera halus yang bercorak dan kain sutera berwarna-warni.[20]

Pasai Sebagai Pelabuhan Dagang

Bahawa Pasai telah menjadi sebuah petempatan perdagangan telah diketahui pada sekitar tahun 1250 apabila sekumpulan pedagang yang berasal dari India membuka petempatan di barat laut pantai pulau Sumatera. Mereka telah membina pelabuhan di kuala Sungai Pasangan dan Pasai. Oleh kerana kedudukan pelabuhan ini sangat strategik di Selat Melaka ia telah menjadi tempat singgah bagi kapal-kapal dari Barat seperti Itali, Parsi dan India yang menuju ke perairan gugusan pulau-pulau Melayu di sebelah timur dan juga benua China di sebelah utara. Keterbukaan kerajaan Pasai kepada orang luar terbukti apabila Ibn Battutah dalam tulisannya menyatakan bahawa sekitar tahun 1345/1346 dia telah dua kali berkunjung ke Pasai-Samudera. Dalam laporannya dia menyatakan bagaimana dia telah menerima layanan yang cukup istimewa daripada raja Pasai, Sultan Malik uz-Zahir. Kemakmuran Pasai pada abad ke-

14 hingga awal ke-15 iaitu sampai ketika ia dibayangi oleh Melaka selepas 1430 juga boleh dibuktikan dengan wujudnya pencetakan mata wang dirham sama ada daripada timah, perak atau emas. Duit syiling dinar yang disebut "mas" bahkan ditempa pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Malik uz-Zahir yang diketahui mangkat pada tahun 1326. Dinar itu adalah mata wang Islam yang pertama ditempa di Asia Tenggara (Miksic & Goh 2016: 500). Serbuk emas dan perak juga diketahui digunakan sebagai tukaran dalam perdagangan di Samudera-Pasai (Wicks 1996: 235).

Seorang pengembara Itali, Oderic dari Pardonone, turut menyatakan pada abad ke-14 di wilayah Sumatera Utara terdapat pengeluaran hasil yang banyak, dan menjadi pasar besar bagi babi dan ayam; dan di samping itu juga terdapat pengeluaran emas dan bijih timah yang lumayan (Henry Yule 1866: 86). Kesan yang serupa juga diperoleh Ibn Battutah pada tahun 1345/1346 di Samudera-Pasai. Menurutnya, "dalam kegiatan berdagang ketul-ketul timah dan emas yang tidak dileburkan telah digunakan". Menjelang awal abad ke-14 didapati raja-raja Samudera-Pasai telah mengeluarkan dinar emas dan duit timah (Wicks 1996: 235). Namun Ibn Battutah tidak pula melaporkannya; ini mungkin kerana wang dinar dan duit syiling itu tidak digunakan secara terbuka di pasar yang dilawati pedagang asing; tetapi dikeluarkan sebagai tanda naik takhta atau tanda pengesahan pemerintahan raja-raja itu (ibid.). Sekalipun pengeluaran wang syiling tidak disebut oleh pengarang *HRP*, namun pemberian emas dan perak sebagai bahan anugerah raja dalam majlis-majlis upacara ada disebutkan oleh pengarang *HRP*. Semua ini menzahirkan kekayaan kerajaan Samudera-Pasai.

Betapapun demikian, periode Pasai diperintah oleh Sultan Ahmad Pramada'l-Perumal yang membawa kegundahan dalam masyarakatnya seperti mana yang dilakarkan oleh pengarang *HRP*, dan akibat perbalahannya dengan Majapahit yang membawa kepada wilayahnya ditakluki oleh kerajaan Jawa itu yang berlaku sama ada pada sekitar tahun 1350 atau 1361 tentulah telah mendatangkan kesan gugatan terhadap kesejahteraan Samudera-Pasai. Walau bagaimanapun, kerajaan itu kembali mencapai zaman yang cerah setelah Sultan Zainal 'Abidin Malik uz-Zahir naik takhta pada tahun 1404 iaitu selepas kerajaan itu mengharungi zaman pemerintahan Sultan Ahmad Pramada'l-Perumal.

Nama Gelar Raja Pasai

Satu hal yang menimbulkan masalah untuk mentafsirkan raja yang mana yang sebetulnya memerintah Pasai ialah apabila didapati lebih daripada seorang raja memakai nama Ahmad dan Muhammad. Sebetulnya, sama ada seseorang raja Pasai itu dapat dipastikan memakai gelar pangkalnya Ahmad atau Muhammad, tergantung kepada bukti yang ditunjukkan melalui nama yang terpahat pada makamnya (jika makam itu dapat ditemui); ataupun ia boleh ditentukan melalui wang dirham yang ditemui (jika ada). Menurut Nicholas Rhodes seperti yang dilaporkan di dalam *Journal of the Oriental Numismatic Society* (201), (2009: 2 – 3) kebanyakan duit syiling Samudera-Pasai yang dijumpai, memakai nama "Muhammad" dan "Ahmad". Para peminat numismatik kini mengakui ada beberapa orang raja yang memakai nama Muhammad dan Ahmad tetapi yang tidak pernah difikirkan oleh para ahli dan peminat numismatik itu ialah mengapa dua nama ini yang menjadi pilihan raja-raja Pasai seperti yang tertera pada wang dirham masing-masing.

Kedua-dua istilah Ahmad dan Muhammad sebetulnya mempunyai erti yang sama iaitu "yang sangat dipuji" (Steingass 2012: 1190). Jadi, dalam kes nama raja di Samudera-Pasai, Ahmad atau Muhammad bukanlah nama peribadi tetapi sebaliknya nama gelar, seakan-akan sama seperti gelar "Yang Maha Mulia" yang diletakkan di pangkal nama seseorang raja. Demikian juga nama gelar Mahmud dalam "Malik ul-Mahmud". "Mahmud" dalam bahasa Parsi dan Arab juga

bererti terpuji, atau patut dipuji (ibid). Oleh itu Malik ul-Mahmud bermakna raja yang patut dipuji; dan gelar Muhammad atau Ahmad Malik uz-Zahir bererti yang sangat patut dipuji atau raja yang berada dalam kemuliaan (Steingass 2012: 827).

Dalam laporan-laporan *Ming Shi-lu* nama gelar Zainul ‘Abidin pun sangat sering dijumpai. “Zain” dalam bahasa Arab bermakna menghiasi atau kecantikan, atau perhiasan (Madina 2007: 300; Cowan 1993: 454). Dalam bahasa Parsi, di samping bermakna menghiasi, “*Zain*” juga bererti seseorang yang telah meninggalkan kehidupan berseronok duniawi (Steingass 2012: 635). Sementara /al/ dalam bahasa Arab adalah kata penentu (yang mendahului kata nama) yang bererti “itu” seperti /al-‘abid/ iaitu membawa maksud “hamba Allah itu”. Istilah /‘Abidin/ (dari kata Parsi /‘abid/ yang apabila digabung dengan kata /din/, iaitu kata yang bererti agama), membawa maksud seorang yang menjadi hamba kepada agama (ibid: 554). Kata /‘abid/ itu sendiri bererti menyembah dan memuja Tuhan, atau pencinta Tuhan, atau penyendiri yang hanya mengabdi kepada Tuhan (ibid: 828, 834); dan kata Parsi /‘abidana/ [عبيدانه] pula
bererti dengan waraknya menjadi hamba Tuhan, (ibid: 828). Oleh yang demikian “Zainul ‘Abidin” bukanlah nama peribadi tetapi nama gelar yang merujuk kepada seseorang yang meninggalkan nikmat kehidupan duniawi dan menjadi pencinta agama Allah. Justeru kerana makna-makna ini, dapatlah disimpulkan bahawa semua gelar raja-raja Pasai yang disangka nama peribadi oleh ramai orang sebenarnya adalah nama gelar belaka. Malangnya sekalipun nama gelar itu mungkin boleh diketahui tetapi tanpa tarikh pemerintahannya sukarlah untuk ditentukan silsilah raja-raja itu.

Nama gelar raja yang serupa juga menjadi masalah bagi kaum sejarawan. Hanya jika dapat ditemui makam yang merakamkan nama gelar dan tarikh kematian seseorang raja itu barulah dapat dibuat kepastian dalam menentukan jurai penggiliran raja-raja yang memerintah di Samudera-Pasai. Sebagai contoh, kekeliruan dalam menentukan raja yang mana menggantikan Sultan Muhammad Malik uz-Zahir akhirnya dapat diketahui berdasarkan tulisan pada makamnya. Telah diketahui tarikh mangkatnya ialah tahun 726 H. atau 1326 M. Dengan yang demikian dia tentulah telah digantikan oleh puteranya dan putera itu tidak lain ialah Malik uz-Zahir Jamaludin (1326 -1349/50).

Cara Memanggil Raja Samudera-Pasai ketika berhadapan dengannya

Dari *HRP* pembaca mengetahui bagaimana Raja Pasai itu dipanggil. Kata “Tuanku” digunakan apabila bertutur dengan raja. Tetapi kepada putera raja, seperti Tun Beraim Bapa pun ungkapan “Tuanku” dan “baginda” digunakan. Berbeza dengan pengarang *Sulalat us-Salatin* yang sering menggunakan Duli Yang Dipertuan apabila bercakap dengan raja, pengarang *HRP* lebih senang dengan ungkapan “Duli Syah Alam” atau “Tuanku Syah Alam”. Penggunaan ungkapan ini menunjukkan ia pertama kali diperkenalkan di dalam karya klasik Melayu *HRP*. Ia kemudiannya sering ditemui di dalam karya-karya hikayat yang ditulis di Aceh, seperti *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Hang Tuha*. Terdapat juga penggunaan ungkapan “paduka anakenda” di dalam *HRP* (walaupun hanya sekali) dalam ayat /Maka baginda pun menyuruh lengkapi seratus perahu akan mengantarkan paduka anakenda itu/ untuk merujuk kepada Tuan Puteri Ganggang, seorang anak gundik Raja Perlak yang hendak dikahwinkan dengan Malik us-Salih.

Pilihan kata “Malik” yang bererti raja dalam bahasa Arab dan Parsi telah digunakan oleh pengarang bagi semua raja Pasai sejak zaman Malik us-Salih menunjukkan betapa pengarang *HRP* telah cuba mengingati nama-nama raja atau anak raja dalam sejarah Pasai melalui ceritera lisan tetapi tidak dapat menceritakan kisah mengenainya secara kronologis menurut kaedah sejarah. Betapapun demikian, pada fikiran saya nama raja-raja Pasai yang memakai gelar

"Malik" seperti Malik us-Salih, Malik ul-Mahmud, Malik ul-Mansur, Malik uz-Zahir dan Malik ut-Tahir bukanlah nama asli raja-raja tersebut tetapi sebaliknya hanyalah nama gelar sahaja. Jika benar ada beberapa nama Zainul 'Abidin yang ditemui terukir pada wang syiling Pasai maka tidak mustahil nama Zainul 'Abidin pun mungkin hanya nama gelar sahaja. Dalam amalan raja-raja Melaka pun apabila seseorang itu naik takhta maka nama gelarnyalah yang dipakai, seperti misalnya Raja Kasim menjadi Sultan Muzafar Syah apabila dia menaiki takhta Melaka. Manakala Raja Abdullah pula diberikan nama gelaran Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah pula mempunyai nama asalnya Raja Husin dan Sultan Mahmud Syah asalnya bernama Raja Mamat.

Pantangan menyebut nama asal ini memang bersesuaian dengan kepercayaan animisme yang dianuti oleh penduduk rumpun Melayu di Nusantara:. Pantangan menyebut nama kelahiran seseorang yang disebut "tabu perkataan" atau *word taboo* oleh ahli linguistik adalah mematuhi amalan kepercayaan terhadap pengaruh "semangat" atau ruh atau makhluk halus yang menghuni pada setiap benda di dalam alam semesta, termasuk pada diri dan peribadi manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Kepercayaan terhadap semangat[21] ini berleluasa dalam kalangan masyarakat bukan sahaja di kepulauan Melayu, bahkan juga di seluruh Asia Tenggara dan Melanesia. Terkait dengan kepercayaan ini ialah bahawa nama seseorang itu pun merupakan sebahagian yang penting daripada dirinya. Seandainya ada orang yang mahu mengenakan sihir terhadap bahagian-bahagian dirinya, seperti rambutnya, kukunya, giginya, pakaiannya, bahkan bayang-bayangnya pun dan termasuk juga nama asalnya, sihir itu akan dianggap menjadi (Frazer 1911: 318 – 320, 332, 338 - 341). Oleh yang demikian ada pantang larang yang terkait dengan nama seseorang. Orang yang sudah meninggal lazimnya disebut "Arwah si polan" atau "Arwah si anu" dan tidak namanya yang disebut. Nama sebenar pahlawan dan pembesar juga tidak disebut di hadapan khalayak.

Tabu menyebut nama ini memang ada kaitannya dengan kekhuatiran bahawa orang yang punya nama asli itu boleh disihir atau dipuja melalui ruh atau semangatnya. Bagi raja-raja yang memerintah kerajaan berserta dengan golongan bangsawannya nama asal mereka adalah pantang disebut, baik dalam perbualan mahupun tulisan, sehinggakan nama-nama itu tidak diketahui umum. Itulah rasionalnya mengapa calon raja yang naik takhta tidak disebut namanya, bahkan diubah atau diberikan gelaran yang baharu.[22] Seyogia diingati dalam kepercayaan bangsa-bangsa di daratan Asia Tenggara pun, amalan mematuhi tabu menyebut nama yang sebenar seseorang pembesar sangat dipatuhi.

Dengan hal yang demikian maka tidaklah menghairankan jika nama raja Pasai yang memerintah kerajaan Pasai dan mangkat pada tahun 1297 itu hanya dikenali dengan gelaran "Malik us-Salih" yang sebetulnya apabila diterjemahkan bergelar Raja yang "Alim". Namun di dalam *HRP* pembaca diberitahu bahawa nama asalnya ialah Mĕurah Silo yang jika diterjemahkan bererti "Raja Kecil" Silau. Nama ini pun saya fikir hanya nama gelar sahaja. Nama 'Raja Ahmad' dan 'Raja Muhammad' yang dipegang oleh watak ketua wilayah sebelum Islam bertapak di Pasai, pun sebenarnya merupakan gelar yang simbolik yang dipakai oleh pengarang asal *HRP*. Seperti yang telah dinyatakan di atas, kedua-dua nama, Ahmad dan Muhammad sebetulnya dalam bahasa Arab atau Parsi bererti orang yang terpuji. Demikian juga nama "Mahmud" suatu varian daripada Muhammad yang juga bererti "yang dipuji". Nama "Mansur" pula jika diterjemahkan bererti "yang dibantu, dipertahankan, dilindungi (Allah)"; ia juga bererti "menang atau berjaya" (Steingass 2012: 1329). Walau bagaimanpun, nama atau nama gelar Mansur juga dipilih mungkin kerana ia adalah nama keluarga Khalifah kedua Abbasiah.

Silsilah raja-raja Samudera-Pasai menurut *HRP*

Bab pertama *HRP* membuka kisah permulaan silsilah raja-raja Pasai dengan menampilkan mitos Raja Ahmad dan Raja Muhammad mendapat anak pungut, seorang bernama Puteri Betung dan seorang lagi bernama Mĕurah[23] Gajah. Perkahwinan dua orang watak mitos ini melahirkan anak mereka yang bernama Mĕurah Silo (yang bererti "silau" dalam bahasa Aceh) dan Mĕurah Hasum (yang bererti pedang yang tajam dalam bahasa Parsi).[24] Kesemua nama ini sebetulnya adalah nama gelar. Ahmad ialah nama lain bagi Muhammad. Kedua-duanya bererti yang sangat patut dipuji (Steingass 2012: 22). Jadi, ketiga-tiga watak mitos itu kekal sebagai mitos, bukan orang yang sebenar wujud dalam sejarah Pasai. Gelar "Hasum" pula direkayasa oleh pengarang *HRP* untuk melakar silsilah Malik us-Salih yang apabila dikaitkan dengan nama gelar Mĕurah Silo, dia mempunyai pertalian kekeluargaan dengan keluarga mitos Mĕurah Gajah dan Puteri Betung. Tujuan pengarang barangkali ialah untuk menunjukkan bahawa asal-usul silsilah raja pertama masuk Islam di Pasai itu ialah orang Pasai asli dari daerah rimba *Jruen* dan daerah di balik rimba di negeri Samarlanga.

Kisah Raja "Ahmad" dan Raja "Muhammad" dan isteri masing-masing adalah mitos yang direkayasa oleh pengarang. Mereka itu adalah bapa angkat dan ibu angkat Mĕurah Gajah dan Puteri Betung, suami-isteri yang telah melahirkan watak yang dimitoskan iaitu Mĕurah Silo dan Mĕurah Hasum. Di dalam *HRP* tokoh Mĕurah Silo adalah watak yang sentral dalam kisah pengislaman Pasai, tetapi saudaranya Mĕurah Hasum, telah ditenggelamkan begitu sahaja oleh pengarang selepas mereka berdua berselisih faham dan setelah Mĕurah Silo diangkat sebagai Sultan Malik us-Salih. Raja yang memakai gelar Malik us-Salih adalah tokoh sejarah yang benar-benar wujud kerana kewujudannya boleh disahkan oleh kehadiran makamnya, tetapi Mĕurah Silo hanyalah tokoh mitos.

Ternyata pada makam raja yang bergelar Sultan Malik us-Salih itu, terpahat juga gelar panjangnya yang menyebutnya "al-mulaqab[25] bi[26]-Sultan Malik us-Salih". Terjemahan dari bahasa Arabnya ialah "yang diberi gelar oleh kerana dialah Sultan raja yang yang alim." Pada duit dinarnya (Leyten 2006: 31), dia juga memakai gelar "Salehuddin" yang bererti lelaki yang muhsin, yang bertindak wajar dalam agama (Cowan (Wehr)1993: 609 dan 353; cf. Steingass 2012: 779 dan 554).

Menurut pengarang *HRP* selepas Malik us-Salih mendirikan negeri Pasai anaknya Malik ut-Tahir telah dilantiknya sebagai raja Pasai. Malik us-Salih sendiri menjadi raja di Samudera. Selepas mati Malik ut-Tahir kedua-dua anaknya Mahmud dan Mansur berkebetulan masih kecil; oleh kerana itu kerajaan di Pasai telah dipangku oleh Malik us-Salih. Tetapi setelah mereka dewasa Malik ul-Mahmud telah dirajakan di Pasai dengan Sayid Ali Ghiyathuddin sebagai Perdana Menterinya; sementara adiknya Mansur yang masih kecil dibawa oleh Malik us-Salih ke Samudera Darussalam. Peristiwa Malik ul-Mahmud menjadi raja di Pasai itu tentulah berlaku pada sekitar tahun 1290-an iaitu sebelum mangkatnya Malik us-Salih pada tahun 1297. Seterusnya, pengarang *HRP* pun menceritakan bahawa sebelum Malik us-Salih mangkat dia telah menabalkan Malik ul-Mansur sebagai raja Samudera dengan Sayid Sama'imuddin sebagai Perdana Menterinya. Jika menurut urutan cerita yang wajar, peristiwa ini tentulah berlaku pada sekitar menjelang penutup abad ke-13.

Dalam pada itu, pengarang *HRP* bercerita pula betapa Siam telah menyerang Pasai ketika zaman pemerintahan Malik ul-Mahmud.[27] Jika mengikut urutan kronologinya yang munasabah, kejadian ini pastilah berlaku sekitar awal abad ke-14 atau terkemudian sedikit. Tetapi di sini kelihatan betapa kesahihan maklumat sejarah yang diberikan oleh *HRP* boleh

diragukan. Peristiwa Sultan Pasai berbalah dengan Siam itu sebenarnya berlaku pada awal abad ke-15 iaitu penghujung tahun 1407 (*Ming Shi-lu*, 20 Nov. 1407) sekitar satu abad selepas Malik ul-Mahmud memerintah jika menurut *HRP*. Perbalahan ini berlaku pada masa pemerintahan raja yang bergelar Zainul 'Abidin. Walaupun demikian, jika menurut kisahnya di dalam *HRP*, Sultan Mahmud Malik ut-Tahir, mungkin telah naik menjadi raja di Samudera tetapi tanpa diketahui tarikhnya.

Selain kisah serangan Siam itu, di dalam *HRP* terdapat pula kisah Malik ul-Mansur melarikan seorang perempuan dari istana abangnya, Malik ul-Mahmud. Berikutan daripada skandal itu Malik ul-Mansur akhirnya ditangkap ketika menghadiri acara berkhatan anak Malik ul-Mahmud dan lantas diasingkan ke Temiang. Di dalam *HRP* pengarangnya memberitahu bahawa Malik ul-Mahmud mempunyai seorang anak laki-laki bernama Sultan Ahmad Pramada'l Perumal dan dua orang anak perempuan. Tetapi dari segi realitinya anak Malik ul-Mahmud tidak mungkin Ahmad yang oleh pengarang *HRP* diberikan nama julukan Pramada'l Perumal setelah menjadi raja. Mungkin anak Malik ul-Mahmud yang dimaksudkan adalah Sultan Ahmad Malik uz-Zahir yang bertemu dengan Ibn Battutah.

Seyogia diingati antara Pasai dengan Samudera, pengarang *HRP* membayangkan Pasai adalah kerajaan induk dan Samudera adalah bawahan Pasai. Menurut Leyten, kedua-dua orang anak raja, iaitu Mahmud dan Mansur mengeluarkan wang dirham. Di bahagian muka depan wang dinar Malik ul-Mansur terukir nama gelar yang dipakainya, iaitu Mansur Malik ut-Tahir dan di belakang duit itu pula tertera ungkapan "as-Sultan al-Adil" (Leyten 2006: 39). Leyten percaya bahawa Sultan Malik ul-Mahmud telah ditawan oleh Siam; tetapi sebetulnya pendapatnya ini tiada bukti yang boleh menyokongnya. Pandangan Leyten bahawa orang yang bernama Raja Ahmad yang tinggal di rimba *Jruen* seperti yang dikisahkan di dalam *HRP* adalah merujuk kepada Sultan Ahmad yang pertama juga merupakan agak-agakan liar semata-mata kerana watak Ahmad yang menjumpai Puteri Buluh Betung itu hanyalah watak mitos sahaja. Seperti yang telah dijelaskan, kata Arab "Ahmad" bererti "yang amat terpuji", jadi bukan nama sebenarnya. Nama gelar yang ditemui pada duit syiling yang bertulis Ahmad itu besar kemungkinannya merujuk kepada Ahmad Malik uz-Zahir yang ditemui oleh Ibn Battutah, ataupun Ahmad Malik ut-Tahir yang diberikan nama julukan Pramada'l Perumal [فرمدل فرمال].

Nama julukan itu terdiri daripada gabungan kata Sanskrit "Pramada" dan kata Tamil "Perumal". "Pramada" dalam bahasa Sanskrit bererti gila, mabuk, lalai, tidak peduli, tidak bermoral, (Monier-Williams 1999: 685); manakala "Perumal" dalam bahasa Tamil ialah nama dewa yang juga dikenali sebagai Thirumal dan disebut dewa yang mengasihani, dan bersifat penyayang. Pemeluk agama Hindu juga menganggap nama lainnya ialah Vishnu. Kedua-dua nama Pramada dan Perumal yang membayangkan peribadi yang bertentangan ini tampakya digunakan oleh pengarang *HRP* dengan tujuan untuk menggambarkan watak tidak Islaminya Sultan Ahmad itu.

Dua nama gabungan ini dihubungkan oleh kata penentu "al", yang merupakan artikel penentu (*definite article*) dalam bahasa Arab. Lazimnya apabila sesuatu kata diikuti oleh konsonan qamariah dan ditransliterasikan sesuai dengan konsonan syamsiah yang berikutnya, seperti misalnya: /al-Nasir/, /al-salam/, kata yang berkonsonan qamariah itu akan menyerap kata yang memakai konsonan syamsiah itu seperti misalnya kata "al-Nasir" menjadi "an-Nasir", "al-salam" menjadi "assalam" dan "*Sulalat al-Salatin*" menjadi "*Sulalat us-Salatin*". Sisipan artikel penentu /al-/ itu juga boleh dinyatakan memadai dengan huruf /'l-/ menggantikannya, lantaran huruf "Alif-Lam Syamsiah" [ال] yang mewakili sukukata /al/ akan dihilangkan bunyinya apabila bertemu dengan konsonan /pa/ [ف]. yang mengikutinya, seperti misalnya, Abu'l Faḍil (dari Abu al-Faḍil), ahli'l-nujum (dari ahli al-nujum) dan Pramada'l

Perumal (dari Pramada al-Perumal). Menurut pengarang *HRP*, nama yang terakhir itulah yang memerintah Pasai semasa negeri itu diserang oleh tentera Sang Nata[28] raja Majapahit.

Di dalam *HRP* pengarang menunjukkan perwatakan Sultan Ahmad yang buruk, seolah-olah mahu menunjukkan contoh pengajaran bahawa perangai keji seorang raja seperti menaruh keinginan melakukan inses (sumbang mahram) dengan dua orang puterinya sendiri, dan juga tindakan zalimnya terhadap dua orang puteranya, Tun Berahim Bapa dan Tun Abdul Jalil, telah mengakibatkan dia kehilangan kerajaan. Dari sudut pandangan keagamaan, raja ini seolah-olah menerima balasan Tuhan apabila Majapahit menakluki negerinya. Nampaknya motif yang sama juga telah digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* apabila menulis naratif mengenai Sultan Mahmud membunuh adiknya Raja Zainal Abidin (Ahmat Adam (peny. & pentr.) 2016: bab 26), dan anaknya, Raja Ahmad (ibid: bab 30). Balasan kepada Sultan Mahmud Melaka ialah kerajaannya dtumbangkan oleh Portugis dan menyebabkan dia terpaksa melarikan diri, sama seperti yang dialami oleh Sultan Ahmad Pramada'l Perumal.

Melalui tulisan Ibn Battutah, kita mengetahui raja Samudera yang bernama Malik uz-Zahir Jamaluddin (Samuel Lee (pent.) 1892: 200) adalah seorang raja yang sangat terkenal. Dia, kita dimaklumkan, adalah seorang yang warak, berilmu dan sangat merendah diri. Ibn Battutah juga menulis bahawa Malik uz-Zahir adalah seorang penganut mazhab Syafi'i yang menyayangi para fukaha yang datang menemuinya. Raja yang bergelar Malik uz-Zahir Jamaluddin inilah yang memerintah Samudera-Pasai selepas raja yang bergelar Muhammad Malik uz-Zahir mangkat pada tahun 1326. Hanya selepas Malik uz-Zahir yang dipuji oleh Ibn Battutah itu mangkat (iaitu pasca tahun 1346), baru Sultan Ahmad Malik ut-Tahir atau Ahmad Pramada'l Perumal naik takhta kerajaan.

Hubungan Samudera-Pasai dengan China

Menurut A. H. Hill (1960: 9) rekod China juga menunjukkan bahawa pada tahun 1309 M. China telah menghantar utusannya ke Champa, Puh-lin-Pa (Palembang) dan "Pah-shi" yakni berkemungkinannya merujuk kepada Pasai. Tarikh 1309 itu sejajar dengan tahun 708/709 H. Raja Pasai pada masa itu mestilah pengganti Sultan Malik us-Salih yang mati dalam tahun 1297 M. Seperti yang dibukti oleh makam yang ditemui, pengganti itu bergelar Sultan Muhammad Malik uz-Zahir dan dia memerintah hingga 1326 seperti yang tertulis pada makamnya. Selepas pemerintahan raja ini yang menggantikannya ialah raja yang bergelar Malik uz-Zahir Jamaluddin dan seperti yang telah dinyatakan di atas dia digantikan oleh Sultan Ahmad Malik ut-Tahir (1349/50 - 1403). Pada masa selanjutnya Samudera-Pasai boleh diduga telah mengadakan hubungan diplomatik dengan China kerana daripada catatan harian *Ming Shi-lu* yang terdapat masukan maklumat yang bertarikh 18 September 1397 yang melaporkan rasa kecewa kerajaan Maharaja Hong-wu terhadap 30 buah kerajaan *fan* (bangsa gasar) seperti, antaranya, San-fo-qi (Srivijaya di Palembang), Brunei, Pahang, dan Samudera, yang nampaknya telah berhenti menghantar ufti. China menuduh pemulauan itu mestilah berpunca daripada sengketa China dengan San-fo-qi.

Sekalipun raja yang memerintah Samudera-Pasai pada tahun 1397 itu tidak diketahui namanya, lantaran dari tahun tersebut hinggalah 1402 tidak ada apa-apa berita di dalam *Ming Shi-lu* mengenai hubungan Samudera dengan China, namun berdasarkan maklumat bahawa Sultan Ahmad mangkat pada penghujung tahun 1403, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa raja itu adalah Sultan Ahmad Pramada'l Perumal. Hanya pada 3 Oktober 1402 baru *Ming Shi-lu* melaporkan pemerintahan Maharaja Hong-wu China telah menghantar para utusannya ke beberapa negeri termasuk Samudera, memaklumkan kerajaan China mahu berbaik-baik

dengan negeri-negeri *fan* (bangsa gasar) bagi menggalakkan negeri-negeri itu berdagang dan membawa ufti ke istana China.

Berdasarkan maklumat dari *Ming Shi-lu* selanjutnya, jelaslah Samudera-Pasai dan China telah menjalin hubungan dengan lebih aktif lagi pada awal abad ke-15. Nama raja Samudera yang sering disebut pada masa itu ialah yang bergelar Zainul 'Abidin. Pada 25 Ogos 1403, *Ming Shi-lu* pun melaporkan bahawa Maharaja China juga telah menghantar Wen Liang-fu, seorang Timbalan Pesuruhjaya Pemantauan, bersama-sama utusan bernama Ning Shan ke Samudera untuk membawakan hadiah buat raja Samudera.

Implikasi daripada ini menandakan China mungkin telah meletakkan hubungan diplomatik dengan Samudera-Pasai sebagai sangat penting. Dua tahun kemudian, iaitu pada 3 Oktober 1405 (bersamaan 8 Rabi'ul-akhir 808), penyimpan rekod istana Maharaja Yong-le telah melaporkan di dalam *Ming Shi-lu* bahawa utusan yang dikirim oleh Sultan Zainul 'Abidin, raja negeri Samudera, bersama-sama dengan utusan yang dihantar oleh raja negeri Melaka, Bai-li-mi-su-la, dan utusan raja negeri Kalikat (Calicut), Sha-mi-di, telah ikut datang ke istana bersama-sama utusan Maharaja China yang bernama Yin Qing untuk membayar ufti. Daripada maklumat ini kita mengetahui bahawa raja yang memerintah adalah Sultan Zainul 'Abidin, sama ada bergelar Malik uz-Zahir atau Malik ut-Tahir tidak pula dinyatakan.

Maharaja China telah mengeluarkan titah agar raja-raja dari negeri-negeri tersebut diiberikan pengiktirafan sebagai raja dan pemerintah negeri masing-masing dan diberikan cap mohor dan hak paten yang boleh melindungi mereka, berserta dengan kain sutera yang beraneka warna dan pakaian untuk dianugerahkan kepada raja-raja itu. Kebetulan pula tidak lama sebelum itu Pasai memang telah menyaksikan Sultan Malik Zainul 'Abidin menaiki takhta kerajaan pada tahun 1404. Berdasarkan maklumat ini nyatalah Pasai atau Samudera-Pasai telah muncul sebagai sebuah kerajaan yang diiktiraf oleh kerajaan China kira-kira sama waktunya dengan Melaka. Dengan berasaskan nama rajanya, Zainul 'Abidin (dalam tulisan Cina ditulis Zai-nu-li-A-bi-ding), pastilah utusan dari Pasai itu pun beragama Islam. Utusan negeri Samudera-Pasai itu kelihatannya telah berada di istana Maharaja China kira-kira hampir sebulan atau lebih kerana pada 21 Oktober dan 6 November 1405 *Ming Shi-lu* telah melaporkan bahawa utusan Pasai itu telah dijamu bersama-sama dengan utusan dari negeri Xi-yang (merujuk kepada negeri-negeri di lautan sebelah Barat), Kalikat, Melaka dan Jawa.

Sekitar dua tahun kemudian, Samudera dilaporkan sekali lagi telah mengirim utusannya yang bernama Bi-zhe-yaman-hei-di (atau Bi-zhe-ya-man-li-di) ke istana maharaja China untuk mempersembahkan ufti dalam bentuk keluaran tempatan Pasai (*Ming Shi-lu*: 2 Oktober 1407). Maharaja China telah memberikan balasan dengan menganugerahkan pelbagai jenis sutera, kuda berpelana dan beberapa barangan lain. Tidak lama kemudian, pada 20 November 1407 *Ming Shi-lu* melaporkan bahawa Raja Samudera telah membuat aduan bagaimana Siam telah bertindak melampau dan kasar dengan menghantar tenteranya bagi mendesak agar cap mohor raja Samudera dan paten hak milik kerajaannya diserahkan kepada Siam. Tindakan Siam ini telah menyebabkan Maharaja China mengeluarkan amaran kepada Siam agar bertindak lebih bijak dan mengembalikan barang-barang yang dirampas itu. Siapakah raja Pasai ketika ini? Jika *HRP* dirujuk, serangan tentera Siam terhadap Pasai berlaku pada masa Malik ul-Mahmud memerintah. Tetapi berdasarkan laporan China raja yang memerintah waktu Siam berbalah dengan Samudera-Pasai itu ialah Sultan Zainul 'Abidin iaitu bapa kepada Puteri Bahiyah yang juga dikenali dengan nama Sultanah Nahrisyah kerana seperti yang tertulis pada makam ratu itu, Sultanah itu berbintikan Zainul 'Abidin dan Zainul 'Abidin pula berbinkan Ahmad (merujuk kepada Pramada'l Perumal). Pada makam puteri raja itu jelas tercatat tarikh kematiannya, iaitu 17 Zulhijjah 831 H., bersamaan dengan 1428 M. (Iskandar 1996: 104). Zainul 'Abidin

mestilah telah naik takhta lama sebelum itu. Leyten (2006: 3) cuba menyarankan Ratu Pasai itu bernama AlaiAllah [الاءالله] dan dia mati pada hari Jumaat, 14 Zulhijjah 791 H. iaitu bersamaan dengan 4 Disember 1389 M. ataupun 3 Mac 1380. Saya fikir kedua-dua tarikh ini sangat tersasar; lagi pun Leyten, dengan berasaskan maklumat dari Stutteheim (1936) sendiri telah menyatakan terdapat dua makam yang berlainan tarikh.

Tidak mungkin puteri Zainul 'Abidin itu meninggal dunia dalam abad ke-14 memandangkan datuknya Sultan Ahmad pun mangkat pada 28 Disember 1403 seperti yang dibuktikan oleh tulisan pada makamnya. Sementelahnya pula, jika bapa puteri itu, Sultan Zainul 'Abidin mangkat lama selepas peristiwa Siam menyerang Pasai pada penghujung 1407 M. seperti yang dilaporkan oleh *Ming Shi-lu*, maka berertilah puterinya itu sememangnyalah telah meninggal dunia pada tahun 1428 seperti yang diungkapkan oleh Snouck Hurgronje pada tahun 1907.

Ketika sida-sida China bernama Yin Ch'ing (Yin Qing) dikirim ke istana Samudera, rajanya, Zainul 'Abidin (Tsai-nu-li-a-pi-tingki), menurut laporan *Ming Shi-lu* pada 11 Oktober 1405, telah menghantar utusan, untuk ikut bersama-sama Yin Ch'ing membawa ufti. Maharaja China kemudiannya memberikan cap mohor, watikah pengiktirafan Zainul 'Abidin sebagai raja Samudera dan pakaian kebesaran istana yang dibuat daripada sutera. Sejak waktu itu sumber China melaporkan raja Samudera-Pasai tidak pernah ketinggalan menghantar ufti, setiap tahun sepanjang pemerintahan Maharaja Ch'eng-tsu (Groeneveldt, 1960 [1876]: 89).

Pada 11 Julai 1405 *Ming Shi-lu* melaporkan bahawa Zheng He telah dikirim ke negeri-negeri di Lautan Barat yang juga termasuk Samudera. Zeng He telah melawat Samudera beberapa kali, iaitu pada 1405, 1415, dan kali terakhirnya pada 1430 (*Ming Shi-lu*: 29 Jun 1430; Gerini 1909: 650 – 651). Kali pertama dia ke Samudera didapatinya bapa raja Samudera yang sedang memerintah (Gerini 1909: 649) sedang berkelahi dengan jiran-jirannya dan dia telah terbunuh oleh panah beracun milik raja negeri yang rakyatnya bermuka bercacah (bertatu) (merujuk kepada negeri 'Nakur' atau suku Angkola). Oleh sebab anaknya masih belum cukup dewasa, balu raja yang mati itu telah mewar-warkan janji bahawa dia akan mengambil menjadi suami sesiapa pun yang dapat membela kematian suaminya. Seorang nelayan yang mendengar janjinya itu telah menghimpunkan bala tentera untuk menentang musuh negerinya. Maka ekoran daripada itu dia pun dikahwini oleh balu raja yang mati itu, lalu naik takhta kerajaan Samudera-Pasai.

Hal ini mungkin berlaku pada 1407 iaitu tahun yang menurut Gerini (1909: 650) menunjukkan Sultan Zainul 'Abidin telah mengirim utusannya yang bernama "A-li" mengadap Maharaja China untuk menyampaikan ufti. Pada 3 Disember 1409 *Ming Shi-lu* melaporkan Zainul 'Abidin, raja Samudera-Pasai itu telah menghantarkan ufti yang terdiri daripada beberapa ekor kuda dan barang-barang keluaran tempatan negerinya. Tidak ada disebutkan di dalam *Ming Shi-lu* sepanjang tahun 1409 bahawa raja Samudera Pasai sendiri telah datang mengadap Maharaja China seperti yang didakwa oleh Groeneveldt (1970 [1880]: 86) dan Gerini (1909: 650). Sebaliknya, *Ming Shi-lu* pada 10 Januari 1411 melaporkan utusan Zainul 'Abidin bernama Ma-fu-xi-shi telah datang mengadap Maharaja China membawa ufti. Ini diikuti dengan kedatangan utusan Samudera-Pasai pada sekitar akhir Julai atau awal Ogos 1411 (*Ming Shi-lu* 5 Ogos 1411). Pada pada 21 Oktober 1412 sumber China iu melaporkan mengenai utusan Samudera-Pasai dan utusan raja Nanboli (Lamuri atau Lambri) dihantar mengadap Maharaja China untuk menyampaikan ufti. Para utusan itu pula diberikan cap mohor, surat watikah pengiktirafan (paten) dan beraneka jenis sutera, sutera halus berbroked dan kain kasa sutera untuk disampaikan kepada raja masing-masing. Pengurniaan cap mohor dan watikah pengiktirafan gelaran ini biasanya dikirimkan kepada raja yang baharu naik takhta. Besar kemungkinannya kiriman daripada Maharaja China pada tahun 1412 itu adalah petanda Samudera-Pasai telah menyaksikan pergantian rajanya. Juga besar sekali kemungkinannya

pengurniaan Maharaja China itu menunjukkan hubungan antara dua buah kerajaan, Samudera-Pasai dan China telah diperteguhkan lagi. Pada 18 Disember 1412 *Ming Shi-lu* melaporkan Zeng He telah dihantar ke beberapa buah negeri termasuk Samudera untuk membawa titah dan menyampaikan hadiah yang juga berupa barang-barang sutera yang beraneka jenis.[29]

Pada tahun 1412 anak tiri bekas nelayan yang menjadi raja Samudera-Pasai dengan gelar Zainul 'Abidin juga, telah menuntut bela atas kehilangan takhta bapanya. Dia telah membunuh bapa tirinya, raja tua itu, dan lantas menaiki takhta kerajaan. Kejadian ini juga disaingi oleh perisitwa adik kepada raja tua yang bernama Sukanlah [Sekandar], melancarkan pemberontakan sekitar 1412 dari daerah pergunungan. Pemberontakan ini mengganggu kedamaian Samudera-Pasai sampailah pada masa Zeng He kembali lagi ke Samudera pada tahun 1415.

Hubungan diplomatik antara Samudera-Pasai dan China jelas menunjukkan bahawa hubungan yang lebih erat memang wujud seperti yang diwartakan oleh *Ming Shi-lu* pada 17 Oktober 1408 mengenai Laksamana Zeng He dikirim ke beberapa negeri termasuk Samudera dengan membawa hadiah untuk raja, iaitu seperti kain broked sutera halus dan kain kasa sutera. Dengan *Ming Shi-lu* menyebut nama Zainul 'Abidin bermaknalah jika ada pun raja Pasai yang baru naik takhta maka nama gelarnya juga adalah sama. Sesungguhnya, nama Sultan Pasai yang disebut di dalam *Ming Shi-lu* antara tahun 1405 dan 1415 semuanya bergelar Zainul 'Abidin.

Pada sekitar akhir September atau awal Oktober tahun 1415, putera Zainul 'Abidin yang bernama "La-zha Jia-na-yin" telah diutus dengan beberapa orang yang lain oleh bapanya ke istana Maharaja China untuk menyampaikan ufti. (*Ming Shi-lu* 10 Oktober 1415). Pada waktu itu Zeng He pun telah kembali dari Samudera-Pasai membawa orang tahanannya Suganda (atau Sekandar). Ketika dia berada di Samudera-Pasai, Zeng He telah menyampaikan hadiah Maharaja China kepada Sultan Zainul 'Abidin berupa sutera yang berbagai warna dan beberapa hadiah yang lain. Kepada "La-zha-Jia-na-yin", putera Zainul 'Abidin yang mengetuai rombongan utusan dari Samudera-Pasai itu, Maharaja China telah menghadiahkan hiasan kepala, kendit, perak, wang kertas, sutera, dan beberapa pasang pakaian (*Ming Shi-lu* 18 Oktober dan 21 Oktober 1415). Sebelum mereka berangkat pulang pada minggu ketiga bulan November 1415 mereka dan para utusan dari negeri-negeri lain telah dijamu oleh pihak Maharaja.

Kemesraan yang ditunjukkan oleh Maharaja China terhadap raja Samudera-Pasai itu mungkin dapat dibuat inferens bahawa Samudera-Pasai pada waktu itu telah mendapat perlindungan yang terjamin daripada China. Sebelum itu *Ming Shi-lu* pada 10 Oktober 1415 telah melaporkan bahawa pemergian Zeng He ke Samudera yang berkesudahan dengan aksi menangkap pendurhaka yang bernama Su-gan-la (atau Su-wo-la menurut tulisan Cinanya) dengan anak isterinya di Nan-bo-li (Lamuri atau Lamri) menunjukkan Samudera-Pasai terhutang budi kepada China. Tampak jelas tindakan Zeng He itu telah sangat membantu raja Pasai, Zainul 'Abidin.

Su-gan-la (atau Suganda)[30] merupakan adik kepada raja Pasai yang sebelumnya. Barangkali dialah raja yang digantikan oleh Zainul 'Abidin pada tahun 1412. Tuduhan terhadap Suganla (atau Suganda, ataupun Sekandar) ialah dia ingin membunuh Sultan Zainul 'Abidin dengan tujuan untuk merampas takhta kerajaan Samudera-Pasai. Pihak China juga menuduh dia melakukan pemberontakan itu selepas merasa kecewa kerana para utusan dari China tidak memberikan apa-apa hadiah kepadanya (*Ming Shi-lu*, 10 Oktober 1415). Selepas dia ditangkap, pada tahun 1415 itu juga Zheng He telah membawanya ke negeri China untuk dihukum mati. Agak menarik, kisah pemberontakan terhadap Sultan Zainal 'Abidin ini terdapat di dalam

Sulalat us-Salatin tetapi kejadian itu dikatakan berlaku pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah.[31] Bahkan dikatakan Sultan Melaka itu telah menghantar bantuan kepada raja Pasai. Sikap tidak mengikut kronolgi dalam naratif seperti ini menjadi bukti bahawa baik *Sejarah Melayu* mahupun *HRP* tidak dapat dipertahankan sebagai sumber sejarah yang tulen.

Kedatangan utusan diraja Samudera-Pasai membawa ufti ke istana Maharaja China dirakamkan di dalam *Ming Shi-lu* pada setiap tahun antara 1416 dan 1423 (kecuali tahun 1424, 1425, dan tahun antara 1427 dan 1431). Rombongan yang barangkali boleh dianggap yang terbesar dihantar oleh Sultan Zainul 'Abidin, kelihatannya berlaku apabila *Ming Shi-lu* melaporkan pada 13 Julai 1426 bahawa utusan Samudera-Pasai itu terdiri daripada 117 orang anggota dengan diketuai oleh seorang yang bernama Bamu. Sebelum itu, pernah sebanyak dua kali (November 1419 dan Oktober 1420) rombongan utusan dari Pasai diketuai oleh adik raja Pasai yang bernama Mahmud[32] Syah. Penggunaan nama Mahmud sebagai raja Pasai terdapat di dalam *HRP* dengan gelar Malik ul-Mahmud. Kekeliruan boleh saja berlaku pada pengarang *HRP* kerana naskhahnya ditulis selepas 1484. Walaupun Sultan Zainal 'Abidin tidak disebut oleh pengarang, tetapi nama gelar Zainul 'Abidin memang beberapa kali disebutkan di dalam laporan-laporan *Ming Shi-lu* dan oleh itu, Pasai semestinyalah mempunyai hubungan yang akrab dengan raja China, dan nama atau gelar raja Sultan Zainul 'Abidin pun kelihatannya telah digunakan oleh raja-raja Pasai.

Selepas tahun 1426 nama Pasai atau rajanya tidak disebutkan hinggalah pada tahun 1431.[33] Walau bagaimanapun, selang setahun kemudian, iaitu mulai 1433 hingga 1435 hubungan dua kerajaan itu kembali segar seperti yang dilaporkan oleh *Ming Shi-lu* pada tahun 1433, 1434, dan 1435. Pada tanggal 29 April 1435, *Ming Shi-lu* menyebut bahawa oleh kerana raja bergelar Zainul 'Abidin telah terlalu tua maka dia menghantar adiknya, "Ha-ni Zhe-han", untuk memimpin utusan Samudera mengadap Maharaja China. Sumber kerajaan China itu juga menyebut bahawa Maharajanya amat terkesan dengan penghormatan yang ditunjukkan oleh Zainul 'Abidin dengan penghantaran uftinya. Penyebutan nama gelar Zainul 'Abidin menunjukkan dakwaan setengah-setengah pengkaji numismatik[34] bahawa yang naik takhta pada sekitar tahun 1435 itu ialah Sultan Ahmad III adalah tidak benar. Ini kerana laporan *Ming Shi-lu* bertarikh 29 April 1435 itu dengan jelas menyatakan, "Adalah diarahkan A-bu Sai-yi-de [Abu Said], "putera Zai-nuli-Abi-ding" [*sic*], raja negeri Samudera, mewarisi kedudukan raja negeri itu." Dakwaan David L. Tranbarger,[35] seorang pengumpul duit syiling purba, bahawa tarikh naik takhta raja ini (yang namanya didakwa terdapat pada duit syiling Samudera-Pasai) adalah pada 1412, dan memerintah hingga 1455 pun ternyata tidak benar kerana pada tahun 1412 raja Pasai yang muncul memerintah ialah yang bergelar Zainul 'Abidin juga. Dialah raja yang memerintah hingga tahun 1426.

Mengenai Sultan Zainul 'Abidin yang dibicarakan, daripada bukti tulisan pada makam Sultanah Nahrisyah yang terletak di Gampong Kuta Krueng, Kecamatan Samudera, di dalam Kabupaten Aceh Utara, kaum sejarawan kini mengetahui bahawa dia adalah bapa kepada Sultanah itu. Manakala bapa Zainul 'Abidin ialah Sultan Ahmad. Oleh kerana nama Ahmad merupakan gelar yang juga biasa dipakai oleh seseorang raja Pasai maka sukar hendak ditentukan Sultan Ahmad yang mana yang dirujuk sebagai datuk kepada Sultanah Nahrisyah. Mungkin raja yang menaiki takhta kerajaan Pasai pada tahun 1412 itu mempunyai nama pangkalnya Ahmad. Berdasarkan tulisan pada makam Sultanah itu, tarikh kematian Sultanah yang digelar Ratu Bakhsya Khadiyu (*Penguasa yang pemurah*), ialah pada hari Isnin 17 Zulhijjah 831 H. (iaitu bersamaan dengan 6 Oktober 1428). Sultanah inilah yang menggantikan bapanya, Sultan Zainul 'Abidin. Dapat diduga Nahrisyah berkemungkinan besar telah naik takhta pada

akhir tahun 1426 ataupun pada tahun 1427 dan pemerintahannya ternyata singkat sekali. Selepas kemangkatannya, dia pastilah telah digantikan oleh raja yang juga bergelar Zainul 'Abidin pada sekitar tahun 1429 atau 1430 kerana dalam laporan *Ming Shi-lu* bertarikh 11 Mei 1431 disebutkan bahawa "Zai-nu-li A-bi-ding" [*sic*], raja negeri Samudera, telah menghantar utusan mengadap Maharaja China untuk menyerahkan beberapa ekor kuda sebagai ufti.

China kemudiannya menyaksikan perubahan dalam pengisian takhta kerajaannya apabila pada tahun 1435 Maharaja China yang baru, Zheng-tong, telah menggantikan Maharaja Zuan-de (1426–1435). Dia pun memuji raja-raja yang membuat persembahan ufti (termasuk dari Samudera) kerana tindakan itu menunjukkan persahabatan mereka terhadap Maharaja China. Ketika Zheng-tong naik takhta pada 29 Januari 1435 dia telah menyediakan kapal pengangkutan bagi semua utusan yang belum pulang sejak awal tahun 1435, iaitu selepas mengadap Maharaja Zuan-de. Mereka yang datang dari beberapa negeri itu telah dihantar pulang bersama-sama dengan utusan dari Jawa yang bernama "Gao-Xin".

Betapapun demikian, hubungan Samudera-Pasai dengan China telah menjadi sepi selepas 1435 dan hanya disambung lagi pada tahun 1463. Raja China ketika itu masih lagi Zheng-tong. Agak aneh, setelah menyepi selama lebih kurang 28 tahun, raja Samudera-Pasai telah mempersembahkan ufti yang berupa beberapa ekor kuda dan unta, serta barang-barang keluaran tempatan. Namun, selepas itu hubungan antara dua negeri kembali lengang, sampailah pada tahun 1480 apabila Samudera Pasai membawa persembahan ufti ke istana Maharaja China yang bernama Cheng-Hua (1464 – 1487) dan para utusan Pasai itu telah dibalas dengan pemberian hadiah mengikut amalan yang lazim dilakukan oleh China (*Ming Shi-lu* 1 Oktober 1480). Kendati demikian, kendurnya hubungan mesra antara China dan Pasai tampak kelihatan apabila pihak China enggan menunaikan, bahkan menolak, permintaan ketua para utusan Samudera-Pasai untuk mendapatkan hiasan kepala dan kendit sebagai hadiah bagi ahli-ahli rombongannya. Tidak diketahui siapa raja Pasai ketika itu walaupun besar kemungkinannya dia juga bergelar Zainul 'Abidin.

Sejak selepas penghantaran rombongan utusan yang terbesar oleh raja Pasai, Zainul 'Abidin, seperti yang dilaporkan oleh *Ming Shi-lu* pada 13 Julai 1426, sampailah ketika laporannya dibuat pada 1 Jun 1431 yang menyatakan para utusan Samudera-Pasai telah diberikan hadiah berupa sutera berbagai warna dan beberapa pasang pakaian, memang tidak ada apa-apa kenyataan di dalam sumber China itu mengenai Pasai kecuali laporan *Ming Shi-lu* pada 29 April 1435 yang menyatakan Sultan Zainul 'Abidin telah digantikan oleh anaknya Abu Said. Secara kebetulan waktunya dia naik takhta itu jatuh dalam tempoh Melaka diperintah oleh Seri Maharaja (1423/24 – 144/45).

Pasai Selepas 1486

Nampaknya orang yang bergelar Zainul 'Abidin telah menjadi raja Pasai seawal tahun 1404 atau mungkin lebih awal daripada itu, yakni sekitar waktu yang sama ketika Parameswara diiktiraf sebagai raja Melaka oleh Maharaja China pada tahun 1403. Namun demikian, menurut laporan *Ming Shi-lu*, kali terakhir utusan Samudera datang membawa ufti dan mengadap Maharaja China, yang waktu itu masih lagi Cheng-hua, ialah pada 26 Julai 1486. Tetapi oleh kerana utusan itu tidak mempunyai keratan penyata yang bercap meterai yang menunjukkan persembahan ufti adalah dari raja Samudera-Pasai, maka persembahan itu telah disimpan di perbendaharaan rasmi Guan-dong, walaupun tiga orang utusan kemudiannya dibenarkan mengiringi barang-barang ufti itu ketika dihantar ke ibu kota sebelum mereka dihantar pulang. Pihak China pun disarankan mempertimbangkan pemberian hadiah kepada utusan-utusan itu iaitu setiap seorang dihadiahkan satu bolt (gulung) sutera nipis yang mentah, dua gulung kain kapas, dan

jaket tebal serta kasut. Inilah kali terakhir kerajaan China berhubungan dengan Samudera-Pasai sebelum Pasai ditakluki oleh Aceh pada tahun 1524.

Peristiwa bulan Julai 1486 itu menjadi isu yang sukar dijelaskan. Ia berlaku pada masa pemerintahan raja Pasai yang bergelar Zainul ʻAbidin al-Qaim.[36] Apakah pada waktu itu China tidak lagi berminat untuk berdagang dengan Samudera-Pasai justeru kerana kenaikan Melaka sebagai pelabuhan dagang yang menguntungkan di Selat Melaka telah membuat Pasai menjadi malap sebagai pasar dagangan? Atau mungkinkah Samudera-Pasai sedang menghadapi masalah pemerintahan? Soalan ini pun tidak dapat dijawab dengan sebaik-baiknya. Sumber *Ming Shi-lu* langsung tidak lagi menyentuh hubungan China dengan Samudera-Pasai selepas peristiwa 1486 itu.

Walaupun di dalam *HRP* tidak ada dinyatakan tentang hubungan Samudera-Pasai dengan China, apatah lagi mengenai betapa rapatnya hubungan Samudera-Pasai dengan kerajaan negeri China sebelum munculnya Melaka sebagai pusat dagangan yang ampuh di Selat Melaka, namun rekod-rekod istana Maharaja China jelas menunjukkan hubungan itu terutamanya pada abad ke-14 dan awal abad ke-15 adalah rapat.

Di dalam *Hikayat Raja Pasai* kisah pengislaman kerajaan Pasai berlaku apabila Mĕurah Silo iaitu anak kepada Mĕurah Gajah dan Puteri Betung bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad S.A.W. Setelah mengucap dua kalimah syahadat dan menjadi Islam selepas dia dikhatankan secara ghaib, raja kecil bergelar "Mĕurah" ini pun diberitahu bahawa nama [gelaran] Islamnya ialah Sultan Malik us-Salih [ملك الصالح]. Jadi, menurut *HRP* yang menjadi Raja Islam pertama negeri Pasai ialah Mĕurah Silo atau Malik us-Salih. Walaupun hikayat ini bukan sebuah buku sejarah yang tulen namun hakikat bahawa nama gelar Malik us-Salih (yang bererti raja yang warak) bukan sahaja disebut di dalam hikayat itu sebagai raja Islam yang pertama di Pasai, bahkan makamnya pun wujud di daerah Pasai di Gompong Meunasah, Beringin, Aceh menjadi bukti sahih akan keberadaan Islam di Pasai. Sampai ke hari ini tiada sesiapa yang boleh menafikan bahawa Islam memang bertapak awal di Pasai sebelum tersebar luas ke pulau-pulau gugusan kepulauan Melayu yang lain.

Menariknya, pada makam itu terukir tarikh Sultan Malik us-Salih mangkat iaitu pada bulan Ramaḍan tahun Hijrah 696 atau 1297 Masihi. Turut dijumpai ialah makam puteranya, Sultan Muhammad, yang memakai gelar Malik uz-Ẓahir.[37] Menurut ukiran pada nisannya, dia wafat pada malam Ahad dua belas bulan Zulhijah tahun 726 H. iaitu bersamaan dengan 9 November 1326 M. Dengan terungkapnya tarikh ini dapatlah kita menyokong hujah yang mengatakan Pasai sudah menjalin hubungan dengan China sejak 1282 M. dan waktunya ialah pada zaman pemerintahan Malik us-Salih yang meninggal dunia pada 1297 Masihi.

Hikayat Raja Pasai sukar hendak dianggap sebagai sebuah kitab sejarah yang tulen jika menurut takrif ilmu sejarah yang sebenarnya atau jika dilihat dari sudut historiografi moden. Tetapi sebagai sebuah karya sulung penulisan sastera sejarah dalam bahasa Melayu, maklumat kesejarahan Pasai pada masa silam dapat dirangkaikan untuk dicari bukti-bukti sejarah tentang apa yang diceriterakan pengarang asal *HRP*. Melalui tulisannya pengarang sebetulnya ingin memperlihatkan ciri-ciri kehidupan dan cabaran yang dihadapi oleh sebuah masyarakat Islam yang awal terbentuk di rantau ini. Jika *Sulalat us-Salatin* dapat dianggap sebagai sebuah karya sastera sejarah justeru kerana penampilan ciri-ciri sejarahnya yang berbaur dengan mitos dan dongeng, *HRP* pula, yang sebenarnya menjadi model pengarang *Sulalat us-Salatin* mengarang karyanya, adalah karya sastera yang cuba memberikan rasionalnya terhadap kedatangan Islam ke daerah pesisir pantai utara Sumatera iaitu lebih kurang di sekitar kota Lhokseumawe dan Aceh Utara pada hari ini. Kisah perang adik-beradik antara Raja Ahmad

dengan Raja Muhammad, dan perseteruan antara Mĕurah Silo dan saudaranya Mĕurah Hasum yang berasaskan rasa cemburu – yang menyebabkan Mĕurah Silo mengambil langkah meninggalkan petempatannya dan berpindah dari satu daerah ke satu daerah yang lain, sehinggalah dia dirajakan di Rimba *Jruen* – telah dijadikan sebagai latar belakang kisah mitos oleh pengarang yang menceritakan perihal Mĕurah Silo "dimasukkan Islam". Bahawa Malik us-Salih memang benar-benar wujud sebagai seorang tokoh sejarah seperti yang dibuktikan oleh tulisan pada makam yang dijumpai, watak sastera Mĕurah Silo hanyalah suatu mitos yang direka oleh pengarang *HRP.*

Melalui *HRP* pengarang karya itu cuba menunjukkan betapa Pasai, sebelum kedatangan Islam pun, telah dirundung peperangan demi peperangan antara pembesar-pembesar daerah, yang berpunca daripada perebutan kuasa dan persaingan untuk menjadi pemimpin. Kemelut yang berlaku dalam masyarakat di wilayah yang merangkumi rimba *Jruen* dan Sungai Pasangan itu, walau bagaimanapun, akhirnya memberikan kejayaan kepada Mĕurah Silo untuk membuka petempatan yang dinamakan Pasai. Sebelum Malik us-Salih memeluk Islam dia pastilah mempunyai nama peribadinya sendiri. Orang itu sama ada bergelar "Mĕurah Silo" ataupun lain, adalah yang sebenarnya tokoh sejarah yang penting. Tetapi seperti yang ditulis oleh pengarang *HRP* nama gelar "Mĕurah Silo" itulah yang ditakdirkan memeluk agama Islam, walaupun ada kemungkinannya nama gelar ini sebenarnya suatu mitos atau dongeng yang pernah didengari dan diketahui pengarang melalui cerita-cerita lisan rakyat, ataupun mungkin pula gelar itu direkanya sendiri. Namun, daripada gelar "Silo" itu sendiri telah dibayangkan oleh pengarang watak itu "silau" dari segi penglihatan mata kasar seperti pandangan langsung yang dikaburkan oleh sinar matahari yang kuat. Oleh kerana itu, untuk mengusut asal usul sebenar seorang "raja kecil" (Mĕurah) yang mula-mula sekali masuk Islam dan menjadi raja Pasai pertama itu, ia disilaukan oleh peredaran zaman.

Di dalam *HRP* pengarang melukiskan betapa pada zaman Islam sudah bertapak pun, iaitu sejak pertengahan abad ke-13 lagi, Samudera Darussalam mengalami kemerosotan akhlak anak rajanya dan justeru kerana itu pengarang cuba memperlihatkan betapa amalan-amalan buruk yang dilarang oleh agama itu boleh mendatangkan ancaman kepada kehidupan beragama. Namun demikian, pengarang *HRP* pun cuba memperlihatkan bagaimana kemelut permasalahan manusiawi yang melanda masyarakat Pasai itu akhirnya ditenteramkan dengan penukaran suasana daripada masyarakat yang tidak beragama wahyu kepada masyarakat yang memeluk Islam. Pemugaran wajah baru negeri Pasai dilukiskan oleh pengarang *HRP* dengan kisah perkahwinan puteri Perlak dengan Sultan Malik us-Salih. Turut dilakarkan ialah kedatangan pedagang India ke Pasai untuk mencari emas dan berbahagi kekayaan di negeri itu. Suasana kemakmuran negeri Pasai inilah yang membolehkan Pasai menjalin hubungan dengan kuasa-kuasa luar untuk membudayakan perniagaan dan perdagangan dalam masyarakatnya.

Hal ini telah disahkan oleh tulisan pelawat seperti Ibn Battutah yang melihat suasana kesejahteraan dalam masyarakat Pasai itu ketika dia berkunjung ke istana raja Pasai, Malik uz-Zahir Jamaluddin[38] sekitar 1345 dan 1346. Menurut Ibn Battutah (Samuel Lee 1829: 200), dia sangat terkesan dengan suasana gemilang kota Pasai serta sambutan hangat yang diberikan kepadanya dalam kunjungannya. Menurutnya, dia disambut dengan pemberian dua orang hamba perempuan dan dua orang hamba laki-laki dari Sultan Samudera-Pasai. Dia memuji Malik uz-Zahir sebagai seorang raja yang sangat ternama, dan terkenal murah hati dalam kalangan raja-raja. Katanya, raja itu bermazhab Syafii dan sangat senang dengan para fuqaha. Golongan bijak pandai dialu-alukan dalam masyarakatnya dan bebas berbincang dengannya. Malik uz-Zahir, menurut Ibn Battutah, adalah wira dalam agamanya, seorang yang merendah diri, hinggakan untuk sembahyang Jumaat pun dia sanggup berjalan kaki. Oleh kerana dia

dianggap perkasa pada mata jiran-jirannya yang kafir, mereka pun membayar ufti kepadanya.[39]

Ketika Ibn Battutah datang ke Pasai, negeri itu telah pun mencapai kedudukan yang gemilang. Kesultanan Pasai tidak sunyi daripada kehadiran orang luar. Menurut Ibn Battutah waktu dia hendak pergi ke istana, dia telah disambut oleh Amir Dawlasa bersama-sama Kaḍi Amir Sayyid, seorang yang berasal dari Syiraz, dan Tajuddin dari Isfahan (kedua-duanya wilayah Parsi), berserta beberapa orang kaḍi dan juga beberapa orang ulama (Gibb: 273). Mereka semua menggunakan kuda untuk pergi ke ibu negeri yang disebut "Sumutrah" (Samudera). Menurut Ibn Battutah kemakmuran Samudera terbayang daripada betapa besar dan indahnya bandar itu. Berdasarkan duit dinar yang terukir dengan nama Ahmad Malik uz-Zahir yang dijumpai oleh ahli numismatik boleh dijangka bahawa raja Pasai yang disebut dengan nama tersebut besar kemungkinannya merujuk kepada raja yang dikunjungi oleh Ibn Battutah pada tahun 1345/46 itu.

Berita perkembangan kerajaan Pasai dan kemakmuran yang diraih sejak pada masa pemerintahan Malik ul-Mahmud (yang menurut pengarang *HRP* telah bertambah-tambah kebesarannya dan kemuliaannya), telah mendorong Siam untuk membuat angkara terhadap Pasai. Dari segi sejarah yang sebenarnya, ketegangan hubungan antara Pasai dan Siam ini bahkan telah dirakamkan oleh *Ming Shi-lu* pada 20 November 1407 yang menyebut betapa Pasai telah mengadu kepada Maharaja China mengenai tindakan agresif Siam merampas cap mohor raja Pasai yang diberikan oleh Maharaja China dan memaksa paten hak milik kerajaan diserahkan. Tindakan Siam ini walau bagaimanapun telah ditumpulkan apabila Maharaja China memberi amaran kepada rajanya. Seandainya pengarang *HRP* ingin mengaitkan kejadian pada tahun 1407 itu dengan pemerintahan Malik ul-Mahmud maka tidak syak lagi sultan yang bergelar Zainul 'Abidin yang naik takhta pada 1404 M. itulah yang harus dirujuk.

Bahawa *HRP* boleh menjadi sumber sejarah yang bermanfaat untuk mengetahui sejauh mana Islam dapat merubah masyarakat di wilayah yang dinamakan Samudera-Pasai, jelas dibantu oleh maklumat yang bukan sahaja menceritakan kemakmuran kerajaan Pasai tetapi juga dugaan-dugaan yang dihadapi oleh negeri itu sebagai sebuah kerajaan Islam. Melalui *HRP* pengarang telah memberikan gambaran bahawa sekalipun raja-raja Pasai telah memeluk Islam perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama itu, seperti amalan sumbang mahram antara bapa dan anak perempuannya, dan perbuatan hasad dengki antara sesama ahli keluarga dan penzaliman terhadap kerabat sendiri, seperti yang dilakukan oleh bapa kepada anak-anaknya, masih terus berleluasa.

Naratif yang cuba disampaikan oleh pengarang ialah bahawa amalan-amalan yang bertentangan dengan akidah Islam yang masih diamalkan oleh raja Pasai tertentu boleh merosakkan kesepaduan masyarakat seperti yang terbukti berlaku akhirnya melalui peristiwa Majapahit menyerang Pasai pada masa Patih Gajah Mada menjadi maha patihnya. Ketika Pasai jatuh Sultan Ahmad Pramada'l Perumal pun telah melarikan dirinya. Penaklukan Pasai oleh Majapahit pastilah berlaku antara tahun 1350 dan 1363 kerana Patih Gajah Mada mati pada sekitar tahun 1364. Tetapi dominasi Majapahit ke atas Pasai tidaklah melebihi setengah abad kerana selepas tahun 1397 Majapahit tidak lagi berupaya mengurus negara-negara bawahannya yang di luar Jawa lantaran masalah-masalah dalaman kerajaannya. Menurut Slamet Muljana (1981: 260) inilah salah satu sebab mengapa Pasai kembali memperoleh kemerdekaannya dan mampu bertahan sebagai kerajaan hingga tahun 1524. Pada tahun itu, Pasai telah diserang oleh Aceh pada masa pemerintahan Sultan Aceh pertama, Ali Mughayat Syah. Betapapun demikian, *HRP* hanya dapat dianggap sebagai karya sastera sejarah sahaja kerana dari sudut periodisasi sejarahnya ia terbukti tidak sempurna. Pengarangnya hanya menceritakan peristiwa-peristiwa

yang berlaku terhadap raja-rajanya sampai pada masa penaklukan Pasai oleh Majapahit dan larinya Sultan Ahmad.

Pengaruh *HRP* terhadap penulisan *Sulalat us-Salatin*

Kecenderungan pengarang *HRP* untuk menjadikan karyanya sebagai sindiran yang tajam terhadap raja-raja dengan tujuan membawa pengajaran itu telah diikuti kemudiannya oleh pengarang asal *Sulalat us-Salatin* pada sekitar tiga dasawarsa pertama abad ke-16 yang menjadikan karyanya bukan sahaja sebagai riwayat silsilah raja-raja Melayu tetapi lebih daripada itu, sebagai kitab *pituturan* (atau "*petuturan*") yakni dalam bahasa Kawinya membawa erti nasihat, peringatan dan pengajaran kepada raja-raja. Melalui *HRP* pengarang asalnya bukan sahaja melakukan rasionalisasi bagi pertapakan Islam di Pasai tetapi juga membuat perbandingan perwatakan antara raja-raja Pasai dalam bentuk kisah yang boleh menyentuh perasaan sedih bagi pembacanya dan rasa geram terhadap raja yang dianggap bernafsu rakus dan tidak berperi kemanusiaan seperti yang digambarkan melalui watak Sultan Ahmad Pramada'l Perumal yang berahikan dua orang puterinya, Tun Mudam Priya dan Tun Takiah Dara, serta dengkikan dua orang puteranya, Tun Beraim Bapa, dan Tun 'Abdul Jalil.

Melalui watak mitos Tun Beraim Bapa pengarang *HRP* juga mengungkapkan betapa anak raja yang dimusuhi bapanya itu rela berkorban menghadapi maut daripada mengingkari doktrin "pantang mendurhaka" yang selama berkurun-kurun menjadi pegangan sosio-politik orang Melayu. Kaedah yang digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan watak Sultan Ahmad Pramada'l Perumal di dalam *HRP* nampaknya telah memberi ilham kepada pengarang *Sulalat us-Salatin* untuk menyindir secara halus Sultan Mahmud Syah dengan melukiskan watak raja itu yang juga tidak kurang rakusnya dan lemah akhlaknya, sehingga pemerintahannya berkesudahan dengan penaklukan Melaka oleh Portugis, sekalipun penaklukan itu sudah ditetapkan oleh takdir. Demikian juga kisah Tun Beraim Bapa yang dicemburui oleh bapanya sehingga dia sanggup membunuh anak sendiri, telah memberikan ilham kepada pengarang *Sulalat us-Salatin* untuk menulis kisah saudara lelaki Sultan Mahmud Syah bernama Raja Zainal 'Abidin yang dicemburuinya kerana kekacakan wajah dan keanggunan dirinya sehingga menyebabkan dia digilai oleh ramai wanita istana, dan berkesudahan dengan dia menjadi mangsa kepada kerakusan abangnya sehingga sanggup membunuh adik sendiri (lihat Ahmat Adam (peny. & pentr.), *Sulalat us-Salatin*), bab 26 (2016: 307 - 309).

Di dalam bab 30 (ibid: 353) terdapat kisah Sultan Mahmud Syah, raja Melaka itu, membunuh anaknya sendiri iaitu Sultan Ahmad di Kopak, kerana dia tiada berkenan dengan kelakuan Sultan Ahmad yang dikatakan "tiada kasih akan segala pegawai dan segala orang besar-besar, melainkan segala orang muda-muda". Perbandingan watak dua orang raja ini, seorang di Pasai dan seorang lagi di Melaka, menepati tujuan pengarang *Sulalat us-Salatin* untuk menjadikan *Sejarah Melayu* sebagai "pituturan" atau peringatan dan pengajaran kepada raja-raja.

Daripada *HRP* jugalah pengarang asal *Sulalat us-Salatin* yang namanya tidak diketahui itu telah memasukkan kisah pembukaan Melaka yang diciplaknya daripada peristiwa seekor pelanduk di tanah tinggi telah menjinakkan salakan anjing bernama Si Pasai, iaitu anjing milik Sultan Malik us-Salih sehingga kedua-dua binatang itu dilihat oleh raja berdakap-dakapan. Satu lagi motif yang ditiru oleh pengarang *Sulalat us-Salatin* ialah pengislaman raja Melaka, Sultan Muhammad yang juga berdasarkan kisah Mĕurah Silo bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad S.A.W. yang telah mengislamkannya.

Sebagai sebuah karya sastera sejarah yang menjalin peristiwa yang benar-benar berlaku dalam sejarah pesisir Sumatera Utara dengan mitos dan cerita rakyat, nampak jelas cita-cita

pengarang *HRP* untuk meriwayatkan sejarah pertapakan Islam sambil memaparkan kelemahan-kelemahan manusiawi yang mencabar keutuhan sistem agamawi itu selama lebih daripada suatu abad menjadi motif penulisannya.

Pengaruh luar yang diterima oleh *HRP*

Tetapi karya yang ditulis oleh pengarang yang tidak dikenali itu tidaklah terhasil tanpa pengarang menerima ilham daripada karya lain. Di dalam *HRP* misalnya nama watak Dara Zulaikha Tangkap jelas diciplak daripada nama Zulaikha dalam kisah percintaan Zulaikha dengan Nabi Yusuf[40] seperti yang diriwayatkan semula oleh penyair Parsi, Maulana Nuruddin Abdurrahman Jami (1414 - 1492) yang menulis puisi epiknya itu sekitar tahun 1483. Nama puteri raja di Maghrib yang kisahnya berasal daripada kandungan Surah 12, "Yusuf", di dalam kitab suci al-Quran, telah digunakan oleh pengarang *HRP* sebagai nama penghulu gundik Sultan Ahmad Pramada'l Perumal dengan tambahan gelar "Dara" dan "Tangkap".[41] Pengarang *HRP* mungkin telah mengetahui kisah yang dikarang oleh penyair Parsi, Jami, mengenai bagaimana Zulaikha tertawan dengan kekacakan rupa dan keanggunan Nabi Yusuf, dan akibatnya "tertangkap" dalam jerat percintaan dengan Nabi Yusuf, seperti yang digambarkan dengan indahnya oleh Jami.

Oleh kerana Zulaikha tersangat cintakan Nabi Yusuf dia telah cuba sedaya upayanya memikat atau menggoda Nabi Yusuf. Mungkin justeru kerana sangat terkesan dengan puisi percintaan Zulaikha dan Yusuf itulah yang mendorong pengarang *HRP* yang barangkali juga mengetahui sedikit bahasa Parsi, mendapatkan ilham untuk menamakan penghulu gundik Sultan Ahmad itu, "Zulaikha", dan dijadikannya watak mitos di istana Pasai. Suatu episod dalam kisah yang diceriterakan oleh Jami juga seolah-olah telah memberikan ilham kepada pengarang *HRP* untuk menggambarkan betapa Tun Beraim Bapa yang naik ke selasar istana telah terserempak dengan seorang lagi gundik Sultan Ahmad bernama Tun Fatimah Lampu. Gundik ini sedang mengarang bunga dengan Dara Zulaikha. Dalam episod bergurau itu Tun Beraim Bapa telah mengejar Tun Fatimah Lampu sehingga tertangkap punca kain gundik itu. Bahu Tun Beraim Bapa sendiri pun terhantuk pada pintu istana. Peristiwa yang kecil ini kelihatannya seolah-olah telah diciplak oleh pengarang *HRP* daripada episod yang terdapat di dalam syair Jami yang menyebut Yusuf melarikan dirinya daripada Zulaikha. Tetapi kisah yang disyairkan oleh Jami itu telah diterbalikkan atau diubah wataknya oleh pengarang *HRP* iaitu Tun Beraim Bapa yang mengejar Tun Fatimah Lampu dan bukan Zulaikha yang mengejar Yusuf. Di dalam syair Jami disebut Zulaikha "mencengkam celana[42] Yusuf sambil Yusuf berlari itu dan menarik bajunya hingga menyebabkan baju Yusuf terkoyak dari belakang bahunya."[43] Barangkali kerana tertarik dengan kisah "Yusuf dan Zulaikha" itu, pengarang *HRP* bahkan telah menulis kata-kata Sultan kepada Dara Zulaikha yang bergelar Tun Darma Dikara dalam bentuk yang puitis seolah-olah pengarang mendapat idea daripada syair Abdurrahman Jami. Tarikh penulisan syair oleh Malulana Abdurrahman Jami itu boleh dijadikan sebagai inferens mengenai bila waktunya *HRP* ditulis. Dapat diduga bahagian yang memasukkan watak Zulaikha Tangkap itu telah ditulis kira-kira pada atau selepas 1483, besar kemungkinannya dasawarsa terakhir abad ke-15. Tahun 1486 adalah kali terakhir utusan Pasai datang ke China. Tetapi nama raja Pasai tidak dinyatakan. Jadi, siapakah raja yang memerintah pada period antara 1484 sampai 1500 tidaklah diketahui melalui mana-mana sumber. Nama Raja Pasai dewasa itu atau lebih tepat jika dikatakan gelarnya, ialah Zainul 'Abidin al-Qaim. Namun nama raja yang memerintah selepasnya sampai ke tahun 1500 tidak pula diketahui melalui mana-mana sumber.

Pengaruh Parsi

Bahawa pengaruh Parsi kelihatan jelas di dalam *HRP* dapat dibuktikan dengan kehadiran kata-kata Parsi yang banyak. Bukan sahaja kata-kata yang memberikan makna yang bersifat konseptual atau abstrak, seperti *makar sakhir* (tipu muslihat), *maghrur* (angkuh), kata-kata yang biasa seperti nama orang dan nama gelar pun diambil daripada bahasa Parsi. Kata-kata seperti /*marhum*/ yang membawa erti yang dikasihani, /*midan*/ (yang bermakna lapangan terbuka atau medan peperangan), bahkan nama orang seperti /Sekandar/[44], /Hasum/ (yang bererti mata pedang yang tajam), dan nama tempat /Samarkand/ (tempat mengaji Nuruddin Abdurrahman Jami, pengarang syair Yusuf dan Zulaikha), /*barr*/ (gelaran pada nama *Bar* Mamat), yang bererti baik, adil, bersifat benar) dan *mudam* (ertinya berterusan) seperti pada nama Mudam Priya, dan /*takiah*/ (yang bererti tempat istirahat atau bantal) untuk gelaran Takiah Dara, adalah beberapa contoh. Begitu juga kata /*sakar*/ (yang bererti roti yang dibuat daripada tepung halus dan dibakar dengan mentega dan gula) adalah daripada bahasa Parsi. Kata ini pun menjadi sebahagian daripada nama gelar Tulus Agung Tukang Sakar. Tetapi oleh kerana penyalin yang terkemudian tidak tahu makna kata ini maka ejaannya telah menjadi /Sukara/. Memang, bagi pengarang *HRP* kata-kata Parsi itu berguna baginya untuk menamakan watak-watak tertentu di dalam karyanya.

Penutup

Hikayat Raja Pasai tidak mungkin dapat dianggap sebagai sebuah karya sejarah yang tulen. Ia sebaliknya adalah sebuah karya sastera sejarah. Namun, dari segi sejarah tidaklah dapat dipertikaikan bahawa Pasai adalah kerajaan Melayu pertama yang memeluk Islam (Iskandar 1996: 99). Melalui *Hikayat Raja Pasai* bahasa Melayu kuno telah berkembang menjadi bahasa Melayu pra-klasik dan tulisan Jawi menjadi tulisan sastera Melayu. Melalui tulisan Jawi inilah karya agama bersifat ilmu dasar Islam seperti ilmu tauhid, rukun Islam dan ilmu fiqh dihasilkan dalam bahasa Melayu. Turut disebarkan ialah terjemahan asing seperti dari Parsi dan Arab yang berbentuk mistisisme, tasawuf dan riwayat hidup Nabi, dan kisah sahabat-sahabatnya serta karya sastera yang melibatkan tokoh-tokoh utama Islam. Ketiadaan pentarikhan sebagai dalil dalam naratif penceritaannya menyebabkan timbul banyak kekeliruan dalam menyusun silsilah raja-raja Samudera-Pasai. Hanya dengan terdapatnya bukti-bukti seperti makam raja-raja dan kerabatnya serta sebanyak sedikit maklumat daripada sumber China baru boleh membantu dalam memberikan tarikh pemerintahan seseorang raja seperti makam Malik us-Salih dan makam Sultan Malik uz-Zahir yang pada pangkal namanya disebut Ahmad atau Muhammad. Sumber dari para ahli numismatik walaupun tidak banyak membantu dari segi pentarikhan tetapi ia boleh juga membantu pengkaji menentukan nama atau gelar raja-raja itu sebagai upaya mengukuhkan fakta sejarah.

16 Tetapi pada pendapat saya, nama gelar dalam sebutan China itu lebih sesuai diterjemahkan sebagai "Malik ut-Tahir". Andaian Gerini bahawa sebutan /Zaher/ (*sic*) atau Dhaher (*sic*) disebut /Taher/ (*sic*) oleh orang Melayu tidaklah benar kerana /Tahir/ dan /Zahir/ mempunyai makna yang berbeza. Tahir [طاهر] dalam bahasa Arab bererti suci, bersih, murni, alim, berakhlak mulia, (Madina 2007: 405). Manakala kata Arab zahir [ظاهر] bererti jelas, ketara (Madina 2007: 415).

17 https://steemit.com/steemit/@auzifalevi/history-of-samudera-pasai-sultanate.

18 Semua maklumat sejarah lisan berhubung dengan nama Majapahit di kawasan Samudera dipetik daripada Slametmulyana (1979: 144) dan T. Ibrahim Alfian (1973: 26).

19 Penukaran tarikh Hijrah ke Masihi dibuat dengan berasaskan hitungan *Calendar Converter* (http://www.math.harvard.edu/computing/javascript/Calendar/).

20 Pada 25 Ogos 403 *Ming Shi-lu* melaporkan bahawa Timbalan Pesuruhjaya Pengawasan China bernama Wen Liang-fu, dan utusan Maharaja China yang bernama Ning Shan, telah dihantar ke Samudera di samping ke Jawa dan Xi-Yang (negeri di lautan Barat). Lawatan mereka ke Pasai itu pastilah tidak lama sebelum

mangkatnya Sultan Ahmad Pasai. Semua petikan maklumat daripada sumber *Ming Shi-lu* telah diambil daripada Geoff Wade, yang telah menterjemahkan rekod China itu di bawah judul "Southeast Asia in the Ming Shi-lu: an open access resource", Singapore: Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore, http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/1, Semua maklumat diakses antara 16 November 2018 hingga 30 Januari 2019.

21 Mengenai "semangat" lihat Skeat (1967 [1900]: 47 – 55). Lihat juga Tylor (1920 (1): 417 – 502).

22 Keterangan lanjut mengenai pantangan atau tabu menyebut nama dalam kalangan orang Melayu telah saya bicarakan di dalam *Hikayat Hang Tuha* (*atau Hikayat Hang Tua*), SIRD, Petaling Jaya 2018: 13 – 14) dan *Antara Sejarah dan Mitos* 2016: 139 – 146).

23 *Měurah* adalah gelar bagi kepala wilayah pada masa Aceh belum terbentuk sebagai kerajaan; ia boleh juga menjadi gelar untuk wanita atau laki-laki yang berketurunan ketua, atau tokoh-tokoh ternama pada zaman silam (Aboe Bakar *et al.* 2001: 598).

24 Kata Parsi "Hasum" boleh juga bermakna memotong; membakar tangan atau kaki dengan tujuan untuk menyelamatkan orang yang sakit itu, atau menahan darah daripada terus menerus keluar, ataupun bagi menyekat penyakit menjadi bertambah buruk (Steingass 2012: 420).

25 Ertinya: bergelar, pemberi gelar (*mulaqqib*) (Steingass 2012: 1309)

26 Maknanya "disebabkan", "oleh kerana" (ibid: 135).

27 Menurut penulis *Sulalat us-Salatin*, raja Pasai bernama Malik uz-Zahir ditangkap oleh tentera Siam dan dibawa ke Syahru'l-nuwi. Perbezaan nama inilah yang mendorong Hill untuk mengatakan bahawa anak raja adik-beradik yang disebutkan di dalam *HRP* itu adalah sebetulnya Malik al-Tahir dan Malik al-Mansur (Hill 1960: 18) dan mereka adalah putera Malik us-Salih dan bukan cucunya. Pada pendapat Hill bapa mereka ialah Muhammad yang mati pada tahun 1326 M.(ibid.). Hill juga tidak bersetuju dengan nama "al-Zahir" yang terukir pada batu nisan yang ditemui tetapi sebaliknya membacanya sebagai "al-Tahir".

28 Kata Kawi /*natha*/ (asalnya dari bahasa Sanskrit) bererti raja. Ertinya yang lain ialah penolong, pelindung, penjaga, penyokong, pemilik atau tuan (Mardiwarsito 1981: 365; cf. Zoetmulder 2000 (1): 693).

29 Tetapi ketibaannya di negeri-negeri yang disebutkan tidak pernah dilaporkan di dalam *Ming Shi-lu* tahun 1413 dan 1414. Hanya pada 12 Ogos 1415 *Ming Shi-lu* ada melaporkan bahawa Zeng He telah kembali dari perjalanannya ke negeri-negeri yang disebut negeri *fan* itu (bangsa gasar).

30 Groeneveldt yang menerbitkan tulisannya pada tahun 1880 di dalam jurnal *Verhandelingen van het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen* vol. 39, berspekulasi bahawa nama "Sukanda" itu mungkin sebutan untuk Sekandar (lihat Groeneveldt (ulangcetak) 1960: 86). Menariknya spekulasi ini ialah secara kebetulan barangkali, di dalam *HRP* tersebut nama Megat Sekandar orang yang berperanan mengusulkan agar Měurah Silo dijadikan raja di rimba *Jruen*.

31 Mengenai dakwaan pengarang asal *Sulalat us-Salatin* bahawa Melakalah yang membantu Pasai, seperti yang dikisahkannya dalam bab 18 naskhah Krusenstern (Ahmat Adam 2016: 217 – 223), agak menarik untuk difikirkan bagaimana pengarang boleh mendapat maklumat kejadian yang berlaku sekitar tahun 1412 – 1415 iaitu semasa pemerintahan Megat Iskandar Syah. Apakah mungkin sekali pengarang *Sejarah Melayu* telah memperoleh satu versi *Hikayat Raja Pasai* yang lebih awal yang ada menyebutkan peristiwa ini? Soalan ini sukar dijawab tetapi sangat menarik kerana pengarang yang mungkin seorang pemuja Sultan Mansur Syah telah mengubah jangka masa kejadian di Pasai itu daripada zaman pemerintahan Megat Iskandar Syah kepada Mansur Syah.

32 Nama Mahmud di dalam *HRP* disebut sebagai Sultan Malik ul-Mahmud. Dia adalah cucu Malik us-Salih dan saudara kepada Sultan Malik ul-Mansur. Di dalam *HRP* Malik ul-Mahmud telah diserahkan oleh datuknya Malik us-Salih kerajaan Pasai manakala Malik ul-Mansur dijadikan raja Samudera. Kedua-duanya adalah anak Sultan Malik ut-Tahir. Penggunaan nama yang sama dalam kalangan kerabat diraja tidak menghairankan kerana nama gelaran Mahmud atau Mansur boleh sahaja diberikan kepada mana-mana calon raja.

33 Satu kemungkinan ialah kerana selepas 1426 Samudera-Pasai telah diperintah oleh seorang perempuan, iaitu yang bernama Sultanah Nahrisyah. Pemerintahannya sangat singkat; mungkin dia hanya memerintah hingga ke tahun 1428. Dia, walau bagaimanapun, telah digantikan oleh seorang raja yang juga memakai gelar Zainul 'Abidin.

34 Umpamanya, J. Leyten (2006: 53). Diakses pada 17 Januari 2019.

35 (https://www.vcoins.com/en/stores/david_l_tranbarger_rare_coins-159/ancient-coins/Default.aspx?). Diakses pada 17 Januari, 2019.

36 Gelar al-Qa'im dalam bahasa Arab bererti "dia yang muncul atau bangkit". Nama Zainul 'Abidin terdapat pada surat raja Pasai yang dialamatkan kepada wakil Raja Portugal di Goa tetapi sayangnya tiada bertarikh. Isinya ialah meminta Portugis mendukung pemerintahannya sebagai Raja Pasai ketika itu. Zainul 'Abidin mangkat pada tahun 1517 seperti yang tertulis pada makamnya. Lihat Taqiyuddin Muhammad (2013), "Naskah Surat Sultan Zainal 'Abidin" di dalam *Al-Misykah* keluaran 1 Muharram 1435 H. (5 November 2013) (misykah.com/naskah-surat-sultan-zainal-abidin-wafat-923-h1518-m-2/).

37 Ẓahir [ظاهر] bererti luaran, yang ketara, kelihatan, nyata, pameran, eksoterik, salah satu nama Tuhan, (Steingass 2012: 824 –825).

38 Inilah nama yang dicatat oleh Ibn Battutah. Jamaluddin bererti anggun atau elegan, indah, gaya yang cantik (Steingass 2012: 370). Jamaluddin juga bererti keindahan agama.

39 Untuk mengetahui pengalaman Ibn Battutah selama dua bulan setengah di Samudera-Pasai lihat terjemahan Rev. Samuel Lee (1829), *Travels of Ibn Battuta*, Bab XXII dan Bab XXIV (*passim*). CF. H. A. R. Gibb (pent.), *Ibn Battuta, Travels in Asia and Africa, 1325 – 1354*, (1929: 272 – 276), London: Rouledge & Paul.

40 Lihat puisi yang diterjemahkan oleh Griffith (1882) ke dalam bahasa Inggeris dalam karyanya, *Yusuf and Zulaikha*, London: Trubner & Co., Ludgate Hill. Lihat juga David Beutel and Robert Gregg (1997), "Jami's Yusuf and Zulaikha: A Study in the Method of Apptopriation of Sacred Text" (http://beutel.narod.ru/write/yusuf.htm). Diakses pada 20 Disember 2018.

41 Gelar ini tidak mungkin "tingkap" seperti yang dibaca oleh Mead 1914: 30-32), Hill (1961: 78-80) dan Jones (1987: 41-43). Istilah /tangkap/ bererti tawan, tangkap; tertangkap bererti tertawan, terjerat; tangkapan bermakna mangsa. (*Kamus Dewan* 2005: 1602; 1599); cf. (Aboe Bakar *et al.* 2001: 937).

42 Terjemahan yang diberikan oleh Griffith (1882: 212) untuk kata yang digunakan di dalam syair Abdurrahman Jami ialah "skirt".

43 Ibid. Di dalam *al-Quran* (Surah 12, Ayat 25) terjemahannya ialah: "Dan keduanya berlumba menuju pintu dan perempuan itu menarik baju gamis Yusuf dari belakang hingga koyak ...".

44 Penggunaan nama "Sakandar" menunjukkan pengarang *HRP* telah terbiasa dengan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu daripada bahasa Parsi.

-

Hikayat Raja Pasai

Peringatan kepada pembaca

Oleh kerana kajian *HRP* ini adalah berasaskan pada tiga buah manuskrip, demi untuk memudahkan pembaca mengikuti halaman atau folio tertentu bagi satu-satu manuskrip yang dijadikan rujukan atau perbandingan, maka saya telah memberikan petunjuk halaman atau folio masing-masing dengan meletakkan angka folio dan angka halaman, berserta nama ringkas manuskrip dalam kurungan sebelum bermulanya perkataan yang menandakan perubahan halaman bagi manuskrip tertentu. Misalnya untuk manuskrip *Or. 14350* saya menandakannya dengan (*Or.14350*: f.) dalam kurungan; begitu juga naskhah *Raffles Malay no. 67* dan *Malais no. 18* bis yang disalin oleh Edouard Dulaurier daripada *Raffles Malay no. 67* pun diletakkan dalam kurungan misalnya, (*R.67*: hlm.) (*M.18*: hlm.) dengan menyatakan nama ringkas manuskrip berkaitan dan halamannya.

Teks *HRP* yang biasanya dibahagi kepada tiga bab oleh pengkaji-pengkaji terdahulu telah saya pecahkan menjadi sembilan bab iaitu berdasarkan pembahagian kisah yang dibuat oleh pengarangnya melalui kata "Al-kisah" yang menjadi tanda permulaan sesebuah kisah yang dihamparkannya. Saya melakukan ini justeru kerana menyedari pengarang-pengarang lama suka membahagikan sesebuah hikayat kepada bab-bab yang berasaskan angka yang bersifat mistik. *Sulalat us-Salatin* naskhah Krusenstern misalnya terbahagi kepada 30 bab kerana mencontohi 30 juzuk kitab al-Quran kerana pengarangnya membuat pembahagian bab berdasarkan ungkapan "Al-kisah maka tersebutlah perkataan ..." (Ahmat Adam 2016: xc – xci nota 140). Di dalam *HRP* terdapat 9 "al-kisah".[45] Menurut tradisi Parsi dan Turki angka 9 ada kaitannya dengan cakerawala (sfera). Yang paling tinggi iaitu langit kesembilan bertempat melepasi 7 sfera planet dan bahagian atas kekubah langit yang mengandungi bintang-bintang yang tetap. Sfera kesembilan itu dinamakan *falak al-aflak* (pemisahan terbelah) (Schimmel 1993: 167-168). Bagi kaum Sufi aliran kumpulan Parsi Ikhwanul Muslim (*Muslim Brotherhood Party*) 9 adalah angka yang melambangkan keadaan kewujudan (ibid: 167). Orang Sufi mengingatkan bahawa tempoh masa kehamilan yang biasa bagi seseorang wanita ialah 9 bulan. Putaran hidup manusia pada kebiasaannya ialah 9 bulan masa dikandung ibu, 90 bulan masa kanak-kanak, dan 900 bulan usia dewasa. Di dalam *al-Quran* pun Surah 9 adalah Surah *at-Taubah* yang mengandungi rahsia penciptaan Allah. Inilah satu-satunya surah yang tidak diawali dengan *Bismillah*. Terdapat 129 ayat di dalam surah ini. Di dalam surah inilah boleh ditemui arahan agar memerangi "orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari kemudian, mereka yang tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan Allah dan rasul-Nya, dan mereka yang tidak beragama dengan agama yang yang benar." (Ayat 9: 29).

Angka 9 adalah angka yang kebal iaitu paling perkasa. Jika didarab dengan angka apapun hasilnya masih juga 9 (seperti 9 x 2 sama dengan 18; 1+ 8 ialah 9). Justeru kerana sifat-sifat atau atribut yang ada pada angka 9 itu maka tidaklah menghairankan jika cap diraja kesultanan Aceh pun dinamakan "cap sikureung" (atau cap se kurang) atau juga disebut "cap sembilan". Pada cap yang berbentuk bundar itu terdapat delapan bulatan yang mengelilingi bulatan tengah; kesemuanya diisi dengan nama sembilan orang raja. Tiga nama Sultan merujuk kepada raja-raja Aceh yang memerintah dari dinasti sebelumnya, manakala lima nama yang lain adalah untuk raja-raja dalam dinasti raja yang memerintah itu sendiri dan satu daripadanya ialah

nama pengasas dinasti tersebut; nama Sultan atau Sultanah yang sedang memerintah dan merupakan pemilik cap itu diletakkan di tengah-tengah.

45 Di dalam naskhah *Raffles Malay no. 67* dan *Malais no. 18* bis, walau bagaimanapun, terdapat hanya delapan kali penggunaan /Al-kisah/. Angka 8 kepada orang Sufi melambangkan delapan syurga. Apabila dibandingkan salinan *HRP* tahun 1797 dengan salinan yang dibuat atas perimintaan Raffles pada tahun 1819, ternyata bahagian 1 hingga 6 dan bahagian ke-8 semuanya sama, kecuali bahagian 7 di dalam *Or. 14350* yang memasukkan /Al-kisah/ pada ayat "Al-kisah adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera"; bahagian ini tidak terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67 dan Malais no. 18* bis dan inilah yang menyebabkan naskhah-naskhah itu mempunyai hanya 8 /Al-kisah/ sahaja.Tetapi lantaran mengingat bahawa naskhah *Or. 14350* lebih dahulu disalin maka saya menganggap penggunaan kata /Al-kisah/ yang berjumlah 8 kali di dalam teks yan tidak lengkap itu menjadi 9 kali apabila ditambah dengan bahagian terakhir di dalam *Raffles Malay no. 67*.

Bab 1

Kisah Raja Muhammad menemui Puteri Betung

(*Or.14350*: f. 46r) (*R.67*: 1) (*M.18*: 1). Waba'dah nasta'in billahi al a'la[46] Ini hikayat ceritera peri mengatakan raja yang pertama masuk agama Islam bernama negeri Pasai. Maka adapun diceriterakan oleh orang empunya ceritera ini, negeri yang di bawah angin ini, Pasailah yang pertama membawa iman akan Allah (*R.67*: 2) dan Rasul Allah. Maka ada raja dua bersyaudara [*sic*], seorang bernama Raja Ahmad dan seorang namanya Raja Muhammad. Ada pun yang tuha Raja Ahmad maka baginda kedua bersyaudara [*sic*] itu hendak berbuat negeri di Samarlanga. Maka Raja Muhammad itu pergilah ia dengan segala (*R.67*: 3) rakyatnya menebas rimba itu. Maka ada di tengah rimba itu serumpun betung terlalu amat tebalnya betung itu. Maka ditebas oleh rakyat itu tiada habis ditebasnya. Habis-habis tumbuh pulak [*sic*]. Maka berangkat raja kendiri menebas betung itu, habislah betung itu. Maka dilihat oleh Raja Muhammad pada sama tengah betung itu ada rebungnya seperti badan besyarnya [*sic*]. Maka hendak diparang oleh Raja Muhammad rebung itu maka keluarlah seorang kanak-kanak perempuan terlalu sekali baik parasnya. Maka dibuangkannyalah gedubangnya,[47] lalu segera diambilnya kanak-kanak itu, maka didukungnya lalu ia dibawanya kembali ke rumahnya. Serta dilihat oleh isteri baginda, Raja Muhammad mendukung kanak-kanak itu, maka segeralah didapatkan oleh isteri baginda; maka lalu disambutnya.

Maka duduklah baginda dua laki isteri itu. Maka dilihat oleh isteri baginda budak – budak perempuan. Maka terlalulah sukacita baginda laki isteri itu. Maka baginda pun berkhabarlah kepada adinda itu daripada pertamanya datangnya kepada kesudahannya, peri baginda mendapat kanak-kanak di dalam rebung betung itu. Maka dinamai oleh baginda (*R.67*: 4) Puteri Betung. Maka dipeliharakan baginda seperti anak segala raja-raja. (*Or.14350*: f. 46v) Inang pengasihnya [*sic*, pengasuhnya[48]] serta dengan dayang-dayangnya lengkap dengan pakaiannya. Maka terlalulah kasih baginda akan anakenda itu; mangkin[49] syehari [*sic*] mangkin besar dan rupanya pun mangkin menjelis.[50] (*M.18*: 2) Maka terdengarlah khabar itu kepada kekanda[51] baginda Raja Ahmad akan adinda itu Raja Muhammad beroleh mendapat kanak-kanak di dalam rebung betung itu. Maka baginda pun berangkatlah dua laki isteri pergi melihat kanak-kanak yang didapat oleh adinda itu.

Setelah baginda sampai lalu masuk ke dalam rumah mendapatkan adinda itu. Maka adinda pun memberi hormat akan kakanda kedua laki isteri bepersilakan duduk. Maka baginda pun duduklah dua laki isteri dan adinda pun duduklah [mengadap][52] dua laki isteri. Maka sirih pada jurung emas pun diperesembahkan oranglah kepada kakanda baginda. Setelah itu maka sabda baginda, "Hai [adinda][53] Raja Muhammad, manatah anakmu tuan itu? Kakanda hendak melihat." Mak kata Raja Muhammad, "Hai inang pengasuh, bawalah anakku itu ke mari." Maka segeralah dibawanya ke hadapan Raja Ahmad. Maka baginda melihat terlalu sukacita; lagi dengan baik (*R.67*: 5) parasnya. Maka sabda baginda, "Berbahagialah adinda beroleh anak. Akan kekanda juga belum lagi boleh [*sic*, beroleh] anak". Maka baginda laki isteri pun bermohonlah kepada adinda laki isteri lalu kembali.

Setelah sudah negeri itu *dipereusi* [دڤرويسي][54] oleh segala rakyat, dan [*sic*, dengan][55] kota paritnya serta [dengan][56] istana balairungnya. Maka baginda pun duduklah di dalam negeri itu dengan bersuka-sukaan makan minum menjamu segala menteri dan hulubalang rakyat sekalian.

46 Ayat pembukaan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 2 dan *Malais no. 18* bis pada halaman satunya ialah "Al-kisah peri mengatakan ceritera raja yang pertama masuk agama
[اڬام] Islam ini Pasai".

47 /*Gedubang*/ adalah sejenis parang pendek Aboe Bakar *et al.* 2002: 22. Ia seakan-akan seperti kelewang (Aceh: gelewang). Cf. Wilkinson (1959 (2): 335)

48 Dalam *Raffles Malay no. 67*: 4 dan *Malais no. 18* bis: 1, ejaannya /p/ŋ/a/s/h/ɲ/ [ڤڠاسهڽ].

49 Sebutannya dalam bahasa Aceh ialah /mangken/ atau /maken/ (Aboe Bakar *et al.* 2001: 567). Di dalam *Raffles no. 67* dieja /m/a/k/n/ [ماكن].

50 /Menjelis/ bererti cantik, molek (*Kamus Dewan* 2005: 1020).

51 Dalam bahasa Aceh disebut *keukanda* (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 399).

52 Kata /mengadap/ terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 4 dan *Malais no. 18* bis: 2.

53 Di tulis /adinda/ di dalam *Raffles Malay no. 67*: 4.

54 Bentuk tercemar kata "*peureuséh*", yang dalam bahasa Aceh bermakna dibersih, dijadikan terang-benderang (Abu Bakar *et al* 2001: 709). Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 5, kata ini ditulis /d/p/r/w/s/h/ (diperewesih) [دڤروسه]; tetapi di dalam *Malais no. 18* bis: 2, ejaanya ialah /d/p/r/a/w/s/h/ [دڤراوسه] yang menyebabkan setengah-setengah orang membacanya /diperusaha/ (Mead 1914: 2), Hill 1960: 47) dan Jones 1987: 2).

55 Kata “dengan” dimasukkan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 5 dan *Malais no. 18* *bis*: 2.
56 Ibid.

Kisah Raja Ahmad menemui Mĕurah Gajah

Alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Ahmad. Selang berapa lamanya maka baginda pun berbuat pulak [*sic*] suatu negeri di *balok*[57] rimba itu. Ada kira-kira syahari [*sic*] perjalanan daripada negeri adinda itu; itu pun lengkap juga dengan (*Or.14350*: f. 47r) kota paritnya serta dengan istana dan balairungnya. Maka baginda pun duduklah dalam negeri itu bersuka-sukaan dengan segala bala tenteranya makan minum. Setelah itu maka beberapa lamanya baginda pun pergi berburu ke dalam rimba (*M.18*: 3) belantara; maka seekor perburuan pun tiada diperolehnya. Maka baginda pun bertemu dengan sebuah surau di tengah rimba belantara itu. Maka ada seorang orang tuha di dalam surau itu. Maka Raja Ahmad memberi salam kepada orang tuha itu. Maka segera disahutinya salam (*R.67*: 6) Raja Ahmad itu. Maka Raja Ahmad pun berceritera kepada orang tuha itu akan hal syaudaranya [*sic*] mendapat puteri di dalam rebung betung itu. Maka ujar orang tuha itu, "Hai anakku, jikalau tuan hendak akan anak, baiklah aku tunjukkan dia akan tuan; nantilah tuan hamba di sini barang sesa'at.[58]" Maka dinantinya oleh Raja Ahmad itu. Maka pada sa'at itu juga datanglah seekor gajah terlalu besyar [*sic*]. Maka ada seorang kanak-kanak duduk di atas kepalanya. Maka dimandikannya ke sungai.

Setelah sudah dimandikannya maka dihantarkannya pulak [*sic*] ke tebing sungai itu. Maka pergilah ia pulak [*sic*] memandikan dirinya. Setelah sudah ia mandi maka dimuatkannya[59] akan kanak-kanak itu atas kepalanya. Maka dibawanya berjalan ke rimba. Demikianlah halnya itu. Maka segala kelakuan gajah itu dilihatnya oleh Raja Ahmad itu. Maka ujar orang tuha itu, "Hai bapak [*sic*] orang muda, hendaklah engkau muslihatkan dengan daya upaya akan kanak-kanak itu supaya kita peroleh akan dia." Maka ujar Raja Ahmad, "Hai bapaku, jikalau emas atau (*R.67*: 7) manikam ditunjukkan akan hamba atau ada diberi akan hamba tiadalah hamba sukacita bahana[60] akan hamba [seperti hamba][61] melihat kanak-kanak itu". Maka ujar Raja Ahmad, "Hamba hendak bermohon pada tuanku kembali dahulu pada negeri hamba. Mana jalan keluar?" Maka ditunjukkan orang tuha, "Itulah jalan raya." Maka keluarlah dari sana (*Or.14350*: f. 47v) Raja Ahmad itu; tiba-tiba sampailah ia ke negerinya.

(*M.18*: 4) Setelah datanglah ia ke istananya maka tuan puteri pun berdiri di pintu istananya mengalu-ngalukan Raja Ahmad datang. Maka ujar Raja Ahmad akan tuan puteri, "Ayo adinda tuan puteri, pergi hamba berburu itu seekor perburuan pun tiada hamba peroleh; melihat perburuan pun tiada hamba lihat melainkan hamba bertemu dengan sebuah surau di tengah rimba belantara. Maka ada seorang orang tuha dalam surau itu. Maka hamba memberi salam kepada orang tuha itu. Maka disahutinya salam hamba itu. Maka hamba ceriterakan kepadanya akan hal syaudara [*sic*] hamba mendapat puteri dalam rebung betung itu. Maka ujar orang tuha itu. "Jikalau tuan hendak akan anak baiklah. Biar [بير][62] hamba tunjukkan dia akan tuan. Nantilah tuan hamba di sini barang sesa'at. (*R.67*: 8) Maka hamba nanti. Maka pada sa'at itu juga datanglah seekor gajah terlalu amat besar. Maka ada seorang kanak-kanak duduk di atas kepalanya. Maka dimandikannya ia ke sungai. Setelah sudah dimandikannya maka dihantarkannya ke tebing sungai itu. Maka pergilah ia pulak [*sic*] memandikan dirinya. Setelah sudah ia mandi maka dimuatkannya [دموتكنث *sic*, di sawietkannya][63] pulak [*sic*] akan kanak-

kanak itu di atas kepalanya. Maka dibawatnya [*sic*] berjalan ke rimba. Demikianlah penglihat hamba.

Maka ujar Tuan Puteri, "Ya, Tuanku, muslihatkan apalah kiranyna akan kanak-kanak itu?" Maka Raja Ahmad pun keluarlah dari istananya mengimpunkan [*sic*] segala lasykarnya. Apabila sudah berhimpun sekalian datang mengadap Raja Ahmad. Maka diceriterakannya perihal kanak-kanak itu yang di kepalanya gajah itu pada segala lasykarnya hendak berupayakan kanak-kanak di kepala gajah itu. Maka pada hari yang baik maka pergilah baginda dengan segala lasykarnya ke rimba pada tempat gajah memandikan kanak-kanak itu.

Syahdan[64] [شهدان] maka orang tuha yang pada surau itu pun ghaiblah dengan suraunya, tiadalah (*Or.14350*: f. 48r) dilihatnya (*R.67*: 5) di sana lagi. Maka pada hari Khamis pun [*sic*][65] masing-masing mengorek tanah akan tempat bersembunyi akan mengambil kanak-kanak itu. Syahdan maka datanglah kepada hari Juma'at, maka keluarlah gajah itu di dalam rimba membawa kanak-kanak itu memandikan ke sungai pada tempat dimandikannya dahulu itu. Setelah ia datanglah ke sungai maka dimandikannya kanak-kanak itu. Setelah sudah dimandikannya kanak-kanak itu maka dibawanya ke tebing sungai. Maka gajah itu pun turun memandikan dirinya. Maka segeralah Raja Ahmad mengambil kanak-kanak itu; maka lalu dibawanya dengan segeranya berjalan. Maka dilihat oleh gajah itu lalu diikutnya akan Raja Ahmad itu. Maka segala lasykarnya mengalu[66] gajah itu dan setengah melutar[67] [ملوتر] dia. Maka berpalinglah gajah itu. Adapun nama gajah itu Bujang Segelis [سغاليس][68]; lagi gajah itu tunggal tiada dapat lama hidupnya dalam benua.[69] Maka Raja Ahmad pun berjalanlah ia ke negerinya dengan segala lasykarnya.

Hatta maka sampailah ke istananya. Maka tuan puteri pun berdiri di pintu istananya mengalu-alukan Raja Ahmad itu. Maka tuan puteri pun melihat kepada kanak-kanak itu. Maka sukalah;[70] segeralah didapatkannya lalu disambutinya daripada Raja Ahmad itu. Maka terlalu amat sukacita Raja Ahmad dengan tuan puteri sebab melihat rupa kanak-kanak itu, terlalu amat baik parasnya. Maka dinamai oleh kanak-kanak itu Mĕurah Gajah. Maka masyiurlah [مشيور *sic*, masyhurlah] dalam negeri itu Raja Ahmad beroleh anak dan terdengarlah kepada adinda syaudaranya [*sic*] Raja Muhammad akan Raja Ahmad beroleh kanak-kanak itu. Maka datanglah syaudaranya [*sic*] Raja Muhammad pergi melihat Mĕurah Gajah itu. Maka ia pun amat sukacita melihat kanak [-kanak] itu – terlalu baik parasnya.

Maka Raja Ahmad pun berceriteralah kepada syaudaranya [*sic*] Raja Muhammad peri segala (*Or.14350*: f. 48v) hal kelakuannya ia berburu itu; dan ia bertemu dengan sebuah surau itu di tengah rimba belantara, dan bertemu dengan seorang orang tuha dalam surau itu; dan perihal ia mendapat kanak-kanak itu. (*M.18*: 6] Maka Raja Muhammad pun bermohon menyembah kakanda dua laki isteri lalu ia kembali ke negerinya.

Maka beberapa lama antaranya maka besarlah kanak-kanak itu keduanya. Maka didudukkannyalah Mĕurah Gajah itu dengan Puteri Betung. Maka berbesanlah ia kedua bersyaudara [*sic*] senantiasa ia dalam kesukaannya.

57 Di dalam *Raffles no. 67*: 5 dan *Malais no. 18 bis*: 2 ejaan Jawinya [بلق]. Kata /*balok*/ dalam bahasa Aceh bermakna balik (Aboe Bakar *et al* 2001 54).

58 Kata Parsi /*sa'at*/ bererti lebih daripada cukup, kapasiti, ruang yang lebih daripada cukup, keupayaan, kemudahan, peluang, kemampuan (Steingass 2012: 682).

59 Ejaan /d/m/w/a/t/k/n/ɲ/ sama seperti yang tertulis di dalam *Raffles Malay no. 67*: 6.

60 Kata Parsi /*bahana*/ memberi makna sifat suka berpura-pura, mencari dalih, mencari helah atau alasan (Steingass 2012: 209-210).

61 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 7 kata /bahana/ diikuti oleh ungkapan "seperti hamba melihat kanak-kanak ini".

62 /Beri/ menurut *Raflles Malay no. 67*: 7.

63 Walaupun kata yang ditulis /dimuatkannya/ namun ada juga kemungkinan penyalin teks *HRP* tersilap membaca huruf sin [س] sebagai mim [م] sehingga menyebabkan bacaanya menjadi "dimuatkan" dan tidak "disawietkan". Mungkin yang dimaksudkan ialah /*sawiet*/ atau /*sawok* yang dalam bahasa Aceh bererti kaut atau sauk. (Aboe Bakar *et al.* (2001: 850) Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 8, kata yang digunakan ialah "dimuatkannya" /d/m/w/t/k/n/ɲ/ [دموتكنث]. Mungkin pula kata asalnya /sewat/ yang bererti mengambil sesuatu dengan pantas, menyambar (*Kamus Dewan* 2005: 1183).

64 Kata /*syahdan*/ terbentuk daripada kata /saha/ yang dalam bahasa Jawa bererti "dan", "lagi". Kata "dan" disambung dengan "syah" menjadikannya penegasan bagi "dan lagi". Syahdan juga bererti sudah itu, seterusnya. Ia bukan daripada kata Arab. Lihat St. Muhammad Zain 1960: 735.

65 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 9, kata /pula/ digunakan.

66 *Mengalu* bererti memukul dengan sesuatu agar gajah bergerak.

67 Kata Aceh /*luta*(*r*)/ bererti lontar Aboe Bakar *et al.* 2001 562.

68 /Gelis/ dalam bahasa Sunda bermakna cantik (*Kamus Dewan* 1959: 450). Dalam bahasa Jawa "gelis" bererti lekas, cepat (Wilkinson 1959: 343). Di dalam Raflles *Malay no. 67*: 9 dan *Malais no. 18 bis*: 5 ejaannya /s/k/a/l/s/ [سكلس].Kata "Kelis" bererti mengejap-ngejapkan mata (St. Muhammad Zain 1960: 351).

69 Kata ini disebut /*beunua*/ dalam bahasa Aceh. Ertinya daerah, wilayah (Aboe Bakar *et al.* 2001: 75)

70 Menurut *Raffles Malay no. 67*: 9 dan *Malais no. 18 bis*: 5, "Maka sekali segeralah".

Bab 3

Kisah Puteri Betung dengan Mĕurah Gajah

Alkisah peri mengatakan hikayat Puteri Betung dengan Mĕurah Gajah, diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera. Hatta maka beberapa lamanya Mĕurah Gajah duduk dengan Puteri Betung dua laki isteri itu, syahdan maka dengan takdir Allah Ta'ala maka puteri Betung pun hamillah. Maka setelah genaplah bulannya maka Puteri Betung pun beranak laki-laki. Maka dinamainya anaknya Mĕurah[71] Silo[72] [مره سيلو].

Maka kemudian daripada itu, hatta, maka beberapa lamanya maka Puteri Betung pun hamil pulak [*sic*]. Setelah genaplah bulannya maka ia pun beranaklah. Maka anaknya itu pun laki-laki juga. Maka dinamainya Mĕurah Hasum [مره حسوم].[73] Hatta maka Puteri Betung itu ada bahagianya;[74] sehelai rambutnya di tengah kepalanya seperti warna emas rupanya; tiada kelihatan. Hingga ia berminyak maka kelihatan rambutnya itu.

Pada suatu hari puteri itu berminyak; maka terlihatlah oleh Mĕurah Gajah rambut tuan puteri itu. Maka ujar Mĕurah Gajah kepada tuan puteri itu: "Wah! Adinda, mari hamba bantunkan[75] rambut tuan puteri sehelai itu." Maka ujar tuan puteri, "Jika rambut hamba sehelai itu dibantun oleh tuan hamba 'alamat perceraian tuan hamba dengan hamba." Maka beberapa kali dimintaknya [*sic*] oleh Mĕurah Gajah itu tiada juga diberinya oleh tuan puteri itu. (*Or.14350*: f. 49r) Maka pada suatu hari tuan puteri itu pun tidur. Maka dibantunnya oleh Mĕurah Gajah rambut isterinya itu. Pada bicaranya itu tiada (*M.18*: 7) akan mengapa tuan puteri itu. Maka keluarlah darah daripada liang rambut itu – tiada berputusan lagi keluar darahnya putih. Maka berhentilah darahnya itu; maka tuan puteri pun hilanglah. Maka segala hamba sahayanya pun segeralah berlari-lari memberitahu kepada ayahanda Raja Muhammad. Maka ujarnya, "Ya, Tuanku, paduka anakenda tuan kami Puteri Betung telah hilanglah sebab dibantun oleh Mĕurah Gajah sehelai rambutnya di tengah kepalanya."

Setelah sudah Raja Muhammad menengar [*sic*] khabar inangnya itu maka ia pun mengempaskan [*sic*] dirinya dan membelah-belah bajunya dan mencarik-carik kainnya. Maka ia pun terlalu amarah; maka ia mengimpunkan [*sic*] segala lasykarnya. Maka didatanginya Mĕurah Gajah itu lalu dibunuhnya. Setelah matilah Mĕurah Gajah itu maka bersegeralah orang membawa khabar kepada ayahanda Raja Ahmad. Demikian katanya, "Wah, Tuanku, paduka anakenda [انق ءيند] Mĕurah Gajah itu telah matilah dibunuh oleh mentuanya[76] sebab karana ia membantunkan sehelai rambut yang di tengah kepala Puteri Betung itu. Maka fikir anakenda Mĕurah Gajah itu tiada akan mati." Setelah ia sudah menengar [*sic*] ayah bondanya akan sembah orang itu, maka ia pun mengempaskan [*sic*] dirinya dan membelah-belah bajunya dan mencarik-carik kainnya. Maka Raja Ahmad pun terlalu sangat amarahnya, serta ia mengimpunkan [*sic*] segala lasykarnya. Maka tatkala sudah berhimpun segala lasykarnya, lengkap dengan segala senjatanya, maka pada ketika yang baik maka berangkatlah Raja Ahmad itu mendatangi syaudaranya [*sic*] Raja Muhammad. Maka apabila berhadapanlah kedua pihak lasykar itu maka peranglah mereka itu; terlalu ramai, kelam-kabut. Maka duli pun berbangkit lalu ke udara, tiadalah berkenalan (*Or.14350*: f. 49v) lagi seorang dengan seorang jua pun.

Maka tempik segala hulubalang dan segala rakyat juga yang kedengaran dan gemerencang[77] bunyi segala senjata dan pendahan[78] segala pahlawan juga kedengaran. Maka bahananya datang ke tengah rimba belantara. Maka daripada (*M.18*: 8) kedua pihak lasykar itu banyaklah mati dan luka sebab beramuk-amukan sama kendirinya dan berbunuh-bunuhnya mereka itu hingga matilah kedua raja itu. Maka tinggallah Mĕurah Silo dengan Mĕurah Hasum, keduanya [*sic*, kedua] bersyaudara [*sic*] itu dengan segala orang yang hidup daripada perang itu. Berhimpunlah ia menyembah anak raja kedua itu bersama-sama dalam negeri itu. Maka beberapa lama antaranya maka kata Mĕurah Silo kepada syaudaranya [*sic*] Mĕurah Hasum itu, "Hai syaudaraku [*sic*] betapa bicara kita karana kita ini hanya dua bersyaudara [*sic*] juga tinggal karana nenek dan ibu bapak kita pun telah hilanglah dalam negeri Samarlanga ini. Jikalau kita diam dalam negeri ini niscaya kita pun demikian; lagi karana kita duduk dalam negeri ini sekali-kali tiada memberi manfa'at akan kita. Baiklah kita pindah dari negeri ini mencari tempat yang baik yang lain supaya kita diam di sana."

Setelah ia sudah berbicara dua bersyaudara [*sic*] demikian itu, maka pada ketika yang baik maka keluarlah ia dari dalam negeri itu mengikut jalan ke matahari mati, daripada suatu perhentian datang kepada suatu perhentian. Maka dengan takdir Allah Ta'ala maka sampailah ia kepada suatu negeri yang bernama Bireuen[79] [براون]. Maka duduklah ia di sana, seorang sebelah sungai dalam negeri itu kedua bersyaudara [*sic*].

71 /*Meurah*/ ialah gelar ketua-ketua wilayah pada masa Aceh belum menjadi kerajaan; ia juga merupakan gelar bagi wanita dan laki-laki keturunan pembesar-pembesar atau orang-orang keramat zaman dahulu; juga penamaan untuk gajah. Lihat Aboe Bakar *et al.* 2001: 598.

72 Kata /*silo*/ dalam bahasa Aceh bererti silau. Satu lagi maknanya ialah tali yang diikat pada sesuatu, seperti sebatang kayu yang mungkin tumbang atau ikatan pada leher kuda agar ia tidak lari (Aboe Bakar *et al.* 2001: 882).

73 Kata yang dieja /h/s/w/m/ mungkin bentuk tercemar daripada /*hasm*/ [حسم], yang dalam bahasa Arab bererti mata pedang yang memotong. Dalam bahasa Parsi /*hasm*/ bererti memotong atau membakar urat saluran darah untuk tujuan mengelakkan pendarahan (Steingass 2012: 420).

74 /Bahagianya/ yang berasal daripada kata Sanskrit /*bhaga*/ bererti untungnya atau tuahnya (Macdonell 2000: 200).

75 Dalam bahasa Aceh kata ini disebut /*banteun*/ yang mempunyai erti yang sama dengan "bantun" iaitu mencabut dengan cara merenggut; mencabut dengan akar-akarnya (St. Muhammad Zain 1960: 82; cf. *Kamus Dewan* 2005: 126).

76 Baik di dalam *Raffles Malay no. 67*: 12 mahupun *Malais no. 18* *bis*: 7 perkataan ini dieja /m/n/n/t/w/a/ɲ/ [منتنواث] (menantuanya) yang merupakan satu kesilapan. Ada kemungkinan orang yang menyalin daripada teks asal tidak menyalin dengan tepat kata /mentuha/ yang terdapat di tempat-tempat lain di dalam teks.

77 /Gemerencang/ ialah bunyi seperti bunyi pedang berlaga (Wilkinson 1959 (1): 348).

78 Erti /pendahan/ ialah lembing (St. Muhammad Zain 1960: 563).

79 Walaupun penyalin *Or. 41350* menulisya /b/r/a/w/n/ [براون], namun nama tempat ini dalam bahasa Aceh disebut "*Bireuen*". Di dalam *Raffles 67*, dan *Malais no. 18* *bis*, ejaaan Jawi "Bireuen" kadang-kadang dieja /b/r/w/a/n/ [بروان] seperti pada halaman 14 *Raffles 67* dan halaman 8 *Malais no. 18* *bis*; namun di tempat lain ia dieja /b/r/a/w/a/n/ [براوان].

Kisah Mĕurah Silo dan Mĕurah Hasum

Alkisah peri mengatakan ceritera Mĕurah Silo dan Mĕurah Hasum, diceriterakan oleh orang yang empunya (*R.67*: 15) ceritera. Tatkala ia diam di dalam negeri Bireuen itu, hatta beberapa lamanya pada suatu hari Mĕur[ah] Silo itu (*Or.14350*: f. 50r) pergi bermain-main ke sungai. Maka dilihatnya ikan terlalu banyak dalam sungai itu. Maka tatkala ia pulang ke rumahnya maka disuruhnya orangnya berbuat buat [*sic*] bubu.[80] Setelah sudah bubu itu diperbuat orang maka pergilah Mĕurah Silo itu ke hulu sungai itu menahan bubunya itu. Maka pada keesokan harinya Mĕurah Silo itu pergi melihat bubu (*M.18*: 9); maka dilihatnya penuh dalam bubu itu gelang-gelang; maka dibuangnya gelang-gelang di dalam bubunya itu, maka ditahannya pulak [*sic*]. Maka pada keesokan harinya ia pergi pulak [*sic*]; demikian juga, penuh dengan gelang-gelang. Maka dibuangkannya juga. Maka ditahannya pulak [*sic*] itu. Maka pada esok harinya pergi pulak [*sic*] ia melihati – penuh juga dengan gelang-gelang. Maka Mĕurah Silo pun fikir dalam hatinya: 'Bahawa gelang-gelang ini karunia Allah Ta'ala akan rezekiku rupanya.' Maka gelang-gelang itu pun dibawanya pulang ke rumahnya; dibubuhnya dalam kawah. Maka disuruhnya rebus semuanya gelang-gelang itu. Serta dengan takdir Allah Ta'ala maka gelang-gelang itu [pun][81] menjadi emas dan buihnya (*R.67*: 16) menjadi perak.

Maka menjadi kayalah Mĕur[ah] Silo itu. Maka diceriterakan oranglah kepada syaudaranya [*sic*] Mĕur[ah] Hasum perihal dikaruni'ai[82] Allah Ta'ala akan Mĕurah Silo itu. Demikian katanya, "Bahawa kakanda Mĕurah Silo kami lihat dibawanya gelang-gelang itu ke rumahnya masuk dalam bubunya. Maka pada hati kami, 'dimakannya juga gelang-gelang itu'. Setelah sudah ia menengar [*sic*] khabar syaudaranya [*sic*] itu, maka Mĕurah Hasum pun diamlah.

Maka kata Mĕurah Silo kepada segala lasykarnya, "Marilah kita *muṣalahat*kan [مصلحتكن][83] kerbau jalan[g] yang tiada berguna pada tuan-tuan sekalian itu. Hamba hendak perkenakan dia". Maka diupahnya oleh Mĕurah Silo akan mereka itu dengan emas dan perak. Maka disuruhnya perbuat anderak[84] ya'ani kelaburan[85] sekadar lulus kerbau (*Or.14350*: f. 50v) dua tiga ratus. Setelah sudah anderak itu maka disuruhnya gemparkan pada segala lasykarnya kerbau jalang itu yang di sisi liang itu. Maka kerbau itu pun terkejut lalu masuk ia ke dalam liang.[86] Maka tersungkurlah[87] tanduknya pada pintu liang itu [*tiadalah dapat masuk dan keluar. Maka disuruhnya sebukan*[88] [سبوكن] *pintu liang itu*][89] dengan tanah seorang segumpal.[90] Hatta maka tersebulah[91] (*R.67*: 17) pintu itu lalu matilah kerbau kampung itu. Maka disuruh Mĕurah Silo buru kerbau banyak itu ke dalam anderak itu lalu ia jinak. Maka disuruh oleh Mĕurah Silo (*M.18*: 10) cucuk hidungnya kerbau itu. Maka kedengaranlah wartanya itu kepada syaudaranya [*sic*] Mĕurah Hasum akan Mĕurah Silo karana bermain akan binatang yang tiada berguna kepada orang yang banyak itu. Maka dinamainya tempat itu dengan nama Kerbau Kampung.

Maka Mĕurah Hasum pun marah akan syaudaranya [*sic*] Mĕurah Silo itu. Maka dipanggil sahayanya seorang, "Pergi engkau katakan kataku ini kepada syaudaraku [*sic*] Mĕurah Silo. Kenapa gunanya bermain binatang yang tiada berguna kepada orang banyak itu? Maka ia memberi aku malu jua. Jikalau tiada didengarnya kataku ini nyiyahlah [ڽيهله][92] ia dari negeri ini. Janganlah ia duduk bersama-sama dengan aku." Setelah Mĕurah Silo menengar [*sic*] kata

syaudaranya [*sic*] demikian itu maka ia pun fikir dalam hatinya, 'Baiklah, jikalau Mĕurah Hasum berkata demikian kepada aku, aku pun hendak mencari tempat diam.'

Maka datanglah kepada hari yang baik maka Mĕurah Silo pun berjalanlah; dibawanya segala hartanya dan segala kerbaunya dan orang membawa senawatnya[93] (*R.67*: 18); kira-kira tujuh orang yang membawa senawatnya itu. Maka pada tempat Mĕurah Silo itu berjalan maka putus bukit sebuah, bekas kerbaunya berjalan itu. Hatta maka berapa lamanya ia berjalan Mĕurah Silo itu ke hulu sungai *Paseuengan* [فساڠن][94] maka datanglah ia ke Simpang di Hulu Gerang [ڬارڠ].[95] Maka Mĕurah Silo (*Or.14350*: f. 51r) itu pun diamlah ia pada negeri itu. Maka berapa lamanya ia duduk dalam negeri itu maka kerbau itu pun habis memakan padi orang dan menrebahkan [*sic*, منربهكن][96]/ pisang orang sekalian. Maka segala orang dalam negeri itu pun *ngeranlah* [ڠرنله][97] akan Mĕurah Silo itu. Maka kata segala orang dalam negeri itu, "Binatang apa dibawa ke negeri ini? Habislah tanam-tanaman kami dimakan dan dibinasakannya binatang ini. Jikalau demikian, janganlah tuan-tuan duduk bersama-sama dengan kami."

Setelah Mĕurah Silo menengar [*sic*] kata mereka itu sekalian, maka kata Mĕurah Silo, "Hai tuan-tuan sekalian dalam negeri ini, sabarlah tuan-tuan dahulu sementara hamba mencari (*M.18*: 11) tempat duduk". Kemudian maka Mĕurah Silo pun pergilah mencari tempat duduk lalu ia berjalan mudik ke hulu Semenda. Maka sampailah kepada suatu negeri bernama Buluh Talang. Maka di sanalah (*R.67*: 19) ia bertemu dengan Megat Sekandar. Maka disinggahkannya oleh Megat Sekandar Mĕurah Silo itu. Diperjamunya makan minum. Setelah sudah diperjamunya maka ujar Megat Sekandar kepada Mĕurah Silo, "Apa kehendak tuan hamba kepada hamba ini?" Maka ujar Mĕurah Silo, "Adapun hamba datang kepada tuan hamba ini, hamba hendak minta tempat duduk karana hamba tiada bertempat." Maka kata Megat Sekandar, "Jikalau demikian baiklah anakenda duduk di sini serta dengan hamba. Jikalau perhumaan, pun luas dan jikalau kerbau, pun baik, banyak tempatnya makan." Maka ujar Mĕurah Silo, "Jikalau ada kasih tuan apatah salahnya, tuanlah akan bapak hamba."

Maka Mĕurah Silo pun bermohonlah kepada Megat Sekandar lalu ia pergilah mengambil segala hartanya dan segala lasykarnya dan segala kerbaunya. Maka dibawanyalah sekalian ke Bulu[h] Talang itu. Maka di sanalah Mĕurah Silo itu diam. (*Or.14350*: f. 51v). Hatta kalakian maka beberapa lamanya Mĕurah Silo itu duduk di sana, sehari-hari kerjanya bermain hayam [*sic*] menyabung. Maka datanglah segala cuara [*sic*, juara] bermain hayam [*sic*] menyabung kepada Mĕurah Silo itu; dan jikalau Mĕurah Silo itu alah dibayarnya taruhnya; dan (*R.67*: 20) jikalau orang itu alah tiada dimintaknya [*sic*] taruhnya orang itu. Maka terdengarlah kepada segala orang besar-besar dan segala orang tuha-tuha yang dalam negeri itu. Maka segala mereka itu pun datanglah bermain-main menyabung kepada Mĕurah Silo itu. Maka apabila mereka itu kembali maka diberinya mereka itu seorang seekor kerbau. Maka sukacitalah segala orang yang datang itu yang bermain dengan Mĕurah Silo itu. Sebermula segala yang datang melihat dia diberinya kerbau, sekaliannya seekor seorang. Demikianlah halnya Mĕurah Silo itu.

Sebermula Megat Sekandar dan Megat Kadah [كده][98] itu keduanya kakanda kepada Sultan Malik un-Nasir[99] di rimba *Jruen* [جران][100] dan segala rakyat pun kasihlah ia akan Mĕurah Silo itu. Syahdan maka disuruh oleh Megat Sekandar pada segala rakyat membawa beras seorang sekampit dan hayam [*sic*] seekor seorang akan membawa (*M.18*: 12) pekerjaan itu. Maka datang kepada suatu hari muafakatlah Megat Sekandar dengan segala orang besar-besar dan segala orang tuha-tuha dan segala rakyat dalam negeri itu. Maka ujar Megat Sekandar, "Hai segala tuan-tuan, apa bicara kita akan Mĕurah Silo ini? Pada bicara hamba (*R.67*: 21) baiklah kita rajakan karana ia pun sedia raja lagi ia artawan [*sic*]. Dapat kita bersuwasa [برسواس][101]

kepadanya." Maka pada antara mereka itu sekalian ada seorang bernama Tun Harya[102] *Beuneung*[103]
[تن هريا بنوڠ]. Tiada ia mau merajakan Mĕurah Silo itu. Maka ujar Megat[104] Si[105] Kadah [سكده], "Jikalau ia kita rajakan niscaya anak cucu kita diperintahnya." Maka muafakatlah (*Or.14350*: f. 52r) Megat Sekandar dengan segala orang yang banyak serta dengan dia hendak merajakan Mĕurah Silo itu.

Setelah sudah ia jadi raja maka didatanginyalah musuh,[106] seorang raja bernama Malik un-Nasir ke rimba *Jruen*. Maka dalam itu *ghalab*lah[107] ia dengan Sultan Malik un-Nasir. Hatta maka *ghalab*lah perang Mĕurah Silo. Maka pecahlah perang Sultan Malik un-Nasir. Maka surutlah ia pada suatu negeri, Benua namanya. Di sanalah ia bertahan dengan berbuat istana. Maka berapa lamanya ia duduk dalam negeri itu maka pada suatu hari maka didatanginya pulak [*sic*] oleh Mĕurah Silo akan Sultan Malik un-Nasir dengan diperanginya. Itu pun surut juga ia ke rimba raya. Maka dinamai Mĕurah Silo rimba itu Pertama Terjun datang kepada waktu ini disebut orang sekarang.

Adapun [akan][108] Sultan Malik un-Nasir, maka sampailah ia kepada suatu negeri. Maka ia (*R.67*: 22) duduk di dalam negeri itu berbuat istana. Hatta maka berapa lamanya duduk dalam negeri itu maka diwartakan orang kepada Mĕurah Silo akan Sultan Malik un-Nasir berhenti kepada suatu tempat dengan segala hulubalangnya dan segala rakyatnya sekalian. Maka kemudian didatanginya pulak [*sic*] oleh Mĕurah Silo akan Sultan Malik un-Nasir itu. Maka peranglah ia; terlalu ramai. Maka banyaklah orang yang mati dan luka. Maka Sultan Malik un-Nasir itu pun pecahlah perangnya, lalu ia berlepas dirinya ke belakang Gunung Telawas. Maka dikerubunginyalah oleh Mĕurah Silo akan Sultan itu; lepas juga ia daripada (*M.18*:13) [kubunya][109] itu. Maka dinamai oleh Mĕurah Silo tempat itu Kubu, disebut orang datang sekarang. Maka Sultan itu pun berlepas dirinya kepada suatu negeri. Maka sampailah ia kepada suatu jurang yang picik[110] lagi dalam. Maka terkereseng[111] seorang hulubalangnya (*Or.14350*: f. 52v) Sultan itu. Maka dinamai jurang dan negeri itu Pekereseng. Maka Sultan Malik un-Nasir pun lalu dari sana sampai ke Kumot[112] itu dengan segala hulubalangnya serta segala rakyatnya. (*R.67*: 23) Maka muafakatlah sekalian mereka itu berbuat kota. Setelah sudah ia berbuat kota maka terdengarah kepada Megat Sekandar; maka didatanginya oleh Megat Sekandar itu ke Kumot. Akan Sultan itu pun peranglah. Maka berapa lamanya perang sekalian mereka itu maka banyaklah segala hulubalang itu mati. Maka Sultan pun pecahlah perangnya, dan segala rakyat lasykarnya pun cerai berailah, tiada berketahuan perginya.

Maka dalam antara itu ada seorang hulubalangnya bernama Tun Haria *Beuneung*. Lalu ia membawa dirinya ke negeri Barus. Maka apakala datang ia ke Barus maka diambil oleh Raja Barus Tun Haria *Beuneung* itu – akan ditangkapnya.[113] Maka dari karana sebab itulah Raja Barus itu jikalau tuha sekalipun berkirim sembah juga ia kepada Raja Pasai; dan jikalau muda sekalipun Raja Pasai berkirim salam juga ia kepada Raja Barus. Hatta maka Mĕurah Silo itu pun dirajakan oleh Megat Sekandar di rimba *Jruen* itu.

Maka diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera, sekali prastawa pada zaman Nabi Muhammad (*R.67*: 24) Rasul Allah SalalLahu 'alayhi wassalam tatakala lagi hayat haḍrat [حضرت][114] yang mulia itu, maka bersabda ia pada sahabat baginda di Mekah. Demikian sabda baginda: "Bahawa ada sepeninggalku wafat itu ada sebuah negeri di bawah angin, Samudera namanya. Apabila ada didengar khabar negeri itu maka kamu suruh sebuah kapal membawa perkakas alat kerajaan dan kamu bawa ia orang dalam negeri (*Or.14350*: f. 53r) itu masuk agama

Islam serta mengucap dua kalimah syahadat. (*M.18*: 14) Syahdan lagi akan dijadikan Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam negeri itu terbanyak daripada segala wali Allah jadi dalam negeri itu. Adapun pertama ada seorang faqir di negeri Ma'iri [معيري *sic*, Mengiri][115] namanya, iaitulah kamu bawa serta kamu ke negeri Samudera itu.

Maka tersebutlah perkataan Mĕurah Silo di rimba *Jruen*. Sekali prastawa pada suatu hari Mĕurah Silo pergi berburu maka ada seekor anjing dibawanya akan perburuan Mĕurah Silo itu bernama Si Pasai. Maka dilepaskannya anjing itu, lalu ia menyalak di atas tanah tinggi itu. Maka dilihatnya ada seekor semut, besarnya seperti kucing. Maka ditangkapnya (*R.67*: 25) oleh Mĕurah Silo itu pun [*sic*] semut itu, karana ia mengikutnya anjing menyalak itu. Maka adapun semut itu, lalu dimakannya. Maka tanah tinggi itu pun disuruh Mĕurah Silo tebasi pada segala orang yang sertanya itu. Maka setelah itu maka diperbuatnya akan istananya. Setelah sudah maka Mĕurah Silo pun duduklah ia di sana dengan segala hulubalangnya; dengan segala rakyatnya diam ia di sana. Maka dinamai oleh Mĕurah Silo negeri Samudera ertinya semut yang amat besar. Di sanalah ia diam, Raja itu.

Hatta maka berapa lamanya kemudian daripada haḍrat Nabi Salal'Lahu 'alayhi wassa[lam] wafat, maka terdengarlah khabarnya kepada Syarif yang di Mekah, ada suatu negeri di bawah angin bernama Samudera. Maka oleh Khalifah Syarif maka ia menyuruh sebuah kapal akan membawa segala perkakas alat kerajaan ke negeri Samudera. Setelah sudah kapal itu lengkap maka disuruh Syarif Syekh Ismail itu singgah ke negeri Ma'iri [*sic*, Mengiri]. Setelah sudah maka Syekh Ismail pun naiklah ia ke kapal; maka lalu ia berlayar.

Hatta maka berapa lamanya (*Or.14350*: f. 53v) berlayar maka sampailah ia ke negeri Ma'iri [*sic*, Mengiri] itu. Maka berlabuhlah ia di Teluk Ma'iri [*sic*, Mengiri). Adapun raja dalam negeri itu Sultan Muhammad namanya. Maka terlihatlah oleh orang Ma'iri [*sic*, Mengiri] sebuah kapal berlabu [*sic*, berlabuh] di teluk itu. Maka segera (*R.67*: 26) ia masuk mengadap Raja serta ia berdatang sembah. Demikian sembahnya: "Daulat dirgahayu Syah 'Alam. Ada sebuah kapal berlabu [برلابو *sic*, berlabuh[116]] di teluk kita itu". "Maka Sultan Muhammad pun bersabda kepada Perdana Menteri; demikian sabda baginda: "Hai Perdana (*M.18*: 15) Menteri, suruh lihati kapal itu." Maka Perdana Menteri pun segera keluar menyuruhkan orang sebuah perahu melihati kapal itu.

Setelah sudah ia sampailah perahu itu ke kapal maka ia pun lalu bertanya; maka ujarnya, "Dari mana kapal ini datang? Dan siapa nama Nakhodanya? Dan ke mana ia hendak pergi?" Maka sahut orang kapal itu, "Adapun kapal ini dari Mekah, dan nama Nakhodanya, Syekh Ismail, disuruhkan oleh Khalifah Syarif di Mekah ke negeri yang bernama Samudera." Setelah sudah ia menengar [*sic*] khabar orang dalam kapal itu maka ia pun kembalilah ke darat. Maka ia pun pergi kepada Perdana Menteri. Maka dikatakannya seperti kata orang yang dalam kapal itu. Maka Perdana Menteri pun masuklah ia mengadap Raja serta berdatang sembah, "Ya Tuhanku [*sic*, Tuanku] Syah 'Alam, adapun kapal itu dari Mekah. (*R.67*: 27) Nama Nakhodanya Syekh Ismail; hendak pergi ke negeri Samudera."

Adapun Sultan Muhammad itu anak cucu haḍrat Abu Bakrin is-Sidiq [*sic*] raḍi Allah 'anhu [ابوبكرن الصديق رضي الله عنه]. Maka Sultan menyuruh hantarkan segala makan-makanan dan segala nikmat akan Syekh Ismail. Setelah sudah sampailah segala makan-makanan itu maka Sultan pun merajakan seorang anaknya (*Or.14350*: f. 54r) yang tuha di negeri Ma'iri [*sic*, Mengiri] itu akan gantinya kerajaan. Maka baginda dua beranak dengan anaknya yang muda itu memakai pakaian faqir meninggalkannya kerajaan baginda lalu turun dari istananya. Maka ia naik ke kapal itu. Maka katanya kepada orang dalam kapal itu, "Kamu bawa hamba ke negeri Samudera itu." Maka pada hati orang yang dalam kapal itu, 'Bahawa inilah faqir yang seperti

sabda Rasul Allah Salal'Lahu 'alayhi wassalam itu'. Maka fakir itu pun dibawaknyalah naik ke kapal itu lalu berlayar.

Hatta maka berapa lamanya di laut, sebermula maka bermimpi Měurah Silo; dilihatinya dalam mimpinya itu ada seorang orang menumpang[117] dagunya dengan segala jarinya dan matanya pun ditutupnya dengan (*R.67*: 28) empat jarinya. Demikian katanya, "Hai Měurah Silo, ucap olehmu dua kalimah syahadat". Maka sahut Měurah Silo, "Tiada hamba (*M18.* 16) tahu mengucap akan dia." Maka ujarnya, "Bukakan mulutmu." Maka dibukakan oleh Měurah Silo, maka diludahinya mulut Měurah Silo itu, rasanya lemak manis. Maka ujarnya akan Měurah Silo, "Hai Měurah Silo, engkaulah Sultan Malik us-Salih[118] namamu sekarang. Islamlah engkau dengan mengucap dua kalimah syahadat itu. Dan segala binatang yang hidup lagi halal engkau sembelih; maka kau makan dan yang tiada disembelih jangan engkau makan. Sebermula dalam empat puluh hari ada sebuah kapal datang dari Mekah. Barang segala katanya dan barang segala perbuatannya yang berpatutan dengan segala pekerjaan agama Islam orang yang dalam kapal itu janganlah engkau lalui dan hendaklah engkau turut barang pengajarnya."

Maka ujar Měurah Silo, "Siapakah tuan hamba ini?" Maka sahut suara (*Or.14350*: f. 54v) dalam mimpi itu, "Akulah Nabi Muhammad Rasul Allah [SalalLahu 'alayhi wassalam][119] yang di Makah itu." Maka ditanggalkan (*R.67*: 29) tangannya daripada dagunya itu. Maka sabda Rasul Allah salalLahu 'alayhi wassalam akan Měurah Silo itu, "Tunduklah engkau ke bawah." Maka tunduklah Měurah Silo ke bawah serta jaga ia daripada tidurnya. Maka yang dilihatnya yang di bawah sucilah.[120] Maka katanya, "*Asyhaduanla ila ha illalLah, wah dahu la syarikalah wa asyhaduanna Muhammada[n] 'abduhu wa rasuluh*." Maka setelah sudah ia mengucap dua kalimah syahadat itu, maka ia membaca quran tiga puluh juz khatam; dengan hafaznya ia, tiada dengan dipelajarinya lagi pada seseorang jua pun. Maka ujar orang banyak dan segala hulubalang akan Měurah Silo itu, "Adapun Raja kita ini keluar katanya itu tiada kita tahu akan barang katanya itu."

Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera: Hatta berapa lamanya maka kapal Syekh Ismail itu pun sampailah ke Teluk Terli [ترلي].[121] Maka kapal itu pun berlabuhlah. Maka faqir itu pun naiklah ia ke darat. Maka ia bertemu dengan seorang orang menjala ikan. Maka ia bertanya kepadanya, "Apa nama negeri ini?" Maka sahutnya orang (*R.67*: 30) itu, "Adapun nama negeri ini Samudera." Maka kata (*M.18*: 17) faqir itu, "Siapa nama penghulunya?" Maka sahutnya orang menjala itu, "Nama raja dalam negeri ini Měurah Silo dan bergelar Sultan Malik us-Salih[122]
[مالك الصالح]".

Setelah sudah ia berkata-kata maka orang menjala itu pun kembalilah ia. Maka faqir itu pun naiklah ia ke kapalnya. Syahdan maka keesokan harinya maka Syekh Ismail pun turunlah ia ke darat pergi ke negeri kepada Sultan Malik us-Salih. Serta ia datang kepada Sultan (*Or.14350*: f. 55) Malik us-Salih, maka ujar Syekh Ismail, "Hai Sultan, ucaplah olehmu tuan hamba dua kalimah syahadat". Maka Sultan pun mengucap syahadat iaitu, "*Asyhadu an la ila ha ilalLah, wah dahu la syarikalah wa asyhaduanna Muhammadan 'abduhu wa rasuluh*
[واشهدان محمد اعبده ورسوله

وحده لاشريكله

اشهدانلااله الاالله

]". Setelah sudah

maka Syekh Ismail pun menyapu janggutnya. Maka pada keesokan harinya datanglah faqir[123] itu membawa Quran tiga puluh juz itu kepada Sultan Malik us-Salih. Maka diunjukkannya oleh

faqir itu Quran kepada Sultan Malik us-Salih. Maka disambutnya dengan (*R.67*: 31) takzimnya lalu dijunjunginya serta dibukanya lalu dibacanya; tiadalah ia mintak [*sic*] ajari lagi. Tahulah ia membaca dia sendirinya. Maka faqir dan Syekh Ismail pun keduanya mengucap "*Alhamdulillahi rabbil 'alamin*". Setelah sudah maka disuruh oleh Syekh Ismail himpunkan segala hulubalang dan segala rakyat, besar kecil dan tuha muda, laki-laki dan perempuan. Maka apabila sudah berhimpunlah sekaliannya maka diajari oleh Syekh Ismail mengucap syahadat akan mereka itu sekaliannya.

Maka segala mereka itu pun reḍalah ia mengucap dua kalimah syahadat dengan tulus ikhlas, yakin hatinya. Sebab itulah (*M.18*: 18) maka dinamai Samudera itu negeri Darussalam karana tiada sekaliannya orang itu dengan digagahi dan dengan tiada di*meuseukét*kannya[124] [دموساقتكنت] dan tiada dengan diperlelahkannya pada mengerjakan kerja masuk agama Islam. Maka Syekh pun menyuruh menurunkan dari atas kapal segala perkakas alat kerajaan, disuruhnya bawa naik ke Samudera Darussalam.

Setelah datang segala perkakas alat kerajaan itu, maka pada ketika yang baik maka [ber]himpunlah segala hulubalang dengan segala rakyat mengadap. Maka (*R.67*: 32) Sultan pun (*Or.14350*: f. 55v) memakai selengkapnya pakaian kerajaan anugeraha dari Mekah karana akan ditabalkan. Maka segala hulubalang pun sekaliannya berṣaf-ṣaf mengadap nobat Ibrahim Khalil.[125] Bentara pun berdiri menjabat *ṣalāḥ*[126] [صالح] dan segala pegawai pun masing-masing membawa jabatannya. Maka genderang *ṭabal* [طبل][127] itu pun dipalu oranglah dan segala bunyi-bunyian pun berbunyilah. Maka bedil nobat itu pun dipasang oranglah dan segala hulubalang dan segala rakyat itu sekalian menjunjung duIi menyembah, mengatakan "Daulat dirgahayu Syah 'Alam *zilullah fi 'l- 'alam*"[128].

Setelah Sultan sudah tabal maka segala hulubalang pun masing-masing duduklah dengan martabatnya mengadap baginda itu. Adapun orang besar-besar dalam negeri itu dua orang. Seorang bernama Tuan Seri Kaya dan seorang bernama Tuan Baba Kaya; dan Tuan Seri Kaya itu digelar Sayid 'Ali Ghiyathuddin [سيد علي عنياث الدين] dan Tuan Baba Kaya itu dinamai Sayid Samai'muddin [سيد سماي۶م الدين]. Setelah berapa lamanya Syekh Ismail di Samudera Darussalam maka ia pun (*R.67*: 33) berdatang sembah kepada Sultan Malik us-Salih mohon kembali. Maka Sultan pun menghimpunkan fidyah akan Khalifah Syarif seperti 'ambar dan kapur Barus dan gaharu cendana dan kemenyan dan khalambak[129] dan cengkih, pala; sekaliannya itu ada kira-kira seratus bahara. Maka sekaliannya itu dipersembahkan kepada Syekh Ismail.

Maka sabda Sultan, "Ya Syekh, inilah fidiyah yang diperhamba akan Khalifat us-Syarif [Mekah].[130] Demikian yang diperhamba mohonkan (*berkat do'a*),[131] dahulu Allah dan berkat syafa'at Nabi Muhammad Rasul Allah dan berkat Khalifat us-Syarif (*M.18*: 19) Setelah sudah maka Syekh Ismail pun naiklah (*Or.14350*: f. 56r) ia ke kapal lalu berlayarlah. Maka faqir itu pun tinggallah di Samudera akan menetapkan agama Islam dalam negeri Samudera.

Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera, ada suatu kaum orang dalam negeri itu tiada ia mau masuk ugama Islam. Maka ia lari ke hulu Sungai *Paseungan* [فاساڠن]. Maka karana itulah dinamai orang dalam negeri itu Gayo hingga datang sekarang ini.

Adapun Sultan belum lagi ia beristeri. Sekali prastawa (*R.67*: 34) pada suatu hari maka berdatang sembah segala menteri dan segala hulubalang; demikian sembahnya: "Daulat dirgahayu Syah 'Alam sembah patik yang diperhamba ke bawah Duli Syah 'Alam. Baik kiranya Tuanku kahawin supaya jangan putus *muwalat*[132] kerajaan Syah 'Alam, supaya turun temurun datang kepada anak cucu Syah 'Alam juga." Demi Sultan menengar [*sic*] sembah segala menteri dan hulubalang itu, maka memberi titah Sultan itu, "Jikalau demikian sembah kamu kepada

aku, kuperkenankanlah. Maka carilah orang siapa yang berkenan baik pada hati tuan-tuan sekalian." Maka berdatang sembah pulak [*sic*] mereka itu sekalian, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, ada kami diperhamba mendengar warta seorang Raja di negeri Perlak[133] itu, ada bahagianya[134] anak tiga orang perempuan, terlalu amat baik parasnya. Baiklah Tuanku menyuruh ke sana; ia pun raja besar lagi gagah."

Maka Sultan memberi titah kepada seorang menterinya melengkapi sebuah kapal [*disuruhkannya bertemu kepada raja itu*][135] dengan kelengkapannya serta dengan segala perempuan yang tuha-tuha lagi tahu berkata-kata akan segala pekerjaan telangkai[136] itu. (*R.67*: 35) Setelah sudah lengkaplah maka pada ketika yang baik maka segala menteri itu pun naiklah ia ke kapal lalulah ia berlayar menuju negeri Perlak itu, Maka berapa (*Or.14350*: f. 56v) lamanya antaranya maka sampailah ia menteri itu ke Perlak. Maka berlabuhlah ia di Teluk Perlak itu. Maka dipersembahkan oranglah kepada Raja Perlak. Sembahnya, "Ya Tuanku Syah 'Alam, ada sebuah kapal berlabu[h] kepada Teluk kita ini." (*M.18*: 20) Maka titah Raja Perlak, "Pergilah engkau lihati kapal itu". Maka pergilah orang yang melihat itu sebuah perahu. Maka apabila sampailah ke kapal itu, maka bertanyalah ia, "Dari mana datang kapal ini? Dan apa pekerjaan datang tuan hamba ke mari?" Maka sahut orang yang di dalam kapal itu, "Kami ini dari negeri Samudera Darussalam membawa warta yang baik, dan kami datang ini hendak menjunjung Duli Sultan Perlak." Maka orang yang melihati itu pun segeralah ia kembali bepersembahkan segala kata menteri itu kepada Sultan Perlak.

Maka titah Sultan Perlak, "Pergilah kamu sambut menteri itu." Setelah pergilah ia memanggil menteri itu maka menteri itu turunlah dengan (*R.67*: 36) segala pegawainya mengadap Sultan Perlak. Serta datang lalu ia menyembah sekaliannya. Maka sabda Raja, "Hai menteri, apa pekerjaan kamu ke mari ini?" Maka berdatang sembah menteri itu, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, akan hal patik ini dititahkan paduka anakenda Sultan Samudera Malik us-Salih, Raja negeri Samudera Darussalam, hendak menjunjung Duli Syah 'Alam." Maka dipersembahkannyalah segala kelengkapan dan segala perhiasan yang dibawanya itu dan bepersembahkan segala kata yang baik-baik lagi sempurna daripada yang memberi nasihat pada membersihkan muka segala manusia dan menerangkan segala hati yang karatan akan pekerjaan meminang tuan puteri itu. Demi didengar Raja Perlak segala sembah menteri itu maka baginda pun sukacitala[h] dan segala hulubalang pun terlalu (*Or.14350*: f. 57r) sukacita. Maka orang pun mengangkat sirih dan jurung suasa dan jurung perak pada segala menteri itu, masing-masing pada tempatnya.[137]

Maka Sultan pun memberi titah; demikian bunyinya: "Hai segala menteri Samudera, seharusnyalah kita perkenankan kehendak anak kita Sultan (*R.67*: 37) Malik us-Salih itu kerana ia pun daripada bangsa kita juga." Maka pada keesokan harinya maka disuruh baginda perhiasi istananya dan anakenda tuan puteri dua orang itu dengan pakaian yang keemasan bertatahkan ratna mutu manikam. Dan seorang lagi anak gundik baginda benama Tuan Puteri Ganggang[138], (*M.18*: 21) diberinya memakai kain sutera cengkurai [چڠكوراي][139] dan berbaju warna bunga jambu dan memakai cincin bepermata, dan bersubang berjentera.[140] Maka duduklah ia pada tempat yang tinggi, mengadap orang membawa segala makanan perjamuan akan segala menteri dan segala perempuan yang datang dari negeri Samudera yang telangkai [تلڠكى][141] itu. Maka tatkala dilihat orang banyak akan tuan puteri yang tiga bersyaudara [*sic*] itu, maka segala manusia pun lekatlah hatinya kepada Tuan Puteri Ganggang itu, oleh karana baik parasnya dan amat manis barang lakunya pada segala manusia. Maka kata mereka itu bertanya, "Siapa yang

duduk di atas tinggi [تغكي][142] itu?" Maka sahut orang itu, "Ini pun anak raja kami juga tetapi iaitu anak gundik.

Setelah sudah diperjamunya sekaliannya mereka itu, maka (*R.67*: 38) sekaliannya pun bermohonlah kembali, sekalian itu ke Samudera, kepada Sultan Malik us-Salih. Maka apabila sampailah ke Samudera dipersembahkan orang kepada baginda. Demikian bunyinya: "Ya, Tuanku Syah 'Alam, sesungguhnya ada anak Raja Perlak itu tiga orang bersyaudara [*sic*]. Ada yang seorang itu anak gundik baginda, tetapi pada patik sekalian, (*Or.14350*: f. 57v) penglihat patik yang diperhamba, yang teramat baik rupanya itu anak gundik baginda itu juga; lagi amat manis segala kelakuannya, lagi dengan *muhtasam*nya[143] [محتسمن *sic*, *muhtasyam*]. Syahdan, kedudukannya pun tertinggi rupanya martabatnya daripada syaudaranya [*sic*] yang kedua itu.

Maka setelah sudah dipersembahkan orang yang melihat itu maka Sultan Malik us-Salih pun menyuruh memanggil segala ahli'l-nujum. Maka datanglah segala ahli'l nujum itu. Maka titah Sultan, "Hai ahli'l nujum, lihat apalah oleh tuan-tuan di dalam nujum kamu akan anak Raja Perlak itu; yang mana baik kita ambil?" Maka segala ahli'l-nujum itu pun melihat nujumnya dan membilang-bilang ramalnya, lalu ia menggerakkan kepalanya. Maka ia berdatang sembah segala ahli'l-nujum itu. Demikian sembahnya: (*R.67*: 39) "Ya, Tuanku Syah 'Alam, jikalau Tuan Puteri yang duduk di tinggi [pada martabatnya][144] itu Syah 'Alam mengambil akan isteri niscaya datang kepada anak cucu Syah 'Alam kerajaan ini tiada lagi berkeputusan karana terlalu sekali (*M.18*: 22) berbahagia."

Maka dititahkan Sultan pergi mengambil Tuan Puteri Ganggang itu. Setelah itu maka menteri pun berlengkaplah akan pergi menjemput tuan puteri itu ke benua Perlak. Hatta beberapa lamanya di dalam perlayaran itu maka sampailah ia ke dalam negeri Perlak. Maka menteri pun masuklah ia serta segala inangdanya mengadap Sultan Perlak. Serta ia berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah 'Alam akan sembah paduka anakenda Sultan Malik us-Salih empunya sembah, serta takzim ke bawah Duli Syah 'Alam, paduka anakenda memohonkan Tuan patik Tuan Puteri Ganggang itu." Maka titah Raja Perlak, "Baiklah; anugerahakanlah anak kamu [*sic*, kami] itu." Maka baginda pun menyuruh orang (*Or.14350*: f. 58r) melengkapi seratus perahu akan mengantarkan paduka anakenda itu. Tun Perpatih Pandak akan pengetuanya[145] mengantarkan Tuan Puteri Ganggang itu ke negeri Samudera Darussalam dan baginda menyuruhkan berbuat istananya segala [سكل *sic*, sekali][146] akan tempat tuan puteri itu duduk dengan (*R.67*: 40) segala dayang-dayangnya, beti-beti perwaranya dan segala alat kerajaannya.

Setelah sudah musta'iblah [*sic*] maka pada ketika hari yang baik maka Sultan Perlak pun berangkatlah. Baginda mengantarkan paduka anakenda tuan puteri itu ke kuala dengan segala bunyi-bunyian. Setelah sudah sampai ke kuala maka Tuan Puteri Ganggang pun menyembah ayahanda dan bonda dan syaudaranya [*sic*] kedua serta bertangis-tangisan; maka dipeluk dicium oleh ayahanda dan bonda dan syaudaranya [*sic*] kedua. Maka Tuan Puteri Ganggang pun naiklah ke perahu lalu berlayar. Maka Sultan Perlak pun kembalilah ke istananya dengan percintaannya.

Setelah beberapa lamanya berlayar di laut itu maka sampailah ia ke Jambu Air. Singgahlah Tun Perpatih Pandak membawa tuan puteri kepada istana itu. Serta [tiba di] istananya maka berhiaslah tuan puteri itu. Maka Sultan Malik us-Salih pun berangkatlah mengalu-alukan tuan puteri lalu dibawanya masuk ke dalam negeri Samudera Darussalam, dipermulianya dengan beberapa kemuliaan. Setelah datanglah kepada istananya maka baginda pun (*M.18*: 23) menyuruh memulai berjaga-jaga akan kerja kahawin [كهاون] itu. Hatta (*R.67*: 41) beberapa lamanya berjaga-jaga itu maka baginda pun kahawinlah dengan Tuan Puteri Ganggang itu. Setelah sudah kahawin maka baginda pun memberi anugerah persalin akan segala hulubalang,

dan memberi *deureuham*[147] akan segala fakir dan (*Or.14350*: f. 58v) miskin dalam negeri itu daripada emas dan perak. Dan akan Tun Perpatih Pandak pun dianugerahi daripada berapa pakaian yang indah dan segala orang yang datang sertanya – sekalian itu pun dianugerahi baginda daripada emas dan perak.

Setelah sudah baginda memberi anugerah maka Tun Perpatih Pandak pun bermohonlah kepada baginda, hendak kembali ke Perlak. Setelah sudah, maka baginda laki isteri pun berkirim sembah kepada ayahanda dan bonda dan kepada syaudara [*sic*] tuan puteri yang dua orang itu, serta berkirim dengan pakaian yang mulia-mulia. Maka Tun Perpatih Pandak pun kembalilah ia ke Perlak. Bermula istananya yang diperbuat akan tempat – tempat tuan puteri berkundai[148] itu – maka Sultan Malik us – Salih menyuruh pulak [*sic*] perbaiki dan dinamai negeri itu Ram Gandhi[149]
[رام ڠندي] disebut orang datang sekarang ini.

Hatta beberapa lamanya Sultan Malik us-Salih dalam negeri (*R.67*: 42) itu kerajaan maka datang sebuah kapal dari benua Keling [كلڠ] bebeniaga [*sic*, ببنياڬ] dan ada seorang dalam kapal itu tahu ia melihat asap[150] emas.[151] Maka katanya di dalam negeri ini adah tujuh tempat asap emas keluar tiada diketahui oleh orang dalam negeri ini. Maka ada seorang orang Sultan menengar [*sic*] kata orang kapal itu. Maka lalu dipersembahkannya kepada Sultan Malik us-Salih. Maka disuruh baginda panggil orang Keling itu yang berkata demikian. Maka Keling itu pun datanglah mengadap Sultan. Maka sabda baginda pada Keling itu, "Sungguhkah katamu dalam negeri ini ada asap emas?" Maka berdatang sembah Keling itu, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, jikalau yang di negeri kami yang diperhamba, yang seperti penglihatan hamba ini tiada lagi bersalahan."

Setelah didengar oleh Sultan sembah (*Or.14350*: f. 59r; *M.18*: 24) Keling itu, maka dianugerahnya oleh Sultan akan Keling itu, dipersalin selengkapnya 'adat pakaian. Maka sabda Sultan, "Jikalau sungguh seperti katamu itu, pergilah engkau mengambil dia kepada tempat asap emas itu". Maka Keling itu pun menyembah lalu ia pergi dengan lasykar Sultan itu. (*R.67*: 43) Setelah ia sampai kepada tempat itu maka disuruhnya korek tanah itu. Maka adalah emas itu diperolehnya, terlalu banyak, sekira-kira lima *midan* [مدن].[152] Maka dibawanyalah emas itu ke hadapan Sultan. Maka Sultan pun terlalu amat sukacita karana beroleh emas itu.

Hatta beberapa lamanya Sultan Malik us-Salih dalam kerajaan maka tuan puteri pun hamillah. Setelah genaplah bulannya maka tuan puteri pun beranaklah laki-laki – terlalu baik parasnya. Maka Sultan pun terlalu amat sukacita melihat anakenda baginda itu. Maka disuruhnya peliharakan kepada inangdanya dan pengasuhnya yang tuha-tuha.[153] Maka dititahkan baginda orang memalu gendang dan segala bunyi-bunyian, berjaga-jaga seperti 'adat segala raja-raja beranak.

Setelah genaplah tujuh hari tujuh malam baginda berjaga-jaga, bersuka-sukaan makan minum, masing-masing membawa kesukaannya, maka pada hari berjejak tanah dan ber'aqiqah maka segala ra'ayat menteri hulubalang pun berhimpunlah makan minum. Setelah sudah maka baginda memberi *deureham*[154] karunia akan (*R.67*: 44) segala menteri dan hulubalang dan rakyat besar kecil dan segala fakir miskin sekalian. Setelah sudah maka Sultan menamai anakenda baginda itu Sultan Malik ut-Tahir.[155] Setelah sampailah umur baginda kepada 'akil baligh maka ia dirajakan dalam negeri Samudera itu.

Kata sahibul hikayat, maka pada suatu hari Sultan Malik us-Salih pergi bermain-main berburu dengan segala lasykarnya ke tepi laut. (*Or.14350*: f. 59v) Maka dibawaknya [*sic*] anjing seekor perburuan bernama Si Pasai itu. Maka tatkala sampailah baginda ke sana itu, ke tepi

laut, maka disuruhnya lepaskan anjing perburuan itu, lalu ia masuk ke dalam rimba hutan yang di tepi laut itu. Maka bertemu ia dengan seekor (*M.18*: 25) pelanduk duduk di atas ia pada suatu tanah yang tinggi. Maka disalaknya anjing itu; oleh[156] hendak ditangkapnya. Maka tatkala itu dilihat oleh pelanduk anjng itu mendapatkan dia. Maka anjing itu pun hundurlah [*sic*]. Maka tatkala dilihat oleh pelanduk anjing itu undur maka lalu pelanduk kembali pulak [*sic*] pada tempatnya. Maka tatkala dilihat oleh (*R.67*: 45) anjing pelanduk itu kembali pada tempatnya maka didapatkannya pelanduk itu oleh anjing, lalu ia berdakap-dakapan kira-kira tujuh kali. Maka khairanlah [*sic*] baginda melihat hal kelakuan anjing dengan pelanduk itu. Masuklah baginda sendirinya hendak menangkap pelanduk itu ke atas tanah tinggi itu. Maka pelanduk pun lari; maka didakapnya juga oleh anjing itu. Maka sabda baginda kepada segala orang yang ada bersama-sama dengan dia itu, "Adakah penahnya [*sic*] kami [كامي *sic*, kamu] lihat pelanduk yang gagah sebagai ini? Maka pada bicaraku sebab karana ia diam pada tempat ini. Itulah rupanya maka pelanduk itu menjadi gagah." Maka sembah mereka itu, sekalian, "Sebenarnyalah seperti sabda yang maha mulia itu."

Maka fikirlah baginda itu, 'Baik tempat ini kuperbuat negeri anakku Sultan Malik ut-Tahir kerajaan. Maka Sultan Malik us-Salih pun kembalilah ke istananya. Maka pada keesokan harinya, maka baginda pun memberi titah kepada segala menteri dan hulubalang, ra'ayat bala tentera sekalian, menyuruh (*Or.14350*: f. 60r) menebas tanah akan tempat negeri; masing [-masing] pada kuasanya; dan (*R.67*: 46) disuruh baginda perbuat istana kepada tempat tanah tinggi itu. Setelah sudah jadi maka anjing perburuan yang bernama Si Pasai itu pun matilah pada tempat itu. Maka disuruh Sultan tanamkan akan dia di sana juga. Maka [di]namai baginda akan nama anjing, nama negeri itu. Maka dititahkannyalah anakenda baginda Sultan Malik ut-Tahir kerajaan dalam negeri itu. Dan ayahanda Sultan Malik us-Salih itu diam di Samudera Darussalam juga.

Hatta, beberapa lamanya Sultan Malik ut-Tahir[157] dalam negeri Pasai itu maka dianugerahakan Allah Ta'ala akan baginda anak dua orang laki-laki. Yang tuha bernama (*M.18*: 26) Sultan Malik ul-Mahmud dan yang muda bernama Sultan Malik ul-Mansur. Maka Sultan Malik ut-Tahir pun sakitlah hingga datang hukum Allah atasnya, maka matilah ia. Maka ditanamkan oranglah seperti 'adat segala raja-raja yang telah kembali ke rahmat Allah itu, karana anakenda baginda kedua itu lagi kecil. Maka kerajaan negeri Pasai itu nenendalah [*sic*] yang melenggarakan [ملڠڠراکن][158] dia sementara menantikan cucunda baginda kedua itu besar supaya (*R.67*: 47) dapat ia melenggarakan [*sic*] kerajaan itu dalam negeri Pasai itu.

Adapun anak raja yang bernama Sultan Malik ul-Mahmud itu diserahkan nenekenda [نينيءند] baginda kepada Sayid Ghiyathuddin [سيد غياث الدين]; disuruhkan baginda berajar [*sic*] segala 'ilmu dan bermain senjata, dan menaiki gajah dan memacu kuda. Maka yang bernama Sultan Malik ul-Mansur itu disuruhkan nenekenda baginda kepada Sayid Sama'imuddin [سيد سماءيم الدين]. Hatta beberapa lamanya maka Sultan Malik ul-Mahmud pun besarlah ia. Maka ialah (*Or.14350*: f. 60v) dirajakan oleh nenekenda baginda kerajaan di negeri Pasai itu. Maka Sayid 'Ali Ghiyathuddin akan Perdana Menteri. Maka oleh baginda segala ra'ayat dan daripada segala arta [*sic*] dan segala perkakas daripada segala alat kerajaan daripada gajah dan kuda, dan segala senjata sekalian itu dibahagikan nenekenda baginda dua bahagi; [*sebahagi*][159] diberikan kepada cucunda baginda Sultan Malik ul-Mahmud, dan sebahagi lagi itu ditaruhkan akan cucunda Sultan Malik ul-Mansur karana Sultan Malik ul-Mansur kanak-kanak. Maka tinggallah Sultan Malik ul-Mahmud (*R.67*: 48) di negeri Pasai. Maka Sultan Malik us-Salih pun kembali serta membawa cucunda baginda Sultan Malik ul-Mansur ke negeri Samudera Darussalam.

Hatta maka beberapa lamanya antaranya maka Sultan Malik us-Salih pun sakitlah. Maka baginda pun mengimpunkan [*sic*] segala menteri hulubalang dan segala orang besar-besar dalam negeri itu (*M.18*: 27) dan segala ra'ayat besar kecil akan mentabalkan [*sic*] Sultan Malik ul-Mansur. Maka berhimpunlah sekalian mereka itu mengadap Sultan. Maka titah Sultan, "Hai segala kamu sekalian menteriku, dan hulubalangku dan segala ra'ayat bala tenteraku, bahawa aku hendak merajakan Sultan Malik ul-Mansur ini karana aku hampirlah rasanya akan meninggal akan [*sic*] negeri yang fana ini kembali ke negeri yang baqa itu; apa bicara kamu sekalian – sukakah atau tiadakah? Maka berdatang sembahlah sekalian mereka itu, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, sebenarnyalah seperti sabda Syah 'Alam yang maha mulia itu, karana Sultan Malik ul-Mansur pun besarlah, sahaja seharusnyalah (*Or.14350*: f. 61r) kami sekalian menyembah cucunda Sultan Malik ul-Mansur." (*R.67*: 49) Maka titah baginda, "Jika demikian, tabalkanlah oleh segala menteri dan hulubalang, dan segala orang besar-besar akan baginda itu dalam negeri Samudera ini."

Maka ada sekira-kira tiga hari sudah tabal itu maka Sultan Malik us-Salih pun berwasiat kepada Sayid Sama'imuddin dan Sayid 'Ali Ghiyathuddin, "Hai Perdana Menteri kedua, baik-baik kamu kedua ini memeliharakan cucuku kedua ini. Insya'Allah Ta'ala jangan kamu beri bersalahan ia dua bersyaudara [*sic*] serta kamu kedua [ajari][160]; jadi hendaklah jangan kamu mengubahkan setia kamu akan cucuku kedua; dan kamu jangan menyembah segala raja-raja yang lain daripada anak cucuku. Hubaya-hubaya, jangan kamu memberi teraniaya daripada segala hamba Allah dan jangan kamu mengerjakan segala pekerjaan yang bersalahan dengan hukum Allah karana firman Allah Ta'ala di dalam Quran, demikian bunyinya: *Wa maz lam yahkum bima anzala Allah fa 'ulaika hamal khasyirun*". [ومزلم يحكم بماانزل الله فاءوليك هم الخاشرون][161] Ertinya: "Barang siapa tiada menghukumkan dengan barang hukum yang diturunkan Allah maka bahawasanya mereka itu jadi kafir". Maka kedua menteri itu pun (*R.67*: 50) sujud menundukkan kepalanya seraya ia menangis berdatang sembah keduanya menteri itu. "Ya, Tuanku Sah [*sic*] 'Alam *zilullah fil'alam*. Demi Allah Tuhan sarwa sekalian 'alam Insya'Allah Ta'ala bahawa kedua kami yang diperhamba tiadalah (*M.18*: 28) dapat melalui seperti sabda Syah 'Alam Yang Maha Mulia itu. Dan tiadalah kami menyembah segala raja-raja yang lain daripada anak cucu Syah 'Alam yang di atas batu kepalalah kami kedua ini." Maka disuruh oleh Sultan panggil kedua cucunda baginda itu.

Setelah datanglah kedua raja itu maka Paduka (*Or.14350*: f. 61v) Seri Sultan pun bersabdalah kepada cucunda kedua itu, dan kepada segala menteri hulubalang dan segala orang besar-besar sekalian. Demikian sabda baginda, "Hai cucuku kedua, ketahui oleh kamu kedua karana aku ini sakit sangat; rasanya hampirlah hukum Allah Ta'ala akan daku berpindah daripada negeri yang fana ke negeri yang baqa itu. Adapun peninggalku ini baik-baik kamu kedua memeliharakan pekerjaan *amar bil-ma'aruf wannahi 'anil-mungkar* [امر بالمعروف نهي عن المنكر]. Sebermula sekali-kali (*R.67*: 51) jangan kamu banyak tamak akan harta dunia karana dunia ini tempat segala yang *maghrur*[162] dan jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfa'at akan kamu di akhirat; dan jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan kamu. Jangan sekali-kali bersalahan antara kamu kedua bersyaudara [*sic*] supaya di*karar*kan[163] Allah Ta'ala engkau kedua dalam kerajaan ini; dan supaya diperkenankan Allah segala pinta' [*sic*] kamu daripada segala yang kebajikan. Dan jangan kamu melalui seperti barang yang dititahkan Allah akan kamu; dan jangan kamu *taqṣir*[164] pada mengerjakan pekerjaan yang kebajikan dan meninggalkan pekerjaan yang kejahatan dan menyuruhkan segala orang berbuat kebajikan dan melarangkan segala orang berbuat

kejahatan; serta dengan 'adil kamu kedua bersyaudara [*sic*] akan segala ra'ayat kamu itu. Hubaya-hubaya jangan tiada engkau turut wasiatku ini, hai cucuku kedua."

Maka cucunda kedua pun sujud serta dengan tangisnya. Maka sembahnya kedua, "Daulat ya Tuanku Syah 'Alam, bertambah-tambah (*R.67*: 52) karunia atas batu kepala patik kedua dengan berkat Tuanku mengajar patik." Setelah sudah baginda mengajar cucunda kedua itu (*Or.14350*: f. 62r) demikian maka dengan takdir Allah Ta'ala selang tiga hari maka Sultan pun memeluk mencium cucunda kedua lalu baginda kembalilah ke rahmat Allah Ta'ala. Maka ditanamkan oranglah seperti 'adat (*M.18*: 29) segala raja-raja yang telah pulang ke rahmat Allah itu. Maka dari karana itulah disebut orang datang sekarang Sayid al-marhum Samudera.

Setelah itu maka Sultan Malik ul-Mahmud itulah kerajaan di Pasai dan Sultan Malik ul-Mansur itulah kerajaan di Samudera itu. Maka negeri yang kedua itu pun terlalu ramai dengan makmur segala rakyat dalam negeri itu; dan beberapa daripada gajah dan kuda *hanah*lah[165] makanan dan beberapa daripada segala rezeki yang lain tiada diterhisabkan banyaknya pada zaman baginda kedua bersyaudara [*sic*] itu. Maka Sultan Malik ul-Mahmud pun bertambah-tambah kebesyarannya [*sic*] dan kemuliaannya.

Maka terdengarlah warta Pasai itu kepada Raja Siam. Maka Raja Siam pun menyuruh melengkapi perahu sekira-kira seratus buah banyaknya, besar kecil akan mendatangi negeri Pasai itu. Setelah lengkaplah segala kelengkapan itu maka disuruhkannya seorang hulubalangnya yang terbesar akan panglimanya yang bernama Talak[166] Sajang[167] [تلك سجڠ][168] itu. Setelah sudah, maka berlayarlah segala kelengkapan itu menuju negeri Pasai.

Hatta beberapa lamanya sampailah ke Teluk Pasai. Maka berlabuhlah segala kelengkapan itu dalam Teluk Pasai. Demi terlihat oleh orang dalam negeri itu, perahu terlalu amat banyak berlabuh dalam teluk itu maka dipersembahkan kepada Sultan Malik ul-Mahmud. Disembahnya, "Ya. Tuanku Syah 'Alam, ada hambamu lihat itu perahu angkatan rupanya terlalu banyak berlabuh dalam teluk kita ini. Siapa tahu dari mana gerangan datangnya dan apa gerangan pekerjaannya?" Maka titah Sultan kepada (*Or.14350*: f. 62v) seorang hulubalangnya bernama Barang[169] Laksamana, "Hai Barang Laksamana, pergilah engkau melihat perahu itu. Maka Barang Laksamana pun menyembah, lalu ia segera pergi. Maka sampailah Barang Laksamana itu kepada segala perahu itu maka kata Barang Laksamana, "Dari mana datang perahu ini? Hendak ke mana kamu (*R.67*: 54) ini? Dan apa maksud kamu ini?" Maka sahutnya orang perahu itu, "Adapun perahu kami ini datangnya dari benua Siam; dan maksud kami disuruhkan oleh Raja Siam mintak [*sic*] ufti di negeri ini. Jikalau ada seperti (*M.18*: 30) maksud kami ini niscaya kembalilah kami membawa ufti itu; dan jikalau tiada ada seperti yang demikian itu niscaya kami perangilah negeri kamu ini. Dan Talak Sajang nama panglimanya." Maka segeralah Barang Laksamana kembali mengadap Raja. Maka berdatang sembah ia, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, Adapun perahu itu datangnya dari benua Siam, Talak Sajang nama panglimanya. Datangnya disuruhkan Raja benua Siam hendak mintak [*sic*] ufti negeri kita ini. Jikalau ada sampai seperti maksudnya maka kembalilah ia, dan jika tiada sampai seperti kehendaknya niscaya diperanginyalah akan negeri kita ini, ya Syah 'Alam".

Demi didengar Sultan kata itu, maka baginda pun amarah terlalu amat sangat. Mukanya pun tarum-taruman[170] [مكات فون تاروم٢من] dan segala romanya pun berdiri serta baginda (*R.67*: 55) bersabda kepada mamanda Sayid 'Ali Ghiyathuddin menyuruh mengimpunkan segala menteri hulubalang pahlawan dan segala rakyat; masing-masing haḍir dengan segala senjatanya, menantikan musuhnya itu naik ke darat. Setelah sudah musta'ib [*sic*, *musta'id*][171] maka sabda Sultan; demikian bunyinya: "Demi kemuliaan dan kebesyaran [*sic*] Tuhan yang menjadikan sarwa 'alam sekalian, jangankan ufti negeri ini hingga sehelai roma rambut (*Or.14350*: f. 63r)

yang luruh tiada berguna pun tiada kuberi." Maka terdengarlah segala kata Sultan itu pada Talak Sajang. Maka ia pun menyuruhkan naik segala rakyatnya ke darat berbuat kota. Maka naiklah segala hulubalangnya dan segala rakyatnya berkota di tepi laut itu.

Hatta selang tiga hari lamanya maka disuruh Sultan keluari. Maka keluarlah orang itu sekalian. Maka bertemulah kedua pihak itu. Maka peranglah sekalian mereka itu kedua pihak. Maka pada hari itu Barang Laksamana akan panglima perang. Maka daripada kedua pihak lasykar itu banyaklah mati dan luka. Maka masing-masing kedua lasykar itu surutlah ke dalam (*R.67.* 56) kotanya. Maka pada keesokan harinya Tun Rawan[g][172] Pumatang[173] akan panglimanya membawa segala rakyat dan gajah yang bernama *Dola*[174] Laut [دولالاوت][175] dan *Mawaddah* [موده][176]

Besi. Maka peranglah kedua pihak lasykar itu – terlalu ramai lagi *'adzmat.*[177] Maka daripada kedua pihak lasykar itu banyaklah mati dan luka. Maka masing-masing kembalilah. Demikianlah perangnya itu. Pada syehari [*sic*]-hari tiada berhenti, kira-kira dua bulan (*M.18*: 31) lamanya perang itu; dan Tun Rawan[g] Pumatang pun luka dan Barang Laksamana pun luka.

Maka pada keesokan harinya Tun Harya Jong [تن هري جوڠ] pulak [*sic*] akan panglimanya. Maka peranglah kedua pihak lasykar itu. Maka patahlah perang Tun Harya Jong, lalu masuk ke dalam kotanya. Maka pada keesokan harinya maka Sultan Malik ul-Mahmud terlalu amarah melihat hal yang demikian itu. Maka Sultan pun menyuruh mengimpunkan [*sic*] segala rakyat besar kecil hingga dapat memegang senjata – masing-masing dengan senjatanya. Maka Sultan pun keluarlah sendirinya pergi mendatangi Talak (*R.67*: 57) Sajang. Maka ia pun keluarlah dari dalam kotanya berdiri di medan bersaf-saf. Maka berhadapanlah kedua pihak lasykar (*Or.14350*: f. 63v) itu. Maka peranglah mereka itu – terlalu ramai, *geugak-gumpita*,[178] kelam kabut, duli beterbangan [*sic*] ke udara tiadalah berkenalan segala manusia dan bunyi tempik segala hulubalang dan segala rakyat juga yang kedengaran; dan gemerencang bunyi segala senjata, bahananya datang ke tengah rimba. Maka daripada sangat *ḍarb*

[ضرب][179] perang itu jadi gempitalah. Maka daripada kedua pihak lasykar itu banyaklah mati dan luka.

Bermula panglimanya yang bernama Talak Sajang itu kena panah dadanya terus ke belakangnya, lalu matilah ia. Maka sorak orang Pasai pun gemuruh seperti tagar. Kemudian dari itu maka pecahlah rakyat perang orang Siam itu, lalu lari membuang belakang, cerai-berai tiada berketahuan. Yang lari ke darat habis dibunuh oleh orang Pasai, dan yang lepas ke laut itu lalu naik ia ke perahunya; lalu ia belayar [*sic*] pulang ke negeri Siam. Maka Sultan pun kembalilah ke istananya (*R.67*: 58) dengan kemenangannya dan dengan sukacitanya. Kemudian dari itu negeri Pasai pun terlalu ramai dengan ma'amurnya dalam negeri itu.

Bermula maka Sultan pun senantiasa dengan bersuka-sukaan makan minum dengan segala menteri hulubalangnya dan segala orang besar-besar. Maka kararlah segala manusia dalam negeri itu. Hatta berapa lamanya maka Sultan Malik ul-Mahmud di dalam kerajaan maka dianugerahakan Allah baginya anak, seorang laki-laki dan dua orang perempuan. Dan laki-laki itu dinamai baginda akan dia Sultan Ahmad Pramada'l Perumal [فرمدل فرمال]. Maka pada suatu hari Sultan Malik ul-Mahmud bersabda kepada segala hulubalangnya dan menterinya, "Adapun sekarang aku hendak pergi (*M.18*: 32) bermain-main ke hulu sungai, hendak melihat segala (*Or.14350*: f. 64r) negeri dan segala dusun serta kita menjerat gajah dan berburu hingga sampailah kita ke benua Andami,[180] melihat segala negeri dan dusun."

Maka pada ketika yang baik maka Sultan Malik ul-Mahmud pun berangkatlah dengan segala menteri hulubalang (*R.67*: 59) dengan segala bala tenteranya. Maka lalu baginda berjalan

kepada segala negeri dan dusun, bermain-main berjamu-jamuan dengan segala menteri hulubalang makan minum bersuka-sukaan. Berapa lama antaranya maka diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera, tatkala Sultan Malik ul-Mahmud berangkat itu maka Sultan Malik ul-Manṣur pun hendak pergi beramai-ramaian [براماي٢ين] akan berjamu-jamuan dengan segala menteri hulubalangnya dan segala rakyat makan minum bersuka-sukaan. Maka Sultan Malik ul-Mansur pun menyuruhkan orang bertunggu akan mengiringkan Sultan itu. Maka Sayid Sama'imuddin pun berkata serta berdatang sembah; demikian sembahnya, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, betapa perinya Duli Tuanku pergi beramai-ramaian ke tepi laut? Karana paduka kakanda Sultan Malik ul-Mahmud tiada di dalam negeri Pasai karana jalan dari sana daripada sisi istana kakanda itu; takut, siapa tahu keluar datang fitnah syaitan kepada hati seseorang manusia. Jika kedengaran kepada paduka kakanda ta [*sic*] dapat tiada [تداڤت تياد] jadi perseteruan (*R.67*: 60) 'akibatnya. Maka tiada juga didengarkan oleh Sultan Malik ul-Manṣur sembah Sayid Sama'imuddin itu. Maka Sultan Malik ul-Manṣur pun berangkatlah berjalan ke tepi laut, pergi bermain-main serta berjamu segala menteri hulubalang, makan minum bersuka-sukaan. Maka tatkala ia kembali sampailah berjalan kepada hampir kota Sultan Malik ul-Mahmud itu. Maka terlihatlah perempuan oleh Sultan (*Or.14350*: f. 64v) Malik ul-Manṣur. Maka ia pun berahilah akan dia. Maka disuruh baginda ambil akan perempuan itu, lalu dibawanya kembali ke istananya dengan segala hulubalangnya.

Hatta maka beberapa lamanya Sultan Malik ul-Manṣur dalam kerajaan itu maka dianugerah akan Allah Subahanahu wa Ta'ala baginya anak tiga orang – dua orang perempuan, seorang (*M.18*: 33) laki-laki. Hatta beberapa lamanya kedengaranlah wartanya itu kepada Sultan Malik ul-Mahmud akan hal Sultan Malik ul-Manṣur mengambil perempuan yang keluar dari istana (*R.67*: 61) itu. Maka demi Sultan Malik ul-Mahmud menengar [*sic*] warta itu maka baginda pun terlalu amarah akan Sultan Malik ul-Manṣur dengan Sayid Sama'imuddin itu karana ia Perdana Menteri yang tuha.[181] "Mengapa maka ia tiada mau menegahkan dia segala pekerjaan kelakuannya itu? Karana itulah jikalau tiada Sama'imuddin itu kubunuh tiada puas rasa hatiku."

Maka Sultan Malik ul-Mahmud pun kembalilah ke istananya. Maka berdam-damlah [بردم٢له][182] dalam hatinya akan Sayid Sama'imuddin. Bermula akan Sayid 'Ali Ghiyathuddin pun tahulah.[183] Maka ada seorang mentuanya[184] bernama itu Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*][185], "Apa bicara kita akan Sama'imuddin itu? Takut akan Sultan Malik ul-Manṣur itu berbahaya kalau-kalau ia melawan kita." Maka Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] pun berdatang sembah, "Ya Tuanku Syah 'Alam, jikalau dengan kita *maṣlahat*kan [مصلحتكن][186] seorang pun tiada berbahaya; (*R.67*: 62) ia pun dengan sejahteranya hamba tangkap." Maka sabda Sultan, "Betapa *maṣlahat* kita akan dia?" Maka sembahnya, "Ya Tuanku Syah 'Alam, karana anakenda Sultan Ahmad Pramada'l Perumal itu belum khatan, baiklah kita mendudukkan pekerjaan; maka kita panggil (*Or.14350*: f. 65r) paduka adinda Sultan Malik ul-Manṣur itu ke mari. Setelah ia datang maka di sanalah barang bicara kita akan dia; terlalu amat murah pekerjaan itu." Maka pada hati baginda pun berkenanlah akan sembah Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] itu.

Maka pada suatu hari yang baik maka disuruh Sultan Malik ul-Mahmud memulai mendudukkan pekerjaan berjaga-jaga akan mengkhatankan paduka anakenda Sultan Ahmad Pramada'l Perumal itu. Maka disuruh panggil syaudaranya [*sic*] Sultan Malik ul-Manṣur ke negeri Samudera Darussalam. Maka pergilah (*M.18*: 34) orang memanggil itu. Maka apabila sampai ia kepada Sultan Malik ul-Manṣur itu maka sembahnya, "Ya Tuanku Syah 'Alam, Tuanku dipersilakan paduka (*R.67*: 63) kakanda ke Pasai karana paduka kakanda hendak mengkhatankan paduka anakenda." Maka Sultan Malik ul-Manṣur pun berangkatlah, lalu

berjalan ke Pasai. Setelah sampai lalu masuk baginda mengadap kakanda Sultan Malik ul-Mahmud itu. Bermula segala hulubalangnya tinggallah di luar.

Demi datanglah ke hadapan Sultan Malik ul-Mahmud maka Sultan Malik ul-Mahmud pun memberi *isyarah*[187] [اشاره] menyuruh tangkap Sultan Malik ul-Manṣur dengan hulubalangnya sekalian dan Sayid Sama'imuddin. Setelah tertangkaplah maka Sultan Malik ul-Manṣur disuruh penjarakan dengan segala hulubalangnya serta Sayid Sama'imuddin pun dalam penjara juga. Maka fikir Sultan Malik ul-Mahmud itu sendirinya, lalu ia bersabda kepada Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*], "Apa bicara kita akan Sultan Malik ul-Manṣur ini? Baiklah kita ia jauhkan dari negeri ini atau ia kita suruh kembali ke negerinya?" Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] pun berdatang sembah, "Ya Tuanku Syah 'Alam, jikalau Tuanku menengarkan [*sic*] (*R.67*: 64) sembah patik, baiklah baginda ini kita jauhkan dari negeri ini seperti kata (*Or.14350*: f. 65v) orang tuha-tuha, 'Jauh dari mata, jauh dari hati'. Jikalau baginda itu hampir niscaya tercita juga Syah 'Alam akan pekerjaan paduka adinda itu; ta dapat [*sic* تداقت] tiada juga bertambah-tambah hati Syah 'Alam sakit juga." "Jikalau demikian, baiklah baginda kita hantarkan kepada suatu negeri yang jauh dari sini."

Maka disuruh Sultan lengkapi perahu barang empat lima buah akan mengantarkan Sultan Malik ul-Manṣur ke negeri Temiang.[188] Akan memeliharakannya Tun Jaya Pangliran. Setelah itu maka Sultan Malik ul-Manṣur pun dibawa oranglah baginda ke perahu dengan segala hartanya, dan segala hamba syahayanya [*sic*]; maka lalu ia berlayar.

Syahdan maka menteri Sama'imuddin disuruh Sultan keluarkan dari dalam penjara. Maka dibawa (*M.18*: 35) oranglah ke hadapan Sultan. Maka sabda Sultan, "Hai Sama'imuddin, maukah engkau diam di sini bersama-sama dengan aku? Atau tiadakah?" Maka ia berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah (*R.67*: 65) 'Alam, jika patik diceraikan dengan tuan patik, baiklah Syah 'Alam ceraikan badan patik dengan kepala patik." Maka disuruh Sultan, "Penggallah lehernya." Maka dipenggal orang lehernya. Maka disuruh oleh Sultan kepalanya dibuangkan ke laut dan badannya disuruh sulakan di kuala Pasai. Maka dengan takdir Allah Ta'ala kepala Sayid Sama'imuddin itu pun mengikut perahu Sultan Malik ul-Manṣur dalam air hitu [*sic*, itu].

Maka Sultan pun sampailah ke labuwan [كلبوون *sic*][189] Jambu Air. Maka lalu ia berlabu[h]. Maka didengarnya oleh pawang perahu itu, kemudinya terketuk-ketuk [تركتوء٢][190] Maka ia melihat ke air maka dilihatnya suatu kepala manusia tersangkut kepada kemudinya itu. Maka dipersembahkannya kepada Sultan Malik ul-Manṣur. Maka disuruh Sultan ambil kepala itu. Maka dilihatnya kepala Sayid (*Or.14350*: f. 66r) Sama'imuddin. Maka kata baginda itu, "Wah! Inilah kepala nenekku Sama'imuddin. Wah, betapa ketah [كتاه][191] perimu datang ke mari ini; dan di mana ketah [كتاه] bertemu sekarang?" Maka Sultan menyuruh mencari badannya itu. Maka pergi sebuah perahu mencari dia. Maka dilihatnya ada badannya (*R.67*: 66) itu tersula[192] di Kuala Pasai. Maka segera ia memberitahu Sultan Malik ul-Manṣur. Maka disuruh baginda pohonkan kepada Sultan Malik ul-Mahmud. Maka titah disuruh baginda ambillah mayatnya itu. Maka dibawa oranglah kepada Sultan Malik ul-Manṣur.

Setelah sampai kepada baginda, maka dilihat oleh Sultan mayatnya itu. Maka baginda pun terlalu sangat menangis. Maka dipertemukannya kepala itu dengan badannya. Maka dimandikannya dan dikafaninya, lalu disembahyangkan baginda. Setelah itu maka baginda pun naiklah ke darat menanamkan mayat itu. Maka sabda baginda menamai tempat itu "Padang Maya". Maka tiada berketahuan dari karana mayat itu disebut orang Padang Maya juga namanya datang sekarang. Maka Sultan (*M.18*: 36) Malik ul-Mansur pun menanamkan mayat

Sayid Sama'imuddin itu. Setelah sudah ditanamkan dan ditalkinkan dan dibacakan baginda arwah maka Sultan pun naiklah ke perahu lalu berlayar menuju negeri Temiang.

Setelah sampailah ia ke dalam negeri itu, hatta beberapa lamanya ia di sana, maka pada suatu (*R.67*: 67) hari maka Sultan Malik ul-Mahmud semayam dihadap segala hulubalang dan menteri dan segala rakyatnya; maka terṣadarlah ia akan syaudaranya [*sic*] Sultan Malik ul-Manṣur itu. Maka katanya, "Wah, terlalu sekali *ahmaq*[193] budiku; karana perempuan seorang, syaudaraku [*sic*] kuturunkan dari atas kerajaannya; dan menterinya pun kubunuh. Maka baginda pun menyesallah dirinya lalu ia menangis. Maka baginda pun (*Or.14350*: f. 66v) bertitah pada segala hulubalangnya, "Pergilah kamu segera mengambil syaudaraku [*sic*] itu karana aku terlalu sekali rindu dendam akan syaudaraku [*sic*]." Setelah sudah baginda bertitah, maka pergilah Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] dengan beberapa buah perahu. Setelah ia sampailah kepada Sultan Malik ul-Manṣur itu maka ia berdatang sembah, "Ya Tuanku Syah 'Alam, paduka kakanda amat rindu dendam akan Duli Syah 'Alam. Adapun patik ini disuruhkan paduka kakanda menjemput Tuanku." Maka baginda pun berkata, "Baiklah." Maka sembah Tun Perpatih, "Baiklah Tuanku, silakan naik perahu." Maka baginda pun turunlah lalu naik perahu dengan anak isteri baginda, (*R.67*: 68) [*dan segala arta [sic] baginda*][194] dengan hamba sahayanya sekalian keluar dari negeri Temiang, lalu berlayar ke negeri Pasai, hingga sampailah baginda ke Padang Maya pada kubur Sayid Sama'imuddin itu. Maka Sultan Malik ul-Manṣur pun singgahlah pada kubur Sayid Sama'imuddin itu, hendak membaca fatihah dan mengaji do'a. Setelah sudah baginda membaca fatihah, dan mengaji do'a, maka baginda pun bangkitlah lalu memberi salam kepada kubur itu. Demikian bunyinya salam baginda itu: *Assalamu'alaikum ya dar qaumu'l mu'minin wa ina ana syaulLahu bikum la haqun*.
[السلام عليكم يا دار قوم الموٴمنين وانا ان شاٴالله بكم لاحقون]. Maka sabda baginda, "Tinggallah di sini (*M.18*: 37) nenek hamba. Hamba pun pergilah." Maka sahut suara di dalam kubur itu; demikian bunyinya: "*Wa 'alaikumussalam* hai cucuku. Tuan ke mana pulak tuan pergi? Baiklah tuan di sini bertempat." Demi Sultan menengar [*sic*] suara itu, maka baginda pun mengambil air sembahyang; lalu ia sembahyang dua raka'at – salam. Belum sudah baginda memberi salam, maka datanglah *wa'ad*[195] Allah atas baginda; diambillah (*Or.14350*: f. 67r) malik al-maut nyawa baginda. Maka kembalilah ia ke rahmat Allah Ta'ala.

Dan pada suatu (*R.67*: 69) *qaul*[196] [قول] pada ketika sujudnya baginda berlaku maka khairanlah [*sic*] segala manusia melihat baginda itu. Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] pun segeralah ia menyuruh pergi ke Pasai bepersembahkan baginda kepada paduka kakanda Sultan Malik ul-Mahmud membawa khabar akan hal baginda demikian itu. Maka sampailah orang membawa khabar itu, maka dipersembahkannya daripada permulaannya datang kepada kesudahannya seperti hal baginda itu. Setelah sudah didengar oleh baginda khabar adinda itu maka baginda pun mengempas-ngempaskan dirinya ke bumi dan membelah[-belah] bajunya lalu ia pengsan tiada ia khabar akan dirinya. Sekira-kira sejam[197] lamanya maka tatkala siumanlah baginda itu daripada pengsannya maka disuruh baginda ambil mayat syaudara[*sic*]nya itu. Maka lalu pergilah orang mengambil mayat itu.

Hatta, beberapa lamanya maka datanglah mayat baginda itu ke Pasai. Maka dikuburkan kakanda baginda seperti 'adat segala raja-raja yang kembali ke rahmat Allah hampir dengan kubur ayahanda baginda. Maka Sultan Malik ul-Mahmud pun sangatlah dukacitanya, lagi dengan percintaannya dan sesalnya pun tiada (*R.67*: 70) berkesudahan. Setelah berapa [*sic*, beberapa] lamanya demikian itu maka baginda pun turunlah dari atas kerajaannya. [*Maka Sultan Ahmadlah dirajakan oleh baginda dalam negeri Pasai. Hatta beberapa lamanya Sultan*][198]

Ahmad Pramada'l Perumal dalam kerajaan maka Sultan Malik ul-Mahmud pun sakitlah, hampir akan pulang dari negeri yang fana ke negeri yang baqa. Maka Sultan Malik ul-Mahmud pun berwasiat kepada Sultan Ahmad; demikian bunyinya: (*M.18*: 38) "Hai anakku, cahaya mataku, dan buah hatiku; baik-baik engkau memeliharakan dalam (*Or.14350*: f. 67v) kerajaanmu ini akan segala pekerjaan amir Allah[199] dan amir Rasul Allah dan menegahkan segala larangan keduanya; dan janganlah kau lalui seperti firman Allah Ta'ala dan seperti sabda Nabi Muhammad Rasul Allah SalalLahu alayhi wassalam. Hai anakku, jangan engkau tiada turut seperti pesanku ini; dan jika pada sesuatu pekerjaan hendaklah engkau musyawarat dengan segala menterimu yang tuha-tuha dan jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah musyawaratmu dengan segala menteri hulubalangmu. Maka engkau kerjakan (*R.67*: 71) dan perbanyak oleh sabarmu pada segala pekerjaan yang tiada patut pada syara' [شرع] dan jangan engkau mengniaya'i [مڠنياىء *sic*] dan membinasakan segala hamba Allah Ta'ala tiada dengan sebenarnya; dan jangan engkau melalui *amir bal-ma'aruf wanahi 'an al-munkar* [امر بالمعروف ونهي عن المنكر] hai anakku! Karana dunia ini negeri yang fana,[200] tiada akan kekal adanya; dan akhirat juga negeri yang baqa hai anakku. Hubaya! Jangan tiada kau turut uwasiatku [*sic*] ini. Maka Sultan Ahmad pun tunduk lalu sujud, seraya ia menyembah lalu menangis terlalu sangat.

Hatta beberapa lamanya maka Sultan Malik ul-Mahmud pun sangatlah sakitnya; lalu baginda pulang ke rahmat Allah. Maka baginda pun ditanamkan oleh anakenda baginda dengan segala menteri hulubalangnya di sisi masjid. Diperbuatkannya oleh anakenda itu kubah seperti 'adat segala raja-raja yang sudah pulang ke rahmat Allah seperti dahulu-dahulu itu. Maka Sultan Ahmadlah naik atas kerajaan.

Hatta maka beberapa lamanya dalam kerajaan[201] pada suatu masa datang sebuah kapal Keling dari benuanya. Maka ada seorang (*R.67*: 72/)*jogi'*[202] [جوکيء, *sic*] dibawanya di dalam (*Or.14350*: f. 68r) kapal Keling itu; terlalu amat sakti *jogi'* [*sic*] itu. Maka naiklah segala orang kapal itu serta membawa *jogi* itu mengadap Sultan Ahmad dan dibawanya oleh *jogi'* [*sic*] itu suatu tongkat. Maka dihunjamkannya tongkat itu di hadapan pengadapan Sultan Ahmad. Maka (*M.18*: 39) [di]sangutkannya dagunya pada tongkat itu. Maka keempat kaki tongkat itu pun *mu'alak*[203] [معلق]. Setelah itu maka dihunjamkannya pulak syahwatnya [*sic*, *sahwat*nya][204] pada suatu papan. Maka ia pun *mu'alak*[205] juga berkisar-kisar[206] dan berpusing-pusing. Maka *jogi'* [*sic*] itu pun jatuh ke tanah lalu ia pengsan sebab daripada keramat Sultan itu. Maka Sultan pun khairanlah [*sic*] melihat dia karana sebab daripada ia sangat tahu bermain-main sihirnya. Maka kemudian dari itu *jogi* itu pun lalu masuk ia agama Islam. Maka ialah menggelar Sultan Ahmad Pramada'l[207] Perumal itu.

Hatta maka beberapa lamanya baginda dalam kerajaan maka dianugerahkan Allah Ta'ala akan Sultan itu tiga puluh anaknya. Dalam pada itu yang seibu sebapa lima orang. Tiga orang laki-laki; yang pertama namanya Tun Beraim (*R.67*: 73) Bapa;[208] kedua bernama Tun 'Abdul Jalil, ketiga bernama Tun Abu al-Faḍil; dan dua orang perempuan, seorang bernama Tun Mudam[209] Priya[210] [مدم ڤريا] dan seorang bernama Tun Takiah[211] Dara.

80 Di dalam teks dieja /b/w/b/ [بوب]. Dalam bahasa Aceh disebut /*bubèe*/. (Aboe Bakar *et al.* 2001: 101).

81 Kata /pun/ tiada di dalam *Or. 14350* tetapi ada di dalam *Raffles 67*: 15 dan *Malais no. 18* *bis*: 9.

82 Ejaan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 16 dan *Malais no. 18* *bis*: *9*: ialah /d /k/a/r/n/y/
[دكارني].

83 Kata Parsi /*musalahatkan*/ bererti amankan, damaikan, tenangkan (Steingass 2012: 1251).

84 Perlubangan untuk gajah (Wilkinson 1959: 30).

85 /Keleburan/ bererti jurang atau pelubang; runtuh, terjerumus; penangkap binatang yang besar (St. Muhammad Zain 1960: 348).

86 Kata /liang itu/ terdapat di dalam *Malais no. 18* *bis*: 9. Tetapi di dalam *Raffles Malay no. 67*: 16, ejaannya seakan-akan untuk kata "lubang" [لبڠ].

87 /Tersungkur/ bererti tersembam (*Kamus Dewan* 1959: 1545).

88 Jika dirumikan, kata yang membawa makna timbun, menambak, menutupi ini akan dieja /s/e/u/b/è/e/ menurut sebutan Aceh (Aboe Bakar *et al.* 2001: 853).

89 Ayat yang di dalam tanda kurung siku berhuruf condong telah tercicir di dalam teks. Sebagai gantinya maka diambil ayat daripada *Raffles Malay no. 67*: 16.

90 Ejaan Jawi di dalam *Or 14350*: 50v ialah /s/g/m/p/w/l/ [سڬمفول]; tetapi dieja /s/g/m/p/l/ [سڬمڤل] di dalam *Rafles no. 67*: 16 dan /s/k/m/p/l/ [سكمفل] di dalam *Malais no. 18* *bis*: 9. "Segumpal" ialah sebingkah tanah (St. Muhammad Zain 1960: 276).

91 Walaupun di dalam *Or. 41350* ditulis /terlebulah/ [ترلبوله] (dari kata Aceh /*leubue*/ yang bererti gembur, lembut, tanah yang mudah luruh) atau mungkin boleh dibaca /*leubu*/ yang bermakna sangat tinggi, sangat dalam) (Aboe Bakar *et al.* 2001: 517 dan 518), namun saya fikir kata yang lebih sesuai adalah "tersebulah" seperti yang ditulis oleh penyalin *Raffles 67*: 16 dan *Malais no. 18* *bis*: 9. Dalam bahasa Aceh kata ini disebut /*diseubèekan*/.

92 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 17 dan *Malais no. 18* *bis*: 10, kata ini dieja /ɲ/h/y/l/h/
[ڽهيله] iaitu /nyahilah/.

93 /Senawat/ ialah rotan panjang yang dijadikan sebagai pemukul oleh orang yang menggesa kerbau berjalan (Wilkinson 1959 (2): 1065).

94 Kata "pasangan" disebut /*paseuengan*/ dalam bahasa Aceh. /*Paseueng*/ bererti bertambah naik, air pasang (Aboe Bakar *et al*, 2001: 680).

95 /Gerang/ ialah sejenis pokok renek (Wilkinson 1959 (1): 354). Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 18 dan *Malais no. 18* *bis*: 10, ditulis /k/a/r/ɲ/ (karang).

96 Kata /menrebahkan/ tiada terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67.* Frasa yang digunakan ialah "menerkap" [منركڤ] pisang orang". Ibrahim Alfian (1973: 45) membacanya /m/n/r/k/p/ yang ditafsirkannya sebagai /menjerkap/.

97 Dalam bahasa Aceh kata /*ngeurén*/ bererti marah, cemburu (Aboe Bakar *et al* 2001: 635). Namun penyalin *Raffles no. 67*: 18 dan *Malais no. 18* *bis*: 10 silap menulisnya sebagai /dengaranlah/ [دڠرنله].

98 Kata /*kadah*/ dalam bahasa Aceh bererti mangkuk tanah; satu lagi maknanya ialah memburuk-burukkan seseorang; kata /*keudeh*/ pula membawa erti sisa masakan basah atau minuman yang mengendap (Aboe Bakar *et al.* 2001: 363; 395).

99 /Nasir/ [ناصر] dalam bahasa Parsi bererti pembela, pembantu, pemberi kemenangan, penyelamat (Steingass 2012: 1374).

100 Sebutan Acehnya: /*jruen*/ [جران] dan bererti tanaman semak. (Aboe Bakar *et al.* 2001: 350).

101 /*Wasa*/ dalam bahasa Kawi asal Sanskrit juga bererti mendiami, bertempat tinggal; *sawasa* bererti sama mendiami atau bertempat tinggal yang sama (Mardiwarsito 1981: 666). Ertinya secara metafora, bergaul, kerana "suasa" adalah hasil daripada campuran emas dengan tembaga Frasa "menjadi suasa" bererti menjadi terintegrasi. Peribahasa "Tuan emas, sahaya tembaga, campur gaul jadi suasa" (Wilkinson 1959 (2): 1125).

102 /Haria atau Aria/ adalah daripada kata Sanskrit /*arya*/ yang bererti laki-laki, atau seorang yang penyayang, atau warak (Macdonell 2000: 28).

103 Dalam bahasa Aceh disebut /*beuneung*/ iaitu bererti pelangi atau bianglala (Aboe Bakar *et al.* 2001: 74. Kata /benuang/ dalam loghat Melayu bererti besar (Wilkinson 1959: 122).

104 Kata Aceh /*meugat*/ adalah gelaran bagi orang yang terkemuka (Aboe Bakar *et al.* 2001: 589).

105 Kata /si/ tiada di dalam *Raffles no. 67*: 21 atau *Malais no. 18* *bis*: 12.

106 Kata /musuh/ tiada di dalam *Raffles no. 67*: 21. Sebaliknya, ayatnya adalah: "Setelah sudah ia jadi raja, maka didatanginyalah Sultan Malik un-Nasir ke rimba *Jruen* [جران] ".

107 Di dalam *Raffles no. 67*: 21 ayatnya ialah: "Maka *fi ghalab*lah ia dengan Sultan Malik al-Nasir". /*Ghalablah*/ bererti menanglah. Kata Parsi /*fi*/ atau /*fai*/ bererti mengenai, sehubungan dengan, bersama-sama dengannya, bayang-bayang. Ungkapan *fi ghalab* bererti mangsa penaklukan. kemenangan, kekuasaan (Steingass 2012: 943 dan 891). Jones (1987:11), walau bagaimanapun, membacanya /*ghalib*/ satu kesilapan yang juga dibuat oleh Ibrahim Alfian (1973: 46 & 47), Mead (1914: 8), dan Hill. Namun Hill (1960: 54) hanya menyalin ejaan Jawi kata itu tanpa mentransliterasikannya.

108 Kata ini terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 22 dan *Malais no.18* *bis*: 12.

109 Kata /kubunya/ terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 22 dan *Malais no. 18* *bis*:13.

110 /Picik/ [*picek*] bererti sempit, sesak, tidak luas (Aboe Bakar *et al.* 2001: 717)

111 /Terkereseng/ berakar daripada kata /*kereseng*/ yang bererti mengelupas, retak atau rekah St. Muhamad Zain (1960: 367).

112 Kata Aceh /*keumet*/ atau /keumot/ ialah /kumat/ yang bermakna membuat gerakan kecil (seperti jentik-jentik di dalam air) (Aboe Bakar *et al.* 2001: 403).

113 Seperti yang terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 23 dan *Malais no. 18* *bis*: 13.

114 Kata Arab /*haḍrat*/ bermakna haḍir, kehaḍiran, menetap (Cowan (ed.) 1993: 216).

115 Dieja /m/ŋ/y/r/y/ [مڠيري] di dalam *Raffles no. 67*: 24 dan *Malais no. 18* *bis*: 14. Mead (1914: 9) juga membacanya /Mengiri/. /*Mangiri*/ atau /*Mangir*/ (Mongghyr) ialah ibu kota wilayah yang diperintah oleh raja-raja India bergelar /Balhara/ (al-Attas 2011: 22-23).

116 Dalam bahasa Aceh disebut /*laboh*/ iaitu ertinya menjatuhkan, menurunkan, atau berlabuh (Aboe Bakar *et al.* 2001: 480).

117 Dalam bahasa Aceh "menumpang" bererti menopang, menyokong seperti misalnya, menumpang kepala, atau menumpang dagu (Aboe Bakar *et al.* 2001: 1011. Baik Hill (1961: 56) mahupun Jones (1987: 14) silap membacanya sebagai "menampung".

118 Penyalin *Malais no. 18* *bis*: 16 ternyata silap menulis nama "Sultan Malik un-Nasir".

119 Seperti di dalam *Raffles Malay no. 67*: 28.

120 /Di bawah/ merujuk kepada kemaluan Mĕurah Silo yang sudah disucikan atau dikhatankan.

121 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 29 nama tempat ini seakan-akan dieja /t/r/k/ [ترک]. Tetapi Dulaurier yang menyalin *Malais no. 18* *bis*: 16 menulisnya /t/r/l/y/ [ترلي]. Mead (1914: 11 dan juga Hill (1960: 57) pula membacanya /Teluk Teria/.

122 /Salih/ bererti taat menjalankan agama (Aboe Bakar *et al.* 2001: 835). Nama Malik "al-Salih" seharusnya disebut "Malik us-Salih" iaitu sesuai dengan ragam bahasa Arab di mana huruf "Alif-Lam Syamsiah" [ال] akan dihilangkan bunyinya apabila bertemu dengan konsonan /sin/ [س].

123 Daripada kata Parsi /*faqir*/ yang bererti memiliki keperluan untuk sa hari bagi diri sendiri dan keluarga. Keadaan yang miskin, menjadi tak berdaya kerana berpenyakit dan jika seorang tukang dia tiada alat pertukangan untuk mencari nafkah hidupnya; erti /*faqir*/ juga ialah aliran keagamaan orang yang bergantung kepada sedekah, seorang derwish, seorang rahib yang pergi dari satu tempat ke satu tempat (Steingass 2012: 935).

124 Yakni daripada kata Aceh /*meuseuké*/ yang bererti dipersukar, menjadi keberatan, susah, musykil difikirkan, sangat sukar diselesaikan (Aboe Bakar *et al.* 2001: 602). Kata Parsi /*musaqatat*/ [مسقطت] membawa erti menjadi berkurang, menyebabkan jatuh, lesu, tak bermaya (Steingass 2012: 1225).

125 Ibrahim Khalil ialah nama lagu nobat yang dimainkan semasa menjunjung duli.

126 Kata /ṣalāḥ/ [صلح] dalam bahasa Parsi membawa makna sifat lurus, kejujuran, integriti, cermat atau hat-hati, bijak (Steingass 2012: 791).

127 /*Ṭabal*/ bererti tambur, menggendangkan, pukulan tambur sebagai isyarat (Steingass 2012: 809).

128 Terjemahan ungkapan *zilullah fi 'l-'alam* memberi makna "bayangan Allah di muka bumi".

129 /*Khalambak*/ (kata Parsi yang juga disebut kĕlĕmbak) merujuk kepada kayu wangian atau kayu gaharu (Wilkinson 1959 (1): 538).

130 Kata /Mekah/ ada di dalam *Raffles Malay 67*: 33 dan *Malas no. 18* *bis*: 18 .

131 Petikan frasa /berkat doa/ daripada ibid.

132 /Muwalat/ dalam bahasa Parsi bererti kesinambungan, berikutan tanpa putus, kasih sayang, kuasa naungan (Steingass 2012: 1339).

133 Dalam bahasa Aceh nama negeri ini disebut /*Peureulak*/. Ia juga adalah nama sejenis pokok (Aboe Bakar *et al.* 2001: 707).

134 Ertinya: "ada tuahnya".

135 Kata-kata ini tiada terdapat di dalam naskhah *Or. 14350* tetapi ada di dalam Raffles *Malay no. 67*: 34 dan *Malais no. 18* *bis*: 19.

136 Kata Acehnya /*teulangké*/ atau /*seulangke*/ iaitu merujuk kepada orang pengantara dalam suatu perkahwinan. Lihat Aboe Bakar *et al.* (2001: 858).

137 Kata /martabatnya/ digunakan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 36 dan *Malais no. 18* *bis*: 20.

138 /Ganggang/ yang sama ertinya dengan /raksi/ dalam bahasa Aceh membawa makna mengharumkan atau mewangikan sesuatu (mengasapi) dengan kemenyan; juga bererti ilmu pengasih (seperti peluh seorang gadis dicampurkan di dalam makanan dan diberikan kepada pemuda yang dicintainya); maknanya yang lain ialah memanaskan badan kepada api; (Wilkinson 1959 (1): 325; cf Aboe Bakar *et al.* (2001: 215; 768).

139 Juga disebut /*cengkuri*/ iaitu sejenis kain sutera yang juga dikenali orang sebagai "kain cindai" Lihat St. Muhammad Zain 1960: 842.

140 Kata "jentera" berasal daripada kata Sanskrit /*jantera*/. Ertinya roda; "subang yang berjentera" bererti subang yang seperti roda rupanya (St. Muhammad Zain 1960: 211).

141 Pengantara dalam perkahwinan. Orang perempuan yang sedang dalam perbincangan sebaga pengantara perkahwinan. St. Muhammad Zain 1960 794.

142 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 37 dieja /tangga/ [تڠݢى].

143 Kata ini tidak mungkin /*muhtasyim*/ kerana ia bermakna pemalu, atau segan dalam bahasa Parsi. Sebaliknya, /*muhtasyam*/ [محتشم] membawa makna sangat kuat, sangat berkuasa, hebat kerana didampingi ramai pengikut (Steingass 2012: 1184).

144 Ungkapan yang terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 39.

145 Ejaannya sama seperti di dalam *Raffles Malay no. 67*: 39. A. H. Hill (1960: 61) mentransliterasikannya /pengtuanya/. Jones (1987: 20) menulis /pengetuanya/.

146 Kata /sekali/ digunakan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 39 dan *Malais no. 18 bis*: 22.

147 /*Deureuham*/ ialah kata Aceh untuk dirham, iaitu mata wang Aceh pada zaman dahulu (Aboe Bakar *et al.* 2001 169).

148 Walaupun kata di atas dieja /bergundai/ oleh penyalin, tetapi di dalam *Raffles Malay no. 67*: 41 kata ini dieja /b/r/k/n/d/a/y/ [برکنداي]. Jones (1987: 21) membacanya /berkundai/. Kata /kundai / yang bererti mendandan rambut dengan membuat tocang (Wilkinson 1959 (1): 625) jelas lebih munasabah.

149 /*Ram*/ dalam bahasa Sanskrit bererti perhentian, tempat rehat, suka (Macdonell 2000: 251); /*Gandhi*/ pula bermakna diberi wangi, berbau sesuatu (Monier-Williams 1999: 345).

150 /Asap/ ialah jenis hawa yang keluar dari apa-apa yang terbakar; juga disebut "wap". Lihat St. Muhammad Zain 1960: 53. Cf. Aboe Bakar *et al.* (2001: 37).

151 Kehadiran emas di bahagian utara Sumatera telah dibuktikan oleh beberapa penemuan arkeologi. Barus atau kawasan Lobu Tuo yang dikenali juga dengan nama "Vorosu" (Barus) oleh orang "Keling" menempatkan orang dan persatuan-persatuan Tamil sejak pertengahan abad ke-9 sampai pada penghujung abad ke-11 yang memanfaatkan hasil kapur barus, kasturi dan kemenyan (McKinnon 12011: 137-140).

152 Kata Aceh /*midan*/ adalah bentuk tercemar daripada kata Arab, *mizan*, yang bererti timbangan, neraca (Aboe Bakar *et al.* 2001: 603).

153 Hill (1960: 63) yang meniru bacaan Mead (1814: 16) menulisnya /tua-tua/. Manakala Jones (1987: 22) membacanya /tuha-tuha/. Kata /tuha-tuha/ lebih tepat. Dalam *Raffles Malay no. 67*: 43 dan *Malais no. 18 bis*: 24 ejaannya ialah /t/w/h/2 [توه٢].

154 Dalam bahasa Parsi disebut /*dirham* (atau *dirhim*)/ yang bererti wang. Tetapi /*darham*/ bermakna duit syiling (Steingass 2012: 516).

155 /*Tahir*/ dalam bahasa Parsi bermakna jelas, terang, murni, bersih, hati yang murni (Steingass 2012: 807).

156 /Oleh/ membawa erti kerana, sebab (St. Muhammad Zain 1960: 523).

157 Sama seperti di dalam *Raffles Malay no. 67*: 46. Tetapi namanya Malik uz-Zahir
[

الظهر

ملك

] menurut *Malais no. 18 bis*: 25. Namun Jones (1987: 23) dan Mead (1914: 17) membacanya /Malik ul-Tahir/.

158 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 47 dan *Malais no. 18 bis*: 26 pun ejaannya ialah: /m/l/ŋ/g/r/a/k/n/ [ملڠݢراکن].

159 Kata "sebahagi" tidak terdapat di dalam *Or. 14350*: 60v. Gantiannya telah diambil daripada R. 67: 47.

160 Kata ini terdapat di dalam *R.67*: 49.

161 Bahagian petikan ayat Quran ini tiada terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 49 dan *Malais no. 18 bis*: 27.

162 /*Maghrur*/ bererti angkuh, sombong, ditipu, memandai-mandai (Steingass 2012: 1280).

163 /*Karar*/ dalam bahaa Parsi bererti tetap, kukuh, tenteram (ibid: 961).

164 Kata /*taqsir*/ yang berasal daripada bahasa Parsi memberi erti silap, gagal, lemah (ibid: 316).

165 Kata Arab /*hanah*/ [حنة] bererti belas kasihan, simpati, menguntungkan, mempunyai kelebihan (Cowan (ed.) 1979: 244). Dalam bahasa Parsi pun kata /*hanan*/ [حنان] membawa makna rahmat, mewah, penuh belas kasihan, pelestarian (Steingass 2012: 432). Baik kata Parsi mahupun Arab, dalam konteks ayat di atas kedua-duanya membawa maksud dirahmati atau dimakmurkan dengan makanan. Bacaan Jones (1987: 26) /jenuhlah/, saya fikir, adalah salah. Hill (1960: 66) hanya menurunkan ejaan Jawi /j/n/j/l/m/. Mead (1914: 19) pun menurunkan ejaan /j/n/h/l/m/ dalam nota kakinya. Ibrahim Alfian (1073: 62) pula tiada menulis apa-apa mengenai kata itu.

166 Kata Aceh /*talak*/ membawa makna lebih daripada kenyang, memberi secara berlebih-lebih, atau menjamu dengan sepuas-puasnya (Aboe Bakar *et al.* (2001: 924).

167 Kata Kawi /*sajang*/ bererti minuman keras, arak, tapai dsb. (St. Muhammad Zain 1960: 653).

168 Baik Mead (1914: 19) mahupun Hill (1960: 6 7) membacanya /Talak Sembang/. Jones (1987: 27) pula membacanya: /Talak Sejang/. Ibrahim Alfian (1973: 62) juga membacanya demikian.

169 /*Barang*/ dalam bahasa Aceh ialah artikel yang membawa erti ketidaktentuan; juga /si barang/ yakni semua tanpa kecuali; contoh penggunaan /sebarang/ dalam hikayat ialah seperti "bukan sebarang raja". Di dalam *Hikayat Raja Pasai* pengarang mahu menggelar Laksamana Pasai itu seolah-olah seperti "bukan sebarang [*sic*, si barang] laksamana". Lihat Aboe Bakar *et al.* (2011: 60).

170 Daripada kata /*tarom*/ (atau tarum) yang dalam bahasa Aceh bererti bengkarung, tumbuhan yang menghasilkan warna nila; juga bermakna "*kadal*" iaitu seperti /tarom tanah/ yang bererti kadal tanah yang berwarna cokelat; /tarom ijo/ bererti kadal berwarna hijau yang terdapat di pokok. Lihat Aboe Bakar *et al.* (2001: 945) dan St. Muhammad Zain (1960: 319, 785. Ungkapan /tarum-taruman/ bererti keadaan warna muka orang yang sangat marah.

171 /*Musta'id*/ bererti bersedia, diatur, bersiap (Steingass 2012: 1231). Pengarang atau penyalin naskhah Melayu lama sering silap menyebut dan mengeja kata ini sebagai /musta'ib/ yang tidak bermakna apa-apa.

172 Bentuk tercemar daripada kata /rawa/ atau /rawang/ yang bererti rawa, paya di pantai atau danau kecil (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 783). Ungkapan /rawan[g] pematang/ bererti pematang dalam bentuk batas yang memisahkan petak atau piring-piring sawah; atau jalan kecil tanah berpasir yang lebih tinggi daripada kawasan paya; juga tambak di kiri kanan selokan buat mengairi sawah (Sutan Muhammad Zain, 1960: 563; 624). Cf. Wilkinson (1959 (2): 871). Ungkapan /rawan pumatang/ telah digunakan oleh pengarang sebagai nama gelar untuk panglima Pasai.

173 /Pumatang/ ialah sebutan Aceh untuk /pematang/ yang merujuk kepada tanggul-tanggul kecil antara sesuatu petak sawah (Aboe Bakar *et al.* 2001: 750).

174 /*Dola*/ dalam bahasa Parsi bererti kendi, timba (Steingass (2012: 546).

175 Baik Hill (1961: 67) mahupun Jones (1987: 28) membacanya /Dola Laut/.

176 Kata Parsi /*mawaddah*/ [مودة] bererti ramah, peramah, mesra (Steingass 2012: 1342).

177 Kata Arab /*adzmat*/ bererti terlalu gempita bunyi yang menggerunkan (Wilkinson 1959 (1): 8).

178 Juga /*geugap-gumpita*/ dalam bahasa Aceh. Ertinya riuh-rendah (Aboe Bakar *et al.* 2001: 263).

179 Kata Parsi /*ḍarb*/ [ضرب] membawa makna bantaian, balunan, pukulan (Steingass 2012: 801). Hill (1961: 68) membacanya "darib". Jelaslah kata yang munasabah ialah /*ḍarb*/.

180 Hill (1960: 69) tidak mentransliterasikan ejaan Jawi [اندمن]. Jones (1987: 29) membacanya /Andami/.

181 Dibaca /tua/ oleh Hill (1960: 69).

182 Ejaan /b/r/d/m/2 [بردم٢] sama seperti di dalam *Raffles Malay no. 67*: 61. Dan *Malais no. 18 bis*: 33.

183 Bacaan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 61 dan *Malais no. 18 bis*: 33, pun /tahulah/
[تاهوله]; tetapi Jones 1 (987: 30) membacanya "tuhalah" dan Hill (1960: 70) pula membacanya "tualah".

184 Kata /mentua/ dan tidak /mentuha/ telah digunakan di dalam naskhah *Or. 14350* dan juga *Raffles Malay no. 67*: 61 dan *Malais no. 18 bis*: 33. Ini tidaklah manghairankan kerana teks yang ada hanya berupa salinan yang dibuat pada akhir abad ke-18.

185 /*Sukara*/ ialah bentuk ejaan tercemar daripada kata Parsi /*sakar*/, /*sikar*/ atau /*sukar*/
[سوكر]. Penyalin *Or.14350* menulisnya /s/k/a/r/(h)/ [سكاره] dan kadang-kadang /s/k/a/r/a/ [سكارا] Di dalam *Raffles Malay no. 67* ejaan Jawinya ialah: [سوكر]; tetapi di dalam *Malais no. 18 bis* kata ini secara konsistennya dieja /s/w/k/r/ [سكر] iaitu kata Parsi yang bererti roti yang dibuat daripada tepung yang paling halus dan dibakar dengan dibubuh mentega dan gula. /*Sakar*/ juga boleh membawa makna arang yang membakar, batu api. Kata Parsi /*sakkar*/ [سكر] pula bererti pembuat atau penjual wain yang dibuat daripada tamar (Steingass 2012: 687-688). Besar kemungkinannya penyalin naskhah *Or. 14350* telah tersilap menambah huruf /alif/ kepada ejaan /s/k/a/r/ itu dan menulisnya demikian secara konsisten pula, kecuali jika ditambahnya fonem /h/.

186 /*Maslahat*/ dalam bahasa Parsi bererti mengerjakan, menasihatkan, menguruskan, menjalankan, buat kebajikan (Steingass 2012: 1254). Hill (1960: 70) juga membacanya /*maslahatkan*/. Tetapi Jones (1987: 31) membacanya /muslihatkan/, jelas suatu kesilapan.

187 /*Isyarat atau isyarah*/ ialah kata Parsi yang bererti menunjuk, memberi isyarat dengan tangan atau mata; memberi petunjuk, tanda atau alamat, memberi bayangan (Steingass 2012: 62-63).

188 /Temiang/ ialah sejenis buluh kecil yang biasa dibuat orang sebagai sumpitan. Bahkan di setengah tempat kata /temiang/ itu sendiri bererti sumpitan (St. Muhammad Zain 1960: 800).

189 Ejaan yang tedapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 65 dan *Malais no. 18 bis*: 35 ialah /k/l/b/w/h/n/ [كلبوهن].

190 Kata yang dieja /t/r/k/t/k/2 (terketak-ketak) menurut bacaan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 6 dan juga yang dibaca oleh Hill (1960: 71) dan Jones (1987: 32).

191 /Betapa ketah/ membawa erti betapa gerangan. Kata kuno /*ketah*/ ialah bentuk kata tanya seperti "bagaimanakah", "betapatah", "apatah", "gerangan apatah", "iakah [en]tah", "manatah", "siapatah". Ramai juga pengkaji yang silap membaca kata ini sebagai /*kutaha*/ lantaran menganggap fungsinya seakan-akan sama dengan kata Sunda /*kumaha*/ yang membawa maksud bertanya: "bagaimanakah?", "dengan cara apakah?". Walau bagaimanapun, saya telah menerangkan kedudukan kata ini dari segi maknanya di bahagian Pengantar buku ini.

192 /*Sula*/ ialah pancang yang diruncingkan untuk menghukum penjahat. Kata /tersula/ bererti terpancang. Aboe Bakar *et al.* (2001: 905)

193 /Ahmaq/ [احمق] ialah kata Parsi yang bererti bodoh, tolol, paling bodoh, kekok (Steingass 2012: 22).

194 Kata-kata /*dan segala arta baginda*/ ditulis oleh penyalin *Raffles Malay no. 67*: 68 dan *Malais no. 18 <u>bis</u>*: 36.

195 Kata /*Wa'ad*/ (dari kata *wa'ada*) [وعد] dalam bahasa Arab bemakna janji (Cowan (ed. Hans Wehr) 1993: 1266).

196 /*Qaul*/ dalam bahasa Parsi bererti percakapan, cakap-cakap, perkataan, pendapat, pandangan, kenyataan (Steingass 2012; 994).

197 Kata /*jam*/ yang berasal daripada kata Parsi [جام] bermakna cangkir, piala, mangkuk, gelas berkaki, terutama yang berwarna yang digunakan di tingkap di tempat takungan mandi bagi menghitung waktu pada zaman purba di Parsi (ibid: 350). Lazimnya, yang digunakan ialah sebuah bekas besar penuh air dan di tengah-tengahnya diletakkan sebuah mangkuk yang berlubang kecil. Apabila mangkuk itu sudah dipenuhi air ia akan tenggelam di dalam bekas besar itu. Mangkuk itu kemudian dikosongkan dan ia diletakkan di atas air dalam bekas itu. Seseorang yang menjaganya akan menghitung berapa kali mangkuk itu tenggelam dengan meletakkan batu-batu kecil di dalam sebuah balang. Cara lain ialah dengan meletakkan mangkuk di dalam takungan mandi dan air yang mengalir dari dalam mangkuk yang diberi lubang kecil itu, atau air yang mengalir dari dalam sebuah piala dikira sebagai aliran waktu.

198 Kata-kata yang berhuruf condong tiada terdapat di dalam naskhah *Or. 14350*. Gantiannya diambil daripada *Raffles Malay no. 67*: 70.

199 /Amir/ dalam bahasa Parsi bererti orang yang memberi perintah (Steingass 2012: 99). Jones (1987: 35) silap mentransliterasikannya sebagai /amar/.

200 Kata Arab /*fana*/ dan /*fani*/ dalam bahasa Parsi bererti sementara atau tiada kekal (Steingass 2012: 905). Dalam konteks falsafah orang Sufi /*fana*/ bererti pemusnahan atau penghapusan kendiri (*self*).

201 Selepas /kerajaan/ penyalin *Or. 14350* tersilap menulis /maka Keling/. Ungkapan ini jelas suatu kesilapan kerana ia tidak cocok dengan ayat. Susunan ayat seperti yang terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 71 ialah: "Maka pada suatu masa datang sebuah kapal Keling".

202 /*Jogi*/ (ditulis /jogi'/) adalah kata Parsi yang bererti seorang India yang hidup bergantung pada sedekah seperti yang diamalkan oleh sami Buddhist dan sami Hindu. Lihat Steingass (2012: 378). Dalam bahasa Sanskrit kata /*yogin*/ juga merujuk kepada seorang ahli sihir. Monier-Williams (1999: 857-858).

203 Dari kata Parsi /*mu'allaq*/ yang bererti tergantung atau gantung terjuntai (Steingass 2012: 1275).

204 Kata /*sahwat*/ [سهوت] dalam bahasa Parsi bererti batu yang besar; Steingass (2012: 712). Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 72 dan *Malais no. 18 <u>bis</u>*: 39 ejaannya [سهوتث].

Namun kedua-dua Jones (1987: 36) dan Hill (1960: 74) silap merumikan ejaannya sebagai "sahutnya".

205 Jones (1987: 36) menulis /muallak/. Sementara Hill (1960: 74) merumikannya /mengelok/.

206 Ertinya memutar-mutar atau berpusing-pusing. Penyalin *Raffles Malay no. 67*: 72 dan *Malais no. 18 <u>bis</u>*: 39, menulisnya /berkibar-kibar/.

207 /Permadala Permala/ menurut bacaan Hill 1(960: 74). Mead (1914: 22 juga membacanya /Permadala Permala/. /Perumudal Perumal/ menurut Jones (1987: 36).

208 Kata /Bapa/ dalam bahasa Aceh bererti kemenakan laki-laki dari pihak ayah atau ibu, suami kemenakan wanita dari pihak ayah atau ibu; dalam hikayat ia juga bermakna ayah. Lihat Aboe Bakar *et al.*, (2001: 60).

209 Kata /*mudam*/ dalam bahasa Parsi bererti berterusan, tak henti-henti, selama-lamanya (Steingass 2012: 1200).

210 Kata Sanskrit /*priya*/ bererti orang yang dicintai; disayangi; kekasih (Macdonell 2000: 187).

211 Kata /*Takiah*/ dalam bahasa Parsi membawa erti tempat istirahat, bantal, atau tempat bersandar (Steingass 2012: 319).

Bab 5

Kisah Tun Beraim Bapa

Alkisah maka tersebutlah perkataan Tun Berain [*sic*, Beraim] Bapa [*diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera. Adapun akan Beraim Bapa*][212] terlalu amat perkasanya lagi pahlawan tiada berbahagi pada akhir zaman itu. Tujuh hasta[213] tingginya, dan dua hasta bidang dadanya. Maka jika[lau] daripada tujuh depa tebal kota tanah dilotarnya dengan batang kelambir[214] luluh lantak, maka masyhurlah wartanya ke benua Keling. Adapun akan Tun 'Abdul Jalil itu baik (*Or.14350*: f. 68v) rupanya dan parasnya tiada berbagai pada masa itu. Jikalau ia berdiri di pintu tani[215] maka berserilah pintu itu; dan jikalau ia berdiri di lepau yang bernama "Dilkhana" [دلخنا][216] itu maka berserilah rupa Dilkhana itu; dan jikalau ia berdiri di pekan niscaya bercahayalah segala pekan itu daripada amat elok rupanya; dan jikalau ia memakai cara Jawa serupa Jawa, dan jika ia memakai cara Siam serupa Siam dan jika ia memakai cara (*M.18*: 40) Keling serupa Keling; dan jika ia memakai (*R.67*: 74) cara 'Arab, serupa 'Arab. Maka masyhurlah wartanya ke benua Jawa, kepada Tuan Puteri Gemerencing,[217] anak Ratu Menjapahit [منجفاهت].[218] Adapun akan Tun Abu'l-Faḍil itu – terlalu sekali 'alim [*lagi baginda tahu pada segala 'ilmu*][219] pendeta; dan beberapa pendeta yang datang dari atas angin hendak bersoal dengan baginda itu tiada disangkal; daripada terlalu sangat bijaksananya. Maka masyhurlah wartanya ke benua Samarkandi.[220]

Adapun anak Sultan Ahmad Pramada'l Perumal yang bernama Tun Mudam Priya dan Tun Takiah Dara, terlalulah amat baik sangat parasnya; tiada ada samanya pada zamannya itu. Adapun akan Sultan Ahmad itu ada perdana menteri yang besar empat orang. Seorang bernama Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] dan kedua bernama Baba Mentuha; dan ketiga bernama Sulaiman Dendang Air, dan keempat bernama Tun Syah 'Alam *Kurat*.[221] Tetapi akan Sultan itu terlalu ia berahi akan anaknya yang bernama Tun Mudam Priya dan Tun Takiah Dara itu. Maka pada suatu hari Sultan Ahmad (*R.67*: 75) semayam dihadap segala menteri dan hulubalangnya. Maka baginda bersabda kepada (*Or.14350*: f. 69r) segala hulubalangnya. Demikian katanya: "Jika seorang bertanam tanaman siapa yang harus dahulu makan dia?" Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] pun berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, jikalau kami ini bertanam-tanam tanaman orang yang lain juga harus dahulu makan dia; lagi terlalu besar pahalanya mendahulukan jamu [*sic, jameé*][222] itu", karana Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*, Sukar] itu tahu ia akan kias kata Raja itu. Maka Baba Mentuha pun berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, jikalau kami yang diperhamba bertanam tanaman kami juga makan dia dahulu"; karana Baba Mentuha itu tiada ia tahu akan erti sabda Raja itu. Demi Sultan menengar sembah Baba Mentuha itu maka baginda pun murka akan Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] itu.

Maka dalam suatu hari[223] Tun Perpatih pun menyuruhkan (*M.18*: 41) seorang perempuan memberitahu Tun Mudam Priya dan Tun Takiah dan akan perkataan Sultan bersabda itu kepada (*R.67*: 76) segala hulubalang itu. Maka Tun Mudam Priya pun menyuruh memberitahu syaudaranya [*sic*] Tun Berain [*sic*, Beraim] Bapa ke Tukas karana Tun Beraim Bapa itu duduk di

Tukas. Maka tatkala kedengaranlah khabar itu kepada Tun Beraim Bapa, maka ia pun pergilah dengan segeranya ke Pasai lalu masuk ke dalam istana [Sultan][224] Ahmad, Maka disuruhnya[225] oleh Tun Beraim Bapa kedua syaudaranya [*sic*] memakai.[226] Maka lalu dibawanya ke Tukas. Maka Seri Sultan pun marah, berdendamkan Tun Beraim Bapa sebab ia membawa kedua syaudaranya [*sic*] ke Tukas itu.

Setelah berapa lama antaranya maka datanglah sebuah kapal dari benua Keling, terlalu amat besar. Sahdan [*sic*, Syahdan] dalam kapal itu ada empat orang pendekar yang tiada (*Or.14350*: f. 69v) berlawan di dalam negerinya itu; dan seorang pendekar terlalu amat pandai, lagi dengan perkasanya daripada sekalian temannya yang lain itu. Bermula, datangnya itu hendak mencari lawannya ke negeri Pasai. Setelah sampailah kapal itu ke labuan [*sic*, labuhan] Pasai maka berlabuhlah ia di Teluk Terli itu; dan setelah itu maka naiklah ia ke darat. Maka bertemulah (*R.67*: 77) ia dengan orang di dalam negeri itu. Maka bertanyalah ia pada orang di Teluk Terli itu. Katanya, “Apa larangan Raja di dalam negeri ini?” Maka jawab orang Teluk Terli itu, “Adapun segala yang dilarangkan Raja dalam negeri ini duduk di balai panjang pada medan[227] Raja, dan menguraikan rambut dengan duduk berjuntai mengayun kakinya. Itulah dilarangkan dalam negeri ini.”

Setelah didengar oleh segala pendekar itu, maka katanya, “Baiklah; segala larangan tu beta kerjakan.” Maka segala pendekar itu pun berjalanlah ke Pasai; lalu ia ke medan. Maka duduk ia di balai panjang, penuh dengan balai itu; dan duduk ia di jambar [*sic*, دجمبر][228] panjang, sarat sejambar panjang, serta menguraikan rambutnya dan berjuntai mengayun-ayun kakinya. Maka tatkala dilihat orang pekerjaan yang demikian itu maka pergilah orang memberitahu Tun Perpatih Tulus (*M.18*: 42) Agung Tukang Sukara [*sic*]. Maka disuruh Tun Perpatih persembahkan kepada *Bar*[229] Mamat [برمامت] Panté[230] dan *Mideuen* Panté. Maka segeralah kedua sida-sida itu memberi (*R.67*: 78) tahu Bujangga[231] Baju[232] Raya.[233] Maka oleh Bujangga Baju Raya lalu dipersembahkannya ke bawah Duli Syah ‘Alam. Maka sembahnya, “Ya Tuanku Syah ‘Alam, bahawa kita ini kedatangan *jamèe* [جام][234] orang *hilat*[235] [حيلت] asing, tandilnya[236] lasykar pendekar Keling; datangnya hendak (*Or.14350*: f. 70r) mencari lawan karana ia tiada berlawan dalam negerinya. Dengan *geureuba guraknya* [ڬرب ڬورقث][237] dengan *makir saḥir*nya[238] duduk di balai panjang; dan duduk di jambar[239] panjang penuh sejambar panjang, serta menguraikan rambutya dengan mengayun-ngayun kakinya. Maka Sultan Ahmad pun bersabda pada *Bar* Mamat Panté[240] dan *Mideuen* Panté “Pergilah kamu kedua ke Tukas, beritahu anakku Tun Beraim Bapa.” Serta ia pergilah[241] kedua sida-sida itu ke Tukas. Maka Tun Beraim Bapa pun bertemulah kepada suruhan ayahanda itu. Maka sida-sida itu pun berdatang sembah kepada baginda. Demikian sembahnya, “Ya, Tuanku, paduka ayahanda kedatangan *jamèe* orang hilat asing, tandilnya lasykar pendekar Keling; datangnya mencari lawan karana ia tiada berlawan dalam negerinya. Dengan *geureuba gurak*nya dan *makir saḥir*nya, duduk ia di balai panjang, penuh sebalai panjang, dan duduk ia di jambar panjang sarat [سارت] dengan (*R.67*: 79) sejambar panjang, serta [سرت] dengan menguraikan rambutnya dan mengayun-ayun kakinya; karana itulah maka paduka ayahanda [menyuruh][242] memberitahu Tuanku.” Maka sahut Tun Beraim Bapa, “Perembahkanlah sembah hamba ke bawah Duli Syah ‘Alam, esok harilah hamba mengadap”. Maka kedua mereka itu pun kembalilah. Dipersembahkannya seperti sembah anakenda itu. Maka Tun Beraim Bapa pun bersabda kepada *Prumeun* [فرمان][243] *Isep*[244] [ايسيف], dua dengan orang Teger, “Pergilah [kamu kedua][245] kepada Si Baroh[246] Bukit, paggilkan aku

mamaku Pendekar Pulau Kukur; maka lalu engkau pergi ke kampung Bangka, panggilkan aku mamaku, Pendekar Kampung Bangka; dan lalu kamu ke tanah Langgar [لڠڬر], panggilkan aku mamaku[247] Pahlawan Kampung Langgar; dan panggilkan (*Or.14350*: f. 70v) aku abangku, Malik Akasan (*R.67*: 43) dan abangku 'Ali, pendekar Kampung Cina[248] dan Tun Bijaya Pangliran [ڤڠليران] dan Rawan Pematang dengan lasykarnya, serta kamu juga datangnya." Maka pergilah *Prumeun Isep* dan orang Teger [تيڬير][249] memanggil segala pahlawan dan segala pendekar itu.

Setelah datanglah sekalian mereka itu (*R.67*: 80) dengan segeranya, syahdan dengan masam mukanya dan kerut keningnya, maka berdatang sembah sekalian mereka itu, "Ya. Tuanku, berapa lamanya kami ini yang diperhamba, tiada penah [*sic*] dipanggil seperti sekali ini. Jika orang dibunuh sekalipun dapat juga ia bertangguh adanya." Maka sahut Tun Beraim Bapa, "Ayo sekalian mamaku dan sekalian abangku, adapun maka hamba menyuruh memanggil mamaku dan abangku sekalian ini, dari karana sebab Syah 'Alam kedatangan *jamèe* orang *hilat* asing, tandilnya lasykar pendekar Keling; datangnya itu hendak mencari lawan karana ia tiada berlawan di negerinya. Dengan *geureuba gurak*nya dengan *makar saḥir*nya duduk ia di balai panjang dengan menguraikan rambutnya dan mengayun-ngayun kakinya.

Setelah didengar sekalian mereka itu kata Tun Beraim Bapa demikian itu, maka sembah sekalian mereka itu kepada Tun Beraim Bapa, "Ya, Tuanku, jikalau ada tolong Tuhan sarwa sekalian 'alam, insya'Allah Ta'ala kamilah sekalian melawan tandilnya lasykar pendekar (*R.67*: 81) Keling itu. Setelah itu maka Tun Beraim Bapa pun bersabda pada *Prumeun Isep* dan orang Teger. "Hai mamaku, pergilah kamu kedua ambilkan aku *keureusek*[250] barang sekunca[251] seorang kamu." Maka pergilah ia mengambil kersik; jangankan sekunca, seorang lima naleh[252] (*Or.14350*: f. 71r) pun tiada dapat dibawanya.

Maka Tun Beraim Bapa pun pergilah kendirinya ke pantai mengambil *keureusek* itu; serta diambilnya kersik itu lalu ditimbang-timbangkannya sekunca dari kanannya, sekunca dari kirinya; qasadnya hendak membuang beranya.[253] Jangankan ia kejang berpeluh pun ia tiada. Maka Tun Beraim Bapa pun bersabda kepada *Prumeun Isep* dengan orang Teger, "Hai mamaku, panggilkanlah aku Wasit[254] [وست] Maqam[255] dan Wasit Perak. Maka dengan seketika itu (*M.18*: 44) juga ia datang. Maka Tun Beraim Bapa pun bersabda kepada kedua mereka itu, ["Hai][256] Wasit Maqam, dua dengan Wasit Perak, "Palukan daku genderang perang dan tiupkan daku serunai perang; bahawa aku hendak bermain-main dengan segala guruku dan mamaku."

Maka dipalukan oranglah genderang perang dan ditiupnyalah serunai oleh (*R.67*: 82) orang kedua itu. Maka Tun Beraim Bapa pun berseramalah[257] ia di hadapan gurunya itu, qasadnya hendak membuang beranya; jangankan ia *keujang*[258] [كجڠ], berpelu[h] pun ia tiada.

Maka paduka Seri Sultan pun terkejut daripada peraduannya, sebab menengar [*sic*] bunyi genderang[259] perang itu; serta baginda meruah[260] Dara Zulaikha Tangkap. Demikian sabda baginda,

> "Ayo [ايو] Dara Zulaikha Tangkap,[261] bangun apalah engkau, Asalmu orang terjunan[262] Pangliran, karana engkau penghulu gundikku bergelar Tun Darma Dikara.[263] Bangun apalah engkau; Tiadakah engkau dengar bunyi genderang perang di Tukas, palu tabuh-tabuhan hari dinihari bulan pun terang?
>
> Semalam ini musuh dari mana ketah [كتاه][264] datang? Berapa ketah banyaknya? Dan siapa pertuhanya?"

Maka Dara Zulaikha Tangkap pun terkejut daripada tidurnya; kegopo-gopohan [كڠوڤو٢هن] (*Or.14350*: f. 71v), kain pun tiada terselendang [ترسلندڠ] lagi, rambut pun tiada tersanggul lagi – berpintal-pintal bercampur dengan bunga air mawar; serta ia berdatang sembah, "Ya. Tuanku Syah 'Alam, mengapa hambamu dipanggil pada ketika dinihari ini? Bulannya terang semalam ini pada ketika selatan; pada ketika tidur nyedar."

Maka Paduka Syah (*M.18*: 83) 'Alam pun bersabda,
"Ayo Dara Zulaikha Tangkap,
bergelar Tun Darma Dikara,
tiadakah kau dengar genderang di Tukas
Palunya tabuh-tabuhan
Harinya dinihari, ia bulannya terang
semalam musuh dari mana ketah datangnya?
Dan berapa ketah banyaknya?
Dan siapa ketah pertuanya[265]?
Suruh lihati apalah kepada segala orang yang di bawah istana ini. Siapa ada tiada?"

Maka Tun Darma Dikara Tangkap pun lalu bangkit serta bertanya kepada orang yang di bawah istana itu. Maka sahut *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté, "Sekalian (*M.18*: 45) kami ada diperhamba *marhum*[266] di bawah istana ini; pertama *Bujangga*[267] *Bajèe Raya*[268] [بوجڠ كاباج راي] dan Malik Sulaiman dan Syah 'Alam Kurat pun ada – sekalian di bawah istana ini." Maka kata Dara Zulaikha, "Tunggu akan sekalian mereka itu. Tiadakah kamu dengar genderang perang di Tukas itu palu tabu-tabuhan [*sic*] harinya dinihari bulannya terang semalam ini. Musuh dari mana ketah datang? Berapa ketah banyaknya, dan siapa ketah dipertuhanya? Lihati apalah oleh kamu."

Maka *Bar* Mamat Panté pun pergilah ia berjalan ke Tukas melihat dia. Maka (*R.67*: 84) dilihat oleh kedua mereka itu Tun Beraim Bapa bermain-main dengan gurunya dan dengan segala hulubalangnya. Maka *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté pun keduanya segeralah ia kembali dari Tukas. Setelah sudah ia (*Or.14350*: f. 72r) datang maka katanya, "Hai Darma Dikara Tangkap, datanglah kamu [*sic*, kami] kedua ini dari Tukas. Suatu musuh pun tiada ada melainkan Tun Beraim Bapa bermain-main bersenda bergurau dengan hulubalangnya dan segala gurunya."

Maka dipersembahkan oleh Dara Zulaikha Tangkap kepada Syah 'Alam, "Suatu pun tiada ada musuh melainkan paduka anakenda Tun Beraim Bapa bersenda-senda bergurau dengan segala hulubalangnya." Maka Sultan Ahmad Pramada'l Perumal pun bersabda kepada Dara Zulaikha Tangkap itu. Maka kata baginda, "Ayo Dara Zulaikha Tangkap bergelar Darma Dikara, rahasiaku ini jangan engkau katakan kepada seseorang jua pun; jikalau Si Beraim Bapa tiada kubunuh kerajaanku jangan kekal, dan bau syurga pun jangan kucium".

Setelah hari pun sianglah maka Tun Beraim Bapa pun bersabda kepada bandahrinya [*sic*, bandarinya][269] bernama Dara Safir[270], "Hai Dara Safir, pipiskan aku (*R.67*: 85) olehmu bedak dan ramaskan limau, aku hendak mandi dengan segala mamaku dan guruku." Maka Dara Safir pun membuka peti [*sic*, pintu][271] *lueng*[272] pemipis [لوڠ ڤميڤس] bedak dan meramas limau dan dicampurinya dengan pecè [*sic*][273] kejamas[274] [ڤـچي كجامس].[275] Maka Tun Beraim Bapa pun berbedak dan berlimau dengan segala hulubalangnya dan segala gurunya. Maka lalulah segala mereka itu ke Sungai *Sumpueng* [سمڤڠ].[276]

Setelah sudah baginda mandi, lalu kembali ke istananya. (*M.18*: 46) Maka Tun Beraim Bapa pun menyuruh membukakan sebuah peti mengeluarkan segala pakaian akan menugerahi [*sic*, منغراهي] persalin kain yang indah-indah akan mamanya dan abangnya dan segala hulubalangnya. Maka Tun Beraim Bapa pun memakailah ia, pertama berkain sutera nipis kuning, laya binè[277]-laya binè[278] [ليابين٢] berpancung[279] warna murup[280] bertepi emas dipahat; bersiratkan emas dikarang[281] dan berambu[282] *berdani* [بردان][283] (*Or.14350*: f. 72v) *beunda*[284] [بندي] bergiring-giring[285] di puncanya[286] [دفنجان], dan berbaju sinar matahari berkancing mega berterapan [be]permata pudi[287] merah; dan bertengkolok warna cina kepaluan [كفلون], bertepi [برتف] emas berpermata, bersirat berambukan mutiara dan berqamar [برقمر] berkait [*sic*, berkelit بركليت][288] bawa [باو] dan berponto [برفنتو][289] bernaga tujuh

belit dan berkeris (*R.67*: 86) denganan [دغانن][290] manikam bersarungkan emas dan menyandang pedang halilintar, dan mengenakan sanggul pakis[291] bepermata dan menyangkutkan busur yang keemasan pada baunya [*sic*, bahunya] kiri. Maka terlalu sekali hebat lakunya, dengan perkasanya; amat manis perkataannya, seolah-olah harimau-harimau yang tiada berlawan lakunya lagi; lalu baginda berjalan diiringkan segala hulubalangnya, dan segala gurunya di hadapannya – berjalan akan mengalahkan segala pendekar. Tiada bertara rupa busurnya gilang gemilang; warna bajunya kilau-kilauan dan gemerencang bunyi khandanya[292] [خندات *sic*, khanjarnya], bertatah rupa pendahannya. Maka penganjur pun sampailah ke pintu tani lalu masuk ia ke dalam pagar.

Demi Sultan melihat orang banyak masuk itu, maka sabda Sultan pun terkejut serta memanggil Dara Zulaikha Tangkap. "Ayo Dara Zulaikha Tangkap liha[t]lah apalah olehmu orang banyak masuk itu. Maka Dara Zulaikha Tangkap pun menyuruh lihati ke pintu tani. Maka dilihatnya penganjurnya Tun Beraim Bapa. Maka dipersembahkannya kepada baginda, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, suatupun tiada ada melainkan penganjurnya paduka anakenda Tun Beraim Bapa jua ada masuk." Maka Tun Beraim Bapa pun (*R.67*: 87) datanglah ke pintu tani lalu baginda bersabda kepada *Prumeun Isep* dua dengan orang Teger, "Hai mamaku kedua, pergilah kamu kedua kepada indongku,[293] Dara (*Or.14350*: f. 73r) Zulaikha Tangkap yang bergelar Darma Dikara. Suruh pohonkan akan daku (*M.18*: 47) kuda yang bergelar 'kuda semberani' anak kuda Farasi

[فراسي *sic*][294] itu."

Maka pergilah mereka itu kepada Dara Zulaikha Tangkap. Katanya, "Hai Tun Darma Dikara, persembahkan sembah paduka anakenda Tun Braim Bapa ke bawah Duli Syah 'Alam. Anakenda mohonkan kuda semberani, kuda Farasi. Maka Dara Zulaikha Tangkap pun pergilah mengadap Sultan, seraya berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, bahawa paduka anakenda Tun Beraim Bapa memohonkan kuda gelap kelabu semberani; anak kuda Parasi itu." Maka Sultan pun bersabda, "Ayo Dara Zulaikha Tangkap, bukan kuda itu kutahani karana kuda itu tiada penah [*sic*] dikendarai manusia; sebab kuda itu gila. Jika anakku Si Beraim Bapa hendak menaiki kuda itu, berikanlah akan dia dengan kekangnya dan pelananya." Maka *Prumeun Isep* dua dengan orang Teger itu – maka kedua mereka itu (*R.67*: 88) pun bersegera keluar membawa kuda itu kepada Tun Beraim Bapa.

Maka Sultan pun berangkatlah keluar di medan akan melihat Tun Beraim Bapa akan bermain-main itu. Maka dilihat oleh Tun Beraim Bapa Sultan keluar itu, maka Tun Beraim Bapa pun berdiri dengan khidmatnya di hadapan Sultan itu lalu ia sujud. Maka Sultan pun bersabda kepada *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté, "Katakanlah pada anakku Si Beraim Bapa aku

menyuruhkan ia menaiki kuda itu di hadapan *jamèe* hilat asing, tandilnya lasykar pendekar Keling itu, suruh pacu kudanya itu ke Tukas. Maka *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* (*Or.14350*: f. 73v) Panté pun menjunjungkan sabda yang maha mulia itu kepada Tun Beraim Bapa, "Ya, Tuanku Tun Beraim Bapa, sabda paduka ayahanda 'naiklah tuan ke atas kuda itu di hadapan *jamèe* orang *hilat*[295] asing, lasykar pendekar Keling itu'."

Maka Tun Beraim Bapa pun menyembah Sultan lalu baginda naik ke atas kudanya. Maka dipacunya lalu ditarikannya[296] di medan. Maka ia pun hidmat [*sic*] kepada Sultan. Tatkala akan naik kuda itu maka dipacunya pulak [*sic*] maka duli [دل] pun bangkit lalu ke udara. Maka dipacunya pula lalu dihilaknya [دهيلاءكت][297] (*R.67*: 89) ke Tukas. Maka dengan seketika itu juga lenyaplah daripada mata Sultan.

Maka Sultan pun *berbajèe* (*M.18*: 48) sabuk.[298] Katanya, "Wah anakku, lenyaplah ia; dari mana ketah, engkau kucari. Kataku tiada diturutnya karana kuda itu gila; tiada penah [*sic*] dikendarai orang". Maka Tun Beraim Bapa pun tiba-tiba dengan sesaat itu juga haḍir ia di hadapan Sultan itu serta bermain-mainkan kudanya seperti merak mengigal lakunya. Maka Sultan pun hebat melihat dia seperti gajah meta lakunya. Maka Sultan bersabda kepada *Bar* Mamat Pantè dan *Mideuen* Pantè. "Katakan kepada anakku Si Beraim Bapa suruh ia berserama bermain-main di hadapan *jamèe* orang *hilat* asing, lasykar pendekar Keling itu, dan suruh menghapuskan kemaluanku. Maka *Bar* Mamat Pantè dan *Mideuen* Pantè pun pergilah menjunjung sabda yang maha mulia itu kepada Tun Beraim Bapa. Maka kata orang kedua itu, "Sabda Syah 'Alam Tuanku bermain-main dan berserama di hadapan *jamèe* orang *hilat* asing, lasykar pendekar Keling itu." Maka sabda Tun Beraim Bapa, "Jikalau demikian sabda Syah 'Alam, kita pohonkanlah sebilah pedang dan (*R.67*: 90) sebuah perisai". Maka pergilah mereka itu kedua (*Or.14350*: f. 74r) berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, bahawa sembah paduka anakenda memohonkan sebilah pedang dan sebuah perisai." Maka sabda Sultan Ahmad kepada kedua mereka itu, "Pergilah kamu kedua ambil segala pedang dan segala perisai bawa ke mari; mana yang berkenan kepada hati anakku diambilnya sebilah pedang dan sebuah perisai."

Maka kedua mereka itu pun segera pergi mengambil sekalian pedang dan sekalian perisai, lalu dibawanya ke hadapan Sultan. Maka Tun Beraim Bapa pun menyembah Sultan lalu ia memilih segala pedang dan segala perisai itu. Maka diambilnya sebilah pedang yang terbesar daripada lainnya dan sebuah perisai yang terbesar dripada lainnya. Maka Tun Beraim Bapa pun sujud kepada Sultan lalu baginda turun ke tanah serta menyingsingkan kainnya serta memegang hulu pedangnya dengan tangannya kanan; dan meyelak perisainya dengan tangannya kiri. Maka lalu genderang serama pun dipalu oranglah dengan serunai serama terlalu gemuruh bunyinya.

Maka baginda bernahwin[299] dengan seorang gurunya (*M.18*: 49) pahlawan kampung Bedil Aniam [بدل انيام], Manyam[300] [منيام] nama serama[301]nya. Maka baginda (*R.67*: 91) berbahasa pulak [*sic*] ia dengan seorang gurunya pendekar 'Ali Pulau Kukur seraya baginda berserama [*peuseupa ragam*][302] nama seramanya kemanis-manisan. Maka baginda berbahasa pulak [*sic*] dengan seorang gurunya, pahlawan kampung Bangka. Maka dilutarkannya kelambir kuté [كلمبر كوتي][303]; lalu diparangnya oleh Tun Beraim Bapa – penggal dua kelambir itu; sebelah ghaib tiada kelihatan dan sebelah terhantar [*sic*] di bumi – penuh dengan airnya. Maka berbahasa pulak [*sic*] baginda dengan gurunya pahlawan kampung[304] Langgar. Maka di*lutar*kannya sebuah pinang kutek [*sic*, kuté]. Maka diparangnya oleh Tun Beraim Bapa – penggal dua; sebelah ghaib tiada (*Or.14350*: f. 74v) kelihatan; dan sebelah terhantar di bumi. Maka baginda

berbahasa pulak [*sic*] kepada gurunya sekalian pendekar ‘Ali kampung Cina. Maka dihunjamkannya sepohon pinang. Maka lalu dipancungnya oleh Tun Beraim Bapa dari atas pucuknya lalu ke bawah, tiada lagi ia rebah. Maka tatkala ditiup angin maka rebahlah pohon pinang itu penggal empat.

Maka Tun Beraim Bapa pun melompat ke kanan sekali dan ke kiri sekali, serta digeretukkannya[305] perisaiya itu lalu ghaib tiada kelihatan – tinggal (*R.67*: 92) kayamannya [كيامنت][306] pada tangannya kiri. Maka pedang itu pun dikisarkannya,[307] lalu ghaib matanya – tinggal hulunya pada tangannya kanan. Maka Tun Beraim Bapa pun lalu sujud menyembah Sultan Ahmad. Setelah dilihat oleh segala pendekar Keling perkasanya Tun Beraim Bapa itu, semuanya amat dahat [دهت*sic*, dahsyat][308] dan khairan [*sic*] dengan gemetar dagunya seperti hayam takutkan helang; demikianlah lakunya. Maka segala pendekar Keling itu berkata sama sendirinya, “Seumur kita ini belum *fai* [بلمفي][309] ada kita melihat sikap manusia seperti kelakuan Tun Beraim Bapa ini. Jangankan kita melawan dia, memandang matanya pun takut rasanya.”

Maka sabda Sultan, “Hai segala kamu pendekar Keling, lawanlah oleh kamu hulubalangku ini, dan pendekarku ini.” Maka segala pendekar Keling itu pun berdiam dirinya, lalulah ia kembali ke kapalnya dengan malunya, minutup kepalanya. Lalulah ia berlayar. Maka Sultan pun bersabda (*M.18*: 50) kepada Tun Beraim Bapa, “Hai nyawa bapa dan cahaya mata bapa, “Bawalah olehmu orang di hulu sungai itu sertamu.”

Maka Sultan pun berangkatlah ke istana. Maka Tun Beraim Bapa pun kembalilah membawa orang ke hulu (*Or.14350*: f. 75r) sungai itu dengan (*R.67*: 93) segala gurunya dan mamanya, dan segala abangnya itu ke Tukas dengan senda guraunya; dan diperjamunya makan minum sekalian mereka itu. Setelah itu maka sekalian mereka itu pun bermohonlah, menyembah kepada Tun Beraim Bapa, masing-masing kembali kepada tempatnya.

Hatta beberapa lama antaranya, maka pada suatu hari Juma’at maka Tun Beraim Bapa pun pergi bermain-main ke Pasai; lalu ia masuk ke dalam pagar Sultan. Maka naiklah ia ke lepau yakni selasar istana. Maka dilihatya Tun Fatimah Lampu[310] bergelar Tambun[311] Layangan duduk ia mengarang bunga dengan Dilkhana [*sic*, Zulaikha][312] bahawa ia gundik Sultan Ahmad. Maka Tun Beraim Bapa bertanya, “Hai ibuku Tun Fatimah Lampu, bunga akan siapa dikarang ibuku itu?” Maka sahutnya akan Tun Beraim Bapa, “Ke masjid.” Setelah Tun Beraim Bapa menengar [*sic*] katanya demikian itu, maka Tun Beraim Bapa pun duduklah bersandeng [*sic*, bersandar][313] pada tiang *Dilkhana* itu.

Setelah sudah dikarangnya maka Tun Fatimah pun lalu berdiri serta ia melompat melarikan bunga itu ke dalam istana. Maka Tun Beraim Bapa pun amarah lalu diikutnya, hendak ditangkapnya lalu tertangkap punca kainnya. Maka *terdempok* [تردمفق][314] bau [*sic*, bahu] Tun Beraim Bapa pada pintu istana itu. Maka berguncanglah istana itu. Maka (*R.67*: 94) Tun Beraim Bapa pun undurlah. Maka Sultan pun terkejut daripada tidur [pada][315] per[a]duannya [*sic*, فردوانت]. Adapun besar istana itu sembilan belas ruang dan besar tiangnya sependakap, bergerak seperti gerak gempa. Maka Sultan pun memanggil Dara Zulaikha Tangkap. “Ayo [ايو] Dara Zulaikha Tangkap, apa mulanya maka bergerak istana ini? Gempakah? Siapatah [سياف تاه] ini? Maka Dara Zulaikha Tangkap pun keluar. Maka dilihatnya Tun Beraim Bapa hendak (*Or.14350*: f. 75v) menangkap Tun Fatimah Lampu.

Maka Dara Zulaikha Tangkap pun masuklah mengadap serta ia berdatang sembah, “Ya. Tuanku Syah ‘Alam, suatu pun tiada ada melainkan paduka anakenda Tun Beraim Bapa

[*bersenda bergurau dengan Tun Fatimah Lampu. Maka Tun Beraim Bapa*][316] terempak [ترمفق *sic*, terdampak][317] bawuh [باوه *sic*, bahu] paduka anakenda pada pintu istana ini." Maka Sultan pun terlalu marah serta bersabda kepada Dara Zulaikha Tangkap, (*M.18*: 51) / "Ayo Dara Zulaikha Tangkap bergelar Tun Darma Dikara, asalmu orang terjunan, nasabmu daripada Pangliran Jana Bijanam [فغليرن جان بجنام][318] dari Sungai Rahat [راهت]. Karana engkau penghulu gundikku dalam istana ini, rahasiaku kepadamu – jangan engkau katakan rahasiaku kepada seseorang jua pun. Jikalau Si Beraim Bapa, jika tiada kubunuh kerajaanku jangan kekal; bau (R.67: 95) syurga pun jangan kucium."

Maka Sultan Ahmad pun fikirlah ia seketika itu. 'Betapa periku bicara hendak membunuh dia ini? Baiklah ia kubawa ke hulu sungai. Ketika itulah ia kusuruh bunuh.' Setelah itu maka Sultan pun bersabda kepada *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté, "Pergilah kamu kedua panggilkan akan Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] dan Baba [باب][319] Mentuha dan segala hulubalangku." Maka *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté pun pergilah memanggil segala mereka itu.

Setelah datanglah sekalian mereka itu ke hadapan Sultan Ahmad maka sabda Sultan kepada segala hulubalang dan segala menteri, "Hai segala kamu tuan-tuan marilah kita pergi bermain-main ke hulu sungai hendak beramai-ramaian memakan ramai-ramai [*sic*, rama-rama][320] bersil [برسيل][321] dan memakan ketam berdaing[322] [بردايغ] dan hendak memakan udang bersanggul dan makan lambĕdak [لمبدق][323] mengidam dan makan patin bertelur." Maka disuruh Sultan berlengkap. (*Or.14350*: f. 76r) sekalian mereka itu akan mengiring itu.

Maka Sultan pun bersabda pada segala hulubalangnya, "Siapa baik kita tinggalkan menguati Pasai ini?" Maka sembah Baba Mentuha, "Ya Tuanku Syah 'Alam, yang baik pada bicara yang diperhamba ditinggalkan baiklah paduka anakenda Tun Beraim Bapa karana ia pahlawan." Maka demi Sultan (*R.67*: 96) menengar [*sic*] sembahnya itu maka Sultan pun bersabda "Karana Si Beraim Bapa tiada dapat kita tinggalkan, siapa ketah [كتاه] mencarikan kita ikan dan menjala." Maka sembah Malik Sulaiman Dendang Air, "Ya. Tuanku Syah 'Alam, jikalau sembah yang diperhamba diperkenankan, baiklah Tun Abu'l-Faḍil ditinggalkan menguati Pasai ini."

Maka bersabda pulak [*sic*] baginda, "Karana Abu'l-Faḍil tiada dapat bercerai dengan kita." Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*] pun berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, baiklah pada bicara yang diperhamba Tun 'Abdul Jalil ditinggalkan karana (*M.18*: 52) paduka anakenda itu amat baik rupanya. Jika ia memakai cara Jawa serupa Jawa dan jika ia memakai cara Cina serupa Cina, dan jika ia memakai cara Siam serupa Siam, dan jika ia memakai cara 'Arab serupa 'Arab." Maka Sultan Ahmad pun bersabda, "Baiklah, Si 'Abdul Jalil kita tinggalkan."

Maka sabda Sultan kepada *Bar* Mamat Pantè dan *Mideuen* Pantè, "Pergilah kamu kedua ke Tukas, beritahu Si Beraim Bapa bahawa aku hendak makan rama-rama [*sic*][324] bersil dan makan ketam berdaing dan makan udang bersanggul dan makan lambedak ngidam dan makan patin bertelur. Maka pergilah kamu kedua ke Tukas (*R.67*: 97) kepada Si Beraim Bapa." Maka tatkala sampailah ia ke Tukas maka katanya, "Ya, Tuanku Syah 'Alam karana paduka ayahanda Sultan hendak pergi (*Or.14350*: f. 76v) bermain-main ke hulu sungai ke Lubuk Turi [تور][325] hendak makan rama bersil dan makan ketam berdaing dan makan lambedak ngidam dan makan patin bertelur, segeralah Tuanku mengiringkan paduka ayahanda ke hulu sungai."

Maka *Bar* Mamat Pantè dan *Mideuen* Pantè pun bermohon menyembah baginda lalu ia kembali mengadap Sultan serta bepersembahkan sembah Tun Beraim Bapa itu. Maka Tun

Beraim Bapa itu pun bersabda kepada *Prumeun Isep* dan orang Teger itu. “Ayo, mamaku kedua, pergilah kamu kedua kepada tuan-tuan yang di hulu sungai itu; suruhkan sekalian itu menebas segala segala jalan dan hutan yang di tepi sungai itu karana paduka Sultan itu hendak berangkat ke hulu sungai bermain-main ke Lubuk Turi dan lalu kamu ke Belatuk dan lalu kamu kepada Mu’alim Zainal Belatuk dan Mu’alim Fagir Sah [*sic*] dan lalu kamu ke kampung kepada *Sialèe* kecil Pahat Putar dan pada Si Bintang Timur dan pada Siakap Gagah Mengangkat. Suruhlah ia menanti daku di Pantai Menunggu [

ڠو

منڠ

][326] itu,” Maka *Prumeun Isep* dan orang Teger itu pun menyembah, lalu ia pergi keduanya (*R.67*: 98): ke hulu sungai kepada segala mereka itu memberi tahu akan Sultan berangkat bermain-main itu.

Maka Tun Beraim Bapa pun naiklah; baginda bertangis-tangisan dengan segala isi rumahnya. Setelah itu maka lalulah ia ke pekan. Maka baginda (*M.18*: 53) berdiri-diri di pekan. Maka kata Tun Beraim Bapa, “Ayo segala kamu orang pekan, tiadalah siapa meruah [مروه][327] kami lagi dan bersenda bergurau dengan tuan-tuan sekalian karana aku ini hendak mengiringkan Sultan ke hulu sungai, lalu ke bukit Faḍul-Allah [فضول الله]
enta [انت *sic*, entah] kembali enta[h] tiada.” Maka sembah segala orang pekan itu, “Ya, Tuanku Tun Beraim Bapa, musuh dari mana dan seteru (*Or.14350*: f. 77r) dari mana akan Tuanku, maka Tuanku bersabda demikian? Jikalau patahlah tulang kami sekalian, hamba Tuanku yang dalam negeri Tukas ini – maka dapat orang berbuat sekehendaknya.” Maka kata Tun Beraim Bapa, “Diamlah tuan-tuan sekalian karana Si Beraim Bapa sekali-kali tiada ia mau durhaka. Jikalau Si Beraim Bapa mau durhaka jika Pasai se Pasainya, jika Jawa se Jawanya, jika Cina se Cinanya, jika Siam se Siamnya, jika Keling se Kelingnya tiada dapat melawan Si Beraim Bapa. Jika tiada aku kerajaan dunia ini di akhirat pun kuperoleh juga.”

Maka Tun Beraim Bapa pun berjalanlah dari pintu tani; maka baginda bertemu dengan (*R.67*: 99) Malik Sulaiman *Deundang* [بندڠ][328]
Air. Maka kata Tun Beraim Bapa, “Ayo mamaku Malik Sulaiman *Deundang* Air, tiadalah siapa bersenda bergurau dengan tuan hamba karana hamba hendak ke hulu sungai ke bukit Faḍul-Allah enta[h] kembali enta[h] tiada.” Maka Malik Sulaiman pun lalu bertangis-tangisan keduanya. Maka Tun Beraim Bapa pun lalu kembali ke rumahnya bertangis-tangisan dengan segala hisi [*sic*] rumahnya dan hamba sahayanya.

Maka paduka Sultan pun berangkatlah seperti ‘adat segala raja-raja bermain-main. Maka sabda baginda kepada *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté, “Pergilah engkau kedua kepada Si Beraim Bapa. Katakan aku sudah mudik.” Maka baginda pun mudiklah membawa segala perempuan dan segala gundik baginda dengan segala dayang-dayangnya. Maka *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté pun pergilah kepada Tun Beraim Bapa itu.

Setelah itu maka Tun Beraim Bapa pun turunlah syerta [*sic*] membawa kedua syaudaranya [*sic*] itu lalu ia berjalan dari *peukan*.[329] Maka sabda Tun Beraim Bapa, “Ayo [ايو] segala tuan-tuan orang pekan, tinggallah tuan-tuan sekalian; bahawa aku mudiklah mengiringkan Sultan ke hulu (*M.18*: 54) sungai, ke bukit faḍul Allah (*Or.14350*: f. 77v) enta[h] kembali enta[h] tiada.” Maka sekalian orang pekan pun menangis berhamburan air matanya sekalian mereka itu, serta ia minta’ [*sic*] /100/ do’a akan Tun Beraim Bapa.

Maka Tun Beraim Bapa pun sampailah ke Simpang [كسمڤڠ]. Maka naiklah ia atas perahu, lalu duduk baginda di buritan menarik pengayuhnya yang lebarnya tiga hasta, dan besar batangnya

tiga jengkal lilit dan panjangnya tujuh hasta. Maka sekali dikayuhnya serantau[330] lajunya. Maka ada seorang hulubalangnya membawa payungnya, berjalan ia di dalam air tiada ia tinggal. Demikianlah perkasanya.

Maka paduka Sultan pun sampailah ia ke Lubuk Sekawang [لوبق سكوڠ *sic*, Sengkawang].[331] Maka Sultan Ahmad pun bersabda kepada *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté. “Suruhkan olehmu anakku Si Beraim Bapa menjala.” Maka pergilah kedua mereka itu menyuruhkan Tun Beraim Bapa menjala. Maka baginda pun menjalalah dalam Lubuk Sengkawang [*sic*, سڠكوڠ] itu. Maka tatkala sudah dihambornya[332] [دهمبرت] jalanya maka Tun Beraim Bapa lalu menyelam ia. Maka tatkala dilihat paduka Sultan ia menyelam itu maka baginda pun memberi isyarat kepada segala hulubalangnya menantikan ia timbul serta sekalian mereka itu mengunus segala pedangnya dan segala pendahannya daripada sarungnya hendak menetak dan menikam Tun Beraim Bapa itu.

Maka ia berjalan di dalam air sekira-kira serantau jauhnya maka Tun Beraim Bapa pun bangkit ia lalu naik ia ke darat. Maka tatkala dilihat Sultan dan (*R.67*: 101) segala hulubalangnya hal yang demikian itu, maka sekalian mereka itu pun dahsat [*sic* دهست][333] ketakutan serta dengan pucat mukanya masing-masing menyarungkan pedangnya dan pendahannya. Maka Sultan pun mudiklah ke hulu sungai pulak [*sic*]. Maka Tun Beraim Bapa menjala pulak [*sic*] ia. Maka diperolehnya ikan, terlalu banyak dan rama-rama [*sic*] bersil dan ketam (*Or.14350*: f. 78r) berdaing dan udang bersanggul dan lambĕdak[334] [لمبدق] ngidam [ڠيدم]
dan patin bertelur. Maka disuruhnya persembahkan kepada Sultan Ahmad.

(*M.18*: 55) Maka Tun Beraim Bapa pun mudiklah ia. Maka sampailah ia ke pantai Sanggeng[335] [*sic*, سڠڠڠ]. Maka segala hulubalang Tun Beraim Bapa pun haḍirlah ia menantikan Tun Beraim Bapa di pantai. Maka Tun Beraim Bapa pun duduklah ia di haluan perahunya, mengirai jalanya. Maka baginda pun bersabda pada sekalian hulubalangnya, “Ayo sekalian tuan-tuan handai taulanku, dengan siapa lagi tuan-tuan bersenda bergurau karana hamba hendak ke hulu sungai ini, ke bukit faḍul Allah – enta[h] kembali enta[h][336] tiada hamba lagi.” Maka sekalian mereka itu pun berdatang sembah, “Ya, Tuanku, mengapakah maka Tuanku bertitah demikian, hingga patahlah tulang bau [*sic*, bahu] patik sekalian ini? Maka dapatlah orang berbuat sahkehendaknya [*sic*, sekehendaknya] ke atas Tuanku.” Maka sabda Tun Beraim Bapa, “Ayo segala handai (*R.67*: 102)taulanku, diamlah kamu sekalian karana hamba tiada mau durhaka. Jika hamba mau [*sic*] durhaka jika Pasai se Pasainya, jika Siam se Siamnya, jika Cina se Cinanya, jika Jawa se Jawanya, jika Keling se Kelingnya, tiada dapat melawan aku. Berdatang sembah Si Pahat Putar dan Si Bintang Timur dan Siakap Gagah Mengangkat dan Malim[337] Zainal dan Malim Fagir[338] Sah[339]: “Ya Tuanku, mengapa maka Tuanku demikian itu?” Maka baginda bersabda pulak [*sic*], “Diamlah kamu. Jika tiada aku kerajaan di dunia, insya’Allah Ta’ala aku kerajaan di akhirat; niscaya kuperoleh jua.” Maka Tun Brahim Bapa menyuruh *Sialèe* Kecil Pahat Putar[340] dengan Mua’alim Zainal Belatuk[341] “Hai mamaku kedua, berpanca[342] apalah mamaku kedua kulihat seketika?” Maka keduanya itu pun samalah jawat [جاوت] tangan lalu mereka itu bertangkap berhela-helaan keduanya; maka tertanam hingga (*Or.14350*: f. 78v) lututnya kedua mereka itu. Maka kata Tun Beraim Bapa, “Sama juga kedua kuat maku [*sic*, mamaku] ini. Maka sembah Si Pahat Putar, “Ya, Tuanku, jika hamba tiada takut akan nama durhaka Tuanku pun dapat hamba lawan.” Maka baginda pun tersenyum menengar kata *Sialèe* Kecil Pahat Putar itu. Maka Tun Beraim Bapa pun mengantar akan jalanya; diletakkannya, (*M.18*: 56) lalu baginda turun ke pantai itu.

Maka duduk baginda berlunjur. (*R.67*: 103) Maka disuruhnya Si Pahat Putar mengangkatkan kaki Tun Beraim Bapa. Maka diangkatkan kaki Tun Beraim Bapa itu; jangankan terangkat – bergerak pun tiada. Maka disungguh-sungguhinya dengan sekuat-kuatnya diangkatnya daripada sepuluh anak jarinya; titik darah sepuluh titik. Maka digeraknya oleh Tun Beraim Bapa kakinya. Maka terpelantinglah Si Pahat Putar itu seperti daun kayu ditiupkan angin polang-paling.[343] Maka Tun Beraim Bapa pun tersenyum, lalu baginda naik ke atas perahu.

Maka Sultan Ahmad pun sampailah ke Tanjung Ara. Maka terlanggarlah perahu baginda itu dan perahu segala hulubalangnya atas batang yang di Tanjung Ara itu. Maka disuruh baginda bongkar pada segala hulubalangnya dan segala ra'ayatnya. Maka tiadalah dapat dibongkar. Maka disuruh baginda pada gajah yang bergelar Daula[344] Laut dan Cermin Cina dan Raja Beruang dan Raja Tangkas dan Biram[345] [بيرام] Pasai dan Sempurna[346] Darma Utama dan Sri Negeri dan Arok[347] Api; dan lain daripada itu pun semuanya itu tiada jua ia patuh. Maka Sultan Ahmad pun bersabda kepada *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté, "Pergilah kamu kedua panggil akan anakku Tun Beraim Bapa". Maka pergilah kedua mereka itu. Setelah sampai keduanya, serta ia berdatang sembah, (*R.67*: 104) "Ya, Tuanku (*Or.14350*: f. 79r) Tun Beraim Bapa, paduka Sultan menyuruh memanggil Tuanku karana perahu paduka Sultan terlanggar ke atas batang di Tanjung Ara itu. Maka disuruh bongkar pada segala hulubalang dan segala rakyat dan segala gajah yang bergelar-gelar – tiada juga ia terbongkar; melainkan segeralah Tuanku pergi."

Maka Tun Beraim Bapa pun hendak pergi ke Tanjung Ara. Maka *Sialée* Kecil Pahat Putar dan Si Bintang Timur dan Siakap Gagah Mengangkat dan Mu'alim Fagir Sah [*sic*] berdatang sembah sekalian mereka itu, "Ya, Tuanku Tun Beraim Bapa, karana nasi hambamu sudah termasak dan segala ayam hambamu sudah tersembelih, singgah apalah Tuanku seketika jua." Maka sahutnya Tun Beraim Bapa, (*M.18*: 57) "Hai segala tuan hamba handai taulanku, melainkan ma'af tuan-tuan sekaliannyalah akan hamba karana nasi gulai tuan-tuan itu serasa sudah di dalam perut hamba karana hamba ini segera dipanggil paduka Sultan". Maka ia pun lalu berjalan.

Setelah sampai ia ke Tanjung Ara maka demi dilihat oleh Sultan Ahmad akan anakenda datang, maka sabda baginda, "Hai anakku, lihatlah olehmu perahuku dan perahu segala hulubalang terlanggar di atas batang ini. Apa bicara anakku akan batang ini?" Maka Tun Beraim Bapa pun sujud serta menyembah. Maka lalu ia (*R.67*: 105) pergi kepada batang itu, serta ia meraba dari pohonnya lalu ke hujungnya. Maka digerak-geraknya serta baginda berkata, "Hai kamu hulubalangku, cabutkan olehmu perahu paduka Sultan itu." Maka baginda pun lalu menyelam batang itu. Maka dirabanya dari pohonnya lalu ke hujungnya. Maka dihunus hanjarnya [*sic*][348]; maka dikeratnya batang itu lalu putus. Maka diterajangkannya; maka batang itu pun penggal dua – sepenggal terpelanting (*Or.14350*: f. 79v) ke hulu, sekira-kira dua rantau jauhnya. Maka hanyutlah sekalian perahu itu timpa menimpa. Ada yang karang [*sic*, karam][349], ada yang berdempok, ada yang termasuk ke dalam hutan oleh karana patah batang itu ditimpa air deras. Lagi dengan berkampung maka perahu Sultan pun hanyut sekira-kira serantau jauhnya.

Maka Tun Beraim Bapa pun menyelam pulak [*sic*] sekali lagi. Lama ia dalam air. Maka Sultan pun pura-pura menangis. Demikian bunyi tangisnya, "Wah, anakku Tun Beraim Bapa, lenyaplah ketah engkau atau ditimpa batangkah ketah engkau? Wah, cahaya mataku dan buah hatiku! Di mana ketah engkau sekarang? Dan apa ketah halmu?"

Maka Tun Beraim Bapa pun seraya baginda menyelam itu lalu ia mudik ke hulu sungai membawa batang yang sekerat itu, kira-kira lima rantau-rantau [*sic*] jauhnya. Maka naiklah ia ke darat serta ia memegang batang itu, lalu (*R.67*: 106) dihunjamkannya di pantai itu – termasuk ke dalam tanah kira-kira empat depa. Maka baginda duduk di atas batang itu dan mengirai-ngirai rambutnya dan memetik-metik canggainya.[350] Maka Sultan pun ilirlah.

Maka segala dayang-dayang dan inangdanya (*M.18*: 58) dan kekandanya, embuai[351] Tuan [*sic*] Tun Beraim Bapa pun menangis serta menarik-narik rambutnya dan *berbajèe*[352] sabuk[353]; demikian bunyinya: "Wah, Tuanku Tun Beraim Bapa, lenyaplah [*sic*] ketah Tuanku." Maka ada seorang orang [*sic*] berjalan dari hulu sungai itu. Maka dilihatnya Tun Beraim Bapa duduk di atas batang itu. Maka tatkala sampailah ia ke tempat segala orang yang menangis itu, maka katanya, "Mengapa maka tuan-tuan menangis itu?" Maka sahut mereka itu, "Karana tuan kami, Tun Beraim Bapa lenyap atau mati tiada kami ketahui." Maka kata orang itu, "Adapun Tun Beraim Bapa ada hamba lihat duduk ia (*Or.*: f. 80r) pada suatu pantai di hulu sungai mengirai-ngirai rambutnya dan memetik-metik canggainya." Maka sekalian mereka itu pun berlarianlah ke hulu sungai mendapatkan baginda.

Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan akan Tun Beraim Bapa itu ada lagi hidup. Maka Sultan pun bersabda kepada *Bar* Mamat dan *Mideuen* Panté, "Pergilah kamu kedua panggilkan aku orang *seuraya*[354]". Maka pergilah kedua mereka itu (*R.67*: 107) memanggil orang *seuraya* [سري]. Maka ia pun datang. Maka sabda Sultan kepada mereka itu, "Hai kamu orang *seuraya*, perbuatkan aku ubat hangat karana anakku Si Beraim Bapa bekas ia menyelam; kalau-kalau ia dingin." Maka orang *seuraya* pun berbuat *peunyaram* [فنيارم].[355] Maka disuruh bubuhnya dalam *peunyaram* itu racun. Setelah sudah diperbuatnya maka dipersembahkannya kepada Sultan. Maka disuruh Sultan bawa kepada *Bar* Mamat Panté dan *Mideuen* Panté. Maka sabda baginda, "Pergilah kamu hantarkan ubat hangat ini kepada anakku, karana ia dingin bekas menyelam itu." Maka pergilah kedua mereka itu mengantarkan ubat hangat itu.

Apabila sampailah kedua mereka itu kepada Tun Beraim Bapa serta katanya,"Inilah ayapan daripada paduka ayahanda; ubat hangat karana Tuanku dingin bekas menyelam". Maka Tun Beraim Bapa pun tahulah akan racun itu. Maka diambilnya *peunyaram* itu sebiji; dibelahnya dua. Sebelah dilutarkannya pada anjing. Maka dimakannya oleh anjing itu. Maka seketika itu jua ia mati; dan yang sebelah itu maka dilutarkannya pulak [*sic*] kepada hayam [*sic*]. Maka hayam [*sic*] itu pun mati juga. Maka Tun Beraim Bapa pun fikir dalam hatinya, (*M.18*: 59) 'Jikalau kumakan makanan ini niscaya matilah aku. Jikalau tiada kumakan[356] – [niscaya][357] [*durhakalah*[358] *aku. Tetapi baiklah aku* (*R.67*: 108) *mati daripada nama durhaka.' Maka diambilnya peunyaram itu sebiji lagi; maka hendak dimakannya. Maka tatkala itu dilihat oleh Tun Mudam Priya hal yang demikian itu. Maka diperebutnya daripada tangan saudaranya, lalu dimakannya. Maka ia pun lalu matilah. Maka diambilnya sebiji lagi, maka diperebutnya oleh saudaranya yang bernama Tun Takiah Dara lalu dimakannya. Maka ia pun lalu mati. Maka disuruh oleh Tun Beraim Bapa ke Bukit Faḍul Allah; disuruhnya tanamkan di sana. Maka Tun Beraim Bapa pun mengambil peunyaram itu lalu dimakannya yang tinggal daripada dimakan oleh syaudaranya [sic] itu.*

Setelah itu bisa[359] *racun itu pun menyelap-nyelap [مڤلف٢]. Maka segala tubuhnya itu pun gatallah. Maka disuruh baginda garu kepada mamanya Prumeun Isep dengan [orang] Teger. Maka digaru mereka itu belakang Tun Beraim Bapa. Maka sekalian kuku mereka itu habislah tanggal. Maka keduanya pun lalu matilah ia. Maka Tun Beraim Bapa pun tiadalah lagi menderita daripada kesangatnya [كساڠتث] gatalnya. Maka pergi ia kepada sepohon kulur maka disentalkannya*

belakangnya kepada pohon kulur[360] *itu maka pohon itu pun habis tanggal segala kulitnya dan habis luruh segala daunnya. Maka pohon kulur itu pun dengan seketika* (R.67: 109) *itu jua mati.*

Maka ia bersabda kepada Malik Akasan. "Hai mamaku Malik Akasan, di mana ada lubuk yang dalam?" Maka sembah Malik Akasan, "Ya, Tuanku, ada hamba menengar khabar segala orang tuha-tuha ada suatu lubuk Turi namanya terlalu amat dalam dan luasnya sekira sekunca benih. Maka sabda Tun Beraim Bapa, "Hai mamaku, bawalah hamba pergi ke sana." Maka Tun Beraim Bapa pun berjalanlah ke Lubuk Turi itu. Setelah baginda sampai ke sana, maka katanya, "Hai mamaku, Malik Akasan, hamburlah oleh tuan hamba jala itu. Maka Malik Akasan pun mengambur jala itu. Maka jala itu pun berpintal-pintal masuk ke dalam lubuk Turi itu. Maka kata Tun Beraim Bapa, "Betapa peri mamaku (M.18: 60) mengambil jala itu, tiada dapat dihelanya karana jala itu sudah tertingkat [ترتڠكت][361] *pada tanduk ular lembu. Maka Malik Akasan pun hendak menyelam jala itu. Maka dilihatnya dalam lubuk itu merah seperti api yang bernyala. Maka segera ia timbul lalu ke darat. Maka katanya, "Ya Tuanku, adalah dalam lubuk ini merah seperti api bernyala-nyala, katanya itu." Maka kata Tun Beraim Bapa "Ambilkanlah hamba rotan barang segulung.*[362]*"*

Setelah itu maka ia pun bersigap[363] *berjawat*[364] *[sic]. Tangkal dan rotan itu pun diikatkannya pada pinggangnya, lalulah ia menyelam. Maka ditangkapnyalah* (R.67: 110) *ikan yang di lubuk itu yang kena jala itu, terlalu banyak diperolehnya. Maka Tun Beraim Bapa pun timbul serta melutarkan segala ikan itu dengan cucuknya ke darat. Maka baginda menyelam pula ia; maka bertemulah ia dengan ular lembu itu, lalu ditangkapnya akan Tun Beraim Bapa; lalu baginda berkumal-kumal*[365] *dengan ular lembu itu; lalu ditangkap pula oleh Tun Beraim Bapa akan ular lembu itu. Maka air dalam lubuk itu pun berombak-ombak seperti ombak di lautan. Demikianlah halnya. Maka dilihat oleh inangdanya dan kekandanya dan embuai [امبوي] tuannya akan Tun Beraim Bapa halnya yang demikian itu. Katanya, "Wah Tuanku Tun Beraim Bapa matilah ketah [كتاه] Tuanku dimakan ular lembu". Maka Tun Beraim Bapa mengunus hanjarnya [sic] lalu disembelihnya ular lembu itu. Setelah matilah ular lembu itu maka dibelahnya perutnya maka segala perutnya dan hatinya dan limpanya sekalian habis timbullah ia. Maka dikerat-keratnya ular lembu itu*, (*Or.14350*: f. 80v) dicucuknya[366] dengan rotan lalu timbullah baginda serta dilutarkannya segala daging ular lembu itu ke darat.

Maka baginda pun naiklah. Maka disuruhnya tunu[367] daging ular lembu itu. Maka segala manusia yang mencium bau asapnya itu sekaliannya habis mati daripada kesangatan bisanya ular lembu itu. Maka segala daging ular lembu (*R.67*: 111) itu dimakannya Tun Beraim Bapa. Maka Tun Beraim Bapa pun ḍa'iflah [ضعفله][368] rasanya. Maka segala ikan itu sekaliannya disuruhnya persembahkan kepada Sultan Ahmad dan disuruhnya tanyakan dari [*sic*, di] mana baginda ditanamkan oleh orang akan dia. Maka pergilah orang yang (*M.18*: 61) disuruhnya dengan membawa ikan itu.

Setelah sampailah orang itu kepada Sultan maka dipersembahkannya orang itu. Maka sembahnya, "Ya, Tuanku, sembahnya Tun Beraim Bapa jika ia mati di mana tanamkan akan dia?" Maka sabda Sultan, "Di sanalah ia kamu tanamkan karana di Pasai pun bumi Allah, di sana pun bumi Allah jua." Maka ia menyembah lalu ia pergi kembali kepada Tun Beraim Bapa. Maka kata Tun Beraim Bapa kepada Malik Akasan, "Ayo mamaku, bawalah aku ke bukit Faḍul Allah." Maka Tun Beraim Bapa pun berjalanlah serta mamanya dengan segala keluarganya.

Maka apabila sampailah baginda kepada simpang jalan maka kata Malik Akasan, "Ya, Tuanku, bahawa jalan ini dua simpangnya: suatu simpang ini dua hari perjalanan dan suatu

simpang ini sehari perjalanan sampailah kita ke Bukit Faḍul Allah. Tetapi ada pohon sabu sanai[369] [ساب ساتي] seperti rupa ular. Barangsiapa melihat dia (*R.67*: 112)terkejut, terketar-ketar, rebah lalu mati. Lepas dari sana maka bertemu pulak [*sic*] dengan pohon beluru.[370] Rupanya seperti rupa naga bersisik. Maka barangsiapa (*Or.14350*: f. 81r) melihat dia terkejut, rebah ia lalu mati." Maka kata Tun Beraim Bapa, "Hai mamaku, bawalah hamba ke sana pada jalan yang hampir itu". Maka Tun Beraim Bapa pun lalulah ke sana.

Maka ia bertemulah dengan pohon sabu sanai [سابو ساالني] itu. Demi terlihat oleh Tun Beraim Bapa maka ia pun terkejut serta ia mengunus hanjarnya [*sic*], lalu ditetaknya pohon sabu sanai itu. Maka ia pun mengherip[371] [مڠهرف] seperti suara manusyia [*sic*] dan mengalir darahnya seperti darah manusia. Maka lalulah ia berjalan dari sana. Maka bertemu pulak [*sic*] dengan akar beluru. Demi terlihat oleh Tun Beraim Bapa lalu baginda terkejut serta ia mengambil pendahannya, lalu ditikamnya akar beluru itu. Maka akar pohon beluru itu pun mengherip seperti gajah mendurum dan mengalir darahnya seperti darah manusia.

Maka Tun Beraim Bapa pun lalulah dari sana – mangkin sangatlah ḍaifnya. Maka kata Tun Beraim Bapa, "Hai mamaku Malik Akasan, dukunglah hamba. (*M.18*: 62) Tiadalah lagi dapat hamba berjalan. Maka Tun Berain [*sic*, Beraim] Bapa pun didukung oleh Malik Akasan. Maka apabila sampailah kepada suatu tempat maka ia pun tiadalah menderita lagi. Maka disuruhkan hantar dirinya ke tanah. Maka diambil (*R.67*: 113) lembingnya lalu dilutarkannya. Maka katanya, "Hai mamaku Malik Akasan, jika Si Beraim Bapa mau durhaka jika Pasai se Pasainya, jika Siam se Siamnya, jika Keling se Kelingnya, tiada mau melawan Si Beraim Bapa karana sekali-kali Si Beraim Bapa tiada mau durhaka hai mamaku Malik Akasan. Di mana tempat lembing hamba itu jatuh di sanalah hamba tanamkan [*sic*]. Maka lembing itu pun jatuhlah ke bukit Faḍul Allah. Maka seketika lagi Tun Beraim Bapa pun kembalilah ke rahmat Allah Ta'ala. Maka Malik Akasanlah membawa mayat baginda dengan segala handai taulannya (*Or.14350*: f. 81v) ke bukit Faḍul Allah itu seperti membawa mayat seorang fakir jua. Maka tatkala sampailah ke bukit Faḍul Allah itu maka dilihat orang lembing itu terhunjam antara selang syaudaranya [*sic*] itu [*sic*] yang kedua itu jua. Maka lembing itu termasuk ke dalam tanah sekira-kira sehasta jua yang kelihatan. Adapun besyar [*sic*] batang lembing itu dua jengkal lilit dan lebar matanya sehasyta [*sic*] dan panjangnya sembilan hasyta [*sic*].

Adapun jauhnya tempat menikamkan lembing itu kira-kira setengah hari perjalanan. Setelah itu maka ditanamkan oleh Malik Akasan dengan sekalian orang sertanya itu pada tempat lembingnya yang jatuh itu jua. Maka tatkala itu sampailah khabar baginda sudah mati. Maka Sultan Ahmad pun terlalu sukacita, dan nyamanlah hatinya. (*R.67*: 114) Maka baginda pun kembalilah ke Pasai, hingga sampailah ia ke istananya.

Kata yang empunya ceritera, adapun akan Tun 'Abdul Jalil tatkala ia tinggal menunggui negeri Pasai itu maka disuruh baginda perbaiki negeri dan segala pekan dan *mideuen*; hingga disuruh baginda tambang[372] segala tanah yang lumbung-lumbung hingga ratalah segala medan itu.

212 Kata-kata yang tercicir di dalam naskhah *Or. 14350* di atas telah diganti dengan petikan daripada *Malais no. 18 bis*: 39.

213 /Sehasta/ ialah ukuran panjang dari hujung siku hingga ke hujung jari hantu seseorang; ukuran suku depa atau 45.72 sentimeter (*Kamus Dewan* 2005: 520).

214 /Kelambir/ merujuk kepada kelapa atau nyiur (*Kamus Dewan* 2005: 710).

215 /Pintu tani/ ialah pintu gerbang yang sebelah luar daripada istana (St. Mohammad Zain, 1960: 780).

216 /*Dilkhana*/ bererti rumah daripada batang. Kata Parsi "*dil*" bererti batang pokok, bahagian dalam pokok; "*khana*" pula bererti rumah. (Steingass 2012: 475; 530-531).

217 /*Gemerencing*/ bererti bunyi genta yang kecil-kecil atau giring-giring (St. Mohammad Zain 1960: 261).

218 /Majapahit/ dieja /Menjapahit/ [منجفاهت]. Bentuk ejaan ini juga terdapat di dalam manuskrip *Selesilah Raja-Raja Brunei* yang disalin pada tahun 1807. Bentuk ejaan yang sama juga terdapat dalam naskhah *Hikayat Hang Tuha MS 23* Universiti Malaya dan *MS. Or. 16215*. Seyogia diingati naskhah asal *Hikayat Hang Tuha* telah mula dikarang di Aceh pada sekitar antara akhir 1630-an dan 1640-an iaitu pada abad ke-17.

219 Kata-kata yang tercicir diganti degan petikan daripada *Raffles Malay no. 67*: *Malais no. 18 bis*: 40.

220 /Samarqandi/ ialah ejaan Parsi untuk penduduk Samarqand, sebuah tempat di Turkistan (Steingass 2012: 696). Ia juga nama tempat lahir Abdul Rahman Jami, pengarang syair Yusuf dan Zulaikha.

221 /*Kurat*/ dalam bahasa Parsi bererti glob atau sfera, air yang mengelilungi bumi; dunia atau bumi (Steingass 2012: 1021).

222 Walaupun dieja /j/a/m/w/ [جامو] Yang betulnya ialah "*jamèe*" iaitu kata Aceh yang bermakna tamu. Lihat Aboe Bakar *et al.* (2001: 325). Ternyata ejaan /j/a/m/ [جام] di dalam *Malais no. 18 bis*: 40 lebih tepat. Baik Jones (1987: 37), mahupun Hill (1960: 75) ataupun Ibrahim Alfian (1973: 72) kesemuanya silap apabila mentransliterasikan kata itu sebagai "jamu". Bahkan Mead (1914: 27) yang menggunakan manuskrip salinan Dulaurier (*Malais no. 18 bis*) sebagai asas transliterasinya pun tidak menyangka kata itu ialah kata Aceh /*jamèe*/.

223 Kata /hari/ tiada terdapat baik di dalam *Raffles Malay mo. 67*: 76 mahupun *Malais no. 18 bis*: 41..

224 Kata "sultan" tercicir tetapi terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 76 dan *Malais no. 18 bis*: 41.

225 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 76 dan *Malais no. 18 bis*: 41, perkataannya ialah "dirawannya". /Diraweun/ dalam bahasa Aceh bererti dibuat bimbang atau bingung (Aboe Bakar *et al.* 2001: 784).

226 Di dalam Raffles Malay no. 67: 76 dan *Malais no. 18 bis*: 41, sebagai ganti kata /memakai/ ialah "lalu dibawa ke Tukas".

227 Dalam bahasa Acehnya, /*Mideuen Raja*/. /*Mideuen*/ merujuk kepada halaman atau medan di hadapan istana, lapangan bertarung atau medan peperangan (Aboe Bakar *et al.* 2001: 603).

228 /Jambar/ bererti pondok, barung-barung tempat orang yang dalam perjalanan bermalam di hutan atau di padang (St. Mohammad Zain 1960: 196-197). Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 77 (baris 10) dan *Malais no. 18 bis*: 41, ayatnya: "... dan duduk ia di jambo [جمبو] panjang sarat sejambar panjang ..." Kata "jambo" merujuk kepada dangau, atau pondok yang sangat sederhana, yang beratap, tetapi tidak semestinya berdinding. Ia juga dinamakan barung-barung yakni tempat orang dalam perjalanan bermalam di padang atau di hutan. Lihat Aboe Bakar *et al.* 2001: 325. Cf. St. Muhammad Zain (1960: 196-197).

229 Kata /*Barr*/ [بر] menurut sebutannya dalam bahasa Parsi bererti baik, suka berbuat amal kebajikan, adil, warak, lurus (Steingass 2012: 166).

230 Ertinya pantai atau pinggir sungai, tepi pantai (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 674).

231 /*Bujangga*/ dalam bahasa Aceh bererti pemuda pembawa perisai; seorang bangsawan (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 104).

232 Dalam bahasa Aceh "baju" disebut /bajèe/. Di dalam *Malais no. 18 bis*: 42 ejaannya ialah /b/a/j/ [باج].

233 /Baju raya/ bererti "baju besar".

234 Daripada kata Aceh */jamèe/* yang bererti tamu (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 325). Baik Jones (1987: 40) mahupun Hill (1960: 77) silap membacanya sebagai /jamu/.

235 /*Hilat*/ [kata Melayunya 'helah'] bererti komplot, muslihat, kepura-puraan, penipuan memperdaya (Steingass 2012: 436).

236 /Tandil/ ialah pengapit; juga digunakan sebagai gelar seorang ketua (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 934) Makna lainnya ialah ialah ketua anak kapal di bawah serang (mandur besar). (St. Muhammad Zain 1960: 775). Di dalam *Malais no. 18 bis*: 42 kata ini dieja /tanda/.

237 Kata */geureuba/* yang digunakan bersama-sama dengan kata */gurak/* dalam bahasa Aceh bererti bersemangat sekali. */Gurak/* bermakna bersemangat, atau gembira (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 233 dan 266). Bacaan "kerba gorok" oleh Jones (1987: 39), adalah silap sama sekali.

238 /*Makir*/ [مكر] atau /*Makar*/ ialah kata Arab dan Parsi yang bermakna muslihat, tipu helah, keculasan, kecurangan (Steingass 2012: 1300. Cf. St. Muhammad Zain 1954: 470). /*Saḥir*/ pula ialah daripada kata Parsi /*saḥr*/ [*siḥr*] yang bermakna sama dengan kata Arab iaitu menipu, memperdayakan, sihir, mempesona, ilmu sihir (Steingass 2012: 659). /*Makir saḥr*/ membawa maksud tipu muslihat yang curang.

239 Kata Aceh /*Jeumba*/ bererti bahagian; /*jambar*/ atau /*jambo*/ merujuk kepada pondok di tepi jalan untuk musafir menginap; juga bermakna dangau, pondok paling sederhana, beratap, sama ada berdinding atau tidak sebagai tempat tinggal sementara atau tempat menjaga burung di sawah atau di kebun (Aboe Bakar *et al.* 2001: 339; 325; cf. Wilkinson 1959 (1): 441).

240 /Panté/ dalam bahasa Aceh bererti pinggir sungai atau danau yang berpasir atau berbatu-batu; pantai (Aboe Bakar *et al*, 2001: 674)

241 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 79 dan *Malais no. 18 bis*: 42, ayatnya ialah: "Maka pergilah kedua sida-sida itu ke Tukas kepada Tun Beraim Bapa serta berdatang sembah kepada baginda."

242 Kata /menyuruh/ ada di dalam *Raffles Malay no. 67*: 79 dan *Malais no. 18 bis*: 42.

243 Juga disebut /*Peurumeun*/, atau /*purumeun*/ yang bererti mempedulikan, menaruh perhatian yang sungguh-sungguh, menghiraukan, meminati, atau memperhatikan pekerjaan orang (Aboe Bakar *et al* 2001: 710).

244 Di dalam *Malais no. 18 bis*: 42 kata ini dieja /i/sy/p/ [ايشف]. Nama "Isyep" atau "Isap" adalah bentuk ejaan tercemar bagi kata Aceh /*iseb*/, yang bererti mempedulikan sesuatu (Ibid: 316).

245 Seperti yang tertulis di dalam *Raffles Malay no. 67*: 79 dan *Malais no. 18 bis*: 42.

246 /*Baroh*/ dalam bahasa Aceh bermakna bawah, di bahagian bawah, daerah pantai (Aboe Bakar *et al.* 2001: 61-62).

247 /*Mama*/ bererti paman atau bapa saudara.

248 /Cina/ menurut Hill (1960: 77).

249 Nama /Teger/ dengan ejaan /t/y/g/e/r [تيݢير] dipakai di samping "Tiker" dengan ejaan /t/y/k/y/r/ di dalam *Or. 14350*. Namun di dalam *Malais no. 18 bis* ejaannya secara konsisten ialah /t/y/k/r/ [تيكر]. Maka oleh kerana itu ia dibaca "Tikar" oleh Hill (1961: 78) dan Jones (1987: 40).

250 Kata /*keuresek*/ dalam bahasa Aceh bererti kerikil, pasir kasar, kersik atau gersik atau butir pasir (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 414.Cf. *Kamus Dewan* 2005: 761; 467).

251 /Sekunca/ bererti berkas besar atau ukuran yang sama dengan 160 gantang (*Kamus Dewan* 2005: 849).

252 Kata Aceh /*naleh*/ merujuk kepada sejenis ukuran isi yang bentuknya tidak dikenali. Ia digunakan untuk menakar banyaknya padi, beras atau barang-barang seperti lada, mesiu dsbnya. (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 626).

253 /Membuang beranya/ bererti menghilangkan malunya (St. Muhammad Zain 1960: 111).

254 /*Wasit*/ bererti penengah, pengantara, tengah-tengah, orang tengah (Steingass 2012: 1450). Lihat juga St, Muhammad Zain (1960: 892). Bacaan "wasat" oleh Hill (1960: 78) adalah silap.

255 /*Maqam*/ [مقام] dalam bahasa Parsi bererti tempat; istirehat, martabat, perhentian, rumah atau tempat tinggal (Steingass 2012: 1289).

256 Kata /Hai/ tercicir tetapi terdapat di dalam R. 67: 81.

257 Kata /berserama/ bererti bermain gendang serama; ataupun bersilat atau berpencak (*Kamus Dewan* 2005: 1464).

258 Kata Aceh /*keujang*/ bererti terengah-engah (seperti kelelahan, kepenatan atau haus); memerlukan udara atau air (Aboe Bakar *et al.* 2001: 398). Penyalin *Raffles Malay no. 67*: 82, dan *Malais no. 18 bis*: 44 membacanya "Kenjang" [كنجڠ].

259 Sebutan Aceh untuk genderang ialah /*geunderang*/ (Aboe Bakar *et al.* 2001: 30).

260 /Meruah/ bererti memanggil dari jauh, melaung (St. Muhammad Zain 1960: 643).

261 Kisah isteri kepada seorang pembesar Mesir bernama Al-Aziz yang menaruh berahi kepada Nabi Yusuf sering dira'ikan di dunia sebelah Timur melalui mathnawi (syair) Parsi di dalam karya besar Nuruddin Abdur-Rahman al-Jami, *Haft Awrang* (7 Singgahsana). Kisah percintaan Zulaikha, dengan Nabi Yusuf, yang dipadankan daripada Surah 12 di dalam kitab suci al-Quran, telah ditulis pada abad ke-15 oleh ahli Sufi Parsi tersebut dalam bentuk syair.

262 Kata akarnya dalam bahasa Aceh /*teurejon*/ yang bererti mengalir ke bawah, terjun, (Aboe Bakar *et al.* 2001: 972)

263 Kata Sanskrit /*dhikkara*/ bererti ejekan, celaan atau mengutuk: penghinaan (Zoetmulder 2000 (1): 217).

264 /*Ketah*/ adalah kata soal atau tanya seperti "tah", "kah", "entah", yang membawa erti apatah gerangan?

265 Ditulis "siapa ketah pertuanya?" oleh penyalin *Raffles Malay no. 67*: 83 dan *Malais no. 18* bis: 44. Tetapi Jones (1987: 42) membacanya, "siapa kutaha pertuhanya?" Bahawa kata "pertua" telah digunakan di dalam *Raffles Malay no. 67* dan *Malais no. 18* bis serta juga *Or. 14350* menunjukkan naskhah dasar yang digunakan oleh penyalin masing-masing telah ditulis selepas abad ke-16, ataupun memang sudah termaklum bahawa penyalin-penyalin itu telah merubah ejaan "pertuha" kepada "pertua" kerana mereka menyalinnya masing-masing pada akhir abad ke-18 dan sebelum suku pertama abad ke-19.

266 Kata /*marḥum*/ [مرحوم] dalam bahasa Parsi membawa makna dkasihani, orang yang mencari belas kasihan, menimbulkan rasa hiba (Steingass 2012: 1211).

267 Kata Aceh /bujangga/ bererti pemuda pembawa perisai; seorang bangsawan (Aboe Bakar *et al.* 2001: 104).

268 Nama /Bujangga Bajèe Raya/ merujuk kepada pemuda membawa perisai yang berbaju besar.

269 Kata /bandahri/ (kini dieja /bandari/) dalam bahasa Aceh bererti juru masak raja (Aboe Bakar *et al.* 2001: 56). Ejaan Jawi /b/n/d/h/r/y/ɲ/ [بندهريث] turut digunakan oleh *Raffles Malay no. 67*: 84 dan *Malais no. 18* bis: 45.

270 /*Safir*/ dalam bahasa Parsi bererti membuka tudung (perempuan), menyerlahkan cahaya; (Steingass 2012: 684).

271 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 85 dan *Malais no. 18* bis: 45 ditulis "pintu" [ڤنتو].

272 /*Lueng*/ dalam bahasa Aceh bermakna celah, alur, saluran air, lubang kecil (Aboe Bakar *et al.* 200: 1556). /Pemipis/ berakarkan kata /pipis/ yang juga disebut /*pipe*/ dalam bahasa Aceh. Ia membawa erti sangat penuh (sehingga mencapai tepinya); "pipéh" atau pipis juga bererti kayu pemipis yang berbentuk lonjong telur untuk tujuan menggiling (ibid: 725-726).

273 Kata /pecimas/ tiada di dalam *Malais no. 18* bis: 45. *Pacè* bererti serbuk rempah-rempah yang ditabur ke kain kafan mayat (Aboe Bakar *et al.* 2001: 63).

274 /Kejamas/ ialah losyen rambut ataupun sebarang bahan yang digunakan untuk membersihkan rambut (Wilkinson 1959 (1): 528).

275 Jones (1987: 43) silap membaca kata ini sebagai "kejemas".

276 Kata Aceh /*sumpueng* atau *seumpeueng*/ merujuk kepada tumbuhan menjalar yang banyak tumbuh di sawah. Daunnya menjadi makanan cengkerik dan boleh dijadikan ubat (Aboe Bakar *et al.* 2001: 907).

277 Dieja /ly/a/b/y/n/-/ly/a/b/y/n/ [ليابين٢] di dalam *Raffles Malay no. 67*: 85 dan *Malais no. 18* bis: 46. Dalam bahasa Aceh kata ini disebut /*laya binèh*/ dan ia bererti "mulanya anyaman tepi atau sebelah" (Aboe Bakar *et al.* 2001: 85).

278 Jones membacanya /laya bena-bena/. /*Laya*/ dalam bahasa Aceh bererti pekerjaan pertama ketika menganyam, mulai menganyam sesuatu (Aboe Bakar *et al.* 2001: 510).

279 /Berpancung/ bererti memakai kain yang miring letak hujungya di luar seluar (St. Muhammad Zain 1960: 545). Dieja /b/r/p/n/j/ [برڤنج] menurut *Raffles Malay no. 67*: 85 dan *Malais no. 18* bis: 46.

280 Kata Jawa /*murup*/ bermakna menyala-nyala seperti warna merah yang menyala-nyala (St. Muhammad Zain 1960: 505).

281 Jones (1987: 43) silap membaca kata ini sebagai /dikara/ kerana menurut ejaan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 85. Di dalam *Malais no. 18* bis: 46 ejaannya pun boleh dibaca /dikara/ [دكر].

282 /Berambu/ bererti berumbai-rumbai pada pinggir kain sebagai perhiasan pinggir kain itu (Aboe Bakar *et al.* 2001: 770).

283 /Dani/ atau /dandi/ bererti berbintik-bintik (Wilkinson 1959 (1): 255 dan 254).

284 /*Beunda*/ ialah benda, barang berharga, perhiasan emas 2001: 74).

285 /Bergiring-giring/ (atau "bergering-gering") ialah genta kecil-kecil yang dipakai di kaki oleh penari perempuan (St. Muhammad Zain 1960: 266).

286 /Punca/ merujuk kepada sudut kain (seperti sebai) yang lepas tergantung (*Kamus Dewan* 2005: 1248).

287 /Pudi/ ialah serbuk intan atau intan yang kecil-kecil (St. Mohammad Zain 1960: 595).

288 Menurut bacaan penyalin *Raffles Malay no. 67*: 85: /berkelit/.

289 Kata /berponto(h)/ bererti memakai gelang yang besar daripada emas atau perak yang dihiasi dengan gambar naga atau merak. Gelang ini biasanya dipakai di pangkal lengan oleh raja-raja pada masa dinobatkan (St. Mohammad Zain 1960: 592).

290 /Denganan/ ialah hulu senjata (Wilkinson 1959 (1): 271).

291 /Pakis/ bererti paku. Di dalam teks *Raffles Malay no. 67*: 86 ejaannya seakan-akan /s/ŋ/k/n/k/s/. Jones (1987: 43) membacanya /Sangnikas/.

292 Ejaan tercemar bagi kata Parsi, /*khanjar* atau *khanjir*/ [خنجر] yang bererti pisau belati, pedang (Steingass 2012: (476). Kesalahan ejaan yang sama juga dlakukan oleh penyalin *Raffles Malay no. 67*: 86. Jones membaca kata ini /candanya/ (Jones 1987: 44).

293 Kata /indong/ bererti emak, ibu atau induk (St, Muhammad Zain 1960: 309).

294 Kata /*faras*/ bererti kuda (Wilkinson 1959 (1): 311). Namun /farasat/ (daripada /faras/) dalam bahasa Parsi membawa makna kemahiran menunggang kuda; juga bererti apa-apa mengenai kuda (Steingass 2012: 918). Oleh yang demikian, kuda farasi bermakna kuda yang baik untuk ditunggang.

295 /*Hilat*/ atau /*ilat*/ bererti curang dalam bahasa Aceh (Aboe Bakar *et al.* 1960).

296 Jones (1987: 45) membacanya "ditarikkannya".

297 /*Hila*/ dalam bahasa Aceh bererti hela, tarik (Aboe Bakar *et al.*, 2012: 290). Namun di dalam *Raffles Malay no. 67*: 88 dan *Malais no. 8* *bis*: 47, kata yang ditulis ialah "dihalanya" [دهلاڽ].

298 /*Sabuk*/ dalam bahasa Jawa bererti ikat pinggang sutera untuk laki-laki yang dibelitkan di pinggangnya (St. Muhammad Zain 1960: 653).

299 Ejaan yang serupa iaitu [برنحوين] dipakai oleh penyalin *Raffles Malay no. 67*: 90 dan 48. Bacaan /bertinjauan/ oleh Jones (1987: 46) adalah tidak betul. /*Nahwin*/ adalah kata Arab yang bererti "nahu" iaitu arah dan susunan kata-kata dalam ayat, yakni jalan bahasa. Lihat Cowan (ed.) 1993: 1113). Cf. St. Muhammad Zain (1960: 509).

300 Kata Aceh /*manyam*/ bererti mayang, tandan bunga, gagang bunga pada tanaman palma seperti pinang dan kelapa (Aboe Bakar *et al.*, 2001:.576). Tetapi kata ini tiada di dalam *Malais no. 18* *bis*: 49.

301 Kata yang berasal daripada bahasa Sanskrit /*asrama*/ yang membawa makna tidak letih atau tidak penat (Macdonell 2000: 33). Tetapi ada kemungkinan juga kata "serama" ialah bentuk tercemar untuk sebutan kata Sanskrit /*suramiya*/ yang bererti sangat menawan (Macdonnel 200: 354).

302 Kata-kata ini tiada di dalam teks *Or. 14350*. Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 91 dan *Malais no. 18* *bis*: 49 selepas "pendekar 'Ali Pulau Kukur", penyalin menulis, "*seraya baginda berserama peuseupa ragam* [فسڤ راڬم]". /puspa ragam bererti bunga rampai/ (St. Muhammad Zain 1960: 603). /Serama/ menurut St. Muhamamad Zain juga adalah bentuk tercemar kata Sanskrit /*asyrama*/ yang bermakna gembira (ibid: 709).

303 Kelapa yang tua dan kering. "Kute" ialah kutai (Aboe Bakar *et al.* 1960: 476).

304 Yakni "*gampong*" dalam bahasa Aceh.

305 Daripada kata Aceh /*geureutok*/ yang bererti mengebas, mengebut (Aboe Bakar *et al.* 2001: 235).

306 Bentuk tercemar (mungkin kerana tersalah salin daripada naskhah) kata daripada bahasa Parsi /*kayani*/ [كياني] yang membawa erti tali pinggang, kendit atau girdel diraja Steingass 2012: 1068). Baik penyalin *Raffles Malay no. 67*: 92 mahupun *Malais no. 18* *bis*: 49 juga menyalinnya "kayamin" [كيامن].

307 Menurut *Malais no. 18* *bis*: 49, /dikitarkannya/ [دكترکنڽ].

308 Kata Parsi /d/h/sy/t/ bererti penuh kehairanan, takjub (Steingass 2012: 549).

309 Kata /*fai*/ [في] atau /*fi*/ adalah dari bahasa Parsi yang bermakna tiba-tiba, dalam hal, disebabkan, sebenarnya, pernah, (ibid: 943).

310 Kata Aceh /*lampu*/ membawa erti melindungi atau mengepung (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 495). Bacaan /lempau/ oleh Jones (1987: 47), saya fikir, tidak tepat.

311 /Tambun/ bererti gemuk.

312 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 93 kata ini dieja /d/r/l/n/h/n/a/ [درلنحنا] manakala di dalam *Malais no. 18* *bis*: 50 ia ditulis /darulnakha/ [درلنخا]. Kemungkinan besar nama Dara Zulaikha telah tersilap dibaca oleh penyalin naskhah yang menjadi acuan penyalin naskhah *Raffles Malay no. 67* dan naskhah *Or. 14350*.

313 /Bersandeng/ [برسندڠ] bererti berdekatan, sanding, (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 842). Tetapi di dalam *Raffles Malay no. 67*: 93 dan *Malais no. 18* *bis*: 50, walau bagaimanapun, perkataan yang digunakan ialah "bersandar". Oleh kerana itu lebih munasabah jika dibaca "bersandar".

314 Kata yang sama [تردمڤق] digunakan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 93 dan *Malais no. 18* *bis*: 50. /Dempok/ yang juga disebut /dampak/ bererti terkena, tertumbuk kepada sesuatu (St. Muhammad Zain 1960: 179).

315 Kata /pada/ terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 94.

316 Kata-kata yang dalam huruf condong tercicir di dalam teks dan digantikan dengan petikan daripada *Raffles Malay no. 67*: 94.

317 Kata /*terempak*/ juga dipakai oleh penyalin *Raffles Malay no. 67*: 94 Tetapi kata yang betulnya ialah /terdampak/ iaitu bererti bahunya tertumbuk kepada pintu. (St, Muhammad Zain 1960: 168).

318 Menurut Wilkinson (1959 (1): 138 ungkapan di atas ialah /jana bijana/ yang bererti tempat kelahiran. Jones (1987: 48) membacanya "Jana Bijanamu".

319 Kata Parsi /*Baba*/ bererti seorang bapa. Juga bermakna layak, sesuai, patut disanjung (Steingass (2012: 135).

320 /*Rama*/ atau /*bieng rama*/ atau /*bieng sirama*/ dalam bahasa Aceh merujuk kepada sejenis kepiting kecil yang banyak terdapat di pinggir laut (Aboe Bakar *et al.* 2001: 769).

321 /Bersil/ bererti menganjur keluar seperti mata dari lekuk mata atau kepala ular dari dalam liangnya (St. Muhammad Zain 1960: 116).

322 /Daing/ bererti yang dijemur atau dikeringkan (seperti ikan) atau didendeng (St. Muhammad Zain 1960: 165).

323 /*Lambĕdak*/ ialah nama sejenis ikan (Wilkinson 1959 (2): 644).

324 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 96 ungkapannya ialah /rama-rama bersil/.

325 Hill (1960: 85) membacanya /Tura/ Manakala Jones (1987: 50) membacanya /Turai/. Kedua-duanya saya kira tersalah baca. /Turi/ merujuk kepada sejenis pohon kecil yang buahnya seperti buah kacang dan kulit batangnya boleh dbuat ubat (St. Muhammad Zain 1960: 871). /*Turi*/ dalam bahasa Aceh membawa makna

mengenal sesuatu atau seseorang secara peribadi, mengenal baik atau kenal melalui caranya atau rupanya (Aboe Bakar *et al.* 2001: 804). Saya fikir makna yang berkaitan dengan sejenis pohon itu lebih sesuai.

326 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 49 dan *Malais no. 18 bis*: 52 ditulis: "Pantai Manggu" [فنتي مڠڬو]. Jones 1987: 50) membacanya /pantai Manggang/.

327 /Meruah/ bererti memanggil dari jauh, melaung (St. Muhammad Zain 1960: 643).

328 Kata Aceh /*deundang*/ adalah gelar yang merujuk kepada burung dendang iaitu sejenis itik liar yang memakan ikan dan katak (Aboe Bakar *et al.* 2001:167)

329 /*Peukan*/ dalam bahasa Aceh merujuk kepada pekan atau pasar (Aboe Bakar *et al.* 2001: 697).

330 /Rantau/ asalnya bermakna teluk-teluk kecil sepanjang pantai laut. Ungkapan serantau lajunya bererti kayuhan perahu yang cepat melewati teluk-teluk kecil. Lihat St. Muhammad Zain (1960: 619).

331 Dieja /s/ɲ/k/w/ɲ/ di dalam *Raffles 67*: 100 dan *Malais Raffles no. 18 bis*: 54. Mungkin inilah ejaan sebenarnya. Tetapi Jones (1987: 51 dan 52) membacanya /Sanggung/. /Sanggung/ tidak mengandungi apa-apa makna. Kata /*sengkawang*/ atau /*tengkawang*/ ialah nama sejenis pokok yang banyak tumbuh di Kalimantan. Disebut juga pokok /merading/ atau /nyatoh kekabu/ (Wilkinson 1959 (2): 1070).

332 Kata ini disebut /*hambô*/ dalam bahasa Aceh yang bererti hambur, terurai (Aboe Bakar *et al.*, 2001: 278).

333 Kata Arab dan Parsi /*dahsyat*/ bererti takut, cemas, terkejut, bingung, menakjubkan, kagum (Cowan (ed.) 1993: 341; Steingass 2012: 549).

334 /Lambĕdak/ ialah nama sejenis ikan (Wilkinson 1959 (2): 644).

335 /*Sanggeng*/ bererti curam, miring (Aboe Bakar *et al.* 2001: 843). Tetapi di dalam *Raffles Malay no. 67*: 101 dan *Malais no. 18 bis*: 55, kata yang dieja ialah /m/ɲ/g/ɲ/ [مڠڬڠ]. Jones 1987: 52 membacanya /Manggang/.

336 Kata Aceh ini sekarang dieja /*euntah*/. Ertinya barangkali (Aboe Bakar *et al.* 2001: 201).

337 Ejaan /mu'alim/ sudah berubah menjadi /m/a/l/m/. Ejaan ini sama dengan ejaan di dalam *Malais no. 18 bis*: 55.

338 Daripada /*faghir*/ [فاغر]" yang dalam bahasa Parsi merujuk kepada sejenis bunga wangi di India (Steingass 2012: 904).

339 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 102 dan *Malais no. 18 bis*: 55 ejaannya juga /s/h/. /Sah/ bermakna benar. Tetapi /syahh/ [شح] dalam bahasa Parsi bermakna tamak, serakah (Steingass 2012: 736). Jones (1987: 53) membaca nama ini "Pagar Sesah" suatu bacaan yang tidak munasabah.

340 Nama ini bukan nama sebenar tetapi bersifat gelaran kerana kata /*sialèe*/ dalam bahasa Aceh mempunyai makna sama ada sejenis ulat atau hama padi, ataupun sepohon sukun (Aboe Bakar *et al.* 2001: 875).

341 /Belatuk/ ialah burung jenis memanjat yang selalu mematuk-matuk dengan paruhnya pada batang kayu mati. Jones (1987: 53) membacanya "Belatap" yakni kata yang memang tidak bemakna apa-apa.

342 Di dalam *Raffles Malay no. 67*: 51 (ii) ejaannya /b/r/p/n/ʧ/ŋ/ (berpancang). "*Berpanca*" dalam bahasa Aceh ialah mengadu kekuatan tangan dengan menggenggam tangan kanan lawan dan menguatkan jari-jari seraya memutarnya ke arah samping (Aboe Bakar *et al.* 2001: 666).

343 Seperti ulang-aling atau bolak-balik; bolang-baling. Ertinya: "tidak tetap"; berubah arah atau haluan, seperti angina polang-paling. Lihat St. Muhammad Zain 1960: 591; 878.

344 Kata Parsi /*daula*/ membawa erti ribut taufan, angin ribut yang berpusing-pusing, pusaran (Steingass 2012: 546).

345 /*Biram*/ atau /beram/ ialah intan berwarna merah; /*biram*/ pun boleh bermakna ular berwarna indah dan berkepala dua. Juga ia bererti gajah (Aboe Bakar *et al*, 2001: 87).

346 Dalam bahasa Aceh ia disebut /*samporeuna*/, iaitu bererti tercapai, dikabulkan (ibid: 840).

347 Dalam bahasa Aceh, kata /*arok*/ atau /*harok*/ bererti bergelora atau huru-hara, atau marah (ibid: 284).

348 Sebutan Parsinya /kh/n/j/r/ɲ/ [خنجرث]. *Khanjar* ialah pisau belati, atau pedang. (Steingass 2012: 476).

349 Di dalam *Raffles Malay no. 67: 53* dan *Malais no.18 bis*: 57 perkataanya "karam".

350 /Canggai/ ialah kuku di jari yang dipanjangkan untuk perhiasan, atau sambungan kuku itu daripada emas atau perak, yang dipakai untuk menari (St. Muhammad Zain 1960: 830).

351 Kata /embuai/ yang juga dieja /a/m/b/w/y/ [امبوي] oleh penyalin *Raffles Malay no. 67*: 110 dan *Malais no. 18 bis*: 60 membawa erti pengiring perempuan istana bagi putera raja (Wikinson 1959 (1): 300).

352 Kata /*berbajèe*/ [بربج *sic*] adalah sebutan /berbaju/ dalam bahasa Aceh [Pasai]. Ejaan yang serupa /b/r/b/y/j/ pun digunakan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 106 dan *Malais no. 18 bis*: 58.

353 /Sabuk/ ialah ikat pinggang laki-laki yang dibuat daripada sutera yang dibelitkan di pinggang (St. Muhammad Zain 1960: 651-652).

354 /Orang *seuraya*/ atau /*sraya*/ ialah orang yang bantuannya dipinta agar berbuat sesuatu secara gotong royong, yakni tanpa upah dan hanya memadai dengan pemberian makanan sahaja (Aboe Bakar *et al.* 2001: 870).

355 /*Peunyaram*/ atau /*pinyaram*/ ialah kuih cucur, dbuat daripada tepung beras dan gula merah (Aboe Bakar *et al.* 2001: 704).

356 Sambungan seterusnya seharusnya bermula daripada kata "niscaya" tetapi oleh kerana bahagian selepas kata "niscaya" sampai kepada kata-kata "ular lembu itu" telah tercicir lantaran hilangnya atau terburainya folio

naskhah *Or. 14350* selepas itu (*Or.14350*: f. 80r) maka sebagai menggantikan ayat-ayat yang hilang itu (yang telah saya berikan dalam bentuk huruf condong di atas) maka petikan daripada *Raffles Malay no. 67*: 107, telah diambil dari baris akhirnya, hinggalah ke halaman 70 (ii) dengan semakan daripada *Malais no. 18 bis* mulai dari baris pertamanya di halaman 59 hinggalah ke baris 11 di halaman 60.

357 Ditulis di bawah (*Or.14350*: f. 80r) seolah-olah akan bersambung pada halaman seterusnya tetapi ternyata ia terputus.

358 Kata /durhaka/ terbit daripada kata Sanskrit /*drohaka*/.

359 Hill (1960: 91) silap membaca ejaan /b/i/s/ sebagai "bius".

360 Pokok kulur juga dinamakan pohon kelawi; ia sejenis dengan pokok sukun (St. Muhammad Zain 1960: 398).

361 Ejaannya sama seperti di dalam *Raffles Malay no. 67*: 109 dan *Malais no. 18 bis*: 60 . /Tingkat/ ialah lapis (St. Muhammad Zain 1960: 822).

362 Kata /segulung/ dibaca "segalang" oleh Jones (1987: 57)

363 Kata /bersigap/ bererti segera sedia atau siap (St. Muhammad Zain 1960: 723)

364 /Berjawat/ bererti jabat; pegang seperti menjawat lembing (Wilkinson 1959 (1): 452).

365 /Berkumal-kumal/; bererti menjadi kotor, renyuk (Wilkinson 1959)1): 623).

366 Bermula dari sini kerja-kerja mentransliterasi adalah berasaskan manuskrip *Or. 14350*.

367 /Tunu/ bererti bakar (Wilkinson 1959 (2): 1252).

368 Kata Parsi /*ḍaif*/ bererti lemah, tak berdaya, tidak bermaya (Steingass 2012: 802).

369 Nama sejenis pokok (*Anisoptera specie*), misalnya "sanai tanduk". Daun pokok sabu digunakan untuk membuat ubat. (Wilkinson 1959 (2): 993 dan 1013).

370 Pohon beluru, mempunyai buah yang kulitnya keras yang digunakan oleh para pembuat tembikar untuk mengilatkan atau menghaluskan barang buatan mereka. Akar beluru pula ialah pohon yang memanjat (*entada scandens*) (Wilkinson 1959 (1): 113).

371 /Mĕnghĕrip/ bererti menjerit; juga boleh disebut /mĕnghĕrek/ (Wilkinson 1959 (1): 405, 415); cf. Hardjadibrata (2003: 325).

372 /Tambang/ bererti menggali tanah dan lubang galian, seperti menambang emas (St. Muhammad Zain 1960: 770).

Bab 6

Kisah Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing

Alkisah maka tersebutlah perkataan Tuan Puteri Gemerencing [ڬمرنچڠ][373] anak Ratu Menjapahit [منجفاهت *sic*] di negeri Jawa. Karana Tuan Puteri itu tiada ia bersuami, sebab ia hendak bersuamikan daripada segala anak raja-raja yang bijaksana dan yang perkasa, maka Tuan Puteri itu menyuruhkan seorang hulubalangnya yang bernama Tun Perpatih Cina kepada segala negeri, akan menuliskan rupa segala anak raja-raja yang pada segala negeri serta membawa kertas sepeti dan dakwat seguci[374] dan kalam seberkas. Maka Tun Perpatih Cina pun berlengkaplah (*Or.14350*: f. 82r) ia sebuah perahu. Lalulah ia berlayar daripada suatu negeri kepada suatu negeri serta ia menuliskan rupa segala anak raja-raja yang di dalam negeri itu.

Sebermula yang sudah tertulis itu ada kira-kira sembilan puluh sembilan orang yang sudah dituliskannya oleh Tun Perpatih Cina itu, hingga masuklah ia ke negeri Pasai. Demi terlihat olehnya akan rupa Tun ʻAbdul Jalil, lalu (*R.67*: 115) dituliskannya rupa Tun ʻAbdul Jalil. Maka jadi genaplah seratus orang dengan rupa Tun ʻAbdul Jalil itu. Setelah itu maka keluarlah itu [*sic*, ia][375] dari negeri Pasai lalu ia berlayar ke negerinya.

Hatta beberapa lama antaranya maka sampailah ia ke benua Jawa. Lalu ia masuk mengadap Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing serta membawa tulis rupa segala anak raja-raja yang sembilan puluh sembilan itu – seorang pun tiada ada berkenan pada hatinya. Maka demi terlihat kepada tulis rupa Tun ʻAbdul Jalil itu maka tuan puteri itu pun khairan [*sic*] ia melihat dia, seraya ia bersabda kepada Tun Perpatih Cina, "Rupa siapa ini? dan apa namanya? Dan di mana benuanya?" Maka Tun Perpatih Cina pun berdatang sembah, "Ya, Tuanku, inilah rupa Tun ʻAbdul Jalil namanya [anak Raja][376] negeri Pasai. Maka Tuan Puteri Gemerencing pun terlalu amat ia berahi akan dia daripada sebab ia melihat rupa gambarnya itu. Maka Raden Galuh Gĕmĕrĕncing pun tiadalah lagi tertahani hatinya, seperti orang gilalah lakunya, makan minum pun tiada ia kenyang dan tiada puas dahaganya. Maka dipersembahkan oleh segala inangdanya, (*M.18*: 64) dan embuai tuannya kepada ayahanda dan bondanya (*Or.14350*: f. 82v) (*R.67*: 116) akan hal-ahwalnya Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing gila itu – sebab melihat tulis rupa Tun ʻAbdul Jalil itu.

Maka demi didengar oleh Sang Nata[377] Menjapahit [*sic*] dan permaisuri akan hal anaknya yang demikian itu maka khairanlah [*sic*] ayah bondanya serta dengan masyghulnya. Maka ayah bondanya pun menyuruh panggil anaknya. Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing pun berdatang sembah, "Ya, Tuanku Syah ʻAlam, adapun masyghul yang didatangkan Allah Ta'ala ke atas hati patik itu masyghul yang amat sangat. Tiadalah terṣifatkan lagi adanya; karana rupa Tun ʻAbdul Jalil anak raja benua Pasai itu pada hati hambamu tiadalah dapat patik *kalupa*-i [*sic*, كلفاءي][378] barang seketika jua pun; dan karamlah rasa patik dalamnya. Seperti kata syair: "*Ṣabat ʻaly muṣa'aib aly al-a'yam dziran liya lana*" [

علي مص ءايب

صبت

علي الايام صرن ليا لنا]. Artinya: Telah didatangkan atasku percintaan; jikalau percintaan didatangkan di atasku segala hari ini jadilah segala hari ini, seperti upama [*sic*] semalam jua adanya.

Demi Sang Nata mendengar sembah paduka anakenda baginda Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing demikian itu maka bertambah-tambah masyghulnya, serta membicarakan dalam hatinya, 'Jikalau tiada kuperkenankan seperti kehendak (*R.67*: 117) anakku ini niscaya gilalah ia dalam percintaannya.' Maka titah Sang Nata, "Hai anakku, ṣabarlah engkau dahulu; insya'Allah Ta'ala akulah membicarakan segala pekerjaanmu itu." Maka Tuan Puteri pun berdatang sembah; demikian bunyinya: "Ya, Tuanku Syah 'Alam, tiadalah kuasa patik menahani ṣabar. Jikalau ada sayang syafa'at Duli Syah 'Alam akan patik, baiklah hambamu disuruh hantarkan ke negeri Pasai itu dengan segeranya. Jika tiada demikian itu, niscaya matilah (*Or.14350*: f. 83r) patik dalam percintaan yang diperhamba."

Maka tatkala didengar ayahanda dan bonda baginda sembah Raden Galuh Gĕmĕrĕncing demikian itu, maka pada ketika itu jua baginda bertitah menyuruh memusta'ibkan [*sic*] (*M.18*: 65) segala kelengkapan – daripada ghurab dan kelulus dan daripada jong. Setelah sudah musta'iblah [*sic*] segala kelengkapan itu maka disuruh baginda hiasi sebuah ghurab yang besar akan kenaikan paduka anakenda Raden Galuh Gĕmĕrĕncing itu dan daripada perhiasan yang indah-indah dan dianugeraha-i baginda itu akan tuan puteri itu daripada segala perkakas alat kerajaan, daripada segala pakaian yang indah-indah dan daripada segala hulubalang dan menteri dan ra'ayat dan daripada beberapa emas dan perak dan permata yang indah-indah dan daripada (*R.67*: 118) pakaian yang berbagai-bagai warnanya. Maka pada hari yang baik maka Sang Nata itu pun berangkatlah dengan segala hulubalangnya dan segala bala tenteranya akan mengantarkan [*sic*] paduka anakenda tuan puteri itu ke tepi laut.

Setelah itu sampailah baginda ke tepi laut. Maka tuan puteri pun sujud menyembah, bermohon kepada ayah bondanya. Maka oleh Sang Nata dan permaisuri dipeluknya dan diciumnya lalu baginda bertangis-tangisanlah. Maka tuan puteri pun naiklah di atas ghurab yang dihiasi itu, serta dengan inangdanya dan bondanya dan embuai tuannya. Maka segala hulubalang pun masing-masing naiklah ke perahunya; lalulah tuan puteri dan segala mereka itu berlayarlah ke negeri Pasai itu pada siang dan malam.

373 Ejaan Jawi [ݢمرنچڠ] /g/m/r/n/c/ŋ/ boleh disebut "gĕmĕrĕncang" iaitu bunyi pedang dan tombak ketika dalam peperangan atau "gemerencung" yang seolah-olah bunyi gĕmĕrĕncang tetapi lembut iaitu seperti bunyi angklung Sunda. Saya fikir kata "gĕmĕrĕncing" lebih cocok bagi nama seorang puteri kerana ia membawa erti bunyi genta kecil-kecil atau gering-gering yang biasa dipakai penari perempuan di kakinya. Lihat Wilkinson (1959 (1); 348). Cf.St. Muhammad Zain (1960: 260 – 261, 266).

374 /Guci/ adalah tempayan atau buyung tembikar porselen untuk menyimpan minyak, dakwat, air dan sebagainya (St. Muhammad Zain 1960: 279).

375 Kata /ia/ terdapat di dalam *Raffles Malay no. 67*: 115.

376 Kata-kata yang tercicir digantikan dengan petikan daripada *Raffles Malay no. 67*: 115.

377 Gelaran /Nata/ (daripada kata Kawi /natha/) bererti pelindung atau penjaga, raja, penguasa pemilik, tuan, (Zoetmulder 2000 (1): 693).

378 Dalam bahasa Aceh kata /kalupa/ adalah bentuk lain bagi /dalupa/ (sudah lupa) (Aboe Bakar et al 2001: 561). Dalam bahasa Kawi varian kata lupa ialah /kalupa/ dan /kalupan/ iaitu kehilangan ingatan; /(m)alupa/ bererti lupa atau lalai sama dengan kata /alupa/. Kata /kalupan/ bererti kelupaan. Kata /a-lupa/ pula sama ertinya dengan /tan lupa/ yakni tidak lupa. (Zoetmulder 2000 (1): 617; cf. Mardiwarsito 1981: 327).

Kisah Raden Galuh sampai ke Pasai

Alkisah adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera maka tatkala terdengarlah warta angkatan Raden Galu[h] Gĕmĕrĕncing anak Ratu Menjapahit datang dari Jawa itu hendak ke benua Pasai (*Or.14350*: f. 83v) daripada sebab berahi akan Tun ʻAbdul Jalil itu, setelah didengar Sultan Ahmad Mada'l [*sic*] Perumal warta itu, maka Sultan pun tiadalah ia ikrar [اقرار *sic*, karar] hatinya daripada hendak membicarakan daya upaya akan membunuh Tun ʻAbdul Jalil itu pada siang dan malam. Maka pada suatu hari Sultan Ahmad bersabda kepada Dara Zulaikha Tangkap, "Ayo Dara Zulaikha Tangkap, (*R.67*: 119) amanatku padamu: hubaya-hubaya – jangan engkau katakan pada seorang jua pun. Jikalau Si ʻAbdul Jalil tiada kubunuh, kerajaanku jangan kekal; dan Puteri Gĕmĕrĕncing pun jangan kuperoleh."

Setelah itu maka dicaharinya daya upaya hendak membunuh dan mematikan anaknya Tun ʻAbdul Jalil. Pada suatu ketika maka Tun ʻAbdul Jalil disuruh bunuhnya. Maka dibunuh oleh oranglah ia. Maka Tun ʻAbdul Jalil pun pulanglah ke rahmat Allah Ta'ala. Maka disuruh (*M.18*: 66)Sultan buangkan mayat baginda itu ke laut Jambu Air.

Hatta beberapa lama antaranya, maka kelengkapan Raden Galuh Gĕmĕrĕncing pun datanglah ke laut Jambu Air itu. Maka berlabuhlah sekaliannya angkatan itu di labuhan Jambu Air itu. Maka keluarlah sebuah perahu orang hendak mengail dari kuala Jambu Air itu. Maka dilihat oleh orang dalam jong itu sebuah perahu itu; maka tatkala hampirlah perahu itu kepada segala jong itu, maka segala orang dalam jong itu pun bertanya; katanya, "Apa nama negeri ini?" Maka sahut orang mengail itu, "Adapun nama negeri ini Pasai." Maka kata orang dalam jong itu, "Apa ada khabar dalam negeri ini?" Maka sahut orang mengail itu, "Adapun khabar dalam negeri ini, badak makang [*sic*, makan] anaknya." Maka kata (*Or.14350*: f. 84r) orang dalam jong itu, "Tiada kami tahu apa ertinya katamu itu." Maka sahutya, (*R.67*: 120) "Adapun ertinya, paduka Sultan yang dalam negeri Pasai ini membunuh anaknya dua orang – seorang bernama Tun Beraim Bapa, seorang bernama Tun ʻAbdul Jalil – dari karana Sultan itu akan berahikan anaknya dua perempuan: seorang bernama Tun Mudam Priya dan seorang bernama Tun Takiah Dara. Maka anaknya yang bernama Tun ʻAbdul Jalil dibunuhnya, dibuangkannyala[h] ia ke dalam laut Jambu Air ini – sebab ia menengar [*sic*] Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing datang dari benua Jawa terlalu amat ia berahi akan Tun ʻAbdul Jalil itu [*dan mayat Tun Abdul Jalil itu pun disuruhnya buangkan dalam laut Jambu Air ini*].[379] Itulah sebabnya hamba mengatakan 'badak memakan anaknya'."

Maka dipersembahkan oranglah kepada Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing segala kata orang itu. Demi didengar oleh Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing khabar orang itu, maka ia pun menumbuk-numbuk dadanya serta dengan tangisnya. Maka kata Tuan Puteri, "Ayo segala kamu, tuan-tuan hulubalangku dan segala ra'ayatku, kembalilah kamu sekalian ke benua Jawa, kepada ayah bondaku. Dan jikalau ada salah bebalku, melainkan mintak [*sic*] ampunilah aku ke bawah kadam ayah bondaku beribu-ribu ampun; dan kamu ceriterakanlah kepada ayah bondaku seperti yang kamu dengar dan yang kamu lihat."

Maka Tuan Puteri pulak [*sic*] berkata pada segala orang isi perahu itu, "Hai segala kamu yang di dalam ghurab ini, (*M.18*: 67) siapa kamu (*R.67*: 121) mau bersama-sama dengan aku di sinilah kamu. Dan siapa kamu mau kembali turunlah kamu kepada perahu lain karana

maksud[ku[380]] kepada Tun 'Abdul Jalil yang kuberahikan itu dalam laut ini. Aku pun di sinilah akan tempatku". Maka Tuan Puteri pun (*Or.14350*: f. 84v) minta do'alah[381] ia kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala; demikian bunyinya: "Ya Ilahi ya Rabbi, matikanlah kiranya hamba-Mu, dan tenggelamkanlah ghurab hamba-Mu dalam laut Jambu Air ini dan Kau pertemukan kiranya hamba-Mu dengan Tun 'Abdul Jalil itu." Hatta maka dengan takdir Allah Ta'ala maka ghurab itu pun tenggelamlah dalam laut [Jambu Air][382] itu dan segala angkatan itu pun kembalilah ke benua Jawa. Setelah sudah, sampailah sekalian angkatan itu.[383]

Maka diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera: Maka tatkala kedengaranlah khabar Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing sudah tenggelam itu kepada Sultan Ahmad maka Sultan Ahmad pun mematah-matah jarinya serta dengan sesalnya tiada berkesudahan sebab membunuh anaknya Tun Beraim Bapa dan Tun 'Abdul Jalil. Dengan sesalnya yang amat sangat maka sabda Sultan kepada segala hulubalangnya, "Hai segala kamu hulubalangku! Tegah apalah akan daku membunuh anakku itu". Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukar[384] pun berdatang sembah; demikian sembahnya: "Ya, Tuanku Syah 'Alam,

Lada siapa dibangsal[385] kan?
Rana[386] sa[387] jana[388] [سجان] kerati[389] [كرت],
(R.67: 122) Pada siapa disesalkan? Tuan juga empunya pekerti [فكرت]."

Setelah itu maka sampailah segala angkatan Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing itu ke benua Jawa. Maka masuklah sekalian mereka itu mengadap Sang Nata itu, serta dipersembahkannya segala hal-ahwalnya Tuan Puteri Gĕmĕrĕncing sudah tenggelam itu; dan dikhabarkannya khabar Sultan yang dalam negeri Pasai membunuh anaknya itu. Maka tatkala didengar Sang Nata Majapahit[390] khabar yang demikian itu, maka baginda menangis kedua laki-isteri – menangis terlalu amat sangat dan mengempas-ngempaskan dirinya; keduanya lalu pengsan, tiadalah khabar akan dirinya.

Maka tatkala sembuhlah ia daripada pengsan itu, maka Sang Nata memberi titah kepada Patih menyuruh mengimpunkan [*sic*] segala menteri dan segala punggawa[391] yang kuasa-kuasa dan segala rakyat (*M.18*: 68) dan segala bala tenteranya. Setelah itu maka disuruh baginda musta'ibkan[392] [*sic*] segala kelengkapan dan segala alat senjata peperangan akan mendatangi negeri Pasai itu; sekira-kira empat ratus jong yang besar-besar; dan lain daripada itu banyak lagi daripada melangbang
[مالغبغ *sic*, melambang][393] dan kelulus.[394]

Setelah sudah lengkaplah segala kelengkapan itu, maka segala menteri dan punggawa dan segala ra'ayat pun masing-masing naiklah ke perahunya serta dengan alat senjatanya dan bekalnya. Maka dititahkan baginda (*R.67*: 123) punggawa yang besar bernama Senapati Anglaga[395] [سينافات اغلاݢ] dan beberapa ratus para menteri dan para punggawa. Maka pada hari yang baik, maka berlayarlah segala angkatan itu ke negeri Pasai.

Maka tatkala sampailah ia ke labuhan Pasai maka naiklah ia ke darat lalu ia mendirikan kota sepanjang pantai. Setelah sudah, maka masuklah ia ke dalam kotanya itu. Maka Tulus Agung Tukang Sukar pun mengadap Sultan Ahmad seraya berdatang sembah akan hal musuh Majapahit itu sudah ia berkota. Maka Sultan pun terlalu sukacita baginda menengar [*sic*] itu. Maka titah baginda, "Kepada esok harilah kita suruh keluari musuh itu." Maka sabda baginda Tun Bijaya Pangliran [فغليران][396] akan panglimanya membawa rakyat yang amat banyak. Maka

pada keesokan hari maka berbunyilah genderang perang daripada kedua pihak dan segala lasykar pun berdirilah di medan. Maka kedua pihak pun sama menempuh.[397]

Maka berperanglah daripada kedua pihak; lasykar pun banyaklah mati dan luka. Maka *geundrang* kembali pula dipalu oranglah. Maka kedua pihak lasykar pun kembalilah masing-masing pada tempatnya. Demikianlah perang itu pada tiap-tiap hari; kira-kira tiga bulan lamanya perang itu, tiada juga beralahan, karana Jawa itu sebagai datang juga bantunya dari benua asing.

(*R.67*: 124) Maka tatkala dilihat Senapati akan hal perang itu tiadalah beralahnya, maka ia pun terlalu sangat amarahnya akan segala punggawanya yang bersama-sama dengan dia itu. Maka ia pun naiklah sendirinya ke darat serta dengan segala pahlawannya kira-kira seribu, serta dengan (*M.18*: 69) menyuruhkan segala rakyatnya turun dari ghurab dan jongnya masing-masing dengan senjatanya. Maka Sultan Ahmad pun mengimpunkan [*sic*] segala hulubalangnya dan segala pahlawan yang masyhur seperti pendekar Pulau Kukur [dan pahlawan] Kampung Bangka dan pahlawan Kampung Langgar dan pendekar Kampung Cina dan *Sialée* Kecil Pahat Putar dan Malik Akasan dan Tun Rawan[g][398]
[راوان] *Pumatang* [فماتڠ][399], serta mengimpunkan [*sic*] segala gajah dan kuda dan segala rakyat yang tiada tepermanai.

Maka pada dinihari berbunyilah genderang perang daripada kedua pihak lasykar itu. Masing-masing keluarlah sekalian mereka itu dari dalam kotanya. Maka berhadapanlah di medan. Maka berperanglah mereka itu sekalian, tiadalah berketahuan lakunya perang itu; campur-baurlah kedua pihak lasykar itu dan bunyi senjata pun gemerencanglah dan bunyi tempik segala hulubalang dan segala manusyia [*sic*] pun seperti tagar di langit dan darah segala manusyia [*sic*] pun mengalirlah seperti anak sungai. Adapun rakyat Majapahit itu, sebagai turun (*R.67*: 125) dari jongnya tidak berkeputusan akan membantu temannya dan beberapa yang datang dari negeri yang lain membantu Ratu Majapahit.

Maka adalah lama perang yang demikian itu tiga hari tiga malam lamanya – tiada berhenti; maka segala pahlawan dan segala hulubalang dan segala rakyat pun banyaklah mati, tiada terhisabkan lagi. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan, "Ya, Tuanku Syah 'Alam, bahawa segala hulubalang dan segala pahlawan dan segala rakyat kita banyaklah mati, tiada terhisabkan lagi banyaknya." Maka sabda Sultan, "Wah anakku Beraim Bapa, jikalau ada ia, jika Jawa se Jawanya, jika Cina se Cinanya, jika Keling, se Kelingnya – tiada mau melawan Si Beraim Bapa." Maka Tun Perpatih Tulus Agung Tukang Sukar pun berdatang sembah seraya ia berpantun:

Lada siapa dibangsalkan
Selama lada sa karati [سكرت]
Pada siapa disesalkan?
Tuan juga empunya pekerti."

Setelah itu maka Sultan Ahmad pun keluarlah dari dalam istananya dengan segala isi istananya dan dengan segala perkakasnya (*M.18*: 70) alat kerajaannya, barang yang terbawa. Maka Sultan Ahmad pun lalu berangkat pindah pada suatu tempat yang bernama Menduka [مندوک]. Di sanalah tempat baginda diam kira-kira lima belas hari perjalanan dari negeri Pasai.

Maka tatkala diceriterakan oleh (*R.67*: 126) orang yang empunya ceritera, maka tatkala sampailah perang itu kepada tiga hari tiga malam, dan rakyat Pasai pun pecahlah perangnya; sekalian mereka itu lalu lari cerai-berai tiada berketahuan lagi perginya. Maka sekalian lasykar Majapahit pun masuklah ia ke dalam kota Pasai, lalu ke dalam istananya Sultan Ahmad itu.

Maka terlalulah banyak mereka itu beroleh rampasan dan tawanan, tiada terkira-kira lagi banyaknya.

Hatta beberapa lamanya ia berhenti di negeri Pasai, maka segala lasykarnya dan segala rakyatnya pun makan minum bersuka-sukaan dalam negeri itu. Maka ada se pohon pauh di medan Pasai itu. Di sanalah sekalian lasykarnya itu menyandarkan tombaknya. Maka pohon pauh itu pun lalu bongkok daripada kebanyakan tombak sekalian mereka itu. Maka dinamai oleh orang datang sekarang tempat ini Padang Pauh Bongkok.

Setelah itu maka segala Jawa pun beberapa lamanya ia di Pasai, maka Senapati pun mengerahkan segala menteri, punggawa, dengan segala rakyat naik ke bahteranya. Masing-masing bermuat segala arta [*sic*] rampasan dan orang tawanan – terlalu banyak dimuatkannya – hingga saratlah segala kelengkapan itu seperti itik berenang di air; demikianlah rupanya (*R.67*: 127) segala kelengkapan. Maka sekaliannya pun berlayarlah kembali ke negerinya dengan kemenangannya; sepanjang laut dengan tempik soraknya. Hatta beberapa lamanya ia di laut, maka sampailah ia ke Jambi dan ke Palembang. Maka singgahlah ia di Jambi dan Palembang. Maka kedua buah negeri itu pun manunggal[400] dan berserah senjata.

Maka ta'aluklah kedua buah negeri itu ke Majapahit;[401] lalu naiklah sekalian mengadap Sang Nata dan Permaisuri. Maka Senapati pun bepersembahkan segala arta [*sic*] dan tawanan itu kepada Sang Nata, lalu ia berkhabarkan perang itu daripada permulaan datang kepada kesudahannya; (*M.18*: 71) akan hal negeri Pasai itu sudah alah dan rajanya pun sudah lari entah ke mana-mana perginya. Maka titah Sang Nata suruh bahagi tiga segala arta [*sic*] itu: sebahagi akan Sang Nata, dan sebahagi lagi akan Senapati dengan segala menteri punggawa; dan yang sebahagi lagi akan segala rakyat dan segala bala tenteranya.

Sebagai pula Senapati bepersembahkan paninggal[402] [ڤنڠڬل] negeri Jambi dan Palembang dengan segala senjatanya dan akan hal negeri yang dua buah itu, takluklah ia kepada Sang Nata. Maka titah Sang Nata akan segala tawanan orang Pasai itu, "Suruhlah ia duduk di tanah Jawa ini, mana kesukaan hatinya." Itulah (*R.67*: 128) sebabnya maka banyak keramat di tanah Jawa itu tatkala zaman Pasai alah oleh Majapahit. Demikianlah ceriteranya diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera ini.

379 Petikan dalam huruf condong di atas diambil daripada *Raffles Malay no. 67*: 120 dan *Malais no. 18 bis*: 66.

380 Kata /maksudku/ adalah menurut *Raffles Malay no. 67*: 121 dan *Malais no. 18 bis*: (67).

381 Inilah ayat terakhir pada kandungan *MS Or. 14350*. Selepas itu, bagi melengkapkan transliterasi kandungan *Hikayat Raja Pasai*, seluruh petikan sampai ke akhirnya telah diambil daripada *Raffles Malay no. 67*, mulai daripada hlm. 121 sampailah ke hlm. 141; petikan ini pun dibuat perbandingan dengan *Malais no. 18 bis*., bermula daripada hlm. 67 sampai 82.

382 Ungkapan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 121 dan *Malais no. 18 bis*: 67 di atas tiada terdapat di dalam transliterasi Hill (1960: 97) dan Russel Jones (1987: 64).

383 Ayat di atas telah tidak disalin oleh Jones (1987: 64) mungkin kerana ia kelihatan janggal.

384 /Sukar/ adalah varian bagi kata Parsi /*sakar*/. Juga boleh disebut /sikir/. Ertinya roti yang diperbuat daripada tepung yang paling baik dan dibakar dengan mentega dan gula. /Sakar/ juga bererti pembuat atau penjual wain yang diperbuat daripada buah tamar (Steingass 2012: 687-688).

385 Kata Kawi /bangsal/ bererti dipagari (Wojowasito 1977: 39).

386 Ungkapan Sanskrit /*Rana Sajana*/ bermaksud makhluk atau orang yang mendapat kebahagiaan. Kata Sanskrit /*rana*/ bererti kegembiraan, kebahagiaan (Macdonell 2000: 251).

387 /*Sa*/ dalam bahasa Sanskrit bererti mendapatkan, memperoleh (ibid: 324)

388 /*Jana*/ bererti makhluk, orang atau bangsa (Monier-Williams 1999: 410)

389 Dalam bahasa Aceh /*karat*/ membawa erti berikhtiar dengan sekuat tenaga, menyegerakan, mendesak (Aboe Bakar *et al.* 2001: 380).

390 "Majapahit" tidak dieja /m/e/n/j/a/p/a/h/i/t/ di dalam *Raffles Malay no. 67*: 122 dan *Malais no. 18 bis*: 67.

391 Ertinya ketua, orang besar kerajaan, atau pegawai tinggi (Aboe Bakar *et al.* 2001: 702).

392 Bukan *musta'ib* tetapi *musta'id*. *Musta'id* dalam bahasa Parsi bererti bersedia, diatur, dipersiapkan (Steingass 2012: 1231).

393 Ejaan Jawi yang dibaca oleh Hill ialah [ملڠبڠ]. Sesungguhnya dalam *Raffles Malay no. 67*: 122 dan *Malais No. 18 bis*: 68 ejaan Jawinya ialah [مالڠبڠ] /m/a/l/ŋ/b/ŋ/. Sebutan Melayunya /*melambang*/ iaitu sejenis perahu yang datar lunasnya. (St. Muhammad Zain 1960: 485)

394 /Kelulus/ ialah sejenis perahu perang (ibid: 353).

395 Kata Kawi /*anglaga*/ bererti berjuang melawan seseorang dalam peperangan (Zoetmulder 2000 (1) 555)

396 Hill (1960: 98) membacanya 'pangiran'.

397 Ertinya menyerang (St. Muhammad Zain 1960: 802).

398 /*Rawan[g]*/ bererti rawa, iaitu paya-paya atau danau kecil di tepi sungai atau pantai (Aboe Bakar *et al.* 2001: 783; cf. *Kamus Dewan* 2005: 1295). Tidak mungkin /*raweuen*/ yang bererti rawan yakni bingung atau bimbang (Aboe Bakar *et al.* 2001 784).

399 Erti /*pumatang*/ dalam bahasa Aceh ialah tambak (tanggul) kecil untuk menahan air antara petak sawah (Aboe Bakar *et al.* 2001: 750. Cf. *Kamus Dewan* 2005: 1600).

400 Kata Kawi /*manunggal*/ bererti menyendiri, menjadi satu (Zoetmulder (2) 2000: 1296 – 1297). Hill (1960: 100) membacanya 'menunggal'.

401 Entah sebab apa menurut transliterasi Jones (1987: 68) selepas /Majapahit/ dia membubuh tiga noktah, seolah-olah ada kata-kata yang tertinggal; padahal di dalam teks *Raffles Malay no. 67*: 127, tiada apa-apa yang tertinggal. Hill (1960: 100) pun telah terlebih dahulu berbuat demikian.

402 /*Paninggal*/ dalam bahasa Kawi merujuk kepada puak yang meninggalkan negerinya, atau pergi melarikan diri (Zoetmulder 2000 (2): 1258).

Bab 8

Kisah Penaklukan Pulau-Pulau Luar Jawa oleh Majapahit

Alkisah maka tersebutlah perkataan, selang beberapa lamanya Sang Nata memberi titah kepada Patih Gajah Mada dan Temenggung Macan Nagara dan Demang Singa Prakoasa[403] [فركواس] dan Senapati Anglaga [اڠلاڬ]. Maka titah Sang Nata, "Hai segala kamu menteri punggawaku, apa bicara kamu sekalian akan negeri dan teluk rantau dan tukang
[توكڠ][404] pulau sekalian yang belum takluk itu? Baiklah tuan-tuan sekalian datangi." Maka sembah segala menteri dan punggawa itu, "Patik sekalian junjung seperti titah Kang Sinuhun[405] itu". Maka Patih Gajah Mada pun berkerahlah akan segala hulubalang dan segala rakyat bala tentera; dan segala kelengkapan pun sudahlah musta'ib [*sic*] dengan segala alat senjatanya dan tunggul pawainya dan umbul-umbul[406] gembalanya. Setelah sudah, maka Patih Gajah Mada dan segala menteri punggawa pun masuklah ke paseban agung mengadap Sang Nata, lalu sekalian menyembah serta duduk. Maka Patih Gajah Mada pun berdatang sembah, "Ya, Tuanku, adapun titah Duli Tuanku itu sudahlah musta'ib [*sic*]. Adapun segala kelengkapan itu (*R.67*: 129; *M.18*: 72) enam ratus; dan segala punggawa yang besar, tiga orang Tuanku: pertama, Temenggung Macan Nagara, dan Demang Singa Prakoasa dan Senapati Anglaga [اڠلاڬ] itulah Tuanku. Lain pula daripada itu segala punggawa yang kecik-kecik [*sic*], seperti ngabehi[407] dan lurah[408], bekel[409] patinggi. Adapun rakyat bala tentera itu banyaknya tiga keti[410] Tuanku." Maka titah Sang Nata, "Sabarlah dahulu, kita menantikan ketika yag baik." Maka baginda pun menjamu segala menteri punggawa dan segala rakyat makan minum tujuh hari tujuh malam – bersuka-sukaan dengan segala bunyi-bunyian. Setelah sudah maka Sang Nata pun memberi persalinan akan segala menteri punggawa dan segala hulubalang dan rakyat sekalian, masing-masing pada kadarnya.Setelah sudah maka Sang Nata menugerah [*sic*] dadar[411][دادر] itu maka titah Sang Nata, "Hai segala kamu menteri punggawaku, hendaklah kamu taklukkan dahulu jajahan jajahan raja Hujung Tanah.[412]" Maka segala menteri punggawa hulubalang itu pun pamit[413] menyembah Sang Nata, lalu ia naik kelengkapannya masing-masing; lalu ia berlayar menuju negeri Hujung Tanah.

Setelah sampai kepada sekalian pulau dan tukang [*sic*] itu, maka sekaliannya habislah takluk dan memberi upeti [اڤتي]. (*R.67*: 130) Tambelan dan Siantan dan Jemaja dan Bunguran dan Sarasan an So'ubi
[سوءوبي] dan Pulau Laut dan Tioman dan Pulau Tinggi dan Pemanggilan; kemudian seperti Karimata dan Belitung dan Bangka dan Lingga dan Riau dan Bentan [بنتن] dan Bulang – sekaliannya itu takluk ke Majapahit.

Setelah itu maka lalulah kelengkapan itu ke tanah darat menaklukkan negeri Sambas dan Mempawah dan Sukadana. Maka lalulah ia ke Kota Waringin, kemudian lalulah ia ke Banjarmasin. Kemudian pula lalulah ia ke Pasir dan ke Kutai dan ke Brau [برو]. Maka sekalian negeri itu [pun] habislah takluk kepada zaman itu; takluklah ia ke Majapahit. Sekalian negeri itu memberi upeti kepada Ratu Majapahit; maka ada kira-kira dua musim angin. Setelah itu maka sekaliannya kelengkapan itu pun berlayar pula (*M.18*: 73) ia ke timur menuju Pulau

Bandan [بندان] dan Asiran [اسيرن *sic*, Seran/Seram] dan Karantoka [کرنتوک].[414] Maka sekalian tanah timur itu pun takluklah ia kepada Ratu Majapahit. Kepada zaman dahulu kala diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera sekaliannya itu memberi upeti [اڤتي] kepada Ratu Majapahit. Setelah itu maka kembalilah segala kelengkapan itu berlayar menyusur tanah Bima, Sumbawa dan (*R.67*: 131) Selaparang [سلڤارڠ],[415] dan Bali, Blambangan; sekaliannya itu habislah takluk.

Setelah beberapa lama antaranya maka sekalian kelengkapan itu pun sampailah ia ke Majapahit dengan kemenangannya. Maka segala menteri punggawa itu pun naiklah ia mengadap Sang Nata bepersembahkan segala kemenangannya seperti penunggul[416] [ڤنوڠݢل] dan upeti dan persembah sekalian negeri dan pulau dan tukang itu; terlalu sekali banyaknya, tiada terhisabkan pelbagai jenis warnanya; beberapa daripada emas dan perak dan *rial*[417] dan senjata dan pelbagai warna kain dan urung[418] [اورڠ] dan lilin dan sarang burung dan tikar rotan dan kajang; tiada lagi tepermanai banyaknya sekaliannya itu.

Maka titah Sang Nata, disuruh bahagi tiga juga; sebahagi akan Sang Nata, dan sebahagi akan [*Senapati dengan segala menteri punggawa dan sebahagi lagi akan*][419] segala rakyat dan bala tenteranya. Maka terlalulah masyhur ‘adil baginda serta dengan makmurnya negeri itu, terlalu sekali ramaimya. Gegak gempita dalam negeri; serta makanan pun terlalu makmur pada zaman itu; dan orang datang tiada lagi berkeputusan. Kepada tiap-tiap negeri yang takluk kepada baginda itu. segala jajahan yang di seberang lautan jangan dikata lagi. Yang di dalam sekalian (*R.67*: 132) tanah Jawa yang di pe[si]sir dari kulon sekulonnya dan dari wetan sewetannya, dan yang di darat sampai ke segara kidul sekaliannya datang mengadap Sang Nata dengan upetinya;[420] dan persembahnya datang dan yang dari timur pun datang dari Benua dan Seran [سيران] dan Karantoka [کرنتوک][421], masing-masing dengan persembahnya. Ada lilin, ada cendana [چندان], ada mesui[422] [مسوي], ada kayu manis ada pala dan cengkih – terlalu banyak bertimbun dan lagi beberapa daripada ‘ambar dan kasturi. Maka terlalulah ramainya negeri Majapahit itu – senantiasa dengan gendang gong dan joget[423] dengan pelbagai jenis segala bunyi-bunyian inger[424]-arangan[425] [اعرا ارڠن][426] dengan bunyinya (*M.18*: 74) dengan pelbagai warna permainan seperti wayang wong dan wayang kulit dan topeng dan joget tandak bedaya[427] dan jentera beksan[428] terlalulah sekali ramainya malam siang negeri Majapahit itu, dengan kesukaannya juga dan segala makanan terlalulah makmur dalam negeri itu karana orang datang sana-sini pun tiada lagi tepermanai banyaknya.

Setelah beberapa lamanya fikir Sang Nata ‘Semuanya negeri habis takluk melainkan Pulau Perca juga yang belum takluk. Baiklah aku menyuruh pulau Perca dengan sesuatu hikmat. (*R.67*: 133) Kusuruh mengadu kerbau.’

Maka ada seekor kerbau Sang Nata itu, besarnya seperti gajah tunggal dan tanduknya sebelah-sebelah panjang enam hasta dan pinggel[429] [ڤڠݢل] tanduknya besarnya empat pinggel lilit dan matanya merah seperti saga.

403 Daripada kata /*prakosa*/ yang dalam bahasa Kawi bermakna hebat, perkasa, keras, garang (Zoetmulder 2000 2000 (2): 840). Hill membacanya ‘perkasa’ (Hill 1960: 100).

404 *Tukang* dalam bahasa Sunda bererti belakang, yakni merujuk kepada tempat (Hardjadibrata 2003: 845).

405 Daripada frasa Kawi /*Ingkag sinuhun*/ yang bererti Paduka Yang Mulia atau Sri Baginda yang dijunjung tinggi. /*Sinuhun*/ bererti dijunjung tinggi (Prawiroatmodjo 1996:.694).

406 /*Umbul-umbul*/ bererti ular-ular, bendera yang panjang yang dinaikkan (St. Muhammad Zain 1960: 880. Cf Mardiwarsito 1981: 638)

407 /*Ngabehi*/ ialah kata Jawa Baru untuk gelar pegawai kerajaan (Prawiroatmodjo 1996: 413).

408 /*Lurah*/ ialah kata Krama yang bererti kepala desa (ibid: 318).

409 /*Běkěl*/ ialah kata Kawi yang bererti ketua, perwira (Zoetmulder 2000: 119). Jones membacanya 'bebekal' p.69.

410 Sepuluh laksa atau seratus ribu (St. Muhamamd Zain 1960: 375)

411 /*Dadar*/ dalam bahasa Kawi ialah pakaian (kain) yang dianugerahkan kepada para bangsawan atau pegawai istana (Zoetmulder 2000 (1): 185).

412 /Hujung Tanah/ merujuk kepada semenanjung Melayu.

413 Kata Jawa Baru /*pamit*/ (karma-ngoko) bererti bermohon diri, mohon izin akan pulang dan sebagainya (Prawiroatmodjo 1996: 545). Penggunaan kata ini satu indikasi bahawa bahagian ini di dalam *Hikayat Raja Pasai* telah ditulis terlebih kemudian, mungkin abad ke-16.

414 Menurut ejaan di dalam *Raffles Malay no. 67*: 130 dan *Malais no. 18 bis*: 73, ejaannya /k/r/n/t/w/k/ [كرنتوك]. Jones: (1987: 70) dengan mencontohi Winstedt (1917: 181) membacanya "Larantoka".

415 /Selaparang/ pada abad ke-13 adalah sebuah kerajaan di pulau Lombok, dalam wilayah Nusa Tenggara Barat. Ia kemudiannya ditakluki oleh Majapahit pada tahun 1357.

416 Bendera atau panji-panji (St. Muhammad Zain 1960: 870).

417 Kata /*rial*/ adalah dari bahasa Portugis. Ini adalah bukti nyata yang menunjukkan paling tidaknya bab kedelapan *HRP* ini ditulis setelah Portugis sampai ke Samudera-Pasai, bahkan mungkin ketika Portugis telah mendudukinya pada tahun 1521, iaitu sepuluh tahun selepas Melaka ditaklukinya.

418 /Urung/ dalam bahasa Jawa bermakna sarung bantal (Prawiroatmodjo 1996: 798)

419 Dalam kurungan adalah petikan daripada Jones (1987: 70).

420 Kata /*upeuti*/ dalam bahasa Aceh bererti penghasilan (Aboe Bakar *et al.* 2001: 1047).

421 Di dalam *Raffles Malay no. 67*, ejaanya pada hlm. 132 berubah menjadi /Larantoka/. Tetapi di dalam *Malais no. 28 bis*: 73 ejaannya tetap /Karantoka/.

422 /*Mesui*/ ialah rempah-rempah; ia juga merujuk kepada tumbuhan pokok yang kulitnya boleh dibuat ubat (Kamus Dewan 2005: 1028).

423 Daripada kata Jawa /*joged*/ yang bererti tari, tarian (Prawiroatmodjo 1996: 191).

424 Kata Kawi /*inger*/ bererti gerak, gerakan (Zoetmulder 2000: 389).

425 /*Arangan*/ bererti berjarak luas, jarang, langka, renggang (Zoetmulder 2000: 59).

426 Jones: (1987: 71) membaca kata ini /*angrarangin*/.

427 Joget "bedoyo" ialah sejenis tari di keraton Jawa (St. Muhammad Zain, 1960: 217).

428 /*Beksan*/ dalam bahasa Jawa bererti menari ikut musik (Wilkinson 1959 (1): 101).

429 Kata Kawi /*pinggěl*/ bererti gelang (Zoetmulder 2000 (2): 822).

Bab 9

Kisah Tentera Majapahit Alah di Pulau Perca

Alkisah maka tersebutlah perkataan Sang Nata menyuruh warga dalem[430] memanggil Patih Gajah Mada. Maka warga dalem pun turun lalu berjalan. Setelah sampai ke paseban agung maka Patih pun menunduk menyembah Sang Nata lalu ia duduk. Maka sirih pada jurung perak pun diangkat orang ke hadapan. Setelah sudah ia makan sirih, maka titah Sang Nata, "Hai Patih, apa bicaramu? Baiklah taklukkan negeri Pulau Perca kerana ia belum takluk. sekalian negeri habis sudah takluk. Maka sembah Patih, "*Anuhan kawula*[431] *saking*[432] kersa[433] Duli Tuanku." [Sekecil zarah dari hamba demi maksud Duli Tuanku]. Maka titah Sang Nata, "Bawalah suatu hikmat kerbauku yang besar itu. Adu dengan kerbau Patih Suwatang. Apabila ia alah maka taklukkanlah olehmu sekali. Apabila kita alah maka kembali engkau segera-segera." Maka Patih Gajah Mada (*R.67*: 134) pun menyembah lalu keluar mengerahkan segala menteri dan punggawa dan segala rakyat bala tenteranya berlengkap. Setelah sudah lengkap maka sekaliannya pun naiklah ke atas kelengkapannya dengan segala alat senjatanya. Adapun banyaknya segala kelengkapan itu lima ratus, dan punggawa yang pergi itu punggawa yang tiga itu juga, dan beberapa punggawa yang kecik-kecik (*M.18*: 75) seperti Ngabehi dan Arya Lurah dan Pembekel,[434] Patinggi,[435] Kabayan[436] dan segala rakyat dua keti.[437] Maka Sang Nata pun memberi persalin segala punggawa dan memberi dadar[438] akan segala rakyat serta diperjamunya makan minum tiga hari tiga malam. Setelah datanglah pada ketika yang baik, maka segala punggawa menteri pun menyembah Sang Nata dan bermohon kepada Patih Gajah Mada lalu ia naik kelengkapannya masing-masimg lalu berlayar menuju negeri Jambi.

Beberapa lamanya ia di laut maka sampailah ia ke Jambi. Setelah itu lalu ia mudik ke hulu Jambi. Setelah sampai ke hulu Jambi lalu ia naik ke darat ke Periangan. Maka terdengarlah khabar itu kepada Patih Suwatang [سواتڠ].[439] Maka Patih Suwatang pun mengimpunkan [*sic*] segala hulubalang dan ra'ayat akan mengalukan-halukan orang Jawa itu. Maka (*R.67*: 135) segala punggawa itu pun sampailah ia ke Periangan. Maka berehatlah, berhentilah di sana berbuat pasanggerahan[440] [فسڠ کراهن].
Setelah sudah maka ia menyuruh kepada Patih Suwatang seorang punggawa memberi tahu ia hendak mengadu kerbau. Maka sampailah punggawa itu kepada Patih Suwatang. Maka Patih Suwatang pun segeralah memberi hormat akan punggawa itu, menyuruh duduk. Maka punggawa itu pun duduklah dengan takzimnya lalu ia menyampaikan pesan punggawa yang besar itu hendak mengadu kerbau itu. Maka jawab Patih Suwatang, "Baiklah, hamba minta janji tujuh hari karana hamba lagi mencari kerbau akan melawan kerbau Sang Nata itu." Maka punggawa itu pun kembalilah ia menyampaikan kata Patih Suwatang itu kepada menteri yang tiga itu.

Setelah itu maka tersebutlah perkataan Patih Suwatang dengan Patih Ketemenggungan mengambil anak kerbau yang baik lagi sasa[441] rupanya. Setelah sampai pada lima hari maka medan Periangan pun diperbaiki orang. Maka anak kerbau itu pun dikurungnya, tiada diberinya menyusu. Setelah genap tujuh hari maka segala rakyat pun bersaf-saflah di medan

daripada kedua pihak itu. Maka punggawa yang tiga itu pun (*R.67*: 136) berjanjilah ia dengan Patih Suwatang dan Patih (*M.18*: 76) Ketemenggungan.

Adapun janjinya "jikalau kerbau Sang Nata Majapahit alah, kami [كام] sekalian orang Jawa memakai kain cara perempuan sampai ke mata kaki dan jikalau kerbau tuan-tuan alah hendaklah tuan-tuan takluk kepada Sang Nata Majapahit". Maka sahut Patih Suwatang, "Baiklah". Maka dilepaskannya kerbaunya oleh orang Majapahit. Maka kerbau itu pun seperti singa mencari lawannya. Maka kerbau itu pun bermainlah di medan. Maka anak kerbau itu pun dilepaskan oleh Patih Suwatang. Maka ia pun sangatlah lapar dahaga, lalu ia menyerbu seperti kilat menyusup ke kerampang kerbau besar itu mengisap buah pelir kerbau besar itu; tiada lagi dilepasnya. Maka kerbau besar itu pun terpusing-pusing, tiada lagi ia berdaya hendak menanduk; sukar karana di bawah ke kerampangnya. Maka ia lari ke sana ke mari; itu pun tiada juga dilepaskannya buah pelirnya oleh anak kerbau itu. Maka kerbau besar itu pun menjerit-jerit mengguling-gulingkan dirinya. Maka alahlah kerbau Ratu Majapahit itu. Maka sorak orang pun gemuruh seperti tagar. Maka punggawa yang tiga orang itu pun kemalu-maluan, lalu ia hendak kembali. Maka kata Patih (*R.67*: 137) Suwatang dan Patih Ketemenggungan, "Ya, saudara hamba punggawa Sang Nata, berhenti apalah tuan hamba dahulu barang dua hari, karana hamba hendak bersuka-sukaan dengan tuan-tuan hamba tanda kita muafakat. Hamba hendak makan minum dengan tuan-tuan sekalian." Maka kata punggawa itu, "Baiklah. Jikalau tuan suka hamba berhenti". Maka Patih Suwatang pun membunuh beberapa ratus kerbau, lembu, kambing, itik, hayam [*sic*], akan tambul. Maka makan minum itu dan beberapa ratus tepayan [*sic*] giling[442] dan beram[443] tampai [تمفي *sic*, tapai]. Maka diisinya kepada buluh talang[444] segala minuman itu seruas-seruas buluh serta dipancungnya tajam-tajam hujungnya. Adalah banyaknya itu beribu-ribu minuman itu. Setelah sudah lengkap maka kata Patih Suwatang pada segala hulubalangnya dan segala rakyatnya, "Hai tuan-tuan sekalian, setelah sudah *jamèe* kita makan, maka tuan tatang minuman pada buluh talang itu, suatu seorang – lalu tuan-tuan tuangkan (*M.18*: 77) pada mulutnya sama-sama seorang-seorang. Setelah ia bernganga lalu tuan-tuan sama-sama meradakkan 'alamatnya. Apabila tabuh berbunyi hendaklah sama-sama meradakkan supaya habis mereka itu mati."

Setelah sudah ia berwa'ad[445] itu maka Patih Suwatang itu pun, seorang hulubalangnya (*R.67*: 138) disuruhnya memberi tahu segala punggawa Jawa itu, suruh duduk bersaf-saf di padang hampir negeri Periangan itu. Setelah sudah ia duduk beratur maka segala air dan hidangan pun diangkat oranglah ke hadapan segala punggawa itu dan segala menteri dan segala rakyat. Maka kata Patih Suwatang, "Santaplah segala kiyai-kiyai akan jamu hamba orang Pulau Perca, tiada dengan sepertinya". Maka kata segala punggawa itu, "Menerima kasihlah hamba sekalian akan kasih tuan-tuan sekalian." Maka makanlah sekalian itu masing-masing pada hidangannya. Setelah sudah ia makan maka berdirilah segala hulubalang dan rakyat membawa minuman itu – seruas seorang buluh talang itu, lalu ia hampirlah pada seorang-seorang. Maka hendak disambutnya oleh orang Jawa itu, tiada diberinya oleh segala rakyat Pulau Perca itu. Katanya, "Tiada demikian 'adat kami, melainkan kami juga menuangkan dia kepada mulut tuan-tuan akan memberi hormat *jamèe*[446] [جامو *sic*] kami itu." Maka sekaliannya pun berngangalah. Maka tabuh pun berbunyi. Maka sekaliannya pun menuangkan, lalu meradakkan ke kerongkongannya. Maka setengah mereka itu habislah mati dan setengah mereka itu lari. Maka dalam padang itu (*R.67*: 139) beberapa banyaknya pohon bengkudu habis condong ke timur daripada dilanggar oleh segala rakyat itu lari. Sampai sekarang condong juga bengkudu itu semuanya. Jikalau tambah anaknya pun condong juga ia ke timur.

Maka mayat segala Jawa itu pun busuklah kepada padang itu. Maka dinamainya tempat itu Padang Sibusuk datang sekarang dan tempat mengadu kerbau itu dinamainya negeri itu Menangkabau datang sekarang. Maka segala rakyat yang lari itu pun pulanglah ia ke Majapahit dengan masyghulnya[447] dan percintaannya. Maka keluarlah ia dari Jambi lalu ia berlayar menuju negerinya. Bebebrapa lamanya ia di laut maka sampailah ia ke Majapahit, lalu naik ke darat sekaliannya mengadap Sang Nata serta bepersembahkan peri jalannya daripada permulaannya kepada kesudahannya. "Demikianlah Tuanku akan halnya itu."

Maka Sang Nata pun tiada terkata-kata lagi; terlalu amat sangat masyghulnya akan segala punggawanya dan menteri baginda yang besar-besar itu yang diharapkannya. Demikianlah diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera (*R.67*: 140) ini. Tamat hikayat Raja Pasai; selamat sempurna yang membaca dia dan segala yang menengarkan [*sic*] dia. Istimewa yang menyuratkan dia dipeliharakan Allah Subhanahu wa T'a'ala apalah kiranya dari dunia datang ke akhirat berkat syafa'at Nabi Muhammad Mustafa Salal'Lahu alayhi wassalam. Tamat hari Ithnin kepada hari dua puluh satu kepada bulan Muharram Sanah Zay Hijratul Nabi 1235 [١٢٣٥].[448]

Bahawa ini negeri yang tersebut kepada Hikayat Pasai segalanya

1. Negeri Pasai, rajanya bernama Ahmad
2. Negeri di balik [balok] rimba
3. Negeri Samarlanga
4. Negeri Bireuen [براوان]
5. Negeri Simpang di hulu Sungai
6. Negeri Buluh Talang, ratu Megat Sekandar
7. Negeri Benua, raja namanya Sultan Malik ul-Nasir
8. Negeri Barus
9. Negeri Samudera, raja Mĕurah Silo
10. Negeri Ma'iri [*sic*, Mengiri], raja bernama Sultan Muhammad
11. Negeri Puerlak, bernama Sultan
12. Negeri Jambu Air
13. Negeri Ram Gandhi
14. Negeri Tukas
15. Negeri Pekan, ratunya bernama Tun Beraim

Bahawa ini negeri yang takluk kepada ratu negeri Majapahit kapada zaman pecahnya negeri Pasai; ratunya bernama Ahmad

1. Negeri Tambelan
2. Negeri Sia[n]tan
3. Negeri Jemaja
4. Negeri Bunguran
5. Negeri Serasan
6. Negeri Su'ubi [سوعوبي]
7. Negeri Pulau Laut
8. Negeri Tioman
9. Negeri Pulau Tinggi
10. Negeri Pemanggilan Karimata
11. Negeri Belitung
12. Negeri Bangka

13. Negeri Lingga
14. Negeri Riau
15. Negeri Bentan
16. Negeri Bulang
17. Negeri Sambas
18. Negeri Mempawah
19. Negeri Sukadana
20. Negeri Kota Waringin
21. Negeri Banjarmasin
22. Negeri Pasir
23. Negeri Kutai
24. Negeri Berau
25. Negeri Jambi
26. Negeri Palembang
27. Negeri Hujung Tanah

Bahawa ini negeri bawah Timur
28. Negeri Bandan
29. Negeri Bima
30. Negeri Sumbawa
31. Negeri Selaparang
32. Negeri Seran [Seram]
33. Negeri Karantoka
34. Negeri Bali
35. Negeri Blambangan

430 *Dalem* ialah bahagian dalam keraton (Zoetmulder 2000 (1): 189).
431 /*Kawula*/ bererti hamba, budak belian, pelayan (Wojowasito 1977: 133).
432 /*Saking*/ bermakna kerana, atau dari (ibid 232).
433 Kata Krama Inggil /karsa/ atau /kersa/ memberi makna maksud, suka atau mahu (Prawiroatmodjo 1996: 210).
434 /*bekel*/ bererti perwira, ketua, pemimpin kelompok (Zoetmulder 2000 (1); 119).
435 Dalam bahasa Jawa Baru /*patinggi*/ bererti ketua desa (Prawiroatmodjo 1996: 568).
436 Kata Kawi /*kabayan*/ bererti ketua, kepala (Zoetmulder 2000 (1): 434).
437 Satu /*keti*/ sama dengan 100,000 (Wojowasito, 1977: 137).
438 Kata /*dadar*/ bererti pemberian makanan kepada puak yang miskin. "Mendadar" ertinya menjamu kepada yang miskin (Wilkinson 1959 (1): 245).
439 Dalam bahasa Kawi *su* bermakna baik; lebih. Manakala *watang* bererti *watang* bererti batang; tombak (Wojowasito 1977: 249 and 298).
440 Kata Jawa Baru yang bermakna tempat atau rumah rehat (Prawiroatmodjo 1996: 564).
441 Kata /sasa/ bererti kuat (seperti anak kerbau kuat menyusu) (St. Muhammad Zain 1960: 673).
442 Bukan /kilang/ seperti yang dibaca oleh Jones (1987: 74)
443 /*Beram*/ ialah arak yang dibuat daripada beras seperti tapai (Wilkinson 1959 (1): 124).
444 Buluh jenis tipis yang biasa digunakan sebagai pemasak lemang ataupun dianyam untuk membuat dinding (St. Muhammad Zain (1960: 794).
445 Kata Parsi wa'ad [وعد] bererti janji, perjanjian yang bersunggih-sungguh, menagih janji, bersetuju (Steingass 2012: 1473).
446 Ejaan Jawi kata Aceh /*jamèe*/ yang bererti "tamu" (Aboe Bakar *et al.* 2001: 325) seharusnya dieja /j/a/m/ [جام] seperti di tempat lain di dalam teks. Bacaan /jamu/ oleh Mead (1914: 53) Jones (1987: 74), dan Hill (1960: 105) serta para pentransliterasi lain, saya fikir, adalah salah.
447 Masyghul [مشغول] kata Arab yang bererti berasa dukacita kerana sesuatu, murung, sedih
448 Tarikh ini menurut bacaan Jones dan Hill ialah 1230 H. Tetapi baik tarikh 21 Muharram 1230 (atau 3 Januari 1815) mahupun 21 Muharram 1235 (atau 9 November 1819) (mengikut naskhah berbentuk salinan) tidaklah

jatuh pada hari Isnin, sebaliknya hari Selasa. Oleh kerana penyalin mengatakan tahun HIjrahnya bersamaan tahun Zay, maka berertilah naskhah ini siap disalin pada tahun 1235 H.

Glosari

ahmak / ahmaq (Par.)	bodoh, tolol, paling bodoh, kekok
amir (Par.)	orang yang memberi perintah
adzmat (Ar.)	gempita bunyi yang menakutkan
arok / harok (Ach.)	bergelora atau huru-hara, atau marah
baba (Par.)	seorang bapa. Juga bermakna layak, sesuai, patut disanjung
bahana (Par.)	sifat suka berpura-pura, mencari dalih, mencari helah
bajèe (Ach.)	baju
bandahri /bandari (Ach.)	juru masak raja
barr (Par.)	baik, suka berbuat amal kebajikan, adil, warak, lurus
berdempok (Mel.)	tertumbuk kepada sesuatu seperti perahu berdempok
cengkurai atau cengkuri (Mel.)	sejenis kain sutera yang juga dikenali orang sebagai "kain cindai"
dahsyat (Ar./Par.)	takut, cemas, terkejut, bingung, menakjubkan, kagum, penuh kehairanan, takjub
ḍaif (Par.)	lemah, tak berdaya, penakut, tidak bermaya
ḍarb (Par.)	pukulan, bantaian
daula (Par.)	ribut, bulatan, penuh muslihat, penipuan
dhikkara (Sansk.)	ejekan, celaan atau mengutuk: penghinaan
dilkhana (Par.)	rumah daripada batang. Kata Parsi "*dil*" bererti batang pokok, bahagian dalam pokok; "*khana*" pula bererti rumah
dola (Par.)	kendi, timba
fana (Ar./Par.)	seketika, sekejap, sementara
fani (Par.)	dalam bahasa Sufi ia bererti dalam keadaan penghapusan, pelenyapan
faqir (Par.)	sesorang yang yang bergantung kepada sedekah, seorang derwish,
fi (atau fai)	mengenai, tiba-tiba, bersama-sama, pernah
fidyah(Ar./Par.)	denda atau ganti rugi yang mesti dibayar
ganggang (Ach)	seerti dengan /raksi/ iaitu bermakna mengharumkan atau mewangikan sesuatu (mengasapi) dengan kemenyan; juga bererti ilmu pengasih (seperti peluh seorang

	gadis dicampurkan di dalam makanan dan diberikan kepada pemuda yang dicintainya
ghalab (Par.)	menguasai, menang, mengatasi
haḍrat (Ar.)	haḍir, kehaḍiran, menetap
hanah/hanan (Par. & Arab)	makmur
hasm (Ar.)	pedang yang memotong
isyarah atau isyara (Par.)	menunjuk, memberi isyarat dengan tangan atau mata; memberi petunjuk, tanda atau alamat, memberi bayangan
jogi (Par.)	seorang India yang hidup bergantung pada sedekah seperti yang diamalkan oleh sami Buddhist dan Hindu
kalupa (Ach.)	sudah lupa
karar (Par.)	tetap
karat (Ach.)	berikhtiar dengan sekuat tenaga, menyegerakan, mendesak
ketah (Ach.)	betapa gerangan, bagaimanakah, betapatah, apatah, gerangan apatah, manatah, siapatah
khalambak (Par.)	kayu wangian, gaharu
khand[a] (Par.)	senyum, gelak, ketawa
Khanjar (Par.)	pisau belati, atau pedang buatan India
kurat (Par.)	glob atau sfera
lampu (Ach.)	melindungi atau mengepung
maghrur (Par.)	angkuh, sombong
makir (atau makar) saḥr (Par.)	muslihat, penipuan, mempesona, tipu muslihat yang curang, memperdayakan, sihir.
maqam (Par.)	tempat, istirehat
marhum (Par.)	dikasihani; mencari belas kasihan
mawaddah (Par.)	ramah, mesra
mengherip (Mel.)	menjerit
mu'alak [mu'allaq, Par.]	tergantung atau gantung terjuntai
mudam (Par.)	berterusan, selama-lamanya
muhtasyam (Par.)	sangat kuat; sangat berkuasa
muṣalahat (Par.)	berdamai, aman, menenang

musaqatat (Par.)	menjadi berkurang, tak bermaya, menyebabkan jatuh
musta'id (Par.)	bersedia
muwalat (Par.)	kesinambungan, berikutan tanpa putus, kasih sayang, kuasa naungan
orang seuraya/sraya (Ach.)	orang yang bantuannya dipinta agar berbuat sesuatu secara gotong royong, yakni tanpa upah dan hanya memadai dengan pemberian makanan sahaja
prastawa (Sansk.)	memperkenalkan tajuk, prolog, peluang, kebetulan, permulaan, masa berlakunya sesuatu
priya (Sansk.)	yang dikasihi, disukai, kekasih
qaul (Par.)	perkataan, kenyataan,cakap-cakap
ram gandhi (Sansk.)	tempat rehat yang wangi
rawaeun (Ach.)	rawan, menaruh rasa bimbang, bingung
safir (Par.)	membuka tudung (perempuan), menyerlahkan cahaya
saf (Par.)	suci, jernih, kain wol, kain yang digunakan untuk menapis
saff (Par.)	disusun mengikut barisan
saḥr atau siḥr (Par.)	menipu. menggoda, memukau
sahwat (Par.)	batu yang besar
sakar (Par.)	roti yang dibuat daripada tepung yang paling halus dan dibakar dengan dibubuh mentega dan gula. /*Sakar*/ juga boleh membawa makna arang yang membakar, batu api. Kata Parsi /*sakkar*/ [سكار] pula bererti pembuat atau penjual wain yang dibuat daripada tamar
ṣalāḥ/ [صالح] (Par.)	sifat lurus, kejujuran
sialèe (Ach.)	sejenis pohon sukun
sialèe-alèe (Ach.)	sejenis ulat atau hama padi
sumpueng/seumpeueng (Ach.)	tumbuhan menjalar yang banyak tumbuh di sawah.
suwasa (Sansk.)	sama mendiami atau bertempat tinggal yang sama; berintegrasi
takiah (Par.)	tempat istirahat, ruang kecil, bantal, sebarang tempat bersandar
ṭabal / (Par.)	tambur, menggendangkan, pukulan tambur sebagai isyarat
tahir (Par.)	jelas, terang, murni, bersih, hati yang murni
talak (Ach.)	lebih daripada kenyang, pemberian berlebih-lebih, menjamu dengan sepuas-puasnya
taqsir (Par.)	lemah
tarom/ (atau tarum)	bengkarung, tumbuhan yang menghasilkan warna nila; juga bermakna "kadal"

(Ach.)	iaitu seperti / tarom tanah yang berwarna cokelat tanah / yang bererti kadal
teulangké atau *seulangke* (Ach.)	orang pengantara dalam suatu perkahwinan
wa'ad (Ar.)	janji

-

Bibliografi

Manuskrip

Or. 14350 Hikayat Raja Pasai, 1797. British Library.

Raffles Malay no. 67, Hikayat Raja Pasai, 1819. (salinan mikrofilm, Universiti Malaya) (1971)

Malais no. 18 bis. Hikayat Raja-Raja Pasai. Histoire der Rois de Pasey.

Or. 16214 Naskhah *Sejarah Melayu* milik Sultan Abdul Rahman Syah Lingga. British Library.

Or. 14734 Naskhah *Sejarah Melayu* bertarikh 1289 H. (1873) yang disalin di Melaka.

Kamus

Aboe Bakar *et al.*, 2001. *Kamus Bahasa Aceh-Indonesia*, Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional, Jakarta: Balai Pustaka.

Cowan, J. M. (Editor), 1993. *Arabic-English Dictionary. The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*, 4th edition, Ithaca, New York.

Hardjadibrata, R. R., 2003. *Sundanese-English Dictionary*, Jakarta Pustaka Jaya.

Johns, A, H. & D. J. Prentice (Editors in Chief), 2002. *Kamus Inggeris Melayu Dewan. An English Malay Dictionary*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Madina, Maan Z., 2007. *Arabic-English Dictionary of the Modern Literary Language*, Shah Alam: Pustaka Darussalam.

Macdonell, Arthur Anthony, 2000 (1924). *A Practical Sanskrit Dictionary with transliteration, accentuation, and etymological analysis throughout*, Oxford: Oxford University Press.

Mardiwarsito, L., 1981. *Kamus Jawa Kuna-Indonesia.* Ende. Flores: Penerbit Nusa Indah.

Monier-Williams, Sir, 1999. (Edisi Ketiga), *Sanskrit-English Dictionary*, New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pte. Ltd.

Muhammad Zain, Soetan, 1960. *Kamus Moderen BAHASA INDONESIA*, Jakarta: Penerbit Grafica.

Prawiroatmodjo, S., 1996. *Bausastra (Kamus) Jawa-Indonesia*, Jakarta: PT Toko Gunung Agung.

Sidang Editor, 2005. *Kamus Dewan*, (Edisi Keempat), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Steingass, F., 2012. *A Comprehensive Persian-English Dictionary*, Springfiled, VA: Nataraj Books.

Wilkinson, R. J. 1959. *A Malay-English Dictionary*, 2 jilid, London: Macmillan.

Wojowasito, S., 1977, Malang: Penerbit C.V. Pengarang.

Zoetmulder, P. J., 2000. *Kamus Jawa Kuna-Indonesia*, (2 jilid), Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama & Perwakilan KITLV.

Sumber internet

Wade, Geoff (2005), "Southeast Asia in the Ming Shi-lu: an open access resource", Singapore: Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore, http://www.epress.nus.edu.sg/msl/entry/year-

http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/1

https://steemit.com/steemit/@auzifalevi/history-of-samudera-pasai-sultanate.

http://beutel.narod.ru/write/yusuf.htm.

https://www.islamicity.org/hijri-gregorian-converter/#

https://www.searchtruth.com/hijri

(https://www.vcoins.com/en/stores/david_l_tranbarger_rare_coins-159/ancient-coins/Default.aspx?)

https://www.linktoislam.net/islamic-calendar/hijri-date-converter/

Calendar Converter www.math.harvard.edu/computing/javascript/Calendar/

(https://www.academia.edu/8738904/On_the_Origin_of_Two_Manuscripts_of_HIKAYAT_RAJA_PASAI). Diakses pada 20 Februari 2018.

Buku dan Makalah

Ahmat Adam, 2009. *Letters of Sincerity. The Raffles Collection of Malay Letters (1780 -1824: A descriptive account with notes and translation*, Kuala Lumpur: MBRAS.

———, 2016. *Sulalat u's-Salatin*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

———, 2016. *Antara Sejarah dan Mitos. Sejarah Melayu dan Hang Tuah dalam Historografi Malaysia*, Petaling Jaya: SIRD.

———, 2017. *The New & Correct Date of the Terengganu Inscription*, Petaling Jaya: SIRD.

———, 2018. *Hikayat Hang Tuha (Atau Hikayat Hang Tua)*, Petaling Jaya: SIRD.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 2011. *Historical Fact and Fiction*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.

Al-Quranulkarim, (Syamil Al-Quran) terjemahan 2007. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.

Dulaurier, Edouard. *Collection des Principales Chroniques Malayes. Premier Fascicule La Chronique du Royaume de Pasey*. Paris, 1849.

Frazer, J. G., 1911. *The Golden Bough. A Study of Magic and Religion. Part II Taboo and the Perils of the Soul* (Third Edition), London: Macmillan and Co. Ltd, St.Martin's Street.

Gerini, G. E., 1909. *Researches of Ptolemy's Geography of Eastern Asia (Further India and Indo-Malay Atchipelago)*, London: Royal Asiatc Socuety & Royal Geographical Society.

Gibb, H. A. R. (Pent.), 1929. *Ibn Battuta Travels in Asia and Africa*, London: George Routledge& Sons, Ltd.

Griffith, Ralph T. H., 1882. *Yusuf and Zulaikha A Poem by Jami* (terjemahan dari bahasa Parsi ke puisi bahasa Inggeris), London: Trubner & Co., Ludgate Hill.

Groeneveldt, W. P., 1960. *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled from Chinese Sources*, Jakarta: Bharata Publisher.

Hill, A. H. 1960. "Hikayat Raja-Raja Pasai", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal siatic Society*, vol. xxxiii (Part 2).

Hirth, Friederich and W. W. Rockhill (pent.), 1911. *Chau Ju-Kua: His work on the Chinese and Arab Trade in the twelfth and thirteenth Centuries, entitled Chu-fan-chi*, St. Petersburg: Imperial Academy of Sciences.

Iankovskaia, Aglaia, 2017. "At the Edge of the World of Islam: Maritime Southeast Asia in the Eyes of Ibn Battuta" (*M. A. Tesis in Medieval Studies*), Budapest: Central European University.

Ibrahim Alfian, Teuku, 1973. *Kronika Pasai. Sebuah tinjauan sejarah*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

———, 1979. *Mata Uang Emas Kerajaan-Kerajaan di Aceh*, Seri Penerbitan Museum Negeri Aceh 3, Proyek Rehabilitasi dan Perluasan Museum

McKinnon, E. Edwards, 2011. "Continuity and Change In South Indian Involvement in Northern Sumatra: the Inferences of Achaeological Evidence from Kota Cina and Lamreh", *Early Interactions Between South and Southeast Asia: Reflections on Cross-Cultural Exchange* (Edited by Pierre-Yves Manguin, A. Mani, Geoff Wade), Singapore: ISEAS.

Iskandar, T. 1996. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Jakarta: Penerbit Libra.

———, 2001. *Hikayat Aceh*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Kratz, E. U., 1989. "*Hikayat Raja Pasai*: A Second Manuscript", *Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, vol. 62 (Part 1).

Lee, Rev. Samuel, 1829 (penterj.) *Ibn Battutah, The Travels of Muhammad Ibn Abdullah called Ibn Battutah*, London.

Leyten, J., 2006. "A Catalogue of the Gold Coins of Samudera-Pasai and Aceh. Their Origin, Name and Weight in a Historical Context". https://www.academia.edu/31132577/

MacKinnon, Edwards, 1996. "Ceramics, Cloth, Iron, and Salt: Coastal Hinterland Interaction in the Karo Region of Northeastern Sumatra" in Dominik Bonatz (ed.), 2009. *From Distant Tales: Archaeology and Ethnohistory in the Highlands of Sumatra*, Cambridge Scholars Publisher.

Mead, J. P., 1914. "A Romanized Version of the Hikayat Raja-raja Pasai", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 66.

Merguerian, Gayane Karen and Afsaneh Najmabadi, 1997. Zulaykha and Yusuf: Whose "Best Story"?, *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 29, No. 4 (November). http://www.jstor,org/stable/164399. Diakses pada 28 Januari 2019.

Noorduyn, J. 1978. "Majapahit in the Fifteenth Century", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, Deel 124 (2e en 3e Aflevering), 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.

Proudfoot, Ian, 2006. *Old Muslim Calendars of Southeast Asia*, Leiden: Koninklijk Brill NV.

Roolvink, R. 1954. “Hikayat Raja-raja Pasai”, *Bahasa dan Budaya*, 2, (3).

Schimmel, Annemarie, 1993. *The Mystery of Numbers*, New York: Oxford University Press.

Skeat, Walter William, 1967 [1900]. *Malay Magic. Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*, New York: Dover Publications, Inc.

Slamet Muljana, 1981. *Kuntala, Srwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta: Yayasan Idayu.

Sweeney, P. L. Amin, 1967. “The Connection between the Hikayat Raja2 Pasai and the Sejarah Melayu”, *JMBRAS* Vol. 40, no. 2 (212).

Taqiyuddin Muhammad, “Naskah Surat Sultan Zainal ‘Abidin (Wafat 923 H./1518 M. [*sic*]) di dalam *Al-Misykah*, Berita Kebudayaan Islam Asia Tenggara, 1 Muharram 1435H. (misykah.com/naskah-surat-sultan-zainal-abidin-wafat-923-h1518-m-2/).

Tylor, Edward B., 1920. *Primitve Culture. Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art, and Custom* (2 Jilid), London John Murray, Albemarle Street, W.


Wicks, Robert S., 1992. *Money, Markets & Trade in Early Southeast Asia, the evelopment of indigenous monetary systems to AD 1400.* Ithaca: SEAP. Cornell.

Winstedt, R. O., 1938. “The Chronicles of Pasai”, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Singapore: Printers Ltd.

———, 1917. “Place-Names in the Hikayat Pasai”, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, no. 77.

Yule, Henry (ed. & penterj.), 1866. *Cathay and the Way Thither; Being a Collection of Medieval Notices of China*, London: Hakluyt Society.

Latar Diri Pengkaji Teks



Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmat Adam, pada usia 78 tahun, adalah seorang sejarawan yang sampai kini masih giat menulis dan membicarakan tentang sejarah tanah air. Anak kelahiran kampung Selandar, Melaka ini telah menghasilkan tidak kurang daripada 16 buah buku bersifat ilmiah yang mencakupi sejarah wilayah Indonesia dan Malaysia. Dengan berlatar belakangkan pendidikan sekolah Melayu yang diterimanya antara 1947 dan 1951, disusuli dengan pendidikan sekolah Inggeris pada tahun 1952 dan masa selepasnya, beliau bukan sahaja menjadi sangat selesa dalam penggunaan kedua-dua bahasa, tetapi juga menguasai tulisan Jawi lama yang dipelajarinya ketika di sekolah Melayu.

Pendidikan pasca menengah Ahmat Adam berupa dua tahun pengajian di Maktab Perguruan Bahasa (1961-1962), setahun di Maktab Perguruan Ilmu Khas (1965, dalam bidang Seni Lukis), dan tiga tahun di Universiti Malaya (1967-1970) dalam bidang pengajian Melayu dan Sejarah. Ketika berada di Universiti Malayalah beliau berkesempatan belajar bahasa dan kesusasteraan Sanskrit, yang ternyata sangat memberi manfaat pada usia tuanya untuk secara serius mengkaji manuskrip Melayu dan sastera sejarah orang Melayu.

Kendati demikian, peluang terawal untuk beliau mengkaji manuskrip Melayu bertulisan Jawi, sebetulnya bermula ketika beliau menuntut di School of Oriental & African Studies, Universiti London (1970 – 1975). Pada tahun 1970 – 1971 beliau telah berpeluang membaca warkah raja-raja Melayu dari wilayah Semenanjung, Johor-Riau-Lingga, Sumatera, Kalimantan, Jawa dan Bali yang dikirim kepada Stamford Raffles pada awal abad ke-19. Kajian ini kemudiannya telah diselesaikan pada tahun 1971 sebagai sebuah tesis untuk ijazah Master of Arts beliau dalam jurusan sejarah.

Sehingga kini, Prof. Datuk Dr. Ahmat Adam telah berhasil menerbitkan empat buah karya penting, yang masing-masing berjudul *Sulalat u's-Salatin* (2016), *The Terengganu Inscription* (2017), *Hikayat Hang Tuha (atau Hikayat Hang Tua)* 2018 dan terbaru, *Hikayat Raja Pasai* (2019).

-

Indeks

Abu'l Faḍil, 17, 87, 90, 106
Abu Sai-yi-de, 25
Ahmad, Raja, 13, 16, 17, 30, 41, 42, 45-50
angka, xx, xxi, xxvi, xxviii, 3, 39, 40
angkola, 21
asap emas, 70

Baba Mentuha, 90, 91, 106
Bar Mamat, xiii, 37, 93, 97, 101, 102, 106-109, 112, 114
Barang Laksamana, 76-78
Barus, 59, 64, 70, 141
Benua/*Beunua*, xi, 48, 58
Bujangga Baju Raya, 92
Bukit Faḍul Allah, 108-10, 115, 117, 118
Buluh Talang, 56, 139-41

Dara Zulaikha Tangkap, 35, 96, 98, 100, 105, 125
dirham, 5, 6, 8, 9, 16, 69, 71
Dola Laut, 78

Gunung Telawas, 58

Hubungan Samudera-Pasai dengan China, 18, 27, 28
Hujung Tanah, 134
Hulu Gerang, 55

Ibrahim Khalil, 64
Islam, xix-xxii, 2, 3, 8, 13, 14, 16, 19, 29-35, 38, 41, 61-63, 65, 87

Jambi, 131, 138, 141
Jogi', 87
Jruen, xi, 14, 16, 24, 30, 57-60

Keling, 69, 70, 86-89, 91-95, 101-104, 108, 110, 118, 130
Khalifah Syarif, 60, 61, 64
Kota Waringin, 134
Kumot, 59

Laut Jambu Air, 125, 126
La-zha-Jia-na-yin, 23
Lubuk Sengkawang, 109
Lubuk Turi, 107, 116

Maharaja Hong-wu, 18
Maharaja Yong-le, 19
Ma'iri (Mengiri), 59-61
Malik Akasan, 94, 116-19, 129
Malik ul-Mahmud, Sultan, 3, 9, 11, 14-16, 20, 24, 25, 32, 72, 73, 75, 76, 78-83, 85, 86
Malik ul-Mansur, Sultan, 3, 11, 15, 16, 24, 25, 72, 73, 75, 79, 83
Malik us-Salih, Sultan, xxviii, 2, 3, 5, 6, 11, 13-15, 18, 24, 25, 29-31, 35, 38, 61-64, 66-73
Malik ut-Tahir, Sultan, 2, 11, 14-19, 25, 71, 72
Malik uz-Zahir, xxix, 2, 3, 5, 6, 8-11, 14-19, 31, 32, 38, 72
Malik uz-Zahir Jamaluddin, 6, 7, 17, 18, 31
Mawaddah Besi, 78
Megat Iskandar, 24
Mekah, 59-62, 64

Menduka, 5, 130
Mengadu kerbau, 136, 138, 140
Mĕurah Gajah, 14, 28, 48-50
Mĕurah Hasum, 13, 14, 30, 37, 49, 51, 53
Mĕurah Silo, 13, 14, 24, 28-30, 35, 51, 53-62
Mideuen Panté, 92, 93, 97, 101, 102, 106-109, 112, 114
Muhammad, Raja, 13, 30, 41, 42, 48, 50
Muhammad Rasul Allah, 62, 64, 86
Muhammad, Sultan, 3, 6-8, 10, 18, 29, 35, 60, 61

Palembang, 18, 131
Pasai, xi, xii, xxiv, xxix, xxxi, xxxiv, 2-5, 9, 13-20, 24, 25, 27-37, 41, 72, 73, 75, 76, 78, 79, 81-86, 91, 92, 104, 106, 108, 112, 117-20, 122, 123, 125-28, 130-33
paseungan, xi
Patih Gajah Mada, 33, 133, 137, 138
Patih Ketemenggungan, 138, 139
Patih Suwatang, 137-40
Pulau Perca, 136, 137, 140
Pekereseng, 58
Pendekar Pulau Kukur, 94, 129
Periangan, 138, 140
Perlak, 1, 3, 4, 65, 66, 68, 69
Pertama Terjun, 58
Pramada'l Perumal, xxx, 5, 15-18, 20, 33-35, 79, 81
Prumeun Isep, 94, 95, 100, 101, 107, 115
Puteri Betung, 13, 14, 29, 41, 42, 48-50
Puteri Ganggang, 3, 11, 66-69
Puteri Gemerencing, 89, 121, 122

Raden Galuh Gĕmĕrĕncing, 122, 123, 125
Raja Barus, 59
Raja Siam, 75, 76
Ram Gandhi, 69

Samarlanga, 1, 14, 41, 51
Samudera, xxvii, 1, 2, 4-7, 14-16, 18-23, 25-27, 31, 32, 59-69, 71-73, 75, 81
Samudera Darussalam, 14, 31, 63, 64, 66, 68, 69, 72, 73, 81
San-fo-qi, 18
Sang Nata, 17, 122, 123, 127, 128, 131, 133-39, 141
Sayid 'Ali Ghiyathuddin, 64, 72, 73, 77, 81
Sayid Sama'imuddin, 15, 72, 73, 79, 80
Sekandar, xxix, 22-24, 37
Senapati Anglaga, 128, 133
Sialèe Kecil Pahat Putar, 107, 111, 112, 129
Siam menyerang samudera-Pasai, 20
Si Pasai, 35, 60, 71, 72
Suganla/Suganda, xxix, 23, 24
Sultan Ahmad Pramada'l-Perumal, 8, 9, 14, 17, 18, 33-35, 79, 81, 87, 90, 98
Sultan Malik al-Nasir, 58
Sultanah Nahrisyah, 20, 26
Sungai Pasangan/*Paseungan*, 7, 30, 65
Sultan Perlak, 66, 68, 69
Syekh Ismail, 60-65

Takiah Dara, 34, 37, 90, 115, 126
Talak Sajang, 76-78
Tanjung Ara, 112
Teger, 94, 95, 100, 101, 107, 115
Teluk Pasai, 76
Teluk Perlak, 66
Teluk Terli, 62, 91
Tulus Agung Tukang Sakar, 38
Tulus Agung Tukang Sukara [*sic*], 80-82, 84, 85, 90, 91, 106

Tun 'Abdul Jalil, 89, 106, 119, 121, 122, 125-27
Tun Beraim Bapa, 11, 34, 36, 89, 91, 93-95, 97-118, 126, 127
Tun Bijaya Pangliran, 94, 129
Tun Darma Dikara, 37, 96, 97, 100, 105
Tun Fatimah Lampu, 36, 104, 105
Tun Haria *Beuneung*, 59
Tun Harya Jong, 78
Tun Mudam Priya, 34, 90, 91, 115, 126
Tun Perpatih Pandak, 68, 69
Tun Rawan(g) Pumatang, 77, 78, 129
Tuan Seri Kaya, 64

Yusuf, 35, 36

Zainul 'Abidin, xxix, xxx, 7, 10, 11, 15, 18-28, 32, 37
Zeng He, 21-23
Zulaikha, xii, xxix, 35-37, 96-98, 100, 105, 125